

Perakaunan Dan Pelaporan  
Kewangan Islam Bagi Institusi  
Baitulmal, Zakat Dan Wakaf di  
Malaysia Fasa 4  
(Zon 2)

Disediakan Untuk

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

**30 April 2020**

**Volum 1, 2020**

**ISBN 978-967-0601-14-4**

Perakaunan dan Pelaporan  
Kewangan Islam Bagi Institusi  
Baitulmal, Zakat dan Wakaf Di  
Malaysia Fasa 4  
(Zon 2)

## ISI KANDUNGAN

SENARAI JADUAL .....	viii
SENARAI RAJAH.....	x
SENARAI RINGKASAN .....	xi
RINGKASAN EKSEKUTIF .....	xiii
PENGHARGAAN .....	xxii
Hak Cipta Terpelihara .....	xxiv
<b>BAB SATU PENGENALAN.....</b>	<b>1</b>
1.1 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2 Pernyataan Masalah .....	6
1.3 Persoalan Kajian .....	9
1.4 Objektif Kajian.....	9
1.5 Kepentingan Kajian.....	10
1.6 Skop Kajian.....	11
1.7 Struktur Laporan .....	12
<b>BAB DUA LATAR BELAKANG MAJLIS AGAMA ISLAM DI ZON 2 .....</b>	<b>13</b>
2.1 Pengenalan .....	13
2.2 Latar Belakang Institusi Zon 2.....	13
2.2.1 Institusi BZW Kedah .....	14
2.2.1.1 Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) .....	15
2.2.1.2 Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (LZNK) .....	17
2.2.2 Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).....	18
2.2.3 Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).....	20
2.2.4 Majlis Agama Islam & 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan (MAIPk) .....	23
2.2.5 Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) .....	25
2.3 Tanggungjawab Penyediaan Pelaporan Kewangan .....	27
2.4 Kesimpulan .....	28
<b>BAB TIGA SOROTAN KARYA .....</b>	<b>29</b>
3.1 Pengenalan .....	29
3.2 Pendedahan dalam Penyata Kewangan.....	29
3.2.1 Pendedahan Penuh.....	30
3.2.2 Transparensi / Ketelusan .....	31

3.2.3 Akauntabiliti Sosial .....	32
3.3 Penyata Kewangan Berasingan (MPSAS 34) .....	33
3.4 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan (MPSAS 14) .....	35
3.5 Pendedahan Pihak Berkaitan (MPSAS 20) .....	38
3.5.1 Pentingnya Pendedahan Pihak Berkaitan .....	38
3.5.2 Pendedahan .....	40
3.5.2.1 Pendedahan Kawalan .....	40
3.5.2.2 Pendedahan Transaksi Pihak Berkaitan .....	40
3.5.2.3 Pendedahan - Personel Pengurusan Utama.....	41
3.6 Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan (MPSAS 22)	42
3.7 Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan (MPSAS 24) .....	44
3.8 Penyata Kewangan Disatukan (MPSAS 35).....	49
3.9 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu Dan Usaha Sama (MPSAS 36) .....	51
3.10 Pengaturan Bersama (MPSAS 37) .....	55
3.11 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain (MPSAS 38) .....	57
3.12Kesimpulan .....	61
<b>BAB EMPAT KAEADAH PENYELIDIKAN .....</b>	<b>62</b>
4.1 Pengenalan .....	62
4.2 Reka bentuk Kajian.....	62
4.3 Lokasi Kajian .....	63
4.4 Kaedah Pengumpulan Data.....	63
4.4.1 Semakan Laporan Tahunan .....	64
4.4.2 Temu bual dengan Pegawai-pegawai MAIN.....	65
4.4.3 Perundingan Bersama Pakar.....	67
4.4.4 Semakan ke atas Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri, Peraturan dan Perundangan Sivil.....	69
4.4.5 Cadangan Membentuk Piawaian Perakaunan Islam.....	70
4.5 Kesimpulan .....	71
<b>BAB LIMA AMALAN SEMASA BAGI ELEMEN PENDEDAHAN MAKLUMAT DAN PERISTIWA LAIN DALAM PENYATA KEWANGAN.</b>	<b>72</b>
5.1 Pengenalan .....	72
5.2 Ringkasan Amalan Semasa.....	72
5.3 Penyata Kewangan Berasingan (MPSAS 34) .....	73

5.4 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan (MPSAS 14) .....	75
5.5 Pendedahan Pihak Berkaitan (MPSAS 20) .....	77
5.6 Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan Umum (MPSAS 22) 79	
5.7 Persembahan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan (MPSAS 24) .....	80
5.8 Penyata Kewangan Disatukan (MPSAS 35).....	82
5.8.1 Prosedur Penyatuan .....	83
5.8.2 Pembentangan.....	84
5.8.3 Pendedahan.....	85
5.9 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu Dan Usaha Sama (MPSAS 36) .....	87
5.9.1 Pengiktirafan dan Pengukuran.....	87
5.9.2 Pendedahan.....	88
5.10Pengaturan Bersama (MPSAS 37).....	89
5.11Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain (MPSAS 38) .....	90
5.12Kesimpulan .....	92
<b>BAB ENAM KEPERLUAN SYARIAH DAN PENGUKUHAN KERANGKA KERJA KONSEPTUAL.....</b>	<b>94</b>
6.1 Pengenalan .....	94
6.2 Keperluan Syariah Berkaitan Pendedahan Maklumat Kewangan .....	94
6.3 Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam.....	96
6.4 Kerangka Kerja Syariah bagi Pendedahan Maklumat Kewangan .....	97
6.4.1 Penyataan Pematuhan Syariah.....	98
6.4.2 Tanggungjawab MAIN Terhadap Baitulmal, Zakat Dan Wakaf .....	99
6.4.3 Peranan Ahli Majlis/Penasihat Syariah MAIN.....	101
6.4.4 Akauntabiliti Sosial .....	101
6.4.5 Pendedahan Penuh.....	103
6.4.6 Berguna dalam Membuat Keputusan .....	104
6.5 Kesimpulan .....	110
<b>BAB TUJUH BATASAN PERUNDANGAN.....</b>	<b>111</b>
7.1 Pengenalan .....	111
7.2 Perlembagaan Persekutuan, Enakmen dan Ordinan .....	111
7.3 Penubuhan Perbadanan .....	116
7.4 Penubuhan Syarikat .....	118

7.5 Penyediaan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan.....	120
7.6 Pengurusan Baitulmal, Zakat dan Wakaf.....	122
7.7 Penzahiran Kepentingan .....	124
7.8 Kesimpulan .....	126
<b>BAB LAPAN CADANGAN PEMBANGUNAN PIAWAIAN ISLAM .....</b>	<b>127</b>
8.1 Pengenalan .....	127
8.2 Penyata Kewangan Berasingan (MPSAS 34) .....	128
8.2.1 Definisi Penyata Kewangan Berasingan.....	128
8.2.2 Cadangan Pindaan .....	129
8.3 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan (MPSAS 14) .....	131
8.3.1 Definisi Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan.....	131
8.3.2 Cadangan Pindaan .....	132
8.4 Pendedahan Pihak Berkaitan (MPSAS 20) .....	139
8.5 Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan (MPSAS 22)	
144	
8.6 Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan (MPSAS 24) .....	150
8.7 Penyata Kewangan Disatukan (MPSAS 35).....	161
8.7.1 Keperluan Penyediaan Penyata Kewangan Disatukan .....	162
8.7.2 Lain-lain Isu dan Cadangan Berkaitan dengan Penyata Kewangan Disatukan .....	163
8.8 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu Dan Usaha Sama (MPSAS 36) .....	174
8.8.1 Definisi Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama .....	174
8.8.2 Cadangan Pindaan .....	175
8.9 Pengaturan Bersama (MPSAS 37).....	180
8.9.1 Definisi Pengaturan Bersama .....	181
8.9.2 Cadangan Pindaan .....	181
8.10 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain (MPSAS 38).....	183
8.11 Kesimpulan .....	189
<b>BAB SEMBILAN RUMUSAN, KEKANGAN KAJIAN DAN CADANGAN KAJIAN MASA DEPAN.....</b>	<b>190</b>
9.1 Pengenalan .....	190
9.2 Dapatan Kajian.....	190
9.2.1 Amalan Semasa Pelaporan Pendedahan .....	190

9.2.2 Keperluan Syariah dan Kerangka Kerja Perakaunan Islam (KKPI).....	193
9.2.3 Batasan Perundangan.....	193
9.2.4 Cadangan maklumat pendedahan .....	195
9.3 Implikasi Kajian.....	196
9.3.1 Implikasi ke atas Teori .....	196
9.3.2 Implikasi ke atas Praktis .....	197
9.4 Kekangan Kajian.....	198
9.5 Cadangan Kajian Masa Depan.....	200
<b>RUJUKAN .....</b>	<b>202</b>
<b>SENARAI AKTA/ENAKMEN/ORDINAN .....</b>	<b>207</b>
<b>LAMPIRAN.....</b>	<b>208</b>

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 1.1 Senarai MPSAS Mengikut Fasa.....	5
Jadual 1.2 Senarai Universiti Penyelidik dan Pembahagian Negeri Mengikut Zon ....	6
Jadual 2.1: Latar Belakang Institusi Zon 2.....	13
Jadual 2.2: Latar Belakang Operasi Perakaunan.....	14
Jadual 3.1: Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri berkaitan Bajet .....	45
Jadual 4.1 Senarai Responden dan Temu Janji untuk Sesi Temu Bual .....	66
Jadual 4.2 Senarai Pakar dan Sesi Perundingan.....	68
Jadual 5.1 Kewujudan Transaksi/ Pendedahan Mengikut MPSAS .....	72
Jadual 5.2 Pendedahan berkaitan penyata kewangan berasingan .....	74
Jadual 5.3: Pendedahan berkaitan peristiwa selepas tarikh pelaporan .....	76
Jadual 5.4 Pendedahan mengenai Pihak Berkaitan .....	78
Jadual 5.5 Pendedahan Pihak Berkaitan oleh MAIK dan MAIPs.....	79
Jadual 5.6 Pendedahan maklumat belanjawan oleh MAIK .....	82
Jadual 5.7 Prosedur Penyatuan.....	84
Jadual 5.9 Pendedahan dalam Nota kepada Akaun.....	86
Jadual 5.10 Pengiktirafan dan Pengukuran Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama MAIN .....	88
Jadual 5.11 Pengukuran Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu TBS Kumpulan Wang .....	88
Jadual 5.12 Ringkasan Pendedahan Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu .....	89
Jadual 5.13 Pendedahan kepentingan di dalam entiti lain.....	91
Jadual 7.1 Negeri dan Enakmen/Ordinan.....	115
Jadual 7.2 Peruntukan Berkaitan Dengan Penyediaan Anggaran Pendapatan Dan Perbelanjaan .....	121
Jadual 7.3 Kaedah Pengurusan Wang dan Harta Baitulmal.....	122
Jadual 8.1 Penyata Kewangan Berasingan (MPSAS 34) .....	129
Jadual 8.2 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan (MPSAS 14) .....	132
Jadual 8.3(a) Isu dan Cadangan Berhubung MPSAS 20 (Mengikut Perenggan) ....	142
Jadual 8.3(b) Isu dan Cadangan Berhubung Panduan Pelaksanaan MPSAS 20 ....	143
Jadual 8.4(a) Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan (MPSAS 22) .....	144

Jadual 8.4 (b) Panduan Pelaksanaan Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan (MPSAS 22).....	149
Jadual 8.5 Isu-isu dan cadangan serta amalan semasa dan keperluan syariah .....	152
Jadual 8.6 Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan (MPSAS 24) .....	153
Jadual 8.7 Isu dan Cadangan Berhubung Penyata Kewangan Disatukan (MPSAS 35) .....	165
Jadual 8.8(a) Cadangan pindaan kepada MPSAS 35 Penyata Kewangan Disatukan .....	166
Jadual 8.8(b) Cadangan pindaan kepada MPSAS 35 Penyata Kewangan Disatukan – Garis Panduan Aplikasi ( <i>AG</i> ).....	170
Jadual 8.8(c) Cadangan pindaan kepada MPSAS 35 Penyata Kewangan Disatukan – Contoh Ilustrasi ( <i>IE</i> ).....	172
Jadual 8.9 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu Dan Usaha Sama (MPSAS 36)..	175
Jadual 8.10 Pengaturan Bersama (MPSAS 37).....	181
Jadual 8.11(a) Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain (MPSAS 38).....	183
Jadual 8.11(b) Panduan Aplikasi Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain (MPSAS 38) .....	188

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 2.1 Struktur Organisasi Majlis Agama Islam Negeri Kedah .....	16
Rajah 2.2 Struktur Organisasi Lembaga Zakat Negeri Kedah .....	17
Rajah 2.3 Struktur Organisasi Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis..	20
Rajah 2.4 Struktur Organisasi Majlis Agama Negeri Pulau Pinang .....	23
Rajah 2.5 Struktur Organisasi Majlis Agama Islam & ‘Adat Melayu Perak.....	25
Rajah 2.6 Struktur Organisasi Tabung Baitulmal Sarawak .....	27
Rajah 6.1 Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam Fasa 4 .....	97

## **SENARAI RINGKASAN**

<b>Ringkasan</b>	<b>Keterangan</b>
AAOIFI	Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions
ASUZ	As-Sabah Urus Zakat Sdn. Bhd.
ATAM	Akademi Transformasi Asnaf MAIPs Sdn. Bhd.
BNM	Bank Negara Malaysia
BZW	Baitulmal, zakat, wakaf
GBE	Government Business Enterprises
GGS	General Government Sector
IASB	International Accounting Standards Board
IPSAS	International Public Sector Accounting Standard
IFAC	International Federation of Accountant
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
KDA	Kedah Darul Aman
KDYMM	Ke bawah Duli Yang Maha Mulia
KITAB	Kolej Islam Teknologi Antarabangsa
KKPI	Kerangka Konseptual Perakaunan Islam
KUIPs	Kolej Universiti Islam Perlis
KW	Kumpulan Wang
LBS	Lubitrade Sdn. Bhd.
LZNK	Lembaga Zakat Negeri Kedah
MAIK	Majlis Agama Islam Kedah
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAINPP	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
MAIPk	Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak
MAIPs	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis
MASB	Malaysian Accounting Standards Board
MFRS	Malaysian Financial Reporting Standards
MIS	Majlis Islam Sarawak

<b>MPERS</b>	Malaysian Private Entities Reporting Standards
<b>MPSAS</b>	Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (Malaysian Public Sector Accounting Standards)
<b>PFC</b>	Public Financial Corporations
<b>PISB</b>	Pengurusan Izzah Sdn. Bhd.
<b>PKEINPK</b>	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak
<b>PNFC</b>	Public Non-Financial Corporations
<b>PUZ</b>	Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang
<b>SFA 1</b>	Statement of Financial Accounting No. 1 Conceptual Framework for Financial Reporting by Islamic Financial Institutions
<b>TBS</b>	Tabung Baitulmal Sarawak
<b>UIAM</b>	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
<b>UKM</b>	Universiti Kebangsaan Malaysia
<b>UTSB</b>	Syarikat Usaha Tarbiah (Pulau Pinang) Sdn. Bhd.
<b>UUM</b>	Universiti Utara Malaysia
<b>ZPP</b>	Zakat Pulau Pinang

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perakaunan dan pelaporan kewangan adalah penting bagi menterjemahkan tanggungjawab serta akauntabiliti sesebuah entiti, sama ada ia adalah entiti perniagaan atau kerajaan. Oleh itu, piawaian perakaunan merupakan mekanisme penting yang perlu diwujudkan supaya dapat dijadikan panduan kepada entiti dalam merekod dan melaporkan keputusan kewangan. Di Malaysia, entiti kerajaan perlu menggunakan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (*Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)*) yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dalam mengakaun dan melaporkan urus niaga kewangan mereka. Ini termasuklah Majlis Agama Islam Negeri serta Lembaga Zakat (yang selepas ini semuanya dirujuk sebagai MAIN) yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus dana baitulmal, zakat dan wakaf di Malaysia. Namun, disebabkan operasi MAIN yang unik dan berlandaskan hukum syarak, JANM merasakan adalah satu keperluan untuk mewujudkan piawaian perakaunan yang khusus bagi MAIN, yang dikenali sebagai Piawaian Perakaunan Islam (PPI).

Untuk tujuan itu, JANM dengan kerjasama pensyarah-pensyarah daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah menjalankan penyelidikan bagi membangunkan PPI, bermula dari tahun 2016. Kajian ini merupakan kajian Fasa Keempat bagi projek tersebut. Di dalam Fasa 1, 2 dan 3, tumpuan telah diberikan kepada pembentukan kerangka kerja perakaunan Islam, serta cadangan kepada pembentukan piawai berhubung dengan aset, liabiliti, hasil dan belanja. Keseluruhannya sebanyak 22 piawaian MPSAS telah dikaji dalam Fasa 1 hingga 3.

Kajian Fasa 4 pula menumpukan kepada elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain di dalam penyata kewangan serta urus niaga unik di MAIN, di samping meneruskan usaha bagi memantapkan rangka kerja konseptual Pelaporan Kewangan Islam yang telah dibangunkan di dalam Fasa 1, 2 dan 3. Laporan ini adalah khusus bagi kajian Fasa 4 yang dijalankan oleh penyelidik daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) ke atas enam buah institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (BZW) di lima negeri

iaitu di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak (dikenali sebagai Zon 2 untuk tujuan kajian ini).

Kajian ini dijalankan bagi mencapai empat objektif berikut:

- (1) Memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau institusi-institusi yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)
- (2) Mengenal pasti keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) dalam perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf.
- (3) Mengenal pasti batasan perundangan yang relevan dengan perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh MAIN dalam melaksanakan Piawaian Perakaunan Islam yang seragam bagi institusi BZW.
- (4) Mencadangkan maklumat berkaitan pengiktirafan, pengukuran dan prinsip pendedahan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta keperluan piawaian lain bagi urus niaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh MAIN sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan yang memenuhi keperluan syariah dan perundangan sivil bagi institusi-institusi BZW.
- (5) Mencadangkan pelaksanaan perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam bagi Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf di Malaysia.

Objektif kajian ke 5 memerlukan penelitian dibuat ke atas perbincangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh penyelidik terdahulu di dalam kajian Fasa 1 hingga Fasa 3 sebelum cadangan pelaksanaan perakaunan dan pelaporan kewangan Islam dapat dibuat. Input-input daripada kajian fasa terdahulu diperlukan untuk tujuan ini. Oleh yang demikian laporan kajian Fasa 4 ini hanya melaporkan dapatan kajian sehingga

Objektif 4 sahaja. Laporan berkaitan dengan Objektif 5 akan dibuat secara berasingan daripada laporan Fasa 4 ini.

Kajian ini diharapkan dapat membantu JANM dalam membentuk rangka kerja perakaunan Islam dan menggubal piawaian perakaunan yang dapat diterima pakai oleh institusi BZW. Kajian ini juga dapat membantu meningkatkan kepercayaan pihak berkepentingan terhadap ketelusan dan akauntabiliti institusi BZW dalam pengurusan sumber ekonomi Islam.

Kajian ini dilaksanakan ke atas enam buah institusi BZW di Zon 2, iaitu Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Majlis Agama Islam Kedah (MAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk), dan Tabung Baitulmal Sarawak (TBS). Kutipan data dijalankan melalui sesi temu bual dengan pegawai-pegawai MAIN yang terlibat secara langsung di dalam penyediaan akaun dan laporan kewangan. Sebagai tambahan, bahan-bahan rujukan lain yang berkaitan juga diteliti. Bagi melihat amalan semasa perakaunan yang diamalkan di MAIN, laporan tahunan yang dikeluarkan bagi tahun 2017 dijadikan sebagai asas. Piawaian MPSAS dijadikan sebagai asas kajian bagi memastikan tidak ada elemen piawaian yang tertinggal di dalam membentuk piawaian perakaunan Islam. Dalam fasa ini sebanyak sembilan MPSAS dikaji. MPSAS tersebut adalah Penyata Kewangan Berasingan (MPSAS 34), Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan (MPSAS 14), Pendedahan Pihak Berkaitan (MPSAS 20), Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan (MPSAS 22), Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan (MPSAS 24), Penyata Kewangan Disatukan (MPSAS 35), Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu & Usaha Sama (MPSAS 36), Pengaturan Bersama (MPSAS 37) dan Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain (MPSAS 38). Seterusnya, cadangan pembangunan kerangka kerja konseptual yang menepati kehendak syariah dibuat setelah penelitian dibuat ke atas kajian-kajian terdahulu, buku, kitab agama dan jurnal dalam bidang berkaitan. Pandangan daripada beberapa orang pakar yang mahir dalam bidang kewangan Islam juga diambil kira di dalam membangunkan kerangka kerja dan piawaian perakaunan Islam.

Objektif pertama kajian ini adalah untuk memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan BZW oleh MAIN (atau institusi-institusi yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri). Pada peringkat ini, kajian hanya menumpukan kepada apakah amalan semasa perakaunan yang diterima pakai di MAIN tanpa mengemukakan hujah mengenai kesesuaian amalan berkenaan. Bagi tahun 2017, MAIK menerima pakai MPSAS kecuali MPSAS 16. Begitu juga dengan LZNK yang turut menggunakan piawaian MPSAS. MAIPk pula hanya menerima pakai MPSAS 1, selebihnya masih menggunakan MPERS. Sementara itu MAIPs, MAINPP dan TBS masih menggunakan MPERS. Penggunaan piawaian atau garis panduan perakaunan yang berbeza-beza di antara MAIN ini dilihat antara faktor yang menyumbang kepada ketidakselarasan amalan perakaunan dan pelaporan kewangan institusi-institusi terlibat. Keadaan ini ditambah dengan garis panduan perakaunan yang terhad berkaitan dengan pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan institusi BZW menyebabkan kriteria kualitatif laporan kewangan MAIN seperti kebolehbandingan agak terbatas atau terjejas. Selain daripada itu, dapatan kajian menunjukkan peruntukan undang-undang yang ada, terutamanya Enakmen dan/atau Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri, yang mempunyai peruntukan dan tahap penerangan yang berbeza turut menyebabkan ketidakselarasan amalan perakaunan di kalangan MAIN.

Dari segi pendedahan maklumat kewangan, kajian ini mendapati kebanyakan elemen yang dinyatakan dalam MPSAS telah diamalkan di semua MAIN, namun tahap pemakaianya adalah berbeza. MAIN yang mempunyai anak syarikat atau entiti yang dikawal sememangnya telah menyediakan penyata kewangan berasingan sebagai tambahan kepada penyata kewangan yang disatukan seperti mana yang terdapat dalam MPSAS 34. Hampir semua MAIN telah mendedahkan maklumat yang diperlukan berkaitan penyata kewangan berasingan. Begitu juga, jika terdapat peristiwa selepas tarikh pelaporan, ianya akan dilaporkan (MPSAS 14). Walau bagaimanapun hasil dapatan kajian mendapati semua peristiwa selepas tarikh pelaporan yang dilaporkan lebih berbentuk kepada peristiwa yang tidak memerlukan pelarasan kepada akaun yang telah disediakan. Institusi MAIN di Zon 2 juga menyediakan penyata kewangan yang disatukan yang mengambil kira anak syarikat dan syarikat bersekutu selaras dengan piawaian yang terdapat dalam MPSAS 35 dan 36. Struktur organisasi MAIN

di Zon 2 tidak begitu kompleks kerana kebanyakannya hanya memiliki entiti yang dikawal dalam bentuk anak syarikat milikan 100%. Bagi syarikat bersekutu pula, hanya TBS sahaja yang memiliki entiti sedemikian. Kesemua MAIN di Zon 2 tidak memiliki entiti yang berbentuk usaha sama atau pengaturan bersama. Ini bermakna tidak ada entiti MAIN di Zon 2 yang mengamalkan MPSAS 36 yang berkaitan dengan usaha sama dan MPSAS 37. Seterusnya, MAIN juga menyediakan laporan mengenai kepentingan di dalam entiti lain yang mana MAIN mempunyai kepentingan terhadapnya (MPSAS 38). Walau bagaimanapun kesemua kepentingan yang ada adalah dalam bentuk pegangan ekuiti sahaja.

Sementara itu, pendedahan tentang pihak berkaitan yang dilaporkan adalah terlalu minimum. Kajian menunjukkan hanya MAIK dan MAIPs sahaja yang melaporkan maklumat tentang pihak berkaitan. Walau bagaimanapun pendedahan tersebut hanya merujuk kepada ganjaran yang diterima oleh personel pengurusan utama. Lain-lain MAIN tidak mendedahkannya. LZNK adalah satu-satunya entiti yang mempunyai peruntukan khusus di dalam Enakmen berkaitan dengan penzahiran kepentingan pihak berkepentingan tetapi perkara tersebut tidak terdapat di dalam laporan tahunan mereka. Seterusnya, kajian ini juga mendapati pendedahan maklumat belanjawan (anggaran pendapatan dan perbelanjaan) dalam penyata kewangan hanya diamalkan oleh MAIK seperti yang digariskan dalam MPSAS 24. Lain-lain MAIN tidak mendedahkannya. Jika mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri, terdapat negeri-negeri yang menyatakan bahawa anggaran pendapatan dan perbelanjaan perlu diwartakan. Namun demikian definisi warta di sini juga tidak jelas sama ada untuk pihak pengurusan sahaja atau boleh didedahkan kepada umum. Pendedahan berkaitan dengan maklumat kewangan tentang sektor am kerajaan juga tidak ditemui di kesemua MAIN yang dikaji. Hal ini mungkin disebabkan oleh, semua institusi MAIN di Zon 2 tidak mempunyai entiti yang memenuhi definisi dan ciri-ciri sektor kerajaan seperti yang digariskan dalam MPSAS 22.

Secara umumnya, dapatan kajian Objektif pertama menunjukkan usaha untuk menambah baik amalan perakaunan dan pelaporan kewangan MAIN amatlah diperlukan untuk meningkatkan kualiti perakaunan dan pelaporan kewangan seperti daripada aspek ketekalan, kebolehbandingan, kerelevanan, dan juga kebolehpercayaan

(*reliability*). Kajian Fasa 4 ini memasukkan elemen akauntabiliti sosial sebagai salah satu elemen yang perlu ada di dalam pelaporan kewangan.

Objektif kedua kajian ini adalah untuk mengenal pasti keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) dalam perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan BZW. Kajian Fasa 4 ini merupakan kesinambungan kepada kajian Fasa 3. Kerangka kerja konseptual yang telah di cadangkan dalam Fasa 3 dibuat penambahbaikan. Berdasarkan beberapa siri rundingan bersama para pakar syariah dan muamalat terdapat beberapa penambahbaikan yang telah dibuat terhadap KKPI yang telah dibangunkan dalam Fasa 1, 2 dan 3 kajian. Penambahbaikan yang dibuat dalam Fasa 4 adalah berkaitan dengan aspek pendedahan maklumat kewangan. Keperluan pendedahan maklumat kewangan perlu melihat kepada enam aspek utama iaitu Penyataan Pematuhan Syariah, Tanggungjawab MAIN Terhadap BZW, Peranan Ahli Majlis/Penasihat Syariah MAIN, Akauntabiliti Sosial, Pendedahan Penuh dan Berguna dalam Membuat Keputusan. Aspek-aspek ini bolehlah didedahkan di dalam Nota kepada Penyata Kewangan di bahagian Maklumat Am. Di dalam menentukan keperluan untuk mendedahkan sesuatu maklumat di dalam laporan kewangan tahap hierarki keperluan pendedahan tersebut mestilah berpandukan kepada aspek *daruriyyah, hajiyyah atau tafsiniyyah*.

Objektif ketiga kajian ini adalah untuk mengenal pasti batasan perundangan yang relevan dengan perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan BZW oleh MAIN dalam melaksanakan Piawaian Perakaunan Islam yang seragam bagi institusi BZW. Untuk tujuan ini undang-undang dan peraturan berkaitan dengan kewangan yang terdapat di Malaysia diteliti termasuklah Perlembagaan Persekutuan, Akta Badan Berkanun: Akaun dan Laporan Tahunan 1980 (Akta 240) serta semua Enakmen dan Ordinan yang terdapat di semua MAIN Zon 2. Terdapat MAIN yang menerima pakai Akta 240, ada entiti yang mempunyai Enakmen tersendiri dan ada yang tidak menyebut tentang pemakaian Akta 240 ini secara langsung. Kajian ini melihat kepada peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam dokumen-dokumen ini, mengkaji persamaan dan perbezaan yang ada, apakah had dan kuasa yang ada pada

MAIN, seterusnya membandingkan dengan piawaian MPSAS yang dikaji. Penggunaan piawaian juga berbeza-beza kerana terdapat MAIN yang menggunakan MPSAS secara keseluruhan, ada yang mengambil sebahagian sahaja piawaian MPSAS dan ada yang masih menggunakan MPERS. Secara umumnya, peruntukan di dalam MPSAS yang sedia ada kebanyakannya telah diamalkan oleh MAIN tetapi tahap pemakaianya adalah berbeza. Terdapat beberapa amalan yang berbeza di kalangan MAIN seperti pendedahan maklumat belanjawan dan penzahiran pihak berkepentingan. Bagi menjamin keseragaman pelaporan, adalah dicadangkan supaya negeri-negeri membuat pindaan terhadap enakmen atau ordinan masing-masing bagi mengurangkan kekeliruan, menjamin ketelusan dan kebolehbandingan laporan yang dikeluarkan.

Objektif keempat kajian adalah untuk mencadangkan maklumat berkaitan pengiktirafan, pengukuran dan prinsip pendedahan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta keperluan piawaian lain bagi urus niaga unik berkaitan BZW oleh MAIN sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan yang memenuhi keperluan syariah dan perundangan sivil bagi institusi-institusi BZW. Secara amnya, kebanyakan piawaian MPSAS boleh digunakan oleh MAIN dengan membuat beberapa pindaan dan penambahbaikan. Di dalam menyatakan cadangan atau pindaan bagi setiap MPSAS, penyelidik telah mengekalkan mana-mana peruntukan di dalam MPSAS yang tidak bercanggah dengan keperluan syariah dan mana-mana peruntukan yang tidak sesuai atau tidak berkenaan dengan institusi MAIN, sama ada ditambahbaik, dipinda atau dikeluarkan. Sekiranya terdapat keperluan syariah dan urus niaga atau aktiviti berkaitan MAIN yang tidak terdapat dalam MPSAS yang berkaitan, peruntukan mengenainya akan ditambah kepada MPSAS tersebut. Seterusnya, penyelidik meminda atau mengeluarkan mana-mana peruntukan dalam piawaian MPSAS yang bercanggah dengan keperluan syariah. Akhir sekali, mana-mana peruntukan dalam MPSAS yang tidak relevan dengan aktiviti institusi BZW akan dikeluarkan.

Antara perubahan yang dicadangkan adalah pertamanya, memasukkan beberapa perubahan atau pindaan ke atas skop piawaian, tafsiran bagi istilah-istilah penting, penyeragaman penggunaan istilah, pendedahan maklumat di dalam penyata

kewangan, dan penggunaan contoh urus niaga yang bersesuaian dengan operasi MAIN.

Keduanya, penyelidik juga mencadangkan supaya mana-mana elemen penting yang tidak terdapat di dalam enakmen sebelum ini tetapi penting untuk didedahkan dimasukkan di dalam enakmen atau ordinan negeri masing-masing. Sebagai contoh, maklumat berkaitan dengan penzahiran kepentingan pihak-pihak yang berkaitan dengan MAIN perlu dimasukkan di dalam laporan kewangan tahunan bagi menjamin ketelusan dan akauntabiliti sosial terlaksana.

Ketiga, untuk item-item berkaitan dengan kaedah penilaian atau pendedahan yang berbentuk pilihan, penyelidik mencadangkan supaya perkara tersebut diputuskan di peringkat pengurusan MAIN. Pilihan ini meliputi kaedah pengiktirafan sesuatu item atau pilihan untuk mendedahkan atau tidak maklumat berkenaan. Sebagai contoh, kaedah menilai pelaburan dalam syarikat bersekutu sama ada menggunakan kaedah kos atau ekuiti. MAIN boleh menentukan kaedah yang bersesuaian dengan urus niaga dan keupayaan MAIN itu sendiri. Begitu juga dengan pilihan untuk mendedahkan maklumat belanjawan kepada umum atau tidak. Jika pendedahan maklumat ini diputuskan penting untuk didedahkan, maka MAIN bolehlah berbuat demikian. Sebaliknya jika pendedahan ini boleh menambah beban MAIN atau terdapat maklumat yang tidak sepatutnya didedahkan, pihak pengurusan boleh memutuskan untuk tidak mendedahkannya.

Kajian ini adalah penting kerana ia memberikan cadangan dalam pembentukan kerangka kerja perakaunan Islam dan pengubahsuaian kepada piawaian MPSAS yang sedia ada yang boleh digunakan oleh penggubal piawaian perakaunan untuk MAIN di seluruh Malaysia. Selama ini pelaporan kewangan MAIN menerima pakai piawaian perakaunan konvensional yang sedia ada seperti MPERS, PERS dan MPSAS. Sehingga kini tidak ada piawaian berteraskan Islam yang tersedia yang boleh dijadikan panduan kepada MAIN di dalam menyediakan laporan kewangan tahunan mereka. Kewujudan piawaian “*Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI)*” adalah khusus untuk kegunaan institusi kewangan dan tidak sesuai digunakan oleh MAIN kerana persekitaran operasi yang berbeza. Kewujudan piawaian yang seragam dan bersesuaian dengan aktiviti MAIN membolehkan laporan

kewangan kesemua MAIN memberi gambaran yang lebih realistik tentang kedudukan kewangan MAIN dan seterusnya boleh dibuat perbandingan di antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, penyelidik memahami mengenai bidang kuasa MAIN yang terletak di negeri masing-masing. Piawaian yang dicadangkan ini bertujuan untuk menyediakan satu garis panduan umum kepada kesemua MAIN, dan sekiranya terdapat mana-mana cadangan yang dikemukakan tidak bersesuaian (contoh: amalan berkaitan fatwa negeri-negeri tertentu), penyelidik menyarankan agar perkara tersebut dinyatakan di dalam nota kepada akaun. Akhirnya, kewujudan piawaian perakaunan Islam yang diusahakan oleh JANM untuk kegunaan institusi BZW di Malaysia boleh diperkembangkan kepada negara-negara Islam yang lain. Jika ini berjaya dilaksanakan, institusi BZW di Malaysia akan dikenali sebagai pusat rujukan kepada piawaian perakaunan Islam.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat kami menyempurnakan laporan penyelidikan Fasa 4 ini. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada pengurusan atasan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) serta pegawai-pegawai di Institut Perakaunan Negara (IPN) dan para penggubal piawaian yang telah memberi sokongan dan kepercayaan penuh kepada pihak kami sepanjang menjalankan projek penyelidikan ini, terutamanya Dr. D.Joyce Christina Dharmaraj selaku Timbalan Pengarah Pusat Pembangunan Profesional, Institut Perakaunan Negara (IPN). Seterusnya ucapan terima kasih kami ucapkan kepada pihak pengurusan Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad selaku Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UUM, Prof Madya Dr. Rose Shamsiah Shamsudin selaku Dekan Pusat Pengajian Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA) UUM dan Prof. Dr. Nor Aziah Abdul Manaf selaku Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) kerana memberi dorongan dan sokongan kepada kami dalam menjayakan kajian ini.

Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada pegawai-pegawai di Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak, Tabung Baitulmal Sarawak, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan entiti-entiti di bawah Majlis Agama Islam Negeri yang memberi kerjasama penuh kepada kami di dalam mendapatkan input penyelidikan. Terima kasih juga kepada pakar-pakar rujuk syariah, perakaunan dan perundangan, Prof. Dr Zulkarnain Muhamad Sori, Prof Dr. Asmadi Mohd Naim, Dr Mohd Zakhiri Md. Nor dan En. Faisol Elham di atas kesudian mereka berkongsi pengalaman dan pengetahuan mereka. Tidak ketinggalan juga kepada ahli kumpulan penyelidik Fasa 1, 2 dan 3 atas input yang diberikan dan juga staf RIMC, IPN dan JANM di atas segala bantuan dan sokongan di dalam menjayakan penyelidikan ini.

Akhirnya, terima kasih juga kepada semua ahli penyelidik serta Puan Hanim Elias dan Puan Juwairiah Mohamad yang telah memberi komitmen penuh bagi menyiapkan projek penyelidikan ini. Sebagai penutup semoga maklumat yang disalurkan melalui laporan ini dapat membantu JANM dan pihak yang berkepentingan lain dalam membuat keputusan berkaitan dengan pembangunan polisi dan piawaian perakaunan patuh syariah bagi memartabatkan fungsi institusi BZW di Malaysia.

**Ikhlas Daripada**  
**Pengarah Projek Penyelidikan**  
Bahagian Pembangunan Perakaunan  
dan Pengurusan JANM

**Pengurus Projek Penyelidikan**  
Institut Perakaunan Negara JANM



**Kumpulan Penyelidikan**



Prof. Madya Dr. Chek Bin Derashid (**Ketua Penyelidik**)

Prof. Dr. Ku Nor Izah Binti Ku Ismail

Dr. Muhammad Syahir Bin Abd. Wahab

Dr. Fathiyyah Binti Abu Bakar

Dr. Norfaiezah Binti Sawandi

Dr. Hasnah Binti Shaari

## **Hak Cipta Terpelihara**

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan universiti-universiti yang terlibat dengan projek penyelidikan ini terlebih dahulu.

## **Penafian**

Penyelidik bertanggungjawab terhadap ketepatan semua pandangan, komen, laporan fakta, data, angka, ilustrasi dan lakaran grafik di dalam laporan ini, dan untuk memeriksa sama ada bahan yang dihantar adalah tertakluk kepada hak cipta atau hak milik. Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia tidak menerima apa-apa liabiliti bagi ketepatan apa-apa komen, laporan, maklumat teknikal dan fakta serta tuntutan terhadap hak cipta atau hak milik.

## **BAB SATU**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Laporan kewangan merupakan salah satu media komunikasi yang penting bagi menyampaikan maklumat berguna sesebuah entiti, sama ada di sektor swasta atau kerajaan, kepada pelbagai pemegang taruh dalam membuat keputusan. Bagi memastikan maklumat yang disampaikan adalah berguna, maklumat tersebut haruslah relevan dan boleh dipercayai. Selain daripada itu, maklumat yang dipersembahkan harus mempunyai ciri-ciri kebolehbandingan. Susulan itu, piawaian perakaunan telah digubal oleh badan-badan penggubal piawaian di serata dunia bagi memberi garis panduan kepada entiti agar maklumat yang disampaikan memenuhi ciri-ciri kualiti yang ditetapkan. Penggunaan piawaian perakaunan yang bersesuaian adalah perlu kerana pelaporan kewangan memainkan peranan penting bagi menggambarkan akauntabiliti, ketelusan, dan kebolehgunaan maklumat dalam sesebuah entiti, sama ada di sektor awam mahupun swasta. Syarikat di Malaysia misalnya menggunakan piawaian yang dikeluarkan oleh *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB), iaitu sama ada *Malaysian Private Entities Reporting Standards* (MPERS), atau *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS), sebagai panduan dalam penyediaan laporan kewangan.

Bagi institusi di bawah sektor awam pula, Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (*Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)) telah dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara berdasarkan *Ministerial Functions Act 1969 [Act 2]*. Ia digubal berdasarkan kepada *International Public Sector Accounting Standard* (IPSAS) yang dikeluarkan oleh *International Federation of Accountant* (IFAC). Mulai tahun 2020, badan berkanun yang terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan organisasi sektor awam yang lain selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (*Government Business Enterprises* (GBE)) perlu mengguna pakai MPSAS. Namun pemakaian awal adalah digalakkan. Terdapat 32 MPSAS yang telah dikeluarkan dan diterima pakai oleh JANM sehingga kini. MPSAS mengandungi tatacara pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan terhadap isu-isu

spesifik sektor awam yang tidak terdapat dalam mana-mana piawaian perakaunan yang diterbitkan oleh MASB. Buat masa ini banyak badan berkanun bergantung kepada piawaian yang dikeluarkan oleh MASB yang memberi fokus kepada entiti perniagaan. Oleh itu, pengguna penyata kewangan terpaksa membuat tafsiran yang berbeza ke atas penyata kewangan setiap badan kerajaan, bergantung kepada piawaian perakaunan yang diguna pakai. Dengan adanya MPSAS, pemakaian piawaian perakaunan akan menjadi seragam dan akan memudahkan pemegang taruh membuat perbandingan maklumat kewangan antara badan berkanun berkaitan (JANM, 2018).

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta Lembaga Zakat (bagi beberapa negeri) yang merupakan institusi sektor awam atau badan berkanun juga tertakluk kepada pemakaian MPSAS. Institusi BZW ini merupakan badan berkanun yang penting kerana ia merupakan penyumbang yang besar kepada ekonomi negara. Institusi yang ditubuhkan di setiap negeri di Malaysia ini diberi tanggung jawab untuk mengurus kutipan dan pengagihan zakat, mengurus wang baitulmal serta harta wakaf di negeri masing-masing. Bagi tujuan kajian dan laporan ini, penyelidik menggunakan istilah institusi BZW atau MAIN bagi merujuk kepada semua MAIN dan Lembaga Zakat, khususnya Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK).

Secara umumnya, baitulmal adalah terdiri daripada semua wang dan harta alih atau tak alih yang menurut hukum syarak disumbangkan oleh mana-mana orang kepada Baitulmal. Namun istilah baitulmal yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada dana selain wakaf dan zakat yang dikendalikan oleh MAIN. Ini termasuklah sumbangan, infak, derma, luqatah, fidyah, kaffarah, wang tidak patuh syariah yang disumbangkan, denda dan sebagainya. Zakat pula bermaksud sebahagian harta mengikut kadar yang ditentukan daripada beberapa jenis harta yang wajib diberikan kepada asnaf yang berhak menerimanya mengikut hukum syarak. Sementara itu, wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan umum atau khusus dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah SWT. Wakaf yang diuruskan oleh MAIN dibahagikan kepada dua, iaitu wakaf khas dan wakaf am. Wakaf khas ertinya sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan khairat khusus menurut hukum syarak, sementara wakaf am

bermaksud sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan khairat umum menurut hukum syarak.

Sebagai institusi yang diberikan amanah untuk mengurus harta umat Islam di Malaysia, adalah menjadi tanggungjawab MAIN untuk menyedia laporan kewangan yang relevan dan berguna kepada pemegang taruh dalam membuat keputusan. Ini adalah kerana kecekapan, ketelusan serta akauntabiliti sesebuah MAIN dapat dinilai melalui penyata kewangannya.

Kajian yang dijalankan dalam Fasa 3 oleh Ku Nor Izah, Chek, Fathiyyah, Norfaiezah, Suhaimi dan Muhammad Syahir (2019) menunjukkan institusi BZW mengamalkan tatacara perakaunan dan menyediakan laporan kewangan yang tidak seragam, dengan merujuk kepada beberapa sumber seperti MPERS, MFRS, dan MPSAS. Ini adalah kerana piawaian yang digunakan tidak dapat memenuhi kehendak atau keperluan MAIN disebabkan urus niaganya yang unik dan tidak sama dengan urus niaga institusi lain. Misalnya, MPSAS 23 Hasil Urus Niaga Bukan Pertukaran tidak membincangkan secara spesifik mengenai zakat, wakaf dan baitulmal, sebaliknya menjurus kepada cukai dan lain-lain pindahan. Contoh-contoh yang diberikan pula adalah tidak bersesuaian dengan urus niaga MAIN dan sebahagiannya tidak patuh syariah. Disebabkan kekangan yang ada pada beberapa MPSAS, perekodan perakaunan dan persembahan pelaporan kewangan didapati berbeza atau tidak konsisten antara MAIN walaupun mereka menjalankan operasi yang sama dari sudut pengutipan dan pengagihan dana baitulmal, zakat dan wakaf (Ku Nor Izah Ku Ismail *et al.*, 2018).

Faktor lain yang menyumbang kepada ketidakseragaman pelaporan kewangan MAIN adalah setiap MAIN tertakluk kepada enakmen atau ordinan (selepas ini disebut sebagai enakmen) pentadbiran negeri masing-masing yang mana Jadual 9, Perlembagaan Persekutuan (Engku Ismail, 2016) telah memberi kuasa kepada kerajaan negeri dalam hal ehwal yang berkaitan dengan Agama Islam. Misalnya, baitulmal diberikan tafsiran yang berbeza mengikut negeri, ada yang umum dan ada yang terperinci. Ini boleh mengakibatkan interpretasi yang berbeza antara MAIN. Akibatnya, tatacara perakaunan dan pelaporan kewangan juga akan berbeza.

Disebabkan operasi, urus niaga dan tadbir urus institusi BZW yang unik, pihak JANM merasakan adalah perlu supaya satu Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam (PPI) dibangunkan untuk institusi BZW. Di samping itu, MPSAS yang sedia ada perlu dinilai bagi menentukan sama ada ia sesuai digunakan oleh MAIN. Dengan penilaian ini, terdapat kemungkinan piawaian sedia ada dipinda mengikut kesesuaian, atau diabaikan oleh MAIN kerana tidak relevan dengan urus niaganya. Sekiranya perlu, piawaian perakaunan yang baru harus dibangunkan oleh JANM untuk mengakaunkan urus niaga MAIN yang unik. Untuk itu, pada tahun 2016, JANM telah memulakan kerjasama dengan tiga buah universiti, iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam menjalankan kajian amalan perakaunan ke atas MAIN di seluruh Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk menghasilkan kerangka kerja perakaunan Islam serta membangunkan piawaian perakaunan yang khusus bagi MAIN. Kajian telah dibahagikan kepada empat fasa.

Kajian Fasa 1 telah dilaksanakan pada tahun 2016, di mana kajian tertumpu kepada pembentukan asas kepada kerangka kerja konseptual perakaunan Islam. Di samping itu empat MPSAS berkaitan dengan persembahan penyata kewangan telah dikaji. Ini diikuti dengan kajian Fasa 2 pada tahun 2017 di mana lapan piawaian perakaunan berkaitan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset dalam penyata kewangan telah dikaji. Di samping itu, kerangka kerja konseptual telah dikemas kini. Seterusnya, kajian Fasa 3 telah dijalankan pada tahun 2018. Kajian ini memberi fokus kepada perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan dengan liabiliti, hasil dan belanja MAIN yang melibatkan sepuluh piawaian perakaunan. Sekali lagi, kerangka kerja konseptual ditambah baik.

Kini, kajian memasuki fasa keempat. Kajian Fasa 4 ini memberi tumpuan kepada item-item perakaunan yang belum dikaji dalam ketiga-tiga fasa sebelum ini. Item-item dalam kajian ini digelar sebagai elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan BZW. Sebanyak Sembilan MPSAS telah dikaji, iaitu Penyata Kewangan Berasingan (MPSAS 34), Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan (MPSAS 14), Pendedahan Pihak Berkaitan (MPSAS 20), Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan (MPSAS 22), Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan (MPSAS 24), Penyata

Kewangan Disatukan (MPSAS 35), Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama (MPSAS 36), Pengaturan Bersama (MPSAS 37), dan Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain (MPSAS 38). Jadual 1.1 menyenaraikan MPSAS yang dikaji mengikut fasa.

### **Jadual 1.1 Senarai MPSAS Mengikut Fasa**

Fasa 1	MPSAS 1 Pembentangan Penyata Kewangan MPSAS 2 Penyata Aliran Tunai MPSAS 3 Polisi Perakaunan, Perubahan Dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan MPSAS 6 Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan
Fasa 2	MPSAS 12 Inventori MPSAS 13 Pajakan MPSAS 16 Hartanah Pelaburan MPSAS 17 Hartanah, Loji dan Peralatan MPSAS 21 Rosot Nilai Aset yang Tidak Menjana Tunai MPSAS 26 Rosot Nilai Aset yang Menjana Tunai MPSAS 27 Pertanian MPSAS 31 Aset Tidak Ketara
Fasa 3	MPSAS 9 Hasil Dari Urus Niaga Pertukaran MPSAS 23 Hasil Dari Urus Niaga Bukan Pertukaran MPSAS 5 Kos Pinjaman MPSAS 11 Kontrak Pembinaan MPSAS 19 Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka & Aset Luar Jangka MPSAS 28 Instrumen Kewangan: Pembentangan MPSAS 29 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan & Pengukuran MPSAS 30 Instrumen Kewangan: Pendedahan MPSAS 25 Manfaat Pekerja MPSAS 4 Kesan Perubahan Matawang Asing
Fasa 4 (Kajian semasa)	MPSAS 34 Penyata Kewangan Berasingan MPSAS 14 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan MPSAS 20 Pendedahan Pihak Berkaitan MPSAS 22 Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan MPSAS 24 Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan MPSAS 35 Penyata Kewangan Disatukan MPSAS 36 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama MPSAS 37 Pengaturan Bersama MPSAS 38 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain

Seperti dalam fasa sebelum ini, kajian Fasa 4 ini dibahagikan kepada tiga kumpulan penyelidik mengikut zon. Jadual 1.2 menunjukkan senarai universiti yang terlibat berserta negeri dan zon masing-masing. Laporan ini merupakan laporan daripada penyelidik daripada Universiti Utara Malaysia yang menjalankan kajian di Zon 2. Enam institusi yang dikaji adalah:

- (1) Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)
- (2) Majlis Agama Islam Kedah (MAIK)
- (3) Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)
- (4) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)
- (5) Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk), dan
- (6) Tabung Baitulmal Sarawak (TBS).

**Jadual 1.2 Senarai Universiti Penyelidik dan Pembahagian Negeri Mengikut Zon**

Universiti	Zon	Negeri
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Zon Satu	Johor, Melaka, Selangor, Sabah dan Negeri Sembilan
Universiti Utara Malaysia (UUM)	Zon Dua	Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	Zon Tiga	Kelantan, Terengganu, Pahang dan Wilayah Persekutuan

Seterusnya, bab ini akan membincangkan pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, dan skop kajian.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Institusi BZW memain peranan penting dalam mengurus harta orang Islam di Malaysia dan sumbangan yang dibuat melalui zakat, wakaf dan baitulmal oleh umat Islam kepada sosioekonomi negara adalah sangat signifikan. Ku Nor Izah *et al.* (2019) telah melaporkan beberapa statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Zakat Wakaf dan Haji dan hasil analisis penyata kewangan MAIN. Pada tahun 2016, sejumlah RM2.8 bilion zakat telah dikutip oleh institusi zakat di seluruh Malaysia. Sementara itu, bagi tahun yang sama tanah baitulmal yang berpotensi untuk dimajukan adalah berkeluasan 41,407.33 hektar dengan nilai RM320 juta. Jumlah yang begitu besar ini semestinya memerlukan kepada pengurusan yang cekap serta sifat ketelusan dan akauntabiliti sesebuah MAIN dalam menjalankan amanahnya.

Dalam konteks MAIN, akauntabiliti bermaksud tanggungjawab institusi tersebut dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan kepadanya. Akauntabiliti yang dilaksanakan haruslah menjaga hubungan dengan Allah SWT (*Hablul Min Allah*) dan juga sesama manusia (*Hablul Min An-Nas*) (Abdullah *et al.*, (2018). Sebagai institusi

yang mengurus harta yang sangat besar ampuhnya, MAIN menjadi perhatian ramai. Berbeza dengan syarikat, pemegang taruh MAIN adalah lebih umum dan sukar dikenal pasti. Antaranya adalah pemberi zakat, penerima zakat, pewakaf, penerima manfaat wakaf, penyumbang baitulmal, penggubal undang-undang dan piawaian, badan kerajaan yang menyelia dan memajukan institusi BZW seperti JAWHAR, badan kerajaan yang memberi sumbangan, penyelidik, ahli akademik, ahli politik, badan sukarela, ahli dan badan perniagaan, masyarakat dan orang ramai.

Secara umumnya, institusi BZW menjalankan tanggungjawab dengan baik. Namun, MAIN juga sering mendapat kritikan daripada masyarakat. Antara kritikan yang dilemparkan adalah MAIN dikatakan tidak cekap dalam mengurus harta wakaf, sehingga menjaskan keyakinan orang ramai kepada MAIN (Dalila Daud *et al.*, 2011). Dari aspek perakaunan pula, Maznah, Mohamat Sabri dan Radziah (2014) menyatakan yang terdapat perkara-perkara yang boleh mendatangkan persepsi yang negatif terhadap MAIN. Antaranya adalah MAIN tidak mempunyai rekod akaun wakaf yang terkini (Abdul Rahman *et al.*, 1999), tidak membentulkan dengan segera kesilapan merekod transaksi kewangan (Abdul Rahman & Goddard, 2003), dan menyediakan laporan kewangan yang kurang maklumat kewangan dan perakaunan (Md Zain, 2006). Kes-kes pecah amanah oleh badan agama yang dihebahkan media juga menjaskan kepercayaan orang ramai terhadap institusi BZW (Maznah *et al.*, 2014). Namun, daripada analisis terhadap Laporan Tahunan beberapa MAIN bagi tahun 2016, Ku Nor Izah *et al.* (2018) mendapati tahap pendedahan bagi MAIN adalah agak memuaskan bagi sesetengah item, contohnya zakat. Bagi menangkis kritikan terhadap MAIN dan dalam meningkatkan akauntabilitinya, perakaunan dan pelaporan kewangan memainkan peranan yang amat penting. Kajian yang dijalankan oleh MAIN dalam empat fasa ini merupakan satu inisiatif yang baik.

Melalui temu bual dengan beberapa MAIN, dan daripada analisis penyata kewangan MAIN, pemakaian MPSAS didapati masih lagi rendah. Kebanyakan MAIN menggunakan piawaian yang dikeluarkan oleh MASB. Ini adalah disebabkan MPSAS belum lagi dikuatkuasakan. Walaupun MPSAS telah diterima pakai oleh segelintir MAIN, beberapa MPSAS didapati tidak dapat memenuhi keperluan MAIN yang mempunyai urus niaga yang unik jika dibandingkan dengan badan berkanun yang lain (Ku Nor Izah *et al.*, 2019). Tidak terdapat piawaian perakaunan yang khusus yang

boleh diguna pakai oleh kesemua MAIN dalam mengakaunkan perkara-perkara yang spesifik kepada MAIN yang tidak disentuh secara langsung oleh mana-mana piawaian sedia ada, seperti baitulmal, zakat dan wakaf. Walaupun MPSAS adalah alternatif kepada perakaunan BZW, namun kebanyakan piawaian tersebut kurang sesuai untuk digunakan oleh institusi BZW kerana ia dibangunkan secara umum untuk sektor awam dan menekankan kepada perakaunan konvensional. Oleh kerana MAIN adalah institusi patuh syariah, maka ia memerlukan tatacara perakaunan dan pelaporan kewangan yang bersesuaian dengan operasinya. Untuk itu, satu kerangka kerja perakaunan menurut perspektif Islam juga adalah penting untuk dibangunkan.

Walau bagaimanapun, sebahagian besar isu yang dibincangkan di atas telah dikaji dalam fasa-fasa sebelum ini, terutamanya di dalam Fasa 2 yang membicarakan tentang perakaunan bagi harta wakaf dan Fasa 3 yang membincang mengenai pengiktirafan hasil zakat. Dalam Fasa 4 ini, fokusnya adalah kepada perkara-perkara yang lebih umum yang juga terdapat dalam kebanyakan badan berkanun yang lain. Kajian tertumpu kepada elemen perakaunan yang belum dikaji dalam fasa-fasa sebelum ini. Ia meliputi elemen-elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan BZW.

Kajian berkaitan perakaunan bagi institusi BZW selain daripada yang diusahakan oleh JANM adalah terhad. Satu kajian yang penting adalah tentang perakaunan bagi wakaf yang telah dijalankan oleh MASB pada tahun 2014 bertajuk *Waqt* (MASB, 2014). Kajian tersebut bertujuan untuk menggalakkan perbincangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan perakaunan wakaf. Walau bagaimanapun, ia tidak mengemukakan penyelesaian kepada isu-isu tersebut. Kajian-kajian lain mengenai perakaunan wakaf adalah berkaitan pelaporan aset wakaf oleh MAIN (Nori Yani, Radziah, Aini & Mohd Rizal, 2018), sama ada amalan pelaporan kewangan MAIN patuh syariah (Anna & Mohamed Hisham, 2015), pelaporan wakaf (Dalila Daud *et al.*, 2011), amalan perakaunan dan pengurusan wakaf di Indonesia (Hidayatul Shahul Hameed, 2011). Kajian tentang zakat pula adalah yang berkisar kepada pengiraan zakat (Abdullah, Mohd Rizuan & Abdul Aziz, 2013; Rohila & Mohd Zulkifli, 2011), perbandingan antara cukai dan zakat (Hamizul, 2013), pembentukan piawaian perakaunan bagi firma pembayar zakat (Nor Bazirah, 2007).

Sehingga kini, belum ada kajian yang meninjau perakaunan bagi elemen-elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan BZW. Justeru, kajian ini cuba memenuhi jurang kajian, yang dijangka akan memberi manfaat kepada penggubal piawaian, MAIN serta pemegang taruh.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi menjawab beberapa persoalan seperti berikut:

- (1) Apakah amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh MAIN (atau institusi-institusi yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)?
- (2) Apakah keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) dalam perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf?
- (3) Apakah kriteria yang perlu ada bagi mengukuhkan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam (PPI) bagi institusi-institusi yang menjalankan aktiviti-aktiviti BZW?
- (4) Apakah terdapat batasan perundangan yang relevan dengan perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh MAIN dalam melaksanakan Piawaian Perakaunan Islam yang seragam bagi institusi BZW?

### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian Fasa 4 dijalankan ke atas lima MAIN serta LZNK bagi mencapai empat objektif berikut:

- (1) Memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau institusi-institusi yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri;

- (2) Mengenal pasti keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) dalam perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf;
- (3) Mengukuhkan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam bagi institusi-institusi yang menjalankan aktiviti-aktiviti BZW;
- (4) Mengenal pasti batasan perundangan yang relevan dengan perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh MAIN dalam melaksanakan Piawaian Perakaunan Islam yang seragam bagi institusi BZW.

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini merupakan projek fasa ke empat yang diusahakan oleh JANM dalam meneliti dan menilai amalan perakaunan MAIN di Malaysia serta memberi cadangan kepada JANM dalam membentuk piawaian perakaunan yang bersesuaian dengan institusi BZW. Tumpuan kajian ini adalah kepada amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan bagi institusi BZW di seluruh Malaysia serta pembentukan satu kerangka kerja konseptual khusus yang boleh dijadikan asas kepada MAIN dalam mengakaunkan urus niaga serta menyediakan laporan kewangan. Disebabkan ketiadaan piawaian yang spesifik bagi MAIN, institusi ini didapati mengamalkan cara pelaporan yang berbeza-beza. Pelaporan perakaunan yang diamalkan ketika ini adalah berasaskan kepada piawaian perakaunan yang lebih umum, yang digunakan oleh institusi kerajaan yang lain yang berkemungkinan sebahagian daripadanya tidak sesuai untuk diterima pakai oleh MAIN. Tambahan pula, piawaian sedia ada (MPSAS) adalah bersifat konvensional dan sebahagiannya tidak mengambil kira urus niaga yang tidak patuh syariah seperti yang melibatkan riba, gharar dan sebagainya. Bagi sesetengah MPSAS, ia berkemungkinan tidak relevan dan oleh itu boleh diabaikan MAIN. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi membantu JANM dalam membentuk kerangka kerja konseptual perakaunan Islam dan menggubal piawaian perakaunan yang dapat diterima pakai oleh institusi BZW. Untuk itu, kajian ini akan meneliti sembilan MPSAS (lebihan daripada yang telah diteliti dalam Fasa 1, 2 dan 3) yang diterima pakai di Malaysia dan menentukan sama ada ia boleh diterima pakai

sepenuhnya, diterima pakai dengan pindaan, atau tidak boleh diterima pakai langsung disebabkan ianya tidak relevan dengan institusi BZW.

Adalah diharapkan juga kajian ini dapat membantu meningkatkan kepercayaan pihak pemegang taruh terhadap ketelusan dan akauntabiliti pihak pemegang amanah iaitu institusi BZW dalam mengurus sumber ekonomi Islam. Dengan adanya piawaian perakaunan khas ke atas dana-dana kewangan ini, diharapkan sumber-sumber yang diperolehi dapat dikembangkan dengan lebih efisien dan berkesan kepada pembangunan ummah. Di samping itu, penggubalan piawaian perakaunan bagi institusi BZW ini bukan sahaja dapat digunakan oleh MAIN di Malaysia. Ia juga boleh dijadikan asas kepada penggubalan piawaian perakaunan Islam oleh negara lain yang mempunyai struktur institusi BZW yang serupa.

## **1.6 Skop Kajian**

Kajian ini hanya tertumpu kepada enam institusi BZW di Zon 2, iaitu lima buah MAIN di negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak serta sebuah institusi zakat, iaitu LZNK. Dalam melaporkan amalan semasa perakaunan, penelitian tertumpu kepada Laporan Tahunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. Di samping itu, maklumat tambahan diperolehi melalui temu bual dengan akauntan atau pegawai kewangan MAIN.

Kajian ini memberi tumpuan kepada elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain (yang tidak dikaji dalam kajian Fasa 1, 2, dan 3) dalam penyata kewangan serta urus niaga unik. Elemen-elemen yang dikaji adalah Penyata Kewangan Berasingan (MPSAS 34), Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan (MPSAS 14), Pendedahan Pihak Berkaitan (MPSAS 20), Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan (MPSAS 22), Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan (MPSAS 24), Penyata Kewangan Disatukan (MPSAS 35), Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu & Usaha Sama (MPSAS 36), Pengaturan Bersama (MPSAS 37), dan Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain (MPSAS 38).

## **1.7 Struktur Laporan**

Bab ini telah memberikan penerangan ringkas mengenai kajian ini, iaitu berhubung dengan perakaunan dan pelaporan kewangan Islam bagi institusi BZW di Malaysia. Ia dimulakan dengan permasalahan kajian, diikuti dengan objektif kajian, kepentingan kajian, serta skop kajian. Laporan ini terbahagi kepada lapan bab. Bab Dua membincangkan latar belakang Institusi BZW di Zon 2. Ia diikuti dengan Bab Tiga yang membincangkan sorotan karya. Seterusnya, Bab Empat membincangkan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Ia diikuti dengan Bab Lima yang menerangkan amalan semasa MAIN berkaitan dengan elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain (yang tidak dikaji dalam kajian Fasa 1,2, dan 3) dalam penyata kewangan serta urus niaga unik. Seterusnya, Bab Enam membincangkan cadangan berhubung kerangka kerja perakaunan Islam dan keperluan syariah. Ini diikuti dengan perbincangan batasan perundangan berhubung dengan operasi MAIN di Bab Tujuh. Cadangan mengenai pembangunan piawaian perakaunan bagi institusi BZW dibincangkan dalam Bab Lapan. Akhir sekali, Bab Sembilan membincangkan rumusan kajian serta kekangan dalam menjalankan kajian ini.

## **BAB DUA**

### **LATAR BELAKANG MAJLIS AGAMA ISLAM DI ZON 2**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini akan memberi fokus kepada latar belakang setiap institusi BZW di Zon 2, iaitu yang ditubuhkan di negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak. Di samping itu sedikit penerangan mengenai penyediaan laporan kewangan oleh pihak institusi BZW juga akan dibincangkan.

#### **2.2 Latar Belakang Institusi Zon 2**

Kajian dalam Zon 2 ini melibatkan enam buah institusi BZW di lima negeri, iaitu Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak. Bahagian ini akan menerangkan mengenai kategori institusi, nama entiti, kuasa tertinggi agama, kuasa tertinggi pengurusan, undang-undang tubuh, piawaian perakaunan yang digunakan serta pelaporan kewangan yang disediakan sama ada disatukan atau pun tidak disatukan bagi setiap negeri yang dikaji. Jadual 2.1 dan Jadual 2.2 menunjukkan latar belakang MAIN di Zon 2.

**Jadual 2.1: Latar Belakang Institusi Zon 2**

ZON 2	KATEGORI INSTITUSI	NAMA ENTITI	KUASA TERTINGGI AGAMA	KUASA TERTINGGI PENGURUSAN
<b>KEDAH</b>	Baitulmal	MAIK	Sultan	Yang Dipertua Majlis
	Wakaf			Ketua Pegawai Eksekutif
	Zakat	LZNK		
<b>PERLIS</b>	Baitulmal	MAIPs	Raja	Ketua Pegawai Eksekutif
	Zakat			
	Wakaf			
<b>PULAU PINANG</b>	Baitulmal	MAINPP	Yang di-Pertuan Agong	Yang Dipertua Majlis
	Zakat			
	Wakaf			
<b>PERAK</b>	Baitulmal	MAIPk	Sultan	Ketua Pegawai Eksekutif
	Zakat			
	Wakaf			
<b>SARAWAK</b>	Baitulmal	TBS	Yang di-Pertuan Agong	Ketua Pegawai Eksekutif
	Zakat			
	Wakaf			

**Jadual 2.2: Latar Belakang Operasi Perakaunan**

ZON 2	KATEGORI INSTITUSI	NAMA ENTITI	PEGAWAI PERAKAUNAN YANG BERTANGGUNGJAWAB	PIAWAIAN PERAKAUNAN
<b>KEDAH</b>	Wakaf	MAIK	Puan Hajah Rosnani binti Abdul Rahim	2016: MPERS & AMALAN TERBAIK 2017: MPSAS (KECUALI MPSAS 16)
	Baitulmal			
	Zakat	LZNK	Puan Noorhanisah binti Khomarudin	MPSAS
<b>PERLIS</b>	Baitulmal	MAIPs	Puan Halina binti Abd. Wahid	MPERS
	Zakat			
	Wakaf			
<b>PULAU PINANG</b>	Baitulmal	MAINPP	Encik Mohd Fazly bin Mohd Zaki	MPERS
	Zakat			
	Wakaf			
<b>PERAK</b>	Baitulmal	MAIPk	Encik Ariff bin Apandi	2016: MPERS MPSAS 1 & 2 2017: MPERS & MPSAS 1
	Zakat			
	Wakaf			
<b>SARAWAK</b>	Baitulmal	TBS	Puan Rohaya Abang Omar	MPERS
	Zakat			
	Wakaf			

### 2.2.1 Institusi BZW Kedah

Bagi negeri Kedah, struktur pengurusan baitulmal, zakat dan wakaf sedikit berbeza dengan MAIN di negeri lain di Zon 2. Pentadbiran BZW diuruskan oleh dua institusi yang berasingan dengan enakmen yang berbeza. Pentadbiran berkaitan dana baitulmal dan wakaf diletakkan di bawah pentadbiran MAIK, manakala pengurusan berkaitan dengan dana zakat ditadbir oleh LZNK. Kuasa tertinggi bagi perkara berkaitan agama bagi kedua-dua institusi ini dipegang oleh Ke bawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Kedah. Maka KDYMM Sultan juga berperanan untuk memperkenankan segala dasar, penggubalan dan sebarang perubahan dalam enakmen berkaitan BZW.

### **2.2.1.1 Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK)**


MAIK yang ada sekarang ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah Seksyen 5(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (Enakmen 2008) iaitu undang-undang utama semasa yang diguna pakai dalam mentadbir urus hal ehwal agama Islam negeri Kedah. Sebelumnya, MAIK merupakan sebuah perbadanan (badan) agama khas yang telah wujud sejak Kerajaan Negeri Kedah menerima pakai Undang-undang Islam di dalam sistem pemerintahnya iaitu di antara tahun 1136 - 1179 (MAIK, 2019). Badan ini kekal turun-temurun sehingga sekarang. Walau bagaimanapun, struktur dan fungsinya telah dibuat penambahbaikan secara berterusan melalui proses perundangan bagi membolehkannya mentadbir urus hal ehwal agama Islam dengan berkesan dan selari dengan perkembangan semasa. Visi MAIK adalah untuk “*Menjadi peneraju tersohor di dalam pembuatan dasar dan pentadbiran agama Islam Negeri menjelang tahun 2019 demi kesejahteraan dan pembangunan ummah Islam*”. Manakala objektif penubuhan MAIK pula adalah:

- (1) Memastikan dasar-dasar Hal Ehwal Islam dilaksanakan dan undang-undang Islam dikuatkuasakan dengan lebih berkesan.
- (2) Mewujudkan sistem pengurusan Islam yang menggunakan teknologi maklumat terkini di dalam aktiviti pentadbiran.
- (3) Merancang projek pembangunan dan merancang program bagi meningkatkan lagi ekonomi umat Islam.
- (4) Merangka program dakwah ke arah mewujudkan perpaduan dan kesedaran dalam menjaga kepentingan umat Islam.
- (5) Mengadakan program ilmiah di dalam sistem pendidikan dan bantuan kewangan kepada pendakwah yang terpilih.
- (6) Menyusun dan merangka projek serta program pembangunan hartaanah Wakaf dan Baitulmal secara optimum.
- (7) Memastikan setiap pemberian bantuan mendapat pertimbangan yang sewajarnya.

Dalam pentadbiran pengurusan MAIK, diletakkan seorang Yang Dipertua Majlis yang bertanggungjawab terhadap segala keputusan berkaitan pengurusan institusi wakaf dan baitulmal negeri Kedah. Pentadbiran institusi wakaf dan baitulmal negeri Kedah adalah tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Kedah Darul

Aman (KDA) 2008. Oleh yang demikian, sebarang tindakan serta peraturan institusi wakaf dan baitulmal negeri Kedah perlu merujuk kepada Enakmen tersebut. Bagi tahun 2017 MAIK melaksanakan sistem pentadbiran dan pelaporan kewangan berpandukan MPSAS (kecuali MPSAS 16) dan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam. Penyediaan laporan kewangan bahagian wakaf, baitulmal dan anak-anak syarikat adalah disatukan dalam laporan kewangan tahunan MAIK.

**Rajah 2.1** menunjukkan struktur organisasi MAIK yang terbahagi kepada dua buah anak syarikat iaitu Lubitrade Sdn. Bhd. (LSB) dan Pengurusan Izzah Sdn. Bhd. (PISB). Masing-masing ditubuhkan melalui Kumpulan Wang Amanah (Wakaf) dan Kumpulan Wang Baitulmal. Kedua-dua anak syarikat ini ditubuhkan bagi membantu kemajuan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di Kedah. LSB menjalankan perniagaan peruncitan petrol di Pekan Pokok Sena, Alor Setar, Kedah, sementara PISB merupakan syarikat yang bertanggungjawab dalam pengurusan dan pembangunan harta-harta. PISB menumpukan perhatian sepenuhnya pada pengurusan semula harta-harta MAIK seperti menguruskan harta-harta khususnya dalam urusan kutipan sewa, perjanjian sewa dan pembangunan serta menjalankan kerja-kerja pemindahan dan pengebumian semula kubur-kubur Islam di sekitar negeri Kedah. Selain itu, syarikat ini juga beroperasi dalam membangunkan dan mewujudkan perniagaan kedai runcit diseluruh Masjid Negeri Kedah (MAIK, 2019).



*Rajah 2.1 Struktur Organisasi Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK)*

### **2.2.1.2 Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (LZNK)**

Pentadbiran dan pengurusan institusi zakat di negeri Kedah adalah dipertanggungjawabkan kepada LZNK. LZNK ditubuhkan pada 19 Jamadil Akhir 1355 bersamaan dengan 5 September 1936, di bawah Enakmen Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman (JZNK) yang kini digantikan dengan Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (LZNK) 2015 (LZNK, 2019). **Rajah 2.2** menunjukkan struktur organisasi LZNK yang terbahagi kepada dua iaitu Kumpulan Wang Zakat dan Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan. Seorang Ketua Pegawai Eksekutif dilantik sebagai kuasa tertinggi dalam pengurusan LZNK, dan di bawahnya terdapat tiga Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif bagi membantu hal agihan dan pembangunan asnaf, pentadbiran dan kewangan, serta dakwah dan kutipan. Namun begitu, kuasa tertinggi bagi LZNK adalah masih di bawah KDYMM Sultan. Ini bermakna segala dasar, pembentukan dan sebarang perubahan enakmen berkaitan LZNK perlu mendapat perkenan KDYMM Sultan terlebih dahulu. Selain itu, LZNK mempunyai 12 ahli lembaga pengarah buat masa ini.



*Rajah 2.2 Struktur Organisasi Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)*

Visi LZNK adalah untuk menjadi pemangkin pembangunan sosioekonomi kepada umat Islam khususnya di negeri Kedah. Bagi mencapai visi tersebut, LZNK menggariskan misi berikut dalam menguruskan kutipan dan agihan zakat dengan amanah, cekap, adil dan berkesan:

- (1) Memberi perkhidmatan dan kemudahan yang terbaik kepada pembayar dan asnaf zakat,
- (2) Bekerjasama dengan pelbagai pihak,
- (3) Membangun modal insan yang cekap dan dinamik,

- (4) Mengaplikasi teknologi terkini, dan
- (5) Menjalankan kajian penambahbaikan setiap masa.

Secara umumnya, tanggungjawab LZNK adalah memperincikan hal berkaitan kutipan dan agihan zakat. LZNK sentiasa menganjurkan pelbagai program dalam memberi kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap kepentingan membayar zakat bagi memastikan pembayaran zakat akan terus meningkat. Di samping itu, LZNK menyediakan 63 skim bantuan agihan zakat kepada asnaf-asnaf yang layak menerimanya, seperti bantuan kewangan dan makanan fakir dan miskin bulanan, bantuan persekolahan bulanan, bantuan rawatan bulanan, bantuan institusi pengajian tinggi penuh, bantuan bina rumah individu, dan bantuan baik pulih rumah.

Dari segi sistem pentadbiran dan pelaporan kewangan, LZNK merujuk kepada MPSAS dan laporan tersebut disediakan secara tersendiri kerana sehingga kini LZNK tidak memiliki entiti lain yang dikawal.

### **2.2.2 Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)**

MAIPs bertanggungjawab terhadap tadbir urus institusi BZW di negeri Perlis. Kuasa tertinggi bagi MAIPs adalah Duli Yang teramat Mulia Tuanku Raja Muda Perlis selaku Yang Dipertua MAIPs, yang mana segala dasar, pembentukan dan sebarang perubahan enakmen berkaitan MAIPs perlu mendapat persetujuan Baginda Tuanku. Manakala pengurusan MAIPs diterajui oleh Ketua Pegawai Eksekutif di mana beliau juga berperanan sebagai Setiausaha MAIPs. Di samping itu, beliau bertanggungjawab terhadap sebarang keputusan berkaitan pengurusan MAIPs. Objektif penubuhan MAIPs adalah untuk (MAIPs, 2019):


- (1) Memperkasakan keupayaan dan kapasiti organisasi bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pentadbiran Islam,
- (2) Memperkasakan agenda dakwah Islam secara syumul bagi melahirkan khaira ummah,
- (3) Memperkuuhkan pengurusan BZW bagi mempertingkatkan kualiti hidup umat Islam,
- (4) Memantapkan pentadbiran undang-undang Islam ke arah mendaulatkan pelaksanaan syariat Islam, dan

- (5) Memantap dan mengukuhkan pengurusan kewangan dan sumber-sumber secara strategik bagi memakmurkan ummah.

Penubuhan MAIPs adalah tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (MAIPs, 2019). Oleh itu, sebarang tindakan dan peraturan Institusi BZW negeri Perlis perlu merujuk kepada Enakmen ini. Bagi memastikan MAIPs mencapai misinya iaitu “memastikan kelangsungan kesejahteraan sosioekonomi ummah melalui pengurusan hal ehwal Islam yang telus dan efektif berlandaskan al-Quran dan as-sunnah”, MAIPs tidak menubuhkan entiti berasingan bagi melaksanakan peranan pengurusan zakat, wakaf dan sumber am seperti yang diamalkan di kebanyakan negeri di Malaysia. Perkara ini menjadikan MAIPs dilihat unik dalam memainkan peranannya di dalam pengurusan BZW.

MAIPs telah menubuhkan MAIPs Holdings Sdn. Bhd. sebagai anak syarikat MAIPs mengikut seksyen 9 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Enakmen 4) di bawah Akta Syarikat 1965 pada 15 Januari 2013. Bagi melaksanakan fungsi dan tugas ke arah mentransformasikan asnaf dengan lebih perkasa, MAIPs Holdings Sdn. Bhd. ditukar nama kepada Akademi Transformasi Asnaf MAIPs Sdn Bhd (ATAM). ATAM ditubuhkan bagi mencapai objektif iaitu melahirkan modal insan asnaf yang seimbang dari segi sahsiah, pendidikan dan kemahiran serta meningkatkan dan melestarikan keupayaan ekonomi asnaf. Selain itu, MAIPs turut menubuhkan Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) di mana Duli Yang Maha Mulia Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Syed Sirajuddin Jamalullail adalah penaung utamanya. KUIPs adalah berkonsepkan pendidikan melalui pembiayaan institusi dan *Bayt al- mal* (dalam konsep Islam) yang dikenal pasti sebagai “*niche*” yang akan menjadi keistimewaan atau kelebihan KUIPs (KUIPs, 2020). Konsep dapat menjadikan institusi ini agar lebih cekap dan mampu meningkatkan masyarakat setempat seraya menjadi model Islam yang sederhana di Malaysia dan dunia pada umumnya. Kedua-dua anak syarikat MAIPs ini ditubuhkan melalui Kumpulan Wang Zakat seperti yang ditunjukkan di dalam **Rajah 2.3**.

MAIPs masih menggunakan MPERS sebagai panduan di dalam penyediaan akaun dan laporan kewangan tahunan mereka. MAIPs menyediakan penyata kewangan tahunan yang disatukan dengan anak-anak syarikat miliknya.



*Rajah 2.3 Struktur Organisasi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)*

### 2.2.3 Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)

Pengurusan BZW di negeri Pulau Pinang diletakkan di bawah MAINPP atau dahulunya dikenali sebagai Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai. Penubuhan MAINPP adalah tertakluk kepada Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004 yang dahulunya dikenali sebagai Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Tahun 1959 (Undang-Undang No. 3 Tahun 1959). Undang-undang ini telah diluluskan pada 15 April 1959 oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Dengan itu juga, Almarhum Tuanku Hishammuddin Alam Shah Al Haj Ibni Almarhum Sultan Alaiddin Sulaiman Shah telah memperkenankan pelantikan Yang di Pertua MAINPP yang pertama iaitu Allahyarham Tuan Haji G.M. Yusoff, manakala Mufti pertama ialah Allahyarham Tuan Haji Abdullah bin Haji Ibrahim dan Tuan Haji Ali Rouse sebagai Setiausaha yang pertama (MAINPP, 2019).

Kuasa tertinggi bagi MAINPP diletakkan di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong. Oleh yang demikian, segala dasar dan pembentukan serta sebarang perubahan enakmen berkaitan MAINPP perlu mendapat persetujuan Yang di-Pertuan Agong. Manakala Yang Dipertua Majlis pula berperanan sebagai kuasa tertinggi dalam

pengurusan MAINPP, yang mana sebarang keputusan berkaitan pengurusan Majlis perlu mendapat persetujuan Yang Dipertua terlebih dahulu. Sebarang tindakan dan peraturan MAINPP perlu merujuk kepada Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004.

Bagi membantu misi MAINPP iaitu, ‘Merealisasikan Pengurusan Baitulmal Bertaraf Dunia Melalui Sistem Pengurusan dan Pentadbiran Yang Efisien dan Efektif” dapat dicapai, sebuah syarikat milik penuh, Syarikat Usaha Tarbiah (Pulau Pinang) Sdn. Bhd. (UTSB) iaitu sebuah syarikat milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah ditubuhkan melalui dana Kumpulan Wang Baitulmal. Manakala Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang ialah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta di bawah pengawasan UTSB. KITAB ditubuhkan pada 12 Mei 2004 setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pelajaran Malaysia (JPS) 5195/IPTS/1301 (07). Badan yang terlibat dalam mengelola dan menguruskan KITAB terdiri daripada Lembaga Pengarah Usaha Tarbiah (Pulau Pinang) Sdn. Bhd. (UTSB) dan Lembaga Pengelola KITAB. KITAB merupakan satu-satunya Institusi Pengajian Tinggi Islam Pulau Pinang yang menggabungkan pendidikan Islam dengan disiplin ilmu teknologi dengan menggunakan Bahasa Melayu, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa pengantar utama. KITAB berperanan mewujudkan pendidikan bersepadu meliputi intelek, rohani dan jasmani bagi melahirkan insan yang seimbang, harmonis dan berakhhlak mulia untuk memenuhi keperluan tenaga kerja dalam pembinaan generasi umat dan pembangunan negara (KITAB, 2020).


Selain itu, As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd. (ASUZ) telah ditubuhkan pada tahun 1994 melalui dana Kumpulan Wang Zakat bagi mengendalikan kutipan zakat. ASUZ telah beroperasi menggunakan nama Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang (PUZ) pada mulanya (ZPP, 2019). Antara matlamat penubuhannya adalah untuk:

- (1) Meningkatkan kutipan zakat negeri Pulau Pinang.
- (2) Memperkenal sistem pungutan zakat yang lebih sistematik melalui operasi berkomputer,
- (3) Bertindak sebagai elemen ingat dan sedar kepada umat Islam bahawa zakat dapat memainkan peranan besar dalam mengukuhkan ekonomi umat Islam,

- (4) Menyediakan kemudahan membayar dan mengagihkan wang zakat dengan lebih berkesan dan adil agar pembayar zakat dan umat Islam yakin dan berpuas hati,
- (5) Memperkenal budaya kerja korporat dalam operasi pungutan dan pengagihan kumpulan wang zakat, dan
- (6) Menjadi satu institusi zakat yang unggul dan menjadi salah satu teras sosioekonomi umat Islam berlandaskan:
  - (a) perkhidmatan yang berkualiti
  - (b) pengurusan korporat yang mantap dan berdaya maju
  - (c) penggunaan teknologi terkini,
  - (d) penggembangan dan pembangunan sumber manusia, dan
  - (e) pertalian yang erat dengan semua pihak.

Pada 26 April 2012, berlaku penjenamaan semula terhadap nama PUZ yang telah ditukar kepada Zakat Pulau Pinang (ZPP). Pada awal penubuhan, ASUZ hanya berperanan mengutip zakat harta, manakala MAINPP mengumpulkan zakat fitrah dan mengagihkan zakat di negeri Pulau Pinang. Namun, prestasi yang telah ditunjukkan oleh ASUZ yang telah berjaya meningkatkan kutipan zakat harta daripada RM 0.19 juta pada tahun 1994 kepada RM 9.36 juta pada tahun 1998 meningkatkan kepercayaan MAINPP kepada ASUZ dalam mengurus kedua-dua operasi kutipan dan agihan zakat. Sehubungan itu, ASUZ telah diberi kepercayaan untuk mengendalikan sepenuhnya kedua-dua operasi kutipan dan agihan zakat (harta dan fitrah) bagi negeri Pulau Pinang bermula Mac 1999 (ZPP, 2019).

Manakala Wakaf Pulau Pinang Sdn Bhd yang ditubuhkan melalui dana Kumpulan Wang Wakaf dipertanggungjawabkan untuk mengurus harta wakaf dengan efektif melalui urus tadbir korporat yang berintegrasi dan strategik bagi menjana pendapatan secara komersial demi masa depan ummah. Wakaf Pulau Pinang mempunyai aset yang cukup besar dan banyak. Ini terbukti melalui hartanah yang berpotensi untuk dibangunkan sebanyak 254,157 ekar tanah wakaf. Cadangan kepada pembangunan strategik turut dikemukakan dalam Pelan Pembangunan Strategik Fasa 1 yang mengambil masa selama 10 tahun. **Rajah 2.4** yang menunjukkan struktur organisasi MAINPP.



*Rajah 2.4 Struktur Organisasi Majlis Agama Negeri Pulau Pinang (MAINPP)*

Dari segi pelaporan kewangan, MAINPP menyediakan semua laporan berhubung BZW, termasuk zakat yang diuruskan ASUZ. Laporan kewangan disediakan masih berpandukan kepada MPERS dan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam. MAINPP juga menyediakan Penyata Kewangan Disatukan. Oleh kerana ASUZ hanya berperanan sebagai perantara dalam operasi kutipan dan agihan zakat, di mana pelaporan dibuat oleh MAINPP, kajian ini hanya menumpukan kepada pelaporan kewangan yang disediakan oleh MAINPP. Oleh itu, kajian ini tidak melibatkan ASUZ.

#### **2.2.4 Majlis Agama Islam & 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan (MAIPk)**

MAIPk telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Muharam 1369 Hijrah bersamaan 23 Oktober 1949 sebagai sebuah badan berkanun kerajaan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Enakmen Bil. 4 Tahun 2004). Kuasa tertinggi bagi MAIPk terletak pada kuasa KDYMM Sultan yang akan memperkenankan segala dasar, pembentukan dan sebarang perubahan enakmen berkaitan MAIPk. Manakala seorang Yang Dipertua Majlis dilantik untuk memegang tanggungjawab terhadap pengurusan MAIPk. Yang Dipertua MAIPk berperanan untuk memberi persetujuan bagi sebarang keputusan berkaitan pengurusan MAIPk.

Visi penubuhan MAIPk adalah untuk menjadi sebuah institusi Islam yang syumul dalam memacu kemajuan dan kesejahteraan ummah berlandaskan Al-Quran dan as-

Sunnah. Manakala misi MAIPk pula ialah untuk meningkatkan taraf sosioekonomi ummah menerusi pengurusan baitulmal yang efektif dan dinamik dan dengan mengamalkan tadbir urus cemerlang berlandaskan ketulusan, integriti dan profesionalisme yang tinggi. Oleh yang demikian, bagi memastikan MAIPk dapat mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan, MAIPk menggariskan beberapa objektif terhadap penubuhannya, iaitu (MAIPk, 2019):

- (1) Memartabatkan institusi zakat melalui sistem pungutan dan agihan yang berkesan,
- (2) Mentadbir harta baitulmal dan wakaf bagi tujuan membangun sosioekonomi dan memelihara kemaslahatan ummah, dan
- (3) Menjana kualiti perkhidmatan, budaya kerja cemerlang dan dinamik serta pengurusan yang sistematik dengan memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi secara maksimum.

MAIPk memiliki anak syarikat, PKEINPK Sdn Bhd, yang telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 28 Jun 2012 melalui dana Kumpulan Wang Baitulmal. Antara tujuan PKEINPK Sdn Bhd (PSB) ditubuhkan adalah untuk memperkasakan urus niaga dengan satu visi untuk menjadi badan korporat yang berdaya saing dalam membangunkan ekonomi Islam, khususnya di Negeri Perak (PKEINPK,2020).

Perniagaan Teras PKEINPK Sdn Bhd adalah perladangan kelapa sawit dan penjagaan kesihatan yang memberi tumpuan kepada perkhidmatan untuk wanita dan kanak-kanak. PKEINPK Sdn Bhd kini mengorak langkah lebih jauh dengan menceburι bidang hartanah. PKEINPK Sdn Bhd juga sedang merancang untuk melaksanakan Wakaf Korporat iaitu sebuah inisiatif yang semakin menarik minat warga perniagaan Negara. PKEINPK Sdn Bhd memiliki dua buah anak syarikat iaitu IDC Jadi Sdn Bhd dan Kumpulan Perubatan Ar Ridzuan Sdn Bhd. Dari segi penyediaan akaun dan laporan kewangan tahunan PKEINPK menggunakan piawaian *Malaysian Financial Reporting Standard* (MFRS) (PKEINPK, 2020). PKEINPK satu-satunya anak syarikat MAIN di Zon 2 yang menerima pakai MFRS. Struktur organisasi MAIPk dapat dilihat pada **Rajah 2.5**:

## Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak Darul Ridzuan (MAIPk)

KW  
Wakaf      KW  
Zakat      KW  
Baitulmal

### PKEINPk Sdn Bhd

- 100%
- Mengendalikan kerja-kerja pembangunan dan kemajuan dalam bidang pertanian, perumahan, pembuatan, perlombongan dan perdagangan.

*Rajah 2.5 Struktur Organisasi Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk)*

Bagi negeri Perak, sebarang tindakan dan peraturan institusi zakat dan baitulmal perlu merujuk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. Sementara itu, sebarang tindakan dan peraturan berkaitan wakaf bagi negeri Perak pula perlu merujuk kepada Enakmen Wakaf (Perak) 2015. Perbezaan enakmen ini adalah untuk memastikan keefisienan pengurusan terhadap wakaf di negeri Perak. MAIPk melaksanakan sistem pentadbiran dan pelaporan kewangan berpandukan MPERS, MPSAS 1 dan MPSAS 2. Laporan kewangan disediakan secara berasingan mengikut Kumpulan Wang dan tidak disatukan. Oleh kerana anak syarikat MAIPk iaitu PKEINPK menggunakan piawaian MFRS, beberapa pelarasan yang berkaitan perlu dibuat sebelum akaunnya disatukan dengan akaun MAIPk.

### 2.2.5 Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)

Pengurusan BZW di negeri Sarawak diletakkan di bawah pentadbiran TBS, yang merupakan sebuah agensi yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri Sarawak pada tahun 1984 di bawah Ordinan Majlis Islam Sarawak (Pemerbadanan) (Pindaan) 1984. Sebelum penubuhan tabung ini, masyarakat Islam di Sarawak menyerahkan secara terus kepada fakir miskin atau guru-guru agama, bidan-bidan kampung dan sebagainya bagi melaksanakan kewajipan berzakat. Namun, dalam menghadapi zaman yang lebih mencabar adalah difikirkan perlunya sebuah tabung bagi membantu memenuhi keperluan umat Islam diadakan. Dengan itu tertubuhlah Tabung Baitulmal Sarawak

pada tahun 1985 sebagai wakil kepada Majlis Islam Sarawak (MIS) yang bertanggungjawab untuk menguruskan zakat, sadaqatul jariah dan wakaf. Bagi tujuan itu, TBS berperanan menyediakan prasarana mengutip, mengagih dan mengurus dana-dana tersebut di samping menyedarkan masyarakat Islam tentang kewajipan berzakat (TBS, 2019).

Kuasa tertinggi bagi Institusi BZW di Sarawak adalah Yang di-Pertuan Agong yang akan memperkenankan segala dasar, pembentukan dan sebarang perubahan enakmen berkaitan Institusi BZW. Manakala dari segi tanggungjawab pengurusan Institusi BZW diletakkan di bawah kuasa Yang Dipertua Majlis TBS. Oleh itu, sebarang keputusan berkaitan pengurusan BZW negeri Sarawak perlu mendapat persetujuan Yang Dipertua Majlis terlebih dahulu. Di samping itu juga, penubuhan TBS tertakluk kepada Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 yang mana segala tindakan dan peraturan bagi pentadbiran zakat dan baitulmal Sarawak perlu merujuk kepada ordinan tersebut.

Untuk merealisasikan visi TBS iaitu “*menjadi sebuah organisasi Islam yang dinamik dan pembela kepada umat manusia khususnya masyarakat islam sarawak*”, TBS menggariskan misi-misi berikut:

- (1) Tabung Baitulmal Sarawak merupakan wakil kepada Majlis Islam Sarawak yang bertanggungjawab dalam pengurusan zakat di Negeri Sarawak.
- (2) Tabung Baitulmal Sarawak berperanan menyediakan kemudahan mengutip, mengagih, mengurus dana zakat dan baitulmal di samping menerangkan tentang kewajipan berzakat.
- (3) Pelanggan-pelanggan Tabung Baitulmal Sarawak adalah masyarakat Islam, badan-badan kerajaan, badan-badan korporat dan pertubuhan-pertubuhan.

Kewujudan syarikat Bela Sempurna Sdn Bhd sebagai anak syarikat kepada TBS adalah bertujuan untuk mempercekapkan proses penyelenggaraan melalui kaedah “*out sourcing*” yang dapat menjimatkan kos. Selain itu, anak syarikat itu telah dapat memberi ruang dan peluang kepada TBS untuk menyedia pekerjaan supaya anak-anak Islam turut terdedah dengan aspek perniagaan ini. Tujuan ini adalah untuk memastikan TBS selaku wakil kepada Majlis Islam Sarawak yang bertanggungjawab dalam menjaga hartaanah Majlis Islam Sarawak dapat lebih fokus kepada kerja utamanya iaitu

mengutip, mengagih dan mentadbir dana zakat, wakaf dan baitulmal. TBS juga mempunyai satu lagi anak syarikat milikan 100% iaitu Ladang Julung Sdn. Bhd., tetapi syarikat ini adalah syarikat yang tidak aktif (*dormant*). Kedua-dua anak syarikat ini ditubuhkan melalui dana Kumpulan Wang Baitulmal (TBS, 2020). Di samping dua anak syarikat ini, TBS juga memiliki pegangan ekuiti di dalam sebuah syarikat bersekutu sebanyak 30% iaitu Syarikat Sendang Timur Sdn. Bhd. TBS merupakan satu-satunya MAIN di Zon 2 yang mempunyai pegangan ekuiti di dalam syarikat bersekutu. Struktur organisasi TBS adalah seperti pada **Rajah 2.6**:



*Rajah 2.6 Struktur Organisasi Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)*

TBS menggunakan piawaian MPERS dalam menyediakan pelaporan kewangan, dan disatukan dengan akaun-akaun anak syarikat dan syarikat bersekutu.

### 2.3 Tanggungjawab Penyediaan Pelaporan Kewangan

Setiap institusi yang terlibat dalam pentadbiran BZW mempunyai pegawai yang bertanggungjawab dalam merekod dan menyediakan laporan kewangan. Mereka terdiri dari pegawai berkelulusan perakaunan.

Laporan yang telah disediakan akan dibentang kepada pengurusan atasan dan akan melalui proses audit oleh Jabatan Audit Negara. Pelaporan kewangan perlulah selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia serta tidak bertentangan dengan enakmen atau ordinan pentadbiran agama Islam bagi negeri masing-masing. Penyata kewangan yang disediakan secara keseluruhannya haruslah

bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan. Ini menjadikan laporan kewangan yang disediakan dapat membantu penilaian terhadap keupayaan institusi BZW untuk beroperasi secara berterusan.

## **2.4 Kesimpulan**

Sebagai rumusannya penubuhan institusi BZW di kelima-lima negeri iaitu Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sarawak adalah tertakluk kepada enakmen atau ordinan negeri masing-masing. Kuasa tertinggi terhadap perkara berkaitan agama terletak di bawah kuasa KDYMM Sultan bagi Kedah dan Perak, KDYMM Raja bagi Perlis dan Yang di-Pertuan Agong bagi negeri-negeri yang tidak beraja seperti Sarawak dan Pulau Pinang. Kecuali LZNK, kesemua main yang lain mempunyai sekurang-kurangnya satu anak syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat untuk tujuan tertentu dengan menggunakan pelbagai dana Kumpulan Wang. TBS merupakan institusi tunggal di Zon 2 yang memiliki pelaburan dalam syarikat bersekutu.

Setiap institusi BZW juga mempunyai seorang pengurus yang bertanggungjawab mengurus institusi ini. Bagi penyediaan laporan kewangan pula, terdapat pegawai yang mempunyai latar belakang bidang perakaunan yang akan berperanan terhadap tugas tersebut. Laporan kewangan yang disediakan adalah mengikut beberapa piawaian seperti MPSAS, MPERS, MFRS dan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan.

Bab seterusnya, iaitu Bab Tiga akan membincangkan tentang kajian literatur yang relevan dengan skop kajian ini.

## **BAB TIGA**

### **SOROTAN KARYA**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini akan dimulakan dengan perbincangan mengenai pendedahan dalam penyata kewangan. Antara konsep-konsep penting yang dibincangkan adalah pendedahan penuh, ketelusan dan akauntabiliti sosial. Seterusnya ia akan membincangkan item-item perakaunan yang menjadi tumpuan kajian ini, iaitu merangkumi sembilan piawaian seperti yang dijelaskan di dalam Bab Satu. Piawaian-piawaian tersebut adalah berkaitan dengan Penyata Kewangan Berasingan, Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan, Pendedahan Pihak Berkaitan, Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan, Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan, Penyata Kewangan Disatukan, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama, Pengaturan Bersama, dan Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain. Antara perkara yang akan dibincangkan adalah objektif piawaian, definisi-definisi penting, isu-isu utama, serta isu-isu yang berkaitan dengan pengukuran, pengiktirafan dan pendedahan maklumat dalam penyata kewangan.

#### **3.2 Pendedahan dalam Penyata Kewangan**

Secara umumnya, pendedahan berkaitan dengan maklumat perakaunan akan dibuat pada muka penyata kewangan, nota-nota kepada akaun dan melalui polisi-polisi organisasi yang berkaitan. Pendedahan maklumat perakaunan seperti aset, liabiliti, hasil dan belanja merupakan tuntutan penting dalam Islam. Ini jelas seperti mana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka, hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhanmu, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu. Kemudian jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi itu), maka, hendaklah direncanakan oleh walinya dengan adil dan benar); dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dalam*

*kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan daripada orang-orang yang kamu setujui menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa daripada saksi-saksi perempuan yang berdua itu, maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi. Dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi. Dan janganlah kamu jemu menulis perkara hutang yang bertempoh masanya itu, sama ada kecil atau besar jumlahnya. Yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah dan lebih membetulkan (menguatkan) keterangan saksi, dan juga lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan kamu. Kecuali perkara itu mengenai perniagaan tunai yang kamu edarkan sesama sendiri, maka tiadalah salah jika kamu tidak menulisnya. Dan adakanlah saksi apabila kamu berjual-beli. Dan janganlah mana-mana jurutulis dan saksi itu disusahkan. Dan kalau kamu melakukan (apa yang dilarang itu), maka sesungguhnya yang demikian adalah perbuatan fasik (derhaka) yang ada pada kamu. Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan (ingatlah), Allah (dengan keterangan ini) mengajar kamu; dan Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.*

(QS Al-Baqarah 2:282)

Islam menyarankan tiga prinsip utama pendedahan maklumat perakaunan iaitu “Pendedahan Penuh”, “Ketelusan” dan “Akauntabiliti Sosial” yang dijelaskan dengan lebih lanjut dalam seksyen berikutnya.

### 3.2.1 Pendedahan Penuh

Menurut Lewis (2001) prinsip pendedahan penuh dalam Islam dikaitkan dengan pendedahan maklumat yang relevan dengan mendedahkan semua fakta secara benar dan adil tentang perkara-perkara yang sedang berlaku dalam ses sebuah entiti. Sebagai contoh, dalam konteks institusi BZW, pendedahan maklumat perakaunan perlulah dibuat berdasarkan kepada kumpulan wang tertentu seperti wakaf, baitulmal dan zakat agar lebih telus. Ini disokong dengan nas-nas Al-Quran yang mana Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

*“Musa berkata: Sesungguhnya Allah berfirman bahawa lembu betina itu adalah lembu betina yang belum pernah dipakai untuk membajak tanah dan tidak pula untuk mengairi tanaman, tidak bercacat, tidak ada belangnya. Mereka berkata: Sekarang barulah kamu menerangkan hakikat lembu betina yang sebenarnya. Kemudian mereka menyembelihnya dan hampir saja mereka tidak melaksanakan perintah itu”.*

(QS Al-Baqarah 2:71)

*“Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi kerana Allah biarpun terhadap dirimu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabatmu. Jika ia kaya ataupun miskin, maka Allah lebih tahu kemaslahatannya. Maka janganlah kamu mengikuti hawa nafsu kerana ingin menyimpang dari kebenaran. Dan jika kamu memutar balikkan (kata-kata) atau enggan menjadi saksi, maka sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui segala apa yang kamu kerjakan”.*

(QS An-Nisa' 4:135)

Lewis (2001) menambah bahawa tujuan pendedahan maklumat perakaunan adalah untuk menjaga kepentingan awam kerana masyarakat atau “*umma*” mempunyai hak untuk mengetahui tentang kesan operasi sesebuah organisasi itu sama ada membawa kesejahteraan dan memenuhi kehendak syariat ataupun tidak. Pendedahan maklumat yang benar dan relevan adalah penting dalam pelbagai aspek kehidupan Islam. Ini kerana terdapat tanggungjawab seperti membayar zakat yang mana pengiraannya memerlukan pendedahan nilai aset dan liabiliti berdasarkan tuntutan Islam demi membantu golongan yang memerlukannya. Prinsip pendedahan penuh juga diperlukan untuk meramlal obligasi masa hadapan dan risiko pelaburan dalam urus niaga yang membabitkan perkongsian perniagaan yang mana para MAIN terlibat dengannya.

### **3.2.2 Transparensi / Ketelusan**

Transparensi atau ketelusan merupakan satu daripada elemen utama dalam tadbir urus sesebuah entiti (Bandsuch, Pate & Thies, 2008). Elemen ini membolehkan para pemegang taruh membuat keputusan yang tepat berhubung prestasi operasi dan kewangan entiti pelaporan. Ketelusan juga mampu mengurangkan asimetri maklumat kerana ia membolehkan semua orang mendapat maklumat yang sama (Chen, Chung, Lee, & Liao, 2007). Pada kebiasaannya, tadbir urus yang baik wujud apabila entiti mempunyai maklumat yang telus (Chiang, 2005). Ketelusan maklumat digambarkan melalui ketepatan dan akses kepada maklumat tersebut (Bandsuch *et al.*, 2008). Ketelusan telah ditakrifkan secara berbeza dalam pelbagai bidang. Dalam konteks persekitaran perniagaan, ketelusan ditakrifkan sebagai ketersediaan maklumat tertentu kepada pihak yang berkepentingan (Bushman, Piotroski, & Smith, 2004). Ketelusan

yang tinggi yang disertai dengan pemantauan akan meningkatkan keyakinan pemegang taruh (Bhasin, 2010).

Secara ringkasnya, ketelusan boleh dikategorikan kepada dua komponen utama iaitu ketelusan kewangan dan ketelusan tadbir urus. Ketelusan kewangan merujuk kepada ketepatan waktu pendedahan kewangan manakala ketelusan tadbir urus merujuk kepada pendedahan tadbir urus yang berkaitan dengan pihak eksekutif dan pengarah (Bushman *et al.*, 2004). Komponen-komponen ini melengkapi antara satu sama lain dan perlu diamalkan untuk menggalakkan amalan ketelusan. Dalam konteks institusi zakat contohnya, maklumat yang berkaitan dengan pengumpulan zakat dan pengedaran adalah sangat sensitif dan oleh itu perlu didedahkan kepada pihak-pihak berkepentingan untuk mengelakkan persepsi negatif. Selain itu, entiti yang mempunyai ketelusan maklumat yang lemah akan menanggung kos agensi yang lebih tinggi (Chen *et al.*, 2007).

Dalam konteks institusi seperti institusi zakat, ketelusan juga telah menjadi keutamaan. Sebagai contoh PPZ-MAIWP menunjukkan komitmen mereka untuk mencapai tadbir urus yang baik dengan memastikan wujudnya ketelusan dalam laporan mereka (PPZ-MAIWP, 2009). Selain itu, beberapa institusi zakat lain seperti LZNK turut mengambil inisiatif untuk menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam membuktikan ketelusan mereka. LZNK misalnya telah memperkenalkan aplikasi “*zakat on touch*” untuk memudahkan pihak pengurusan, pembayar zakat, dan pihak lain yang berminat memantau dan menyemak kutipan dan agihan zakat melalui telefon pintar.

### **3.2.3 Akauntabiliti Sosial**

Dalam Al-Quran, perkataan “*hisab*” diulang lebih daripada lapan kali dalam ayat-ayat yang berlainan (Askary & Clarke, 1997). “*Hisab*” atau “*akaun*” adalah asas kepada perakaunan. Menurut Al-Quran, “*hisab*” adalah kewajiban untuk “*mengakaunkan*” kepada Allah segala perbuatan manusia dan manusia adalah “*bertanggungjawab*” terhadap perbuatan tersebut.

Manusia hanyalah pemegang amanah terhadap apa yang telah diberikan oleh Allah SWT dalam bentuk barang, harta benda dan aset tidak nyata. Kejayaan seseorang muslim di dunia dan akhirat bergantung kepada sejauh mana dia menggunakan apa yang telah diamanahkan kepadanya. Ini bermakna setiap muslim mempunyai “*akaun*” dengan Allah SWT yang mana ia tercatat segala tindakan yang baik dan buruk sepanjang kehidupannya di dunia ini. “*Akaun*” itu akan berterusan sehingga hari kematian dan Allah SWT akan menunjukkan kepada semua mereka pada hari pembalasan. Perbincangan ini adalah amat bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Maka bagaimakah halnya apabila mereka (orang-orang munafik) ditimpa sesuatu musibah disebabkan perbuatan tangan mereka sendiri, kemudian mereka datang kepadamu sambil bersumpah: Demi Allah, kami sekali-kali tidak menghendaki selain penyelesaian yang baik dan perdamaian yang sempurna”.*

(QS An-Nisa’ 4:62)

Oleh itu, persamaan asas antara “*hisab*” dalam Islam dan “*perakaunan*” terletak kepada akauntabiliti setiap muslim untuk menjalankan tugas seperti yang telah disyariatkan oleh Islam.

Abdul Rahim (2010) menyatakan bahawa dua prinsip di atas bermaksud keperluan kepada para penyedia akaun untuk mendedahkan segala maklumat yang berguna dan penting kepada pengguna maklumat perakaunan untuk membuat keputusan. Pendedahan sebegitu rupa dibuat kerana itu adalah suruhan daripada Allah SWT demi menjaga kepentingan “*umma*” atau masyarakat. Kesimpulannya, pendedahan menurut perakaunan konvensional adalah terhad untuk memenuhi undang-undang sekular dan menekankan kepada akauntabiliti peribadi (contoh, agen dan principal) berlandaskan falsafah rasional ekonomi (contoh, sistem ekonomi kapitalis), manakala perakaunan Islam menekankan pendedahan telus dan akauntabiliti sosial (moral) (Baydoun & Willet, 2000; Khoramin, 2012; Lewis, 2001).

### **3.3 Penyata Kewangan Berasingan (MPSAS 34)**

Di dalam pelaporan kewangan korporat, sesebuah syarikat yang mempunyai syarikat subsidiari perlu menyediakan penyata kewangan berasingan dan penyata kewangan disatukan. Penyata kewangan berasingan hanya melaporkan item-item penyata

kewangan milik syarikat induk manakala penyata kewangan disatukan merupakan penyata yang menggabungkan semua item-item penyata kewangan syarikat induk dan semua anak syarikat. MAIN juga tidak terkecuali dengan keperluan ini kerana institusi ini juga mempunyai anak syarikat dan syarikat bersekutu.

MPSAS 34 menerangkan keperluan-keperluan perakaunan dan pendedahan yang perlu diikuti oleh syarikat induk dalam penyediaan penyata kewangan berasingan berhubung pelaburan di dalam entiti dikawal, bersekutu dan usaha sama. Piawaian ini terpakai untuk semua entiti sektor awam kecuali Perusahaan Perniagaan Kerajaan (*Government Business Enterprises*). MPSAS 34 mendefinisikan penyata kewangan berasingan sebagai penyata yang disediakan oleh entiti untuk mengakaunkan pelaburan dalam entiti dikawal, bersekutu dan usaha sama, sama ada pada kos, mengikut MPSAS 29 atau menggunakan kaedah ekuiti seperti yang terkandung dalam MPSAS 36.

Berdasarkan Perenggan 7 MPSAS 34, penyata kewangan berasingan adalah penyata yang dibentangkan sebagai tambahan kepada penyata kewangan yang disatukan, atau sebagai tambahan kepada penyata kewangan seseorang pelabur yang tidak mempunyai entiti terkawal tetapi mempunyai pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama di mana pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usah asama dikehendaki oleh MPSAS 36 untuk diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti.

Dari segi penyediaan penyata, pelaburan dalam entiti dikawal, bersekutu dan usaha sama haruslah diakaunkan sama ada;

- (1) Pada kos;
- (2) Mengikut MPSAS 29; atau
- (3) Menggunakan kaedah ekuiti.

Dividen yang diterima daripada syarikat pelaburan perlu diiktiraf dan dilaporkan dalam penyata kewangan berasingan.

Dari segi pendedahan, entiti perlu mendedahkan maklumat berikut di dalam penyata kewangan berasingan:

- (1) Senarai pelaburan yang signifikan di dalam entiti dikawal, bersekutu dan usaha sama termasuk perkara berikut:

- (a) Nama syarikat yang dikawal, bersekutu dan usaha sama
  - (b) Negara operasi syarikat
  - (c) Peratus kepentingan pemilikan yang dipegang dalam entiti tersebut dan deskripsi cara penentuan peratus milikan tersebut.
- (2) Deskripsi kaedah yang digunakan untuk mengakaunkan entiti dikawal, bersekutu dan usaha sama yang disenaraikan dalam (a).

Semua maklumat pendedahan berkaitan MPSAS 34 biasanya ditunjukkan dalam nota kepada penyata kewangan. Maklumat (b) biasanya didedahkan di bahagian polisi perakaunan syarikat manakala maklumat (a) didedahkan di bahagian perincian setiap akaun berkaitan sama ada pelaburan dalam subsidiari, pelaburan dalam syarikat bersekutu atau pelaburan dalam usaha sama.

Palea (2014) mengkaji kesan penyata kewangan berasingan ke atas pasaran menggunakan data dari Itali. Kajian ini mendapati penyata kewangan berasingan adalah bernilai relevan kepada para pelabur. Ini menunjukkan penyata kewangan berasingan adalah berguna dan memberi manfaat kepada pengguna penyata kewangan.

### **3.4 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan (MPSAS 14)**

MPSAS 14pula membincangkan tentang pelarasan yang perlu dilakukan kepada penyata kewangan bagi peristiwa selepas tarikh pelaporan dan pendedahan yang harus dibuat oleh entiti tentang tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan dan peristiwa selepas tarikh pelaporan. Piawaian ini juga menetapkan supaya entiti tidak menyediakan penyata kewangannya atas dasar usaha berterusan jika peristiwa selepas tarikh pelaporan menunjukkan bahawa andaian usaha berterusan adalah tidak wajar.

Piawaian ini mentakrifkan peristiwa selepas tarikh pelaporan sebagai peristiwa yang memuaskan dan tidak memuaskan yang berlaku antara tarikh pelaporan dan tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan. Terdapat dua jenis peristiwa iaitu:

- (1) Peristiwa yang membuktikan keadaan yang wujud pada tarikh pelaporan (peristiwa pelarasan selepas tarikh pelaporan) dan
- (2) Peristiwa yang menunjukkan keadaan yang wujud selepas tarikh pelaporan (peristiwa tak perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan).

Sekiranya peristiwa yang berlaku merupakan peristiwa perlu pelarasan maka penyata kewangan tersebut perlu dibuat pelarasan sebelum diterbitkan kepada awam. Untuk peristiwa yang tidak memerlukan pelarasan, maklumat ini perlu didedahkan dalam nota kepada penyata kewangan.

Sebelum menentukan sama ada sesuatu peristiwa menepati takrif peristiwa selepas tarikh pelaporan, entiti perlu mengenal pasti tarikh pelaporan dan tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan. Tarikh pelaporan ialah hari terakhir tempoh pelaporan penyata kewangan yang berkaitan. Tarikh kebenaran untuk diterbitkan ialah tarikh penyata kewangan mendapat kelulusan daripada individu atau badan yang mempunyai kuasa untuk memuktamadkan penyata tersebut untuk diterbitkan.

Antara contoh peristiwa perlu pelarasan adalah seperti di bawah:

- (1) Penyelesaian kes mahkamah selepas tarikh pelaporan yang mengesahkan bahawa entiti mempunyai obligasi kini pada tarikh pelaporan. Entiti perlu membuat pelarasan peruntukan yang diiktiraf sebelum ini yang berkaitan dengan kes mahkamah ini. Penyelesaian tersebut memberikan bukti tambahan kepada kes yang telah wujud pada tarikh pelaporan.
- (2) Mendapat maklumat selepas tarikh pelaporan yang menunjukkan bahawa aset mengalami rosot nilai pada tarikh pelaporan. Sebagai contoh:
  - (a) Kebankrapan penghutang yang berlaku selepas tarikh pelaporan biasanya mengesahkan bahawa kerugian atas akaun belum terima telah pun wujud pada tarikh pelaporan, dan entiti perlu melaraskan amaun bawaan bagi akaun belum terima; dan
  - (b) Jualan inventori selepas tarikh pelaporan boleh membuktikan tentang nilai realisasi bersih pada tarikh pelaporan;
  - (c) Penentuan/pengesahan yang dibuat selepas tarikh pelaporan bagi kos aset yang dibeli, atau hasil yang diperoleh daripada aset yang dijual sebelum tarikh pelaporan;
  - (d) Penentuan/pengesahan yang dibuat selepas tarikh pelaporan bagi jumlah hasil yang dikutip semasa tempoh pelaporan yang akan dikongsi dengan kerajaan lain di bawah perjanjian perkongsian hasil.

- (e) Penentuan/pengesahan yang dibuat selepas tarikh pelaporan bagi bayaran bonus prestasi yang perlu dibuat kepada kakitangan jika entiti mempunyai kewajipan di sisi undang-undang atau kewajipan konstruktif pada tarikh pelaporan untuk membuat bayaran tersebut disebabkan oleh peristiwa yang berlaku sebelum tarikh itu; dan
- (f) Penemuan kesilapan yang menunjukkan bahawa penyata kewangan adalah tidak betul.

Entiti tidak perlu membuat pelarasan di dalam penyata kewangan untuk menggambarkan peristiwa yang diklasifikasikan sebagai peristiwa tak perlu pelarasan. Sekiranya peristiwa tak perlu pelarasan adalah material maka pendedahan perlu dibuat kerana maklumat ini boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna penyata kewangan. Contoh-contoh peristiwa tak perlu pelarasan ditunjukkan di bawah;

- (1) Penurunan nilai yang luar biasa bagi hartanah yang dibawa pada nilai saksama.
- (2) Entiti memutuskan, selepas tarikh pelaporan, untuk menyediakan/mengagihkan manfaat tambahan yang besar kepada peserta dalam program khidmat komuniti yang dikendalikannya.
- (3) Pembelian atau penjualan entiti dikawal yang utama, atau mendapat khidmat luaran bagi semua atau sebahagian besar aktiviti yang sedang dilaksanakan oleh sesebuah entiti selepas tarikh pelaporan.
- (4) Mengumumkan rancangan untuk menghentikan operasi atau program utama, melupuskan aset, atau menyelesaikan liabiliti yang berpunca daripada operasi atau program utama yang dihentikan.
- (5) Pembelian dan pelupusan aset secara besar-besaran.
- (6) Kemusnahan bangunan utama akibat kebakaran selepas tarikh pelaporan.
- (7) Mengumumkan atau mula melaksanakan penyusunan semula secara besar-besaran.
- (8) Memperkenalkan undang-undang untuk menghapuskan pinjaman yang dibuat kepada entiti atau individu sebagai sebahagian daripada program.
- (9) Perubahan yang luar biasa besarnya dalam harga aset atau kadar pertukaran asing selepas tarikh pelaporan.
- (10) Dalam kes entiti yang boleh dikenakan cukai pendapatan atau cukai yang setara dengan cukai pendapatan, perubahan dalam kadar cukai atau undang-undang

percakaian yang digubal atau diumumkan selepas tarikh pelaporan yang memberikan kesan yang signifikan terhadap cukai semasa dan cukai tertunda aset dan liabiliti.

- (11) Terlibat dengan komitmen atau menanggung liabiliti kontingen yang signifikan, contohnya, dengan mengeluarkan jaminan yang signifikan selepas tarikh pelaporan.
- (12) Memulakan litigasi utama yang timbul semata-mata akibat peristiwa yang berlaku selepas tarikh pelaporan.

### **3.5 Pendedahan Pihak Berkaitan (MPSAS 20)**

Dari perspektif perakaunan, pihak berkaitan dianggap berkaitan jika satu pihak mempunyai keupayaan untuk (a) mengawal pihak yang satu lagi, atau (b) melaksanakan pengaruh signifikan ke atas pihak yang satu lagi dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau jika entiti pihak berkaitan dan entiti lain tertakluk kepada kawalan bersama.

Menurut MPSAS 20, urus niaga pihak berkaitan pula ialah pemindahan sumber atau obligasi di antara pihak yang berkaitan, tanpa mengira sama ada harga dikenakan atau tidak. Urus niaga pihak berkaitan tidak termasuk urus niaga dengan mana-mana entiti lain yang merupakan pihak yang berkaitan semata-mata kerana pergantungan ekonominya terhadap entiti pelapor atau kerajaan yang mana ia menjadi sebahagian.

#### **3.5.1 Pentingnya Pendedahan Pihak Berkaitan**

MPSAS 20 *Pendedahan Pihak Berkaitan* adalah bertujuan supaya entiti sektor awam mendedahkan:

- (1) kewujudan hubungan di antara pihak berkaitan di mana wujudnya kawalan, dan
- (2) maklumat mengenai urus niaga antara entiti dengan pihak-pihak yang berkaitan dengannya dalam keadaan tertentu.

Menurut MPSAS 20, maklumat ini diperlukan untuk tujuan akauntabiliti, dan supaya kedudukan kewangan dan prestasi sesebuah entiti lebih mudah difahami. Penekanan yang diberikan kepada akauntabiliti ini adalah selari dengan konsep perakaunan Islam yang menekankan konsep akauntabiliti sosial di mana manusia di dunia ini adalah sebagai pemegang amanah (Baydoun & Willett, 1997; Chapra, 2000). Dalam hal ini, MAIN yang berperanan sebagai pemegang amanah mempunyai kewajipan untuk mendedahkan maklumat perakaunan secara benar dan saksama kepada pemegang taruh agar keputusan yang tepat dapat dibuat. Pengguna penyata bukan sahaja berminat untuk melihat keuntungan atau kedudukan kewangan semata-mata, tetapi lebih daripada itu. Akauntabiliti merupakan konsep asas kepada kerangka kerja konseptual perakaunan dan pelaporan kewangan Islam yang dibangunkan dalam kajian ini. Bab Enam membincangkan perkara ini dengan lebih mendalam.

Selain daripada itu, ketelusan (transparensi) juga merupakan perkara utama yang harus diberikan perhatian oleh sesebuah entiti apabila wujudnya pihak berkaitan dan urus niaga yang melibatkan pihak berkaitan di dalam entiti tersebut. Ini adalah kerana hubungan istimewa yang wujud antara pihak berkaitan boleh menimbulkan konflik kepentingan yang boleh memanfaatkan individu yang terlibat dan boleh menjaskan kepentingan pemegang taruh yang lain.

Menurut konsep ketelusan, Haniffa (2002) menyatakan yang sesebuah entiti perniagaan hendaklah bertanggungjawab kepada pemegang taruhnya. Sesebuah entiti tidak harus menumpukan kepada nilai kewangan semata-mata, tetapi juga kepada tanggungjawab sosialnya kepada ummah. Oleh itu, sesebuah perniagaan juga harus mendedahkan maklumat mengenai polisi, aktiviti yang dijalankan, sumbangan kepada masyarakat, dan penggunaan sumber dan perlindungan alam sekitar (Asri Marsidi *et al.*, 2017). Walaupun saranan ini dibuat ke atas entiti perniagaan, ia juga terpakai kepada entiti awam, termasuk MAIN. Ini adalah kerana MAIN dipertanggungjawabkan untuk menjaga dan mengurus harta yang disumbangkan melalui zakat, baitulmal dan wakaf. Seperti juga entiti perniagaan, MAIN juga terdedah kepada risiko penyelewengan dan *fraud* apabila terdapat pihak berkaitan.

### **3.5.2 Pendedahan**

Pendedahan pihak berkaitan harus dibuat kerana hubungan pihak berkaitan boleh mempengaruhi cara entiti beroperasi dengan entiti lain dalam mencapai objektif masing-masing, dan hubungan pihak berkaitan boleh mendedahkan entiti kepada risiko, atau menyediakan peluang yang tidak akan wujud tanpa ketiadaan hubungan tersebut. Dua isu utama dalam mendedahkan maklumat mengenai pihak berkaitan adalah:

- (1) mengenal pasti pihak mana yang mengawal atau mempengaruhi secara signifikan sesebuah entiti pelapor, dan
- (2) menentukan maklumat mana yang harus didedahkan apabila terdapat transaksi dengan pihak berkaitan.

Sama seperti entiti kerajaan yang lain, hubungan pihak berkaitan juga wujud di MAIN. Ini adalah kerana (a) MAIN adalah tertakluk kepada arahan kerajaan persekutuan dan negeri dan bekerja sama dengan badan-badan lain untuk mencapai dasar kerajaan; dan (b) ahli-ahli majlis atau lembaga yang dilantik oleh kerajaan serta pengurusan kanan boleh mempengaruhi operasi MAIN.

MPSAS 20 menyarankan pendedahan pihak berkaitan dibuat seperti berikut:

#### **3.5.2.1 Pendedahan Kawalan**

Entiti pelapor perlu mendedahkan hubungan pihak berkaitan di mana wujudnya kawalan, tanpa mengira sama ada terdapat urus niaga atau tidak di antara pihak-pihak yang berkaitan.

#### **3.5.2.2 Pendedahan Transaksi Pihak Berkaitan**

Bagi urus niaga di antara pihak-pihak yang berkaitan, selain daripada urus niaga yang akan berlaku dalam hubungan pembekal biasa atau hubungan pelanggan dan sebagainya, entiti pelapor hendaklah mendedahkan:

- (1) Sifat hubungan pihak berkaitan;
- (2) Jenis urus niaga yang dijalankan; dan

- (3) Elemen urus niaga yang diperlukan untuk menjelaskan pentingnya urus niaga tersebut kepada operasinya dan mencukupi untuk membolehkan penyata kewangan menyediakan maklumat yang relevan dan boleh dipercayai untuk tujuan membuat keputusan dan akauntabiliti.

### **3.5.2.3 Pendedahan - Personel Pengurusan Utama**

Entiti hendaklah mendedahkan:

- (1) Ganjaran agregat kakitangan pengurusan utama dan bilangan individu, yang ditentukan berdasarkan asas sepenuh masa setara, yang menerima imbuhan dalam kategori ini, dengan menunjukkan kumpulan utama kakitangan pengurusan utama dan perihal setiap kelas;
- (2) Jumlah kesemua imbuhan dan pampasan lain yang diberikan kepada kakitangan pengurusan utama dan ahli keluarga terdekat mereka oleh entiti pelapor dalam tempoh pelaporan, dengan menunjukkan secara berasingan amaun agregat yang diberikan kepada:
- (a) Kakitangan pengurusan utama; dan
  - (b) Anggota keluarga terdekat kakitangan pengurusan utama; dan
- (3) Berkaitan dengan pinjaman yang tidak tersedia secara meluas kepada kakitangan bukan kakitangan pengurusan utama dan kemudahan pinjaman yang tidak diketahui secara meluas oleh orang awam, untuk setiap anggota pengurusan utama dan setiap ahli keluarga terdekat kakitangan pengurusan utama:
- (a) Jumlah pinjaman yang dibuat pada tempoh laporan, berserta terma dan syarat;
  - (b) Jumlah pinjaman yang dibayar balik dalam tempoh tersebut;
  - (c) Jumlah baki penutup semua pinjaman dan penghutang; dan
  - (d) Jika individu itu bukan pengarah atau anggota badan pentadbir atau kumpulan pengurusan kanan entiti, hubungan individu kepada badan atau kumpulan itu.

### **3.6 Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan (MPSAS 22)**

Sektor am kerajaan (*General Government Sector*, GGS) merangkumi semua entiti organisasi am kerajaan seperti yang ditakrifkan dalam pelaporan kewangan berasaskan statistik iaitu yang terdiri daripada entiti kewangan awam dan entiti bukan kewangan awam. Tujuan penyata kewangan disediakan mengikut pelaporan kewangan berasaskan statistik adalah untuk menyediakan maklumat yang sesuai bagi menganalisis dan menilai dasar fiskal, terutamanya prestasi GGS dan sektor awam secara lebih meluas bagi sesebuah negara. Sebaliknya, objektif penyata kewangan yang disediakan mengikut MPSAS adalah untuk menyediakan maklumat yang berguna bagi membuat keputusan, dan untuk menunjukkan akauntabiliti entiti terhadap sumber yang diamanahkan kepadanya dan yang dikawalnya.

Pelaporan kewangan yang berasaskan statistik selain memberikan maklumat mengenai sektor awam secara keseluruhannya juga turut menyentuh tentang Syarikat Kewangan Awam (*Public Financial Corporations*, PFC) dan Syarikat Bukan Kewangan Awam (*Public Non-Financial Corporations*, PNFC). PFC terdiri daripada syarikat kewangan setempat, separa korporat dan institusi bukan keuntungan yang dikendalikan oleh kerajaan dan terlibat sebagai pengantara kewangan dan penyedia perkhidmatan kewangan untuk pasaran. Ini termasuklah bank yang dikawal kerajaan seperti bank pusat, dan institusi kewangan kerajaan lain yang beroperasi berasaskan pasaran. PNFC pula terdiri daripada syarikat bukan kewangan, separa korporat, dan institusi bukan keuntungan yang dikendalikan oleh kerajaan yang menghasilkan barang dan menyediakan perkhidmatan bukan kewangan untuk pasaran. Contoh PNFC adalah entiti seperti syarikat utiliti awam dan entiti lain yang terlibat dalam urus niaga barang dan perkhidmatan.

MPSAS 22 adalah piawaian perakaunan yang menyentuh tentang Pendedahan Maklumat Kewangan tentang Sektor Am Kerajaan. Ia telah dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara pada bulan Ogos 2015 dan berkuat kuasa bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Piawaian ini terpakai kepada pihak kerajaan yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan yang disatukan secara kaedah akruan dan memilih

untuk mendedahkan maklumat kewangan mengenai sektor am kerajaan dalam penyata tersebut.

Dari segi polisi perakaunan, piawaian ini membenarkan, tetapi tidak memerlukan, pendedahan maklumat mengenai GGS. Sama ada atau tidak pendedahan maklumat mengenai GGS akan dibuat dalam penyata kewangan akan ditentukan oleh kerajaan atau pihak berkuasa yang bersesuaian di setiap bidang kuasa. Maklumat kewangan mengenai GGS hendaklah didedahkan selaras dengan dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai dalam menyediakan dan mempersembahkan penyata kewangan disatukan kerajaan, kecuali seperti yang dikehendaki oleh dua perkara berikut:

- (1) Dalam mempersembahkan maklumat kewangan mengenai GGS, entiti tidak akan menerima pakai keperluan MPSAS 6 Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan berkenaan dengan entiti dalam PFC dan PNFC.
- (2) GGS akan mengiktiraf pelaburannya dalam PFC dan PNFC sebagai aset, dan hendaklah mengakaunkan aset itu pada nilai bawaan aset bersih penerima pelaburan.

Pendedahan yang dibuat berkenaan dengan GGS hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya perkara yang berikut:

- (1) Aset mengikut kelas utama, yang menunjukkan pelaburan secara berasingan dalam sektor lain.
- (2) Liabiliti mengikut kelas utama.
- (3) Aset bersih/ekuiti.
- (4) Jumlah kenaikan dan pengurangan daripada penilaian semula dan lain-lain butiran hasil dan perbelanjaan yang diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti.
- (5) Hasil mengikut kelas utama.
- (6) Perbelanjaan mengikut kelas utama.
- (7) Lebihan atau defisit.
- (8) Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti operasi mengikut kelas utama.
- (9) Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pelaburan.
- (10) Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti kewangan/pembiayaan.

Kaedah persembahan terhadap pendedahan GGS mestilah tidak lebih menonjol daripada penyata kewangan kerajaan yang disediakan mengikut MPSAS. Entiti yang menyediakan pendedahan GGS mestilah mendedahkan entiti dikawal yang signifikan yang termasuk dalam GGS, dan sebarang perubahan dalam entiti tersebut dari tempoh sebelumnya, bersama-sama dengan penjelasan mengenai alasan mengapa entiti sedemikian yang sebelum ini adalah GGS tidak lagi termasuk. Pendedahan GGS mesti diselaraskan dengan penyata kewangan disatukan kerajaan, menunjukkan jumlah penyesuaian secara berasingan kepada setiap item bersamaan dalam penyata kewangan tersebut.

Kesimpulannya, MPSAS 22 merupakan panduan berkenaan keperluan pendedahan bagi kerajaan yang memilih untuk mempersebahankan maklumat mengenai GGS dalam penyata kewangan yang disatukannya. Pendedahan maklumat yang sesuai mengenai GGS sesebuah kerajaan penting dalam meningkatkan ketelusan pelaporan kewangan dan pemahaman tentang aktiviti pasaran dan bukan pasaran kerajaan, dan penyata kewangan yang disediakan berdasarkan MPSAS dan statistik.

### **3.7 Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan (MPSAS 24)**

Bajet merupakan satu penyataan mengenai anggaran hasil atau penerimaan dan perbelanjaan yang akan dilakukan pada tahun berikutnya yang dinyatakan dalam bentuk kewangan atau kuantitatif. Secara umumnya, hasil-hasil kerajaan terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan cukai dan lain-lain lagi. Perbelanjaan pula merangkumi emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan tetap dan lain-lain perbelanjaan. Bagi MAIN pula, hasil dan belanjanya terdiri daripada perkara-perkara yang berkaitan dengan zakat, wakaf, baitulmal dan pentadbiran. Bajet merupakan satu perancangan sosioekonomi bagi menguruskan hal ehwal negara dan entiti sektor awam termasuklah para MAIN. Bajet bukan sahaja berperanan sebagai alat perancangan untuk pentadbiran kerajaan malahan ia juga penting dalam menentukan hala tuju dan daya saing negara secara keseluruhannya (Engku Ismail, 2019).

Dua matlamat utama bajet adalah memenuhi kehendak perundangan dan sebagai alat perancangan dan kawalan (Engku Ismail, 2019). Penerangan lanjut mengenainya dapat dilihat melalui perenggan-perenggan yang berikut:

**(a) Memenuhi Kehendak Perundangan**

Bagi memenuhi matlamat yang pertama, bajet perlulah dibentangkan dan diluluskan oleh Parlimen di peringkat persekutuan dan Dewan Undangan Negeri di peringkat negeri. Bagi MAIN pula bajetnya hendaklah dibentang dan diluluskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan (atau Raja Pemerintah), Menteri, Menteri Besar dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (sila lihat Jadual 3.1).

Terdapat undang-undang yang terpakai bagi bajet dan antaranya Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 di bawah Perkara 98 hingga 104. Sebagai contoh, Perkara 99 menyatakan tentang keperluan pihak kerajaan menyediakan satu bajet tahunan. Perincian mengenai keperluan Perlembagaan Persekutuan dijelaskan secara lebih lanjut melalui Akta Acara Kewangan 1957 (sebagai contoh, Seksyen 7 dan 15), Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling-Pekeliling Perbendaharaan dan Kewangan yang berkaitan. Bagi MAIN pula, keperluan menyediakan, meluluskan dan penyiaran bajet dinyatakan melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri (sila lihat Jadual 1) atau undang-undang lain yang berkaitan.

**Jadual 3.1: Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri berkaitan Bajet**

Negeri	Bentang Kepada Dan Diluluskan Oleh	Disiarkan Dalam Warta	Seksyen Menurut Enakmen/Ordinan Pentadbiran Islam Negeri
Perlis	Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Ya	Seksyen 82: Anggaran pendapatan dan belanjawan
Kedah	Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Ya	Seksyen 48: Anggaran pendapatan dan belanjawan
Pulau Pinang	Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Ya	Seksyen 82: Anggaran pendapatan dan belanjawan
Perak	Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Menteri Besar	Ya	Seksyen 71: Anggaran pendapatan dan belanjawan.
Sarawak	Menteri	Tidak Dinyatakan	Seksyen 71: Anggaran pendapatan dan perbelanjaan.

Sumber: Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perlis) 2006, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 dan Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001

**(b) Alat Perancangan dan Kawalan**

Matlamat kedua pula adalah berkaitan dengan kedudukan sumber kewangan kerajaan yang terhad namun keperluan dan tanggungjawab pula semakin bertambah dari masa ke semasa. Sebagai contoh, para MAIN mempunyai tanggungjawab yang besar untuk menguruskan dana-dana yang berkaitan dengan baitulmal, zakat dan wakaf. Banyak perkara dan isu yang perlu diuruskan dalam menguruskan dana-dana tersebut. Oleh yang demikian, perancangan kewangan yang mantap perlulah dimanifestasikan melalui bajet yang teliti dan berwawasan. Namun, perancangan yang baik adalah tidak memadai jika tidak diikuti dengan kawalan yang berkesan. Ini penting agar segala hasil dan perbelanjaan yang diuruskan dibuat mengikut kehendak perundangan. Selain itu, para MAIN juga perlu memastikan pengurusan tersebut memenuhi tuntutan syarak.

Sebagai tambahan, menurut Engku Ismail (2019), terdapat beberapa fungsi utama bajet dan mereka adalah seperti yang berikut:

- (1) Fungsi Peruntukan – Bajet berperanan untuk memperuntukkan semua sumber kewangan negara kepada sektor-sektor penting seperti keselamatan, sosial, ekonomi, pentadbiran dan lain-lain. Ini adalah perlu supaya akauntabiliti kerajaan dapat dilaksanakan dan dicapai dengan lebih ekonomi, efisien dan efektif.
- (2) Fungsi Agihan - Bajet bertindak untuk mengagihkan kembali kekayaan negara secara adil dan saksama kepada yang bidang-bidang kritikal dan yang memerlukan seperti pendidikan percuma, buku percuma, agihan kepada para asnaf, subsidi dan lain-lain lagi. Dengan fungsi ini, jurang antara orang kaya dan miskin di negara ini dapat dikurangkan.
- (3) Fungsi Penstabilan - Melalui bajet pihak kerajaan boleh menstabilkan keadaan sosioekonomi negara dengan melaksanakan langkah-langkah yang perlu. Sebagai contoh, mengurangkan cukai pendapatan individu muslim melalui rebat zakat, kawalan terhadap kadar pengangguran dan kawalan terhadap harga barang melalui penghapusan cukai.
- (4) Fungsi Perancangan, Kawalan dan Pengukuran Prestasi – Sebagai alat pengurusan, bajet penting dalam mengurus sumber kewangan seperti yang dirancang, memainkan fungsi kawalan agar perbelanjaan tidak melampaui

peruntukan dan bertindak untuk membandingkan prestasi sebenar dengan perancangan agar penambahbaikan berterusan dapat dilakukan.

MPSAS 24 adalah piawaian perakaunan yang menyentuhkan tentang Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan. Ia merupakan salah satu piawaian yang unik kepada sektor awam berbanding swasta. Piawaian ini telah dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara pada bulan Jun 2013 dan berkuat kuasa bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Tujuan utama terhadap keperluan entiti sektor awam untuk membentangkan maklumat bajet tersebut adalah untuk memastikan mereka melaksanakan kewajipan akauntabiliti dan meningkatkan ketelusan penyata kewangan. Aspek-aspek yang diberi perhatian khusus termasuklah tahap pematuhan terhadap bajet yang diluluskan, keperluan menyediakan bajet menggunakan asas yang sama dengan penyata kewangan dan prestasi kewangan yang dicapai berbanding bajet.

Piawaian ini terpakai kepada semua entiti sektor awam selain Perusahaan Perniagaan Kerajaan (Government Business Enterprise, GBE), yang dikehendaki, atau memilih untuk, mendedahkan bajet yang diluluskan kepada umum. Ini bermaksud keperluan untuk membentangkan maklumat bajet kepada umum (termasuk perbandingan dengan amaun sebenar) dalam set penyata kewangan entiti sektor awam bukanlah menjadi satu kewajipan kepada semua entiti sektor awam.

Bajet yang diluluskan menurut MPSAS 24 menggambarkan tentang pendapatan atau penerimaan yang dijangkakan akan timbul dalam tempoh anggaran secara tahunan atau berbilang tahun, berdasarkan perancangan semasa dan jangkaan keadaan ekonomi semasa sepanjang tempoh bajet tersebut, dan perbelanjaan yang diluluskan oleh badan perundangan atau pihak berkuasa lain yang berkaitan. Ia bukanlah anggaran atau ramalan masa hadapan berdasarkan kepada andaian tentang peristiwa masa depan dan tindakan pengurusan yang mungkin tidak dijangka akan berlaku.

Ciri kritikal bajet yang diluluskan ialah pemberian kuasa untuk mengeluarkan wang dari perpendaharaan kerajaan atau badan yang serupa untuk tujuan yang dipersetujui dan dikenal pasti oleh badan perundangan iaitu Parlimen atau Dewan Undangan Negeri atau pihak berkuasa yang bersesuaian seperti majlis. Bajet yang diluluskan menetapkan kuasa dan had perbelanjaan untuk item yang telah ditentukan berdasarkan

operasi sesebuah entiti kerajaan itu. Bajet yang diluluskan dan dipertanggungjawabkan terhadap entiti sektor awam itu boleh jadi bajet asal, dan ia mungkin bajet akhir. Bajet asal adalah bajet yang diluluskan pada awal tempoh bajet. Bajet akhir pula adalah bajet asal yang mengalami perubahan seperti penambahan atau pengurangan amaun setelah mengambil kira faktor-faktor yang mungkin timbul selepas itu seperti kekurangan hasil kerajaan, pertambahan perbelanjaan, perubahan polisi kerajaan, kemelesetan ekonomi, perang, bencana alam dan lain-lain lagi. Dalam lain perkataan, bajet akhir termasuklah semua perubahan atau pindaan yang dibenarkan. MPSAS 24 juga menggunakan istilah 'sebenar' atau 'jumlah sebenar' untuk menerangkan amaun yang terhasil daripada pelaksanaan sesuatu bajet itu.

Antara perkara-perkara penting yang perlu diambil kira dalam pendedahan maklumat tersebut adalah seperti yang berikut:

- (1) Peruntukan undang-undang yang terpakai dalam penyediaan bajet (perlembagaan, akta, ordinan, enakmen, peraturan).
- (2) Penyediaan bajet mengikut kumpulan wang (hasil, amanah, hutang, zakat, wakaf dan baitulmal).
- (3) Perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar.
- (4) Sama ada bajet dan penyata kewangan disediakan pada asas boleh banding (asas perakaunan tunai atau akruan, klasifikasi, tempoh dan format).
- (5) Penyesuaian yang dilakukan jika penyediaan bajet dan penyata kewangan disediakan pada asas tidak boleh banding. Jika asas akruan diterima pakai untuk bajet, jumlah hasil, jumlah perbelanjaan dan aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi, aktiviti pelaburan dan aktiviti pembiayaan perlulah dibuat penyesuaian. Jika asas selain daripada asas akruan digunakan untuk bajet, aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi, aktiviti pelaburan dan aktiviti pembiayaan memerlukan penyesuaian.
- (6) Cara perbandingan bajet dan amaun sebenar didekahkan (sebagai penyata kewangan tambahan yang berasingan atau lajur bajet tambahan dalam penyata kewangan semasa yang dibentangkan berdasarkan MPSAS).
- (7) Nota pendedahan, dokumen-dokumen lain, jadual dan rajah yang menerangkan tentang perbezaan material antara amaun bajet asal dan bajet akhir, dan amaun bajet (asal atau akhir) dengan amaun sebenar.

- (8) Perincian dan pengagregatan terhadap butiran-butiran bajet yang berkaitan dengan kumpulan wang, aktiviti dan program.
- (9) Sama ada bajet entiti disediakan secara disatukan atau diasingkan dengan entiti yang dimiliki atau dikawal.
- (10) Sama ada bajet yang diluluskan dan didedahkan kepada awam dibuat secara berbilang tahun (dwi-tahunan) atau tahunan.

Kesimpulannya, sektor kerajaan menggunakan bajet sebagai mekanisme untuk mengawal dan mengurus dana awam bagi membangunkan negara dan masyarakat. Sistem bajet membolehkan entiti awam merancang, menyelaras, mengawal dan menilai aktivitinya dengan lebih berkesan. Meskipun bajet dinyatakan dalam bentuk kewangan ia turut melibatkan aspek-aspek lain seperti pengurusan sumber manusia, aktiviti-aktiviti, harta benda, bekalan dan bahan-bahan yang diperlukan dalam melaksanakan pelbagai program kerajaan untuk mencapai matlamat sosioekonomi negara. Bagi memberi panduan secara terperinci tentang pembentangan maklumat bajet dalam penyata kewangan, kerajaan telah menerima pakai MPSAS 24. Namun, ia hanya terpakai kepada semua entiti sektor awam selain Perusahaan Perniagaan Kerajaan, yang dikehendaki, atau memilih untuk, mendedahkan bajet yang diluluskan kepada umum.

### **3.8 Penyata Kewangan Disatukan (MPSAS 35)**

MPSAS 35 Penyata Kewangan Disatukan menerangkan perkara-perkara berkaitan dengan penyata kewangan disatukan dengan menggariskan prinsip-prinsip pembentangan dan penyediaan penyata kewangan yang disatukan apabila entiti mengawal satu atau lebih entiti lain. Penyata kewangan yang disatukan adalah penyata kewangan entiti ekonomi di Malaysia yang mana aset, liabiliti, aset bersih / ekuiti, pendapatan, perbelanjaan dan aliran tunai entiti mengawal dan entiti terkawalnya dibentangkan sebagai ekonomi tunggal entiti. Kawalan pula bermaksud keupayaan sesuatu entiti untuk mempengaruhi sifat atau amaun sesuatu manfaat melalui kuasanya ke atas entiti yang lain entiti lain. Objektif MPSAS 35 ini adalah untuk mewujudkan prinsip untuk penyampaian dan penyediaan Penyata kewangan disatukan apabila entiti mengawal satu atau lebih entiti lain. Untuk memenuhi objektif tersebut, MPSAS 35 ini:

- (1) Memerlukan entiti (entiti mengawal) yang mengawal satu atau lebih entiti lain (entiti dikawal) untuk membentangkan penyata kewangan yang disatukan;
- (2) Menetapkan prinsip kawalan, dan menetapkan kawalan sebagai asas untuk penyatuhan;
- (3) Menetapkan cara untuk menerapkan prinsip kawalan untuk mengenal pasti sama ada sesuatu entiti mengawal entiti lain dan oleh itu mesti menyatukan entiti itu;
- (4) Menetapkan keperluan perakaunan bagi penyediaan kewangan disatukan penyataan; dan
- (5) Mendefinisikan entiti pelaburan dan menetapkan pengecualian daripada menyatukan sesebuah entiti yang dikawal oleh entiti pelaburan.

Entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan di bawah perakaunan asas akruan hendaklah menggunakan MPSAS 35 dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang disatukan untuk entiti ekonomi. Walau bagaimanapun, MPSAS 35 tidak memperuntukkan keperluan perakaunan untuk penggabungan sektor awam dan kesannya terhadap penyatuhan, termasuk muhibah yang timbul daripada gabungan sektor awam.

MPSAS 35 mengehendaki entiti yang merupakan entiti mengawal selain Kerajaan Persekutuan dan Negeri Kerajaan menyediakan penyata kewangan yang disatukan. Secara khususnya MPSAS 35 terpakai kepada semua entiti yang mengawal. Namun begitu entiti yang mengawal tidak perlu mengemukakan penyata kewangan yang disatukan jika memenuhi semua syarat berikut:

- (1) Entiti itu sendiri adalah entiti yang dikawal dan keperluan maklumat pengguna dipenuhi olehnya penyata kewangan disatukan entiti yang mengawalnya, dan, dalam situasi di mana ia merupakan entiti yang dikawal dengan tidak sepenuhnya, semua pemiliknya yang lain, termasuk yang tidak berhak mengundi, telah dimaklumkan tentang, dan tidak membantah, entiti yang tidak menyediakan penyata kewangan yang disatukan;
- (2) Instrumen hutang atau ekuiti tidak didagangkan di pasaran awam (pasaran bursa saham domestik atau bursa saham asing)
- (3) Ia tidak memfailkan, ataupun dalam proses pemfailan, penyata kewangannya dengan suruhanjaya sekuriti atau organisasi kawal selia lain bagi tujuan penyenaraian mana-mana kelas instrumen dalam pasaran awam; dan

- (4) Entiti kawalan utama atau entiti pertengahan yang menghasilkan penyata kewangan yang boleh didapati untuk kegunaan awam dan mematuhi Perakaunan Sektor Awam Malaysia Piawaian (MPSAS), di mana entiti dikawal disatukan atau diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit selaras dengan MPSAS 35.

### **3.9 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu Dan Usaha Sama (MPSAS 36)**

MPSAS 36 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama membincangkan tentang layanan perakaunan bagi pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama dan menggariskan keperluan pemakaian kaedah ekuiti dalam mengiktiraf dan mengukur pelaburan ini. Menurut piawaian ini, syarikat bersekutu adalah entiti di mana pelabur mempunyai pengaruh penting manakala usaha sama adalah pengaturan bersama antara pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama terhadap hak kepada aset bersih pengaturan itu. Entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan di bawah asas akruan perakaunan hendaklah menggunakan pakai piawaian ini dalam perakaunan untuk pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama. Piawaian ini akan digunakan oleh semua entiti yang menjadi pelabur yang mempunyai pengaruh ketara ke atas, atau kawalan bersama, penerima pelaburan yang menjurus kepada kepentingan pemilikan yang boleh diukur.

Dari segi kaedah pengukuran, MPSAS hanya membincangkan satu kaedah sahaja iaitu kaedah ekuiti. Namun apabila dilihat kepada Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) Seksyen 14, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan MPERS Seksyen 15 Pelaburan dalam Usaha Sama. Penelitian ke atas kedua-dua piawaian ini mendapati MPSAS membincangkan pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama ini dalam satu MPSAS manakala bagi MPERS ianya dipecahkan kepada dua seksyen. Namun kandungan perbincangan dalam kedua-dua seksyen ini hampir sama dan boleh disekalikan. Menurut MPERS sesebuah entiti dibenarkan untuk memilih salah satu daripada tiga kaedah yang dibenarkan iaitu, model kos, kaedah ekuiti dan model nilai saksama. Ketiga-tiga kaedah ini telah dijelaskan secara terperinci di Seksyen 14 MPERS. Pertamanya, bagi model kos, pelabur hendaklah mengukur pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama, selain daripada yang mana terdapat sebut harga yang diterbitkan pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul

yang diiktiraf. Selain itu, pelabur hendaklah mengiktiraf dividen dan pengagihan lain yang diterima daripada pelaburan sebagai pendapatan tanpa mengambil kira sama ada pengagihan dari keuntungan terkumpul syarikat bersekutu yang timbul sebelum atau selepas tarikh pengambilalihan. Apabila terdapat sebut harga yang diterbitkan, maka pelabur hendaklah mengukur pelaburannya dalam syarikat bersekutu dan usaha sama menggunakan model nilai saksama. Pendedahan yang perlu dilakukan apabila mengukur pelaburan ini pada model kos adalah pelabur hendaklah mendedahkan jumlah dividen dan pengagihan lain yang diiktiraf sebagai pendapatan.

Keduanya, bagi entiti yang memilih kaedah ekuiti, pelaburan ini pada mulanya diiktiraf pada harga transaksi (termasuk kos transaksi) dan seterusnya diselaraskan untuk menggambarkan bahagian keuntungan atau kerugian pelabur dan pendapatan komprehensif lain dari syarikat bersekutu dan usaha sama:

- (1) Pengagihan dan penyesuaian lain untuk membawa amaun - Pengagihan yang diterima daripada syarikat bersekutu mengurangkan jumlah dibawa pelaburan. Pelarasian kepada jumlah bawaan juga mungkin diperlukan akibat daripada perubahan dalam ekuiti syarikat bersekutu dan usaha sama yang timbul daripada item pendapatan komprehensif lain.
- (2) Potensi hak mengundi berpotensi - Walaupun potensi hak mengundi dipertimbangkan dalam menentukan sama ada pengaruh penting atau kawalan bersama wujud, pelabur akan mengukur bahagian keuntungan atau kerugian dan pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu dan usaha sama dan bahagian perubahan dalam ekuiti syarikat bersekutu dan usaha sama berdasarkan kepentingan pemilikan sekarang. Pengukuran tersebut tidak akan mencerminkan kemungkinan pelaksanaan atau penukaran potensi hak suara.
- (3) Muhibah tersirat dan pelarasian nilai saksama - Apabila pengambilalihan pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama, pelabur hendaklah mengambil kira sebarang perbezaan (sama ada positif atau negatif) antara kos pengambilalihan dan bahagian pelabur terhadap nilai saksama aset bersih yang dikenal pasti syarikat bersekutu dan usaha sama. Seorang pelabur akan menyesuaikan bahagian keuntungan atau kerugian syarikat bersekutu selepas pengambilalihan untuk mengambil kira susut nilai tambahan atau pelunasan aset bersekutu atau boleh dilunasi (termasuk muhibah) pelaburan berdasarkan nilai

- lebihan nilai saksama mereka berbanding dengan jumlah bawaannya pada masa pelaburan telah diperolehi.
- (4) Rosot nilai - Sekiranya terdapat petunjuk bahawa pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama mungkin terjejas, pelabur hendaklah menguji jumlah keseluruhan pelaburan bagi kemerosotan sebagai aset tunggal. Mana-mana muhibah yang dimasukkan sebagai sebahagian daripada jumlah bawa pelaburan dalam syarikat bersekutu tidak diuji secara berasingan untuk kemerosotan nilai tetapi, sebagai gantinya, sebagai sebahagian daripada ujian untuk penurunan nilai pelaburan secara keseluruhannya.
  - (5) Urus niaga pelabur dengan syarikat bersekutu dan usaha sama. Pelabur akan menghapuskan keuntungan dan kerugian yang belum direalisasikan yang terhasil daripada urus niaga atas (bersekutu dan usaha sama dengan pelabur) dan bawah (pelabur dengan bersekutu dan usaha sama) setakat kepentingan pelabur dalam syarikat bersekutu dan usaha sama. Kerugian belum direalisasi atas urus niaga tersebut boleh memberikan keterangan mengenai penurunan nilai aset yang dipindahkan.
  - (6) Tarikh penyata kewangan syarikat bersekutu - Dalam menggunakan kaedah ekuiti, pelabur hendaklah menggunakan penyata kewangan syarikat bersekutu dan usaha sama pada tarikh yang sama dengan penyata kewangan pelabur melainkan jika tidak praktikal untuk berbuat demikian. Sekiranya tidak praktikal, pelabur hendaklah menggunakan penyata kewangan terkini yang paling terkini bagi syarikat bersekutu dan usaha sama, dengan pelarasian yang dibuat untuk kesan sebarang transaksi penting atau peristiwa yang berlaku di antara tempoh perakaunan berakhir.
  - (7) Dasar perakaunan bersekutu dan usaha sama - Jika syarikat bersekutu dan usaha sama menggunakan dasar-dasar perakaunan yang berbeza daripada pelabur, pelabur akan menyesuaikan penyata kewangan syarikat bersekutu dan usaha sama untuk mencerminkan dasar perakaunan pelabur untuk tujuan menggunakan kaedah ekuiti melainkan jika tidak praktikal untuk berbuat demikian.
  - (8) Kerugian melebihi pelaburan - Sekiranya bahagian kerugian pelabur dari syarikat bersekutu dan usaha sama dengan atau melebihi nilai dibawa pelaburannya dalam syarikat bersekutu dan usaha sama, pelabur hendaklah menghentikan pengiktirafan bahagian kerugian selanjutnya. Selepas kepentingan pelabur dikurangkan kepada sifar, pelabur akan mengiktiraf kerugian tambahan oleh

- peruntukan hanya setakat mana pelabur telah menanggung kewajipan perundangan atau konstruktif atau telah membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu dan usaha sama. Sekiranya syarikat bersekutu dan usaha sama kemudiannya melaporkan keuntungan, pelabur akan meneruskan pengiktirafan bahagian keuntungannya hanya selepas bahagian keuntungannya sama dengan bahagian kerugian yang tidak diiktiraf.
- (9) Pemberhentian kaedah ekuiti - Pelabur hendaklah berhenti menggunakan kaedah ekuiti dari tarikh pengaruh penting atau kawalan bersama terhenti:
- Jika syarikat bersekutu menjadi anak syarikat atau usaha sama, pelabur akan mengembalikan semula kepentingan ekuiti yang dipegang sebelum ini kepada nilai saksama dan mengiktiraf keuntungan atau kerugian yang timbul, jika ada, dalam keuntungan atau kerugian.
  - Jika entiti pelabur kehilangan pengaruh penting ke atas sekutu atau kehilangan kawalan bersama ke atas usaha sama akibat daripada pelupusan penuh atau sebahagian, entiti pelabur perlu mengiktiraf dalam lebihan (*surplus*) atau *deficit* perbezaan antara (i) nilai saksama sebarang kepentingan terkekalkan dan perolehan daripada pelupusan tersebut, dan (ii)) nilai pembawa pelaburan pada tarikh kaedah ekuiti terhenti.
  - Jika pelabur kehilangan pengaruh penting atau kehilangan kawalan bersama atas alasan selain pelupusan sebahagian daripada pelaburannya, pelabur hendaklah menganggap amaun dibawa pelaburan pada tarikh tersebut sebagai asas kos baru.

Pendedahan bagi entiti yang menggunakan kaedah ekuiti, pelabur hendaklah mendedahkan secara berasingan bahagiannya dalam keuntungan atau kerugian syarikat bersekutu dan usaha sama tersebut dan bahagiannya bagi mana-mana operasi yang dihentikan bagi syarikat bersekutu dan usaha sama tersebut.

Ketiganya, bagi entiti yang memilih model nilai saksama, pelabur hendaklah mengiktiraf pada mulanya menggunakan harga transaksi. Harga transaksi tidak termasuk kos transaksi. Selain itu, pada setiap tarikh pelaporan, pelabur hendaklah mengukur pelaburannya dalam syarikat bersekutu dan usaha sama pada nilai saksama, dengan perubahan dalam nilai saksama akan diiktiraf keuntungan atau kerugian dengan menggunakan panduan pengukuran nilai saksama. Pelabur yang menggunakan

model nilai saksama hendaklah menggunakan model kos bagi apa-apa pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama yang nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha tidak wajar.

Pendedahan pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama bagi entiti ng menggunakan model nilai saksama, pelabur hendaklah membuat pendedahan seperti yang dikehendaki dalam Piawaian Instrumen Kewangan. Sekiranya pelabur memohon pengecualian kos atau usaha yang tidak wajar untuk mana-mana syarikat bersekutu dan usaha sama, ia hendaklah mendedahkan fakta itu, sebab mengapa pengukuran nilai saksama akan melibatkan kos atau usaha yang tidak wajar dan jumlah bawaan pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama diambil kira di bawah model kos.

### **3.10 Pengaturan Bersama (MPSAS 37)**

Manakala MPSAS 37 pula bertujuan untuk mewujudkan prinsip-prinsip pelaporan kewangan oleh entiti yang mempunyai kepentingan pengaturan bersama. Entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan di bawah atas akruan perakaunan hendaklah menggunakan piawaian ini dalam menentukan jenis pengaturan bersama yang memberi kesan terhadap perakaunan, hak dan kewajipan pihak-pihak yang terlibat.

Sebelum sesuatu pengaturan itu dilaksanakan, maka pihak-pihak yang terlibat dalam pengaturan tersebut perlulah diikat dalam bentuk kontrak yang memberikan hak dan kewajipan yang boleh dikuatkuasakan. Ia termasuk hak daripada kontrak atau hak undang-undang lain. Pengaturan yang mengikat ini boleh dibuktikan dalam beberapa cara iaitu pengaturan secara bertulis, dalam bentuk kontrak atau perbincangan yang didokumenkan antara pihak. Mekanisme berkanun seperti badan legislatif atau eksekutif juga dapat digunakan untuk dikuatkuasakan, ianya sama dengan pengaturan kontrak iaitu sama ada secara sendiri atau bersama dengan kontrak antara pihak-pihak.

Selain itu, menurut MPSAS 37 Perenggan 7, pengaturan bersama adalah pengaturan yang mana dua atau lebih pihak mempunyai kawalan bersama. Kawalan bersama pula ialah perkongsian kawalan terhadap pengaturan susunan, yang wujud apabila keputusan mengenai aktiviti yang berkaitan memerlukan persetujuan semua pihak

yang berkongsi kawalan. Perkongsian kawalan mungkin telah dipersetujui dengan cara pengaturan yang mengikat. Entiti yang menjadi pihak kepada suatu pengaturan hendaklah menilai sama ada pengikatan itu memberikan semua pihak, atau sekumpulan pihak, mengawal pengaturan itu secara kolektif. Semua pihak, atau sekumpulan pihak, mengawal pengaturan secara kolektif apabila mereka mesti bertindak secara bersama untuk mengarahkan aktiviti yang memberi kesan yang ketara kepada faedah dari pengaturan (iaitu, aktiviti yang berkaitan). Entiti perlulah membuat pertimbangan apabila menilai sama ada semua pihak, atau kumpulan daripada pihak-pihak, mempunyai kawalan bersama suatu susunan berdasarkan semua fakta dan keadaan. Sekiranya fakta dan keadaan berubah, entiti akan menilai semula sama ada ia masih mempunyai kawalan terhadap pengaturan itu.

Sesebuah entiti perlulah menentukan jenis pengaturan bersama yang terlibat iaitu sama ada operasi bersama dan usaha sama. Operasi bersama adalah pengaturan bersama di antara pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama terhadap hak kepada aset, dan tanggungan liabiliti yang berkaitan dengan pengaturannya. Manakala, usaha sama adalah pengaturan bersama antara pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama terhadap hak kepada aset bersih pengaturan itu. Penentuan jenis pengaturan ini adalah dengan mempertimbangkan hak dan kewajipan yang timbul daripada pengaturan ini sama ada dari segi strukturnya dan bentuk undang-undang pengaturan, terma yang dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat atau yang ditetapkan oleh badan perundangan atau eksekutif dan apa-apa fakta dan keadaan lain yang relevan.

Selain itu, penyata kewangan berkaitan pengaturan bersama perlulah mengikut jenis pengaturan. Bagi operasi bersama, pengendali bersama hendaklah mengiktiraf berkaitan kepentingannya dalam sesuatu operasi bersama:

- (1) Asetnya, termasuk bahagiannya bagi mana-mana aset yang dipegang secara bersama;
- (2) Liabilitinya, termasuk bahagiannya atas liabiliti yang ditanggung secara bersama;
- (3) Pendapatannya daripada penjualan syerha hasil daripada operasi bersama;
- (4) Bahagian hasil daripada penjualan output oleh operasi bersama; dan

- (5) Perbelanjaannya, termasuk bahagian perbelanjaannya yang ditanggung secara bersama.

Bagi usaha sama pula, pengusaha bersama akan mengiktiraf kepentingannya dalam usaha sama sebagai pelaburan dan hendaklah mengambil kira pelaburan itu menggunakan kaedah-kaedah mengikut piawaian MPSAS yang terlibat seperti MPSAS 36, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha sama.

### **3.11 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain (MPSAS 38)**

Sektor awam juga merangkumi entiti-entiti lain yang ia mempunyai kepentingan. Kepentingan tersebut boleh wujud melalui pegangan ekuiti dan lain-lain seperti peruntukan undang-undang dan, sokongan kewangan dan bukan kewangan. Ada antara entiti-entiti ini beroperasi sebagai syarikat yang bermotifkan keuntungan. Segala urusan berkaitan dengan penubuhan, pentadbiran, kewangan, sumber manusia dan sebagainya adalah selari dengan sektor swasta. Namun, ada juga yang ditubuhkan untuk tujuan bukan kewangan seperti memenuhi dan melaksanakan tanggungjawab sosial kerajaan (Engku Ismail, 2019).

Pada Disember 2016, Jabatan Akauntan Negara telah mengeluarkan satu piawaian iaitu MPSAS 38 yang berkaitan dengan Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain. Ia berkuat kuasa bermula pada atau selepas Januari 2017 dan terpakai kepada semua entiti sektor awam yang menggunakan kaedah perakaunan akruan selain Perusahaan Perniagaan Kerajaan (*Government Business Enterprise*, GBE). Piawaian ini adalah panduan umum tentang keperluan pendedahan kepentingan sektor awam dalam entiti dikawal, entiti dikawal yang tidak disatukan, pengaturan bersama (operasi bersama atau usaha sama), syarikat bersekutu dan entiti berstruktur yang tidak disatukan. Pendedahan tersebut penting bagi membolehkan para pengguna penyata kewangan menilai sifat dan risiko yang berkaitan dengan kepentingan kerajaan dalam entiti lain, kesan kepentingan tersebut terhadap kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai. Selain itu, entiti sektor awam juga dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa maklumat tambahan yang berkaitan jika ada keperluan.

MPSAS 38 tidak terpakai bagi pelan manfaat pekerja yang mana MPSAS 25 terpakai, penyata kewangan berasingan yang mana MPSAS 34 diterima pakai (kecuali yang berkaitan dengan entiti berstruktur yang tidak disatukan dan entiti pelaburan dalam keadaan tertentu), kepentingan tertentu dalam usaha sama yang dipegang oleh entiti tetapi tidak mempunyai kawalan atau pengaturan bersama dan kepentingan dalam entiti lain yang diambil kira berdasarkan MPSAS 29 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran.

Menurut MPSAS 38, kepentingan dalam entiti lain merujuk kepada penglibatan kontraktual dan bukan kontraktual yang mendedahkan entiti kepada pelbagai pulangan daripada prestasi entiti lain. Kepentingan dalam entiti lain boleh dibuktikan oleh, tetapi tidak terhad kepada, pegangan ekuiti atau instrumen hutang serta bentuk penglibatan lain seperti penyediaan dana, sokongan kecairan, peningkatan kredit dan jaminan. Ia termasuk cara bagaimana sesebuah entiti mempunyai kawalan atau kawalan bersama atau pengaruh signifikan terhadap entiti lain. Entiti tidak semestinya mempunyai kepentingan dalam entiti lain semata-mata disebabkan oleh hubungan biasa antara pembekal dan pelanggan.

Entiti berstruktur pula adalah entiti yang telah diwujudkan supaya hak mengundi atau hak-hak lain yang setara bukanlah faktor utama dalam memutuskan siapa yang mengawal entiti, seperti apabila hak mengundi berkaitan dengan tugas pentadbiran dan aktiviti berkaitan sahaja yang dilaksanakan melalui pengaturan kontrak.

Terdapat beberapa perkara penting yang perlu didedahkan oleh sesebuah entiti sektor awam jika ia mempunyai kepentingan dalam entiti lain. Pertama, entiti perlu mendedahkan maklumat tentang pertimbangan dan andaian signifikan (dan perubahan dalam pertimbangan dan andaian tersebut) yang telah dibuat dalam menentukan:

- (1) Bahawa ia mengawal entiti lain.
- (2) Bahawa ia mempunyai kawalan bersama terhadap sesuatu pengaturan atau pengaruh signifikan ke atas entiti lain.
- (3) Jenis pengaturan bersama (sebagai contoh, operasi bersama atau usaha sama) apabila pengaturan tersebut telah distrukturkan melalui cara yang berasingan.

Kedua, pendedahan yang berkaitan dengan kepentingan dalam entiti dikawal yang membolehkan pengguna penyata kewangan disatukan untuk:

- (1) Memahami komposisi kumpulan tersebut.
- (2) Memahami kepentingan yang kepentingan tiada kawalan ada dalam aktiviti kumpulan dan aliran tunai.
- (3) Menilai sifat dan tahap sekatan yang signifikan ke atas kemampuannya untuk mengakses atau menggunakan aset, dan menyelesaikan liabiliti kumpulan.
- (4) Menilai sifat dan perubahan dalam risiko berkaitan dengan kepentingannya dalam entiti berstruktur yang disatukan.
- (5) Menilai akibat perubahan terhadap kepentingan pemilikannya dalam subsidiari yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan.
- (6) Menilai akibat kehilangan kawalan terhadap subsidiari sepanjang tempoh pelaporan.

Ketiga, pendedahan mengenai kepentingan dalam entiti dikawal yang tidak disatukan (iaitu entiti pelaburan). Selaras dengan MPSAS 35 Penyata Kewangan Disatukan, entiti pelaburan dikehendaki memohon pengecualian untuk penyatuan dan perlu mengakaunkan pelaburannya dalam entiti dikawal pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Jika sesebuah entiti adalah entiti pelaburan, pendedahan tambahan yang perlu termasuklah:

- (1) Hakikat entiti itu merupakan entiti pelaburan.
- (2) Maklumat mengenai pertimbangan dan andaian signifikan yang telah dibuat dalam menentukan bahawa ia adalah entiti pelaburan.
- (3) Butiran entiti dikawal yang tidak disatukan (nama, tempat beroperasi, kepentingan pemilikan dipegang).
- (4) Butir-butir perhubungan dan transaksi tertentu antara entiti pelaburan dan entiti dikawal (misalnya sekatan pemindahan dana, komitmen, pengaturan sokongan, pengaturan kontrak).
- (5) Maklumat tentang entiti menjadi, atau terhenti menjadi entiti pelaburan.

Keempat, pendedahan maklumat tentang kepentingan dalam pengaturan bersama dan syarikat bersekutu yang membolehkan pengguna penyata kewangannya menilai:

- (1) Sifat, tahap dan kesan kewangan kepentingannya dalam pengaturan bersama dan syarikat bersekutu, termasuk sifat dan kesan hubungan kontraknya dengan pelabur lain yang mempunyai kawalan bersama atau pengaruh penting terhadap pengaturan bersama dan syarikat bersekutu.
- (2) Sifat dan perubahan dalam risiko yang berkaitan dengan kepentingannya dalam usaha sama dan syarikat bersekutu.

Kelima, mendedahkan kepentingan dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan bagi membolehkan pengguna penyata kewangannya untuk:

- (1) Memahami sifat dan tahap kepentingannya dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan.
- (2) Menilai sifat dan perubahan risiko yang berkaitan dengan kepentingannya dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan.

Keenam, pendedahan tentang kepentingan pemilikan terhadap sesuatu entiti yang tidak boleh diukur (contohnya, melalui peruntukan undang-undang) seperti yang berikut:

- (1) Nama entiti yang ia mempunyai kepentingan pemilikan tersebut.
- (2) Sifat dan tahap kepentingan pemilikannya dalam entiti.

Akhir sekali, pendedahan mengenai kawalan kepentingan yang diperolehi dengan niat untuk dilupuskan kembali. Dalam konteks ini, sesebuah entiti selain daripada entiti pelaburan, hendaklah mendedahkan maklumat mengenai kepentingannya dalam entiti dikawal apabila, pada titik di mana kawalan tersebut timbul, entiti mempunyai niat melupuskan kepentingan itu dan, pada tarikh pelaporan, ia mempunyai niat aktif untuk melupuskan kepentingan tersebut.

Kesimpulannya, MPSAS 38 memberi panduan umum kepada entiti sektor awam untuk membuat pendedahan yang diperlukan berkaitan dengan kepentingan dalam entiti lain. Ia tidak menyenaraikan setiap pendedahan tertentu yang diperlukan sebaliknya

membincangkan objektif, kategori dan sifat pendedahan yang luas berkaitan dengan kepentingan tersebut.

### **3.12 Kesimpulan**

Bab ini telah membincangkan beberapa konsep penting dalam pelaporan kewangan, iaitu pendedahan penuh, ketelusan dan akauntabiliti sosial. Di samping itu, kehendak MPSAS yang diliputi oleh kajian ini juga dibincangkan. Secara umumnya, kajian mendapati MPSAS yang dicadangkan tidak bercanggah dengan Islam, asalkan perniagaan, sistem dan mekanisme perlaksanaan adalah berlandaskan kepada hukum syarak. Seterusnya Bab Empat akan membincangkan kaedah penyelidikan bagi kajian ini.

## **BAB EMPAT**

### **KAEDAH PENYELIDIKAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab ini menerangkan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini bagi mencapai objektif kajian. Objektif kajian ini adalah untuk memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan Institusi BZW, mengenal pasti keperluan syariah dan memperkuatkan KKPI, mengenal pasti batasan perundungan yang relevan dengan isu yang dikaji dan seterusnya mencadangkan maklumat yang memenuhi keperluan syariah dan sivil untuk dijadikan sebagai asas di dalam membangunkan satu piawaian perakaunan dan pelaporan kewangan bagi institusi berkenaan. MPSAS dijadikan sebagai dokumen asas di dalam merangka dan membangunkan PPI. Perkara-perkara yang disentuh dalam bab ini antaranya adalah reka bentuk kajian, responden kajian, tempat dan lokasi kajian, serta prosedur pengumpulan dan penganalisaan data.

#### **4.2 Reka bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan pakai pendekatan kajian kes yang melibatkan enam institusi BZW di lima negeri di Malaysia. Tiga kaedah pengumpulan data telah digunakan iaitu sesi temu bual dengan responden yang dikenal pasti, semakan dan penelitian ke atas data-data sekunder, undang-undang dan peraturan syariah dan sivil di negeri-negeri yang terlibat serta perundingan dengan pakar dalam bidang berkaitan, Penyelidik juga merujuk dapatan kajian fasa-fasa yang terdahulu dan mengkaji hasil-hasil kajian terdahulu ini sama ada yang diterbitkan dalam jurnal atau buku. Hasil daripada sorotan karya, semakan ke atas laporan tahunan MAIN, sesi temu bual bersama pegawai-pegawai MAIN Zon 2, penelitian ke atas enakmen, peraturan dan undang-undang, serta khidmat rundingan daripada pakar-pakar dijadikan asas di dalam merangka dan membangunkan KKPI untuk keperluan pendedahan dalam laporan tahunan MAIN. Laporan penyelidikan Fasa 2 (Abdullah *et al.*, 2018) dan Fasa 3 (Ku Nor Izah *et al.*, 2019) turut diteliti bagi memastikan terdapatnya kesinambungan hasil kajian. Kumpulan penyelidik juga menjemput beberapa orang pakar dalam bidang

yang berkaitan bagi mendapatkan khidmat nasihat dan pandangan mereka mengenai batasan perundungan syariah dan sivil di dalam merangka KKPI. Seterusnya, berdasarkan input-input ini, penyelidik mencadangkan satu piawaian perakaunan khusus berkaitan keperluan pendedahan yang bersesuaian dan boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada MAIN di dalam menyediakan akaun dan laporan kewangan tahunan mereka.

#### **4.3 Lokasi Kajian**

Kajian ini melibatkan institusi BZW seluruh Malaysia. Kumpulan penyelidik daripada Zon 2 dipertanggungjawabkan untuk membuat kajian ke atas enam institusi BZW di lima negeri, iaitu:

- (1) Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), di Kangar, Perlis,
- (2) Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK), di Alor Setar, Kedah,
- (3) Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), di Alor Setar, Kedah,
- (4) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), di Georgetown, Pulau Pinang,
- (5) Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk), di Ipoh, Perak, dan
- (6) Tabung Baitulmal Sarawak (TBS), di Kuching, Sarawak.

#### **4.4 Kaedah Pengumpulan Data**

Kajian ini mengguna pakai empat kaedah dalam mendapatkan data kajian. Kaedah yang pertama ialah semakan dan penelitian dokumen (*documents review*) yang diterbitkan oleh MAIN Zon 2 seperti laporan tahunan dan brosur. Kaedah kedua yang diguna pakai ialah temu bual separa berstruktur (*semi-structured interview*) bersama dengan pegawai-pegawai MAIN Zon 2. Dua kaedah pertama ini digunakan bagi mencapai objektif kajian pertama.

Kaedah seterusnya yang diguna pakai ialah perundingan bersama pakar iaitu melibatkan pakar dalam bidang Syariah, Muamalat atau Ekonomi Islam, Undang-Undang dan Perakaunan/Perakaunan Islam bagi mendapatkan input, pandangan serta maklum balas berkenaan KKPI yang bakal dibangunkan, amalan semasa perakaunan MAIN, keperluan Syariah dan batasan undang-undang serta cadangan pembangunan piawai perakaunan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam

Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan Institusi BZW. Secara khususnya kaedah ini adalah untuk mencapai objektif dua iaitu bagi mengenal pasti keperluan syariah dalam perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain serta memperkuuhkan kerangka kerja KKPI yang dicadangkan oleh penyelidik. Selain daripada itu, penyelidik juga telah membuat semakan dan penelitian ke atas Enakmen atau Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri, Peraturan dan Perundangan Sivil negeri-negeri Zon 2 bagi mengenal pasti keperluan syariah yang berkaitan dengan aspek yang dikaji. Seterusnya, dapatan objektif 1 hingga 3 berserta rujukan ke atas dokumen dan piawaian perakaunan sedia ada yang relevan seperti MPSAS telah dijadikan panduan bagi penyelidik membangunkan cadangan pembangunan piawaian perakaunan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan Institusi BZW

#### **4.4.1 Semakan Laporan Tahunan**

Pada peringkat awal, penyelidik terlebih dahulu mengumpulkan semua laporan tahunan yang terdapat di kesemua MAIN yang terlibat. Untuk kajian ini, ianya berdasarkan kepada laporan tahunan yang disediakan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2016 dan 31 Disember 2017. Hanya item dan urus niaga yang didedahkan dalam laporan tahunan 2016 dan 2017 sahaja diambil kira. Penyelidik terlebih dahulu meneliti item-item yang terdapat di dalam laporan tahunan tersebut bagi melihat gambaran awal tentang amalan perakaunan semasa yang diamalkan oleh setiap MAIN. Selain daripada laporan tahunan, penyelidik juga meneliti apa-apa brosur, nota penerangan dan pelbagai bahan bercetak lain yang dikeluarkan oleh MAIN untuk mendapat maklumat lebih lanjut tentang operasi MAIN.

Hasil daripada penelitian yang dilakukan ke atas laporan tahunan dan bahan-bahan penerbitan MAIN, penyelidik telah mendapat gambaran awal tentang amalan semasa perakaunan MAIN yang dikaji. Pada peringkat ini, penyelidik meneliti item-item yang terdapat dalam penyata kewangan MAIN di mana tumpuan diberikan kepada item-item yang khusus berkaitan dengan amalan dan keperluan pendedahan. Selain itu, penyelidik hanya melihat kepada amalan perakaunan semasa yang diamalkan di MAIN tanpa membahaskan dari segi sama ada amalan berkenaan sesuai atau tidak dengan

piawaian yang diterima pakai ketika ini. Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf terbitan JAWHAR (2009), Jabatan Perdana Menteri juga menjadi bahan rujukan penting kepada penyelidik. Hasil penelitian amalan perakaunan semasa dibincangkan dengan terperinci di bab berikutnya (Bab Lima).

#### **4.4.2 Temu bual dengan Pegawai-pegawai MAIN**

Berikutnya, penyelidik membuat temu janji untuk mengadakan sesi temu bual dengan pegawai-pegawai MAIN terutamanya yang terlibat secara langsung di dalam menyediakan laporan tahunan berkenaan. Pasukan penyelidik terlebih dahulu menyediakan dan menghantar senarai soalan utama (*key questions*) yang akan ditanya bagi memudahkan pihak MAIN membuat persediaan awal. Soalan-soalan utama ini adalah seperti mana yang terdapat di Lampiran 4.1. Senarai temu janji yang dibuat adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1. Pada setiap pertemuan, masa yang diambil adalah sekitar dua jam.

Di dalam sesi temu bual, penyelidik melontarkan soalan-soalan utama yang telah diberikan terlebih dahulu. Walau bagaimanapun soalan yang ditanya dalam sesi temu bual tidak terhad kepada soalan-soalan utama sahaja. Jika dirasakan perlu, penyelidik akan mengutarakan soalan-soalan susulan atau tambahan yang dianggap penting tetapi masih berkisar dalam skop kajian. Kebanyakan soalan yang diutarakan adalah bagi mendapatkan kepastian serta penerangan lanjut kepada apa yang dilaporkan di dalam Laporan Tahunan. Setiap perbualan direkodkan oleh penyelidik, dengan mendapat keizinan pegawai yang ditemu bual, yang kemudiannya dipindahkan dalam bentuk teks (*transcribed*) untuk tujuan analisa data dan rujukan kemudiannya. Penyelidik turut menyediakan nota catatan semasa sesi temu bual berlangsung.

**Jadual 4.1 Senarai Responden dan Temu Janji untuk Sesi Temu Bual**

<b>MAIN</b>	<b>Profil Pegawai</b>	<b>Tujuan</b>	<b>Pertemuan</b>
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)	(1) En. Mohd Fazly Mohd Zaki (Akauntan)  (2) Puan Siti Nur Bahiyah (Pembantu Akauntan)	Mendapatkan data berkenaan amalan semasa perakaunan serta maklumat mengenai pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan BZW	23 Julai 2019 (Selasa)  Pejabat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAIPP), Georgetown  Masa: 2 Jam
Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)	(1) Tuan Hj Sulaiman Hj Mahili (Ketua Sektor Kewangan & Pentadbiran)  (2) Pn Rohaya Abang Omar (Ketua Bahagian Kewangan)  (3) Pn Siti Aishah Suhaili Ketua Unit Bajet & Pelaburan  (4) Pn Bibi Norazimah Suhaili (Ketua Unit PTJ)	Mendapatkan data berkenaan amalan semasa perakaunan serta maklumat mengenai pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan BZW.	27 Ogos 2019 (Selasa)  Pejabat Tabung Baitulmal Sarawak (TBS), Kuching  Masa: 2 Jam
Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)	(1) Tuan Haji Mohd Nazim Bin Haji Mohd Noor (Ketua Pegawai Eksekutif)  (2) Pn. Halina Abdul Wahid (Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan dan Keurusetiaan)	Mendapatkan data berkenaan amalan semasa perakaunan serta maklumat mengenai pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan BZW.	September 2019 (Selasa)  Pejabat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Kangar  Masa: 2 jam
Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)	(1) Syeikh Haji Zakaria Bin Othman, AMK (Ketua Pegawai Eksekutif)  (2) En. Azizul Rusmadi Abdul Rahman (Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pentadbiran dan Kewangan)  (3) Cik Hartini Haliza (Jabatan Sumber Manusia)	Mendapatkan data berkenaan amalan semasa perakaunan serta maklumat mengenai pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan zakat.	17 September 2019 (Selasa)  Pejabat Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Alor Setar  Masa: 2 jam

Majlis Agama Islam & 'Adat Melayu Perak (MAIPk)	(1) Encik Arif Apandi (Akauntan)	Mendapatkan data berkenaan amalan semasa perakaunan serta maklumat mengenai pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan BZW.	20 September 2019 (Jumaat)  Pejabat Majlis Agama Islam & Adat Melayu Perak (MAIPk), Ipoh  Masa: 2 Jam
Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK)	(1) Hajjah Rosnani Haji Abdul Rahim (Akauntan)  (2) Syeikh Ahmad Zaki Ghazali (Pegawai Bahagian Baitulmal)	Mendapatkan data berkenaan amalan semasa perakaunan serta maklumat mengenai pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan BZW.	22 September 2019 (Ahad)  Pejabat Majlis Agama Islam Kedah, Alor Setar  Masa: 2 jam

Penyelidik seterusnya membandingkan nota catatan dengan transkrip yang disediakan untuk memastikan maklumat yang diperolehi melalui temu bual lisan dan yang dicatat adalah sama seperti yang terdapat dalam transkrip. Sekiranya maklumat yang diperolehi ketika sesi temu bual tidak mencukupi atau memerlukan penjelasan lanjut, penyelidik akan menghubungi pegawai-pegawai MAIN berkenaan melalui telefon atau e-mel bagi mendapatkan maklumat tersebut.

#### 4.4.3 Perundingan Bersama Pakar

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, beberapa siri perundingan bersama pakar iaitu melibatkan pakar dalam bidang Syariah, Muamalat atau Ekonomi Islam, Undang-Undang dan Perakaunan/Perakaunan Islam turut diadakan. Sesi perundingan ini secara umumnya dilaksanakan bagi mendapatkan input, pandangan serta maklum balas berkenaan KKPI yang dibangunkan, amalan semasa perakaunan MAIN, keperluan Syariah dan batasan undang-undang serta cadangan pembangunan piawaian perakaunan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan Institusi BZW. Senarai pakar dan sesi perundingan bersama mereka adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.2.

#### **Jadual 4.2 Senarai Pakar dan Sesi Perundingan**

<b>Profil Pakar</b>	<b>Latar belakang</b>	<b>Tujuan</b>	<b>Pertemuan</b>
Prof. Dr. Zulkarnain Muhamad Sori	<p>Profesor, International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF), School of Graduate and Professional Studies</p> <p>Ahli Majlis Majlis Professor Negara Inc., 2012 - kini</p> <p>Ahli Malaysian Institute of Management, 2010 - kini</p> <p>Ahli Malaysian Institute of Accountants (MIA), 1999 - kini</p>	Mendapatkan maklumat berkenaan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan BZW, khususnya dalam pembentukan rangka kerja konseptual, serta maklum balas amalan semasa MAIN	16 Januari 2020 (Khamis)  Bilik Mesyuarat Insanfikir, TISSA, UUM  Masa: 2 jam
Dr. Mohd Zakhiri Md. Nor	<p>Pensyarah Kanan, Universiti Utara Malaysia</p> <p>Pengerusi Ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Mizuho, 2015 – kini.</p> <p>Ahli Majlis Syariah Coop Bank Pertama (CBP), 2019 - kini</p> <p>Ahli Chartered Institute of Islamic Finance Professionals (CIIF)</p>	Mendapatkan maklumat bagi mengukuhkan kerangka kerja konseptual perakaunan dan pelaporan kewangan Islam yang seragam di institusi BZW dari beberapa sudut termasuklah daripada keperluan syariah berdasarkan al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas serta batas-batas perundangan sivil berkaitan dalam usaha melaksanakan Piawaian Perakaunan Islam yang seragam bagi institusi BZW.	5 Februari 2020 (Khamis)  Bilik Mesyuarat TISSA 002  Masa: 2 jam
En. Faisol bin Elham	Pensyarah Kanan, Universiti Utara Malaysia	Mendapatkan maklumat berkenaan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan BZW, khususnya berkaitan penyata kewangan disatukan, syarikat bersekutu, dan pengaturan usaha sama serta maklum balas amalan semasa MAIN	11 Februari 2020 (Selasa)  Bilik PhD 101, TISSA UUM.  Masa: 1 jam 30 minit

Dalam sesi perundingan ini, penyelidik terlebih dahulu membentangkan secara ringkas objektif kajian bagi membolehkan pakar yang dirujuk memahaminya latar belakang kajian. Penyelidik kemudiannya meminta pakar yang dijemput memberi pandangan

berdasarkan pemahaman, pengalaman dan ilmu mereka berlandaskan kepada keperluan dan batasan syariah. Para penyelidik kemudiannya melontarkan soalan bagi mendapatkan penerangan yang lebih jelas berkaitan isu-isu yang ditimbulkan.

Selain daripada sesi bersama pakar di atas, kumpulan penyelidik turut menghadiri dua sesi lain bersama pakar iaitu (i) IPN Leadership "Financial Reporting from an Islamic perspective" pada 6 November 2019 (Penceramah: Prof. Dr. Zulkarnain Muhamad Sori) dan (ii) IPIZ-UUM *talk series* bersama dengan wakil-wakil daripada House of Zakat and Waqf, Uganda pada 5 Februari 2020. Dapatan daripada sesi bersama pakar diambil kira oleh penyelidik, terutamanya dalam membangunkan KKPI serta cadangan pembangunan piawaian perakaunan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan Institusi BZW.

#### **4.4.4 Semakan ke atas Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri, Peraturan dan Perundangan Sivil**

Semakan dan penelitian ke atas Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri, Peraturan dan Perundangan Sivil telah dibuat oleh penyelidik bagi mencapai objektif kedua dan objektif ketiga kajian. Bagi tujuan mengenal pasti keperluan syariah (objektif kedua), penyelidik meneliti semua Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri yang di kaji (termasuk Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015, Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001, Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 (Peraturan Pentadbiran Wakaf), 2008 dan Enakmen Wakaf Perak 2015) khususnya peruntukan berkaitan dengan pengurusan kewangan dan pelaporan institusi BZW. Semua Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri diperolehi daripada portal rasmi e-syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan juga di laman sesawang MAIN masing-masing. Penyelidik telah meneliti peruntukan dan definisi berkaitan dengan baitulmal, zakat dan wakaf bagi semua MAIN yang di kaji dan cuba mengaitkannya dengan amalan perakaunan semasa.

Bagi melihat gambaran secara keseluruhan, penyelidik juga melihat peruntukan dan definisi berkaitan yang terdapat di MAIN yang lain. Ini bertujuan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan ketara di antara MAIN yang di kaji dengan MAIN yang lain, serta bagaimana mereka mengadaptasinya dalam amalan perakaunan semasa.

Penyelidik telah mengenal pasti dan menilai sama ada terdapat amalan-amalan perakaunan semasa yang boleh diteruskan atau diubah mengikut kesesuaian dan selari dengan peruntukan Enakmen atau Ordinan Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri dan memenuhi keperluan syariah.

Sementara itu, bagi mencapai objektif kajian yang ketiga, akta-akta dan perundangan sivil yang berkaitan dengan penyediaan laporan kewangan MAIN juga diteliti bagi melihat sama ada terdapat batasan perundangan sivil yang boleh memberi kesan kepada MAIN. Antara akta dan peraturan yang dikaji adalah Perlembagaan Persekutuan, Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan MAIN, Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Arahan dan Pekeliling Perbendaharaan dan lain-lain yang berkaitan.

#### **4.4.5 Cadangan Membentuk Piawaian Perakaunan Islam**

Objektif keempat kajian ini adalah mengemukakan cadangan untuk membangunkan satu piawaian perakaunan dan pelaporan kewangan bagi institusi Islam, khususnya institusi wakaf, zakat dan baitulmal, yang memenuhi keperluan syariah dan sivil. Berdasarkan penelitian yang dilakukan ke atas MPSAS, sesi temu bual, dan perundingan dengan pakar, semakan ke atas semua Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri (termasuk enakmen wakaf dan zakat bagi negeri yang mempunyai enakmen berkenaan), jurnal penyelidikan dan buku-buku ilmiah, penyelidik mencadangkan satu kerangka kerja konseptual yang boleh dijadikan panduan di dalam membina KKPI. Pembentukan KKPI akan dibincangkan di Bab Enam. Kerangka kerja konseptual dibangunkan berdasarkan laporan Fasa 2 penyelidikan berkaitan aset (Abdullah *et al.*, 2018) dan Fasa 3 berkaitan hasil, belanja dan liabiliti (Ku Nor Izah *et al.*, 2019) dengan dibuat penambahbaikan ke atas aspek keperluan pendedahan berdasarkan input dan maklum balas perbincangan dan perundingan yang diadakan dengan pakar-pakar yang dijemput.

Berdasarkan kerangka kerja konseptual yang dicadangkan, penyelidik seterusnya mengemukakan cadangan secara khusus berkaitan dengan piawaian perakaunan Islam institusi BZW. Bagi membentuk cadangan piawaian perakaunan Islam, kajian ini

mengguna pakai kaedah yang telah diguna pakai dalam fasa 3 sebelum ini (Ku Nor Izah *et al.*, 2019), seperti berikut:

- (1) Mana-mana peruntukan dalam MPSAS berkaitan yang tidak bercanggah dengan keperluan syariah akan dikekalkan dan dibuat pindaan sekiranya perlu,
- (2) Sekiranya terdapat keperluan syariah dan urus niaga atau aktiviti berkaitan MAIN tidak terdapat dalam MPSAS yang berkaitan, peruntukan mengenainya akan ditambah kepada MPSAS tersebut, jika perlu.
- (3) Mana-mana peruntukan dalam piawaian MPSAS berkaitan yang bercanggah dengan keperluan syariah akan dipinda atau dikeluarkan, dan
- (4) Mana-mana peruntukan dalam piawaian MPSAS berkaitan yang tidak relevan dengan aktiviti institusi BZW akan dikeluarkan.

Cadangan-cadangan yang dikemukakan akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab Lapan – Cadangan Pembangunan Piawaian Islam.

#### **4.5 Kesimpulan**

Bab ini membincangkan kaedah penyelidikan yang telah diguna pakai dalam kajian ini bagi menjawab persoalan dan objektif kajian yang ditetapkan. Kajian ini telah menggunakan empat kaedah kutipan data iaitu semakan dokumen yang dikeluarkan oleh MAIN, temu bual separa berstruktur, perundingan bersama pakar dan semakan ke atas dokumen perundangan. Semakan dan penelitian telah dibuat ke atas kajian-kajian terdahulu, laporan tahunan dan bahan-bahan penerbitan MAIN, enakmen dan perundangan Islam negeri-negeri, jurnal dan buku ilmiah, dan bahan-bahan penerbitan lain yang relevan dengan kajian. Pandangan daripada pakar dalam seperti syariah dan ekonomi/kewangan Islam juga diambil kira dalam merangka cadangan piawaian perakaunan institusi BZW. Seterusnya, peraturan dan perundangan sivil yang dijangka memberi kesan kepada pelaporan kewangan Islam juga diambil kira, terutamanya dalam membangunkan KKPI.

# BAB LIMA

## AMALAN SEMASA BAGI ELEMEN PENDEDAHAN

## MAKLUMAT DAN PERISTIWA LAIN DALAM PENYATA

## KEWANGAN

### 5.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan amalan semasa kesemua lima MAIN serta LZNK (juga digolongkan sebagai MAIN untuk tujuan kajian ini) berhubung dengan sembilan piawaian perakaunan yang diliputi oleh kajian ini. Amalan semasa merujuk kepada amalan perakaunan bagi tahun 2017, dan piawaian yang diliputi oleh kajian ini adalah:

- MPSAS 34 Penyata Kewangan Berasingan
- MPSAS 14 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
- MPSAS 20 Pendedahan Pihak Berkaitan
- MPSAS 22 Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan
- MPSAS 24 Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan
- MPSAS 35 Penyata Kewangan Disatukan
- MPSAS 36 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu & Usaha Sama
- MPSAS 37 Pengaturan Bersama
- MPSAS 38 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain

### 5.2 Ringkasan Amalan Semasa

**Jadual 5.1 Kewujudan Transaksi/ Pendedahan Mengikut MPSAS**

KATEGORI	KEWUJUDAN TRANSAKSI DALAM LAPORAN KEWANGAN					
	MAIK	LZNK	MAIPs	MAIPP	MAIPk	TBS
PENYATA KEWANGAN BERASINGAN (MPSAS 34)	√	x	√	√	√	√
PERISTIWA SELEPAS TARIKH PELAPORAN (MPSAS 14)	√	x	x	√	x	√
PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN (MPSAS 20)	√	x	√	x	x	x
PENDEDAHAN MAKLUMAT KEWANGAN TENTANG SEKTOR AM KERAJAAN (MPSAS 22)	x	x	x	x	x	x

<b>PEMBENTANGAN MAKLUMAT BAJET (MPSAS 24)</b>	√	x	x	x	x	x
<b>PENYATA KEWANGAN DISATUKAN (MPSAS 35)</b>	√	x	√	√	√	√
<b>PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU DAN USAHA SAMA (MPSAS 36)</b>	x	x	x	x	x	√
<b>PENGATURAN BERSAMA (MPSAS 37)</b>	x	x	x	x	x	x
<b>PENDEDAHAN KEPENTINGAN DALAM ENTITI LAIN (MPSAS 38)</b>	√	x	√	√	√	√

### 5.3 Penyata Kewangan Berasingan (MPSAS 34)

Penyata kewangan berasingan disediakan oleh entiti yang memilih untuk mengakaunkan pelaburan dalam syarikat yang dikawal, bersekutu dan usaha sama sama ada pada kos, mengikut MPSAS 29 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran atau menggunakan kaedah ekuiti mengikut MPSAS 36 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama. Entiti yang menyediakan penyata kewangan menggunakan asas akruan perlu menerima pakai piawaian ini untuk mengakaunkan pelaburan dalam entiti dikawal, bersekutu dan usaha sama untuk menyediakan penyata kewangan berasingan.

Berdasarkan Perenggan 12, MPSAS 34, apabila entiti menyediakan penyata kewangan berasingan, pelaburan dalam entiti dikawal, bersekutu dan usaha sama perlu diakaunkan menggunakan kaedah:

- (1) Kos;
- (2) Berdasarkan MPSAS 29; atau
- (3) Ekuiti mengikut MPSAS 36

Dari segi pendedahan, entiti yang mengawal perlu mendedahkan perkara berikut:

- (1) Senarai pelaburan yang signifikan dalam entiti dikawal, bersekutu dan usaha sama termasuk:
  - (a) Nama semua entiti yang dikawal, bersekutu dan usaha sama
  - (b) Negara operasi entiti yang dikawal, bersekutu dan usaha sama
  - (c) Kadar kepentingan pemilikan yang dipegang dalam entiti dikawal, bersekutu dan usaha sama

- (2) Deskripsi kaedah yang digunakan untuk mengakaunkan entiti dikawal, bersekutu dan usaha sama.

Semua MAIN mendedahkan maklumat berkaitan dengan penyata kewangan berasingan. Ringkasan kewujudan transaksi adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.1. Semua MAIN sekurang-kurangnya mempunyai anak syarikat, maka majlis perlu menyediakan penyata kewangan berasingan. LZNK merupakan satu-satunya entiti di Zon 2 yang tidak mempunyai transaksi ini kerana tidak mempunyai anak syarikat, maka tidak perlu menyediakan penyata kewangan berasingan Pendedahan terperinci bagi setiap MAIN ditunjukkan dalam Jadual 5.2.

**Jadual 5.2 Pendedahan berkaitan penyata kewangan berasingan**

Item	Kedah		Perlis	Pulau Pinang	Perak	Sarawak
	MAIK	LZNK	MAIPs	MAINPP	MAIPk	TBS
Pengiktirafan: Perenggan 16 - Dividen yang diterima daripada entiti dikawal, syarikat bersekutu dan usaha sama perlu diiktiraf dan didedahkan di dalam penyata kewangan berasingan.	Tiada dividen	TB	Tiada dividen	✓	✓	✓
Pendedahan: Perenggan 12- Di dalam penyata kewangan berasingan, entiti perlu mengakaunkan pelaburan dalam entiti dikawal, usaha sama dan syarikat bersekutu sama ada pada kos, mengikut MPSAS 29 atau kaedah ekuiti	✓	✓	✓	x	✓	✓
Pendedahan: Perenggan 20 (b) – Entiti perlu menyediakan senarai pelaburan dalam entiti dikawal, usaha sama dan syarikat bersekutu termasuk: (i) Nama syarikat (ii) Negara operasi (iii) Peratus pegangan	✓	TB	✓	✓	✓	✓

Pendedahan: Para 20 (c) – Deskripsi kaedah yang digunakan untuk mengakaunkan entiti dikawal, usaha sama dan syarikat bersekutu.	√	TB	√	x	√	√
--	---	----	---	---	---	---

Dari segi pengiktirafan dividen dalam penyata kewangan berasingan, MAINPP, MAIPs dan TBS mengiktiraf dividen di dalam penyata kewangan berasingan seperti yang dikehendaki oleh MPSAS 34. MAIK dan MAIPs sehingga kini tidak menerima sebarang dividen daripada anak syarikat. LZNK pula tidak mempunyai anak syarikat, oleh itu transaksi ini adalah tidak berkaitan.

Untuk keperluan Perenggan 12 yang berkaitan dengan kaedah perakaunan, semua MAIN mendedahkan maklumat tentang kaedah perakaunan untuk pelaburan dalam entiti dikawal dan bersekutu kecuali MAINPP. Walaupun LZNK tidak mempunyai anak syarikat, namun di dalam nota kepada penyata kewangan didedahkan berkaitan polisi ini. MAINPP menyediakan maklumat amaun pelaburan tetapi tidak menyatakan kaedah perakaunan untuk pelaburan tersebut. MAIN yang lain menggunakan kaedah kos untuk mengakaunkan pelaburan dalam entiti dikawal dan bersekutu. Mengikut Perenggan 20(b), entiti perlu menyediakan maklumat seperti senarai nama syarikat, negara operasi dan peratus pegangan saham dalam syarikat dikawal dan bersekutu. Berdasarkan amalan majlis agama, semua MAIN menyediakan maklumat tersebut kecuali LZNK kerana tidak mempunyai entiti dikawal dan bersekutu. Akhir sekali, semua MAIN menyediakan deskripsi tentang kaedah yang digunakan untuk mengakaunkan entiti dikawal di dalam nota kepada penyata kewangan dengan jelas kecuali MAINPP.

#### 5.4 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan (MPSAS 14)

Peristiwa selepas tarikh pelaporan merupakan peristiwa penting yang berlaku kepada entiti sama ada yang baik atau tidak yang berlaku selepas tarikh pelaporan kewangan dan sebelum penyata kewangan dibenarkan untuk dihebahkan. Peristiwa ini menyediakan bukti kepada keadaan yang berlaku pada tarikh pelaporan (peristiwa perlu pelarasian) dan indikasi yang timbul selepas tarikh pelaporan (peristiwa tak perlu

pelarasan). Antara contoh peristiwa selepas tarikh pelaporan yang memerlukan pelarasan ialah penyelesaian kes mahkamah untuk kes yang telah wujud pada tarikh pelaporan dan juga kebankrapan penghutang yang telah wujud pada tarikh pelaporan. Pengambilalihan dan penjualan anak syarikat dan juga penurunan nilai hartanah yang ketara pula merupakan contoh peristiwa tak perlu pelarasan.

Berdasarkan analisis amalan semasa majlis agama di Zon 2, hanya tiga MAIN mendedahkan maklumat peristiwa selepas tarikh pelaporan iaitu MAIK, MAINPP dan TBS. Senarai peristiwa yang disediakan oleh MAIK adalah yang paling banyak iaitu sebanyak tujuh peristiwa. Senarai peristiwa yang dilaporkan oleh ketiga-tiga MAIN ditunjukkan dalam Jadual 5.3.

**Jadual 5.3: Pendedahan berkaitan peristiwa selepas tarikh pelaporan**

MAIK	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pada 28 Februari 2018, Majlis meluluskan pembelian sistem pengurusan maklumat dengan jumlah nilai RM95,400. Nilai sewaan bulanan pula bernilai RM62,000.</li> <li>2. Pada 15 Mac 2018, Mesyuarat Majlis telah melantik Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafuddin Badlishah Ibni Sultan Sallehuddin sebagai Yang Dipertua Majlis Agama Islam Kedah.</li> <li>3. Majlis bersetuju membuat bayaran guaman bagi tujuan pelantikan Nazir Amanah Tanah wakaf Al Marhum Sultan Abdul Halim Shah di Mekah.</li> <li>4. Majlis mendedahkan maklumat tentang perjanjian dengan UDA WAQF Sdn Bhd untuk usaha sama projek pembangunan tanah wakaf.</li> <li>5. Pada 14 Mac 2018, majlis meluluskan penutupan akaun semasa di Agro Bank.</li> <li>6. Majlis juga mendedahkan maklumat tentang proses penilaian semula bangunan dan kenderaan. Majlis belum mendapat nilai nilaian daripada Jabatan Penilaian dan Jabatan Kerja Raya.</li> <li>7. Pada Mac 2018, jawatankuasa pematuhan SAGA melaporkan pelaksanaan Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu tidak memenuhi semua kriteria pematuhan.</li> </ol>
MAINPP	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang mendedahkan satu peristiwa selepas tarikh pelaporan. Majlis mendedahkan perkembangan projek tanah wakaf bernilai RM20,171,677.90. Tahap kemajuan pada 1 Februari 2018 adalah 98% siap.
TBS	Majlis mendedahkan projek pembangunan Kompleks Islam Sarawak, Sri Aman akan dijalankan dan kos pembinaan dianggarkan berjumlah RM60 juta.

Berdasarkan Perenggan 26, entiti perlu mendedahkan tarikh kebenaran untuk diterbitkan penyata kewangan. Kebiasaannya untuk perniagaan korporat, tarikh ini merujuk tarikh yang diputuskan oleh ahli lembaga pengarah. Untuk MAIN, terdapat tarikh yang ditandatangani oleh Yang Dipertua Majlis dan Setiausaha. Namun tidak

dinyatakan dengan jelas bilakah tarikh kebenaran untuk diterbitkan penyata kewangan. Tarikh ini penting untuk menentukan peristiwa yang didefinisikan sebagai peristiwa selepas tarikh pelaporan.

### **5.5 Pendedahan Pihak Berkaitan (MPSAS 20)**

Menurut MPSAS 20, sesebuah entiti yang menyedia dan mempersembahkan penyata kewangan berasaskan akruan harus mengguna pakai piawaian ini bagi mendedahkan maklumat berkaitan hubungan pihak berkaitan dan urus niaga tertentu dengan pihak berkaitan. Pihak-pihak di katakan berkaitan apabila jika satu pihak mempunyai keupayaan untuk:

- (1) mengawal pihak yang lain, atau
- (2) melaksanakan pengaruh penting ke atas pihak yang lain dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau jika entiti pihak berkaitan dan entiti lain tertakluk kepada kawalan yang sama.

Urus niaga pihak berkaitan pula adalah pemindahan sumber atau obligasi di antara pihak berkaitan, tanpa mengira sama ada harga dikenakan atau tidak. Urus niaga pihak berkaitan tidak termasuk urus niaga dengan mana-mana entiti lain yang merupakan pihak yang berkaitan semata-mata kerana pergantungan ekonominya kepada entiti pelapor atau kerajaan yang mana ia merupakan sebahagian daripadanya.

Item-item yang perlu didedahkan berhubung pihak berkaitan (PB) serta pendedahan yang diamalkan oleh MAIN di Zon 2 adalah seperti dalam Jadual 5.3. Secara umumnya pendedahan yang dilakukan adalah tidak memuaskan. LZNK, MAINPP, MAIPk dan TBS langsung tidak membuat sebarang pendedahan, manakala MAIK dan MAIPs hanya mendedahkan “ganjaran agregat kakitangan pengurusan utama dan bilangan individu (ditentukan berdasarkan asas setara sepenuh masa) yang menerima imbuhan dalam kategori ini, dengan mengelaskan secara berasingan kumpulan utama kakitangan pengurusan utama, termasuk penerangan bagi setiap kelas”. Pendedahan yang dibuat tidak dikelaskan mengikut Kumpulan Wang.

**Jadual 5.4 Pendedahan mengenai Pihak Berkaitan**

Item	KEDAH		PERLIS	PULAU PINANG	PERAK	S'WAK
	MAIK	LZNK	MAIPs	MAIPP	MAIPk	TBS
<b>Pendedahan Kawalan-</b> Hubungan pihak berkaitan (PB) di mana kawalan wujud harus didedahkan, tanpa mengira sama ada terdapat urus niaga antara PB.	X	X	X	X	X	X
<b>Pendedahan Urus Niaga PB</b> – urus niaga selain daripada yang melibatkan hubungan biasa pembekal atau pelanggan/penerima .... , entiti harus dedahkan:	X	X	X	X	X	X
(a) Bentuk hubungan PB; (b) Jenis urus niaga; dan (c) Elemen urus niaga yang perlu bagi menjelaskan signifikannya urus niaga ini kepada operasi entiti dan cukup bagi membolehkan penyata kewangan menyediakan maklumat yang relevan dan <i>reliable</i> bagi tujuan pembuatan keputusan dan akauntabiliti.						
<b>Personel Pengurusan Utama</b>  Entiti hendaklah mendedahkan:	✓	X	✓	X	X	X
(a) Ganjaran agregat kakitangan pengurusan utama dan bilangan individu (ditentukan berdasarkan aras setara sepenuh masa) yang menerima imbuhan dalam kategori ini, dengan mengelaskan secara berasingan kumpulan utama kakitangan pengurusan utama, termasuk penerangan bagi setiap kelas;						
(b) Jumlah kesemua imbuhan dan pampasan lain yang diberikan kepada kakitangan pengurusan utama, dan ahli keluarga terdekat kakitangan pengurusan utama, oleh entiti pelapor dalam tempoh pelaporan, dengan menunjukkan secara berasingan amaun agregat yang diberikan kepada:	X	X	X	X	X	X
(i) Personel pengurusan utama; dan (ii) Anggota keluarga terdekat kakitangan pengurusan utama; dan						
(c) orang awam, bagi setiap individu anggota pengurusan utama dan setiap anggota keluarga terdekat kakitangan pengurusan utama: (i) Jumlah pinjaman yang diberikan dalam tempoh serta terma dan syaratnya;	X	X	X	X	X	X

(ii) Jumlah pinjaman yang dibayar balik dalam tempoh tersebut;					
(iii) Jumlah baki akhir semua pinjaman dan penghutang; dan					
(iv) Jika individu itu bukan pengarah atau anggota badan pentadbir atau kumpulan pengurusan kanan entiti, hubungan individu kepada badan atau kumpulan itu.					

Pendedahan yang dibuat oleh MAIK dan MAIPs adalah serupa, iaitu seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.5.

#### **Jadual 5.5 Pendedahan Pihak Berkaitan oleh MAIK dan MAIPs**

Kakitangan Penting Pihak Pengurusan:

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk pengurusan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Majlis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting hanya terdiri oleh Ahli-ahli Majlis sebagaimana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

Perkara	2017	2016
Jumlah kakitangan penting pihak pengurusan	xx	xx
Jumlah Ganjaran	RMXX	RMXX

#### **5.6 Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan Umum (MPSAS 22)**

Mengikut MPSAS 22, Sektor Kerajaan Umum meliputi entiti bukan untung yang terlibat dalam aktiviti bukan pasaran dan bergantung kepada peruntukan dana daripada kerajaan untuk membiayai penyampaian aktiviti mereka. Di dalam menyediakan laporan kewangan berstatistik, maklumat berikut juga perlu didedahkan:

- (1) Perbadanan sektor kerajaan yang terlibat dalam aktiviti pasaran (Syarikat Kewangan Awam dan Syarikat Bukan Kewangan Awam)
- (2) Sektor awam secara keseluruhannya

Berdasarkan definisi MPSAS, kesemua MAIN yang dikaji tidak memiliki entiti berkenaan. Entiti yang ada hanyalah anak syarikat, syarikat bersekutu dan pengaturan bersama (*joint venture*). Keperluan pendedahan untuk entiti ini dinyatakan secara khusus di dalam MPSAS berkaitan (MPSAS 35, 36, 37 dan 38).

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri memberi kuasa kepada Majlis untuk menubuhkan perbadanan atau anak syarikat mengikut keperluan. Walau bagaimanapun kesemua MAIN yang dikaji sehingga kini belum menubuhkan apa-apa perbadanan kecuali menubuhkan anak syarikat dan syarikat bersekutu untuk menjalankan aktiviti tertentu sebagai sebuah syarikat. Oleh yang demikian, maklumat-maklumat berkaitan dengan sektor kerajaan umum tidak terdapat di dalam laporan kewangan tahunan kesemua MAIN yang dikaji.

### **5.7 Persembahan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan (MPSAS 24)**

Pembentangan maklumat belanjawan (bajet) dinyatakan di dalam MPSAS 24. Perenggan 3, MPSAS 24 menyatakan bahawa skop piawaian ini terpakai kepada semua entiti sektor awam selain Perusahaan Perniagaan Kerajaan (*Government Business Enterprise (GBE)*) yang dikehendaki, atau memilih untuk mendedahkan bajet yang diluluskan kepada umum. Ini bermakna, pilihan untuk mendedahkan maklumat belanjawan hanya terpakai kepada entiti yang sememangnya dikehendaki untuk mendedahkan maklumat berkenaan manakala entiti yang memilih untuk tidak mendedahkan maklumat bajet adalah dikecualikan.

Jika dilihat kepada pendedahan maklumat bajet di kalangan MAIN yang dikaji, di dapati hanya MAIK sahaja mendedahkan maklumat berkenaan. Dari segi pemakaian MPSAS, hanya MAIK dan LZNK sahaja menerima pakai MPSAS di dalam menyediakan laporan kewangan tahunan mereka. MAIK telah menerima pakai sepenuhnya MPSAS kecuali MPSAS 16 – Pelaburan dalam hartanah, LZNK juga menerima pakai MPSAS, MAIPk pula hanya menerima pakai MPSAS 1, manakala MAIPs dan MAINPP masih menggunakan MPERS. Walaupun LZNK menerima pakai MPSAS mereka tidak mendedahkan maklumat bajet sebagaimana yang diperuntukkan dalam MPSAS 24. Pendedahan maklumat bajet oleh MAIK adalah selari dengan keperluan di dalam MPSAS 24. Walau bagaimanapun ia hanya terhad

kepada bahagian pengurusan dan pentadbiran sahaja. Tiada pendedahan dibuat berkaitan dengan maklumat bajet untuk kumpulan wang wakaf dan baitulmal (sumber am).

Pendedahan maklumat bajet yang diamalkan oleh MAIK merangkumi pendedahan berkaitan dengan empat item utama iaitu bajet asal, bajet yang disemak, jumlah sebenar dan varian bajet. Bajet yang disediakan oleh MAIK dibentang dan diluluskan menggunakan asas tunai manakala penyata kewangan tahunan disediakan menggunakan asas akruan berdasarkan klasifikasi jenis perbelanjaan di dalam prestasi kewangan. Oleh yang demikian wujud perbezaan angka disebabkan perbezaan kedua-dua asas ini. Perbezaan ini meliputi tiga aktiviti utama iaitu aktiviti operasi, pembiayaan dan pelaburan. Beberapa pelarasan perlu disediakan terlebih dahulu bagi mengambil kira perbezaan asas penyediaan penyata kewangan. Perbezaan masa pula disebabkan oleh tempoh bajet yang disediakan berbeza dengan tempoh kewangan penyata kewangan disediakan. Walau bagaimanapun, perbezaan ini tidak terdapat di MAIK. Selanjutnya, perbezaan entiti wujud apabila bajet yang disediakan tidak mengambil kira program atau aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan. Perbezaan ini juga tidak terdapat di MAIK.

Pendedahan maklumat belanjawan yang diamalkan oleh MAIK adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.6

### **Jadual 5.6 Pendedahan maklumat belanjawan oleh MAIK**

Pengiktirafan	Tarikh diluluskan belanjawan
Pengukuran	Nilai semasa/ tunai
Pendedahan	<p>(1) Muka Penyata Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bajet Asal dan Bajet Akhir</li> <li>• Amaun Sebenar</li> <li>• Varian Bajet</li> </ul> <p>(2) Nota kepada Akaun</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Amaun Sebenar pada Asas Boleh Banding seperti yang Dibentangkan dalam Penyata Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar</li> <li>• Perbezaan Asas</li> <li>• Perbezaan Pemasaan</li> <li>• Perbezaan Entiti</li> <li>• Amaun Sebenar dalam Penyata Aliran Tunai</li> </ul>

Mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri, anggaran pendapatan dan perbelanjaan perlulah disiarkan dalam warta (MAIPs - Seksyen 71, MAINPP – Seksyen 82, MAIK - Seksyen 48, MAIPk - Seksyen - 71). Walau bagaimanapun LZNK dan TBS tidak menyatakan secara khusus tentang keperluan menyiaran dalam warta berkaitan dengan anggaran pendapatan dan perbelanjaannya. MAIPk pula telah memansuhkan peruntukan berkaitan dengan pewartaan bajet berkuat kuasa mulai 1 Mei 2019. Walaupun keperluan menyiaran maklumat bajet di dalam warta terdapat di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri, hanya MAIK sahaja yang mendedahkan maklumat ini kepada awam. Pewartaan maklumat bajet MAIN yang lain adalah terhad untuk kegunaan dalaman sahaja.

### **5.8 Penyata Kewangan Disatukan (MPSAS 35)**

Penyata kewangan disatukan adalah penyata kewangan entiti ekonomi di mana aset, liabiliti, aset bersih/ekuiti, hasil, belanja, dan aliran tunai entiti yang dikawal dan entiti yang mengawal dibentangkan sebagai satu ekonomi entiti. Menurut MPSAS 35 Penyata Kewangan Disatukan, sesebuah entiti mengawal entiti yang lain apabila ianya mempunyai hak untuk memperoleh manfaat daripada penglibatannya dengan entiti lain dan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi bentuk dan nilai manfaat tersebut melalui kuasanya ke atas entiti tersebut. Manfaat terdiri daripada dua bentuk

iaitu manfaat kewangan dan bukan kewangan. Secara umumnya, entiti yang merupakan entiti yang mengawal perlu membentangkan penyata kewangan disatukan.

Berdasarkan semakan ke atas penyata kewangan MAIN Zon 2, kajian mendapati semua MAIN Zon 2, kecuali LZNK, membentangkan penyata kewangan disatukan yang terdiri daripada penyata kewangan MAIN dan entiti-entiti yang dikawal oleh MAIN iaitu syarikat subsidiari MAIN. LZNK tidak membentangkan penyata kewangan disatukan kerana LZNK tidak mempunyai sebarang entiti yang dikawal atau syarikat subsidiari. Perbincangan lanjut dapatan kajian berhubung penyata kewangan disatukan adalah seperti yang disediakan dalam subseksyen yang berikutnya.

### **5.8.1 Prosedur Penyatuan**

Jadual 5.7 menunjukkan prosedur penyatuan yang diguna pakai oleh MAIN Zon 2 dalam penyediaan penyata kewangan disatukan. Terdapat tiga prosedur utama penyatuan iaitu (i) menggabungkan item aset, liabiliti, hasil, belanja, aset bersih/ ekuiti, alir tunai MAIN (entiti yang mengawal) dengan anak syarikat (entiti dikawal) (ii) menghapuskan nilai bawaan pelaburan MAIN dalam syarikat subsidiari dan (iii) menghapuskan sepenuhnya aset, liabiliti, hasil, belanja, aset bersih/ ekuiti, alir tunai yang berkaitan dengan urus niaga antara kumpulan (*intra-companies*).

Bagi prosedur pertama, secara umumnya, kesemua MAIN Zon 2 menggabungkan item aset, liabiliti, hasil, belanja, aset bersih/ ekuiti, alir tunai MAIN (entiti yang mengawal) dengan anak syarikat (entiti dikawal). Namun begitu semakan ke atas penyata kewangan MAIK mendapati MAIK mengasingkan pendapatan tertahan syarikat subsidiari daripada pendapatan tertahan kumpulan. Sementara itu, dapatan menunjukkan TBS tidak menggabungkan sesetengah item yang sama (*like items*), contohnya dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan mengasingkan pendapatan dan perbelanjaan syarikat subsidiarinya.

Bagi prosedur penyatuan kedua pula, bukti dapatan menunjukkan semua MAIK Zon 2 menghapuskan nilai bawaan pelaburan MAIN dalam syarikat subsidiari mereka dalam penyata kedudukan kewangan disatukan. Manakala bagi prosedur ketiga, secara umumnya, bukti kajian menunjukkan semua MAIN menghapuskan sepenuhnya aset,

liabiliti, hasil, belanja, aset bersih/ ekuiti, alir tunai yang berkaitan dengan urus niaga antara kumpulan. Namun begitu, kajian mendapati ada kesan urus niaga antara kumpulan yang tidak dihapuskan oleh TBS dalam penyata kewangan disatukan, contohnya pinjaman kepada syarikat subsidiari dan dividen diterima daripada syarikat subsidiari.

**Jadual 5.7 Prosedur Penyatuan**

<b>Prosedur</b>	<b>KEDAH</b>		<b>PERLIS</b>	<b>PULAU PINANG</b>	<b>PERAK</b>	<b>SARAWAK</b>
	<b>MAIK</b>	<b>LZNK</b>	<b>MAIPs</b>	<b>MAINPP</b>	<b>MAIPk</b>	<b>TBS</b>
(i) Menggabungkan item aset, liabiliti, hasil, belanja, aset bersih/ ekuiti, alir tunai Majlis (entiti yang mengawal) dengan anak syarikat (entiti dikawal).	√	TB	√	√	√	√
(ii) Menghapuskan nilai bawaan pelaburan Majlis dalam syarikat subsidiari.	√	TB	√	√	√	√
(iii) Menghapuskan sepenuhnya aset, liabiliti, hasil, belanja, aset bersih/ ekuiti, alir tunai yang berkaitan dengan urus niaga antara kumpulan.	√	TB	√	√	√	√

### **5.8.2 Pembentangan**

Jadual 5.8 menunjukkan terdapat empat penyata kewangan disatukan yang dibentangkan oleh MAIN Zon 2 iaitu (i) Penyata Kedudukan Kewangan (ii) Penyata Pendapatan Komprehensif (iii) Penyata Perubahan Ekuiti dan (iv) Penyata Alir Tunai. Kajian mendapati terdapat sedikit perbezaan daripada segi nama penyata yang digunakan oleh MAIN di Zon 2 sebagai contoh MAIN dan MAIPk menggunakan terma Penyata Prestasi Kewangan bagi penyata pendapatan disatukan. Selain daripada itu Penyata prestasi Kewangan MAIPk (Sumber Am Baitulmal) tidak termasuk Kumpulan Wang Zakat yang mempunyai penyata prestasi berasingan. Manakala MAIK dan

MAIPk menggunakan terma Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Perubahan Dana Bersih masing-masing bagi penyata perubahan ekuiti disatukan.

### **Jadual 5.8 Penyata Kewangan Disatukan**

<b>Penyata Kewangan Disatukan</b>	<b>KEDAH</b>		<b>PERLIS</b>	<b>PULAU PINANG</b>	<b>PERAK</b>	<b>SARAWAK</b>
	<b>MAIK</b>	<b>LZNK</b>	<b>MAIPs</b>	<b>MAINPP</b>	<b>MAIPk</b>	<b>TBS</b>
(1) Penyata Kedudukan Kewangan	√	TB	√	√	√	√
(2) Penyata Pendapatan Komprehensif (MAIPP & TBS / Penyata Prestasi Kewangan (MAIK & MAIPk)						
(3) Penyata Perubahan Ekuiti (MAIPP & TBS)/ Penyata Perubahan Aset Bersih (MAIK)/ Penyata Perubahan Dana Bersih (MAIPk)						
(4) Penyata Alir Tunai						

### **5.8.3 Pendedahan**

Jadual 5.9 menunjukkan pendedahan dalam nota kepada akaun yang dibuat oleh MAIN Zon 2 berkenaan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan disatukan. Secara umumnya terdapat sembilan bentuk pendedahan polisi atau dasar yang disediakan dalam penyata kewangan MAIN Zon 2. Walaupun begitu, hanya lima polisi pertama yang didedahkan oleh semua MAIN Zon 2 iaitu polisi berkenaan (i) entiti yang disatukan (ii) penentuan kawalan (iii) titik di mana hasil dan belanja anak syarikat mula diambil kira/tidak diambil kira dalam penyata kewangan disatukan (iv) polisi perakaunan yang seragam dan (v) penghapusan urus niaga antara kumpulan. Bagi item ke enam, hanya tiga MAIN Zon 2 yang mendedahkan kaedah penyatuan yang digunakan iaitu MAIK, MAIPs, dan MAINPP.

Sementara itu MAIK, MAIPs, dan TBS yang ada membuat pendedahan berkenaan polisi tatacara perakaunan untuk kepentingan bukan kawalan (*non-controlling interest*) atau dinyatakan sebagai kepentingan minoriti oleh MAIK. Tiga MAIN di Zon 2 iaitu, MAIK, MAIPs dan MAINPP turut membuat pendedahan berkenaan muhibbah (*goodwill*). Manakala bagi item yang terakhir, iaitu polisi tatacara perakaunan apabila MAIN kehilangan kawalan dalam syarikat subsidiari, hanya dua MAIN yang membuat pendedahan dalam nota kepada akaun iaitu MAIPk dan TBS.

**Jadual 5.9 Pendedahan dalam Nota kepada Akaun**

Nota kepada akaun	KEDAH		PERLIS	PULAU PINANG	PERAK	SARAWAK
	MAIK	LZNK	MAIPs	MAINPP	MAIPk	TBS
(i) Entiti yang disatukan	√	TB	√	√	√	√
(ii) Penentuan kawalan	√	TB	√	√	√	√
(iii) Titik di mana hasil dan belanja anak syarikat mula diambil kira/tidak diambil kira dalam penyata kewangan disatukan	√	TB	√	√	√	√
(iv) Polisi perakaunan yang seragam	√	TB	√	√	√	√
(v) Penghapusan urus niaga antara kumpulan	√	TB	√	√	√	√
(vi) Kaedah Penyatuan: Kaedah Perakaunan Pengambilalihan	√	TB	√	√	-	-
(vii) Kepentingan bukan kawalan	√	TB	√	-	-	√
(viii) Muhibbah ( <i>Goodwill</i> )	√	TB	√	√	-	-
(ix) Tatacara apabila hilang kawalan	-	TB	-	-	√	√

## **5.9 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu Dan Usaha Sama (MPSAS 36)**

Menurut MPSAS 36 Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama, syarikat bersekutu adalah entiti di mana pelabur mempunyai pengaruh penting manakala usaha sama adalah pengaturan bersama antara pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama terhadap hak kepada aset bersih pengaturan itu. Hasil penelitian terhadap penyata-penyata kewangan MAIN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, penyelidik mendapati hanya Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) mempunyai pelaburan dalam syarikat bersekutu iaitu Sendang Timur Sdn Bhd yang merupakan sebuah syarikat pelaburan. Pegangan ekuiti TBS kepada syarikat ini ialah 30%.

Manakala, pada penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, pelaburan di Sendang Timur Sdn Bhd ini telah di letakkan di bahagian Pelaburan – Ekuiti tak tersiar harga pada nilai RM1,006,500. Namun pelaburan di syarikat ini telah diklasifikasikan sebagai pelaburan dalam syarikat bersekutu pada tahun kewangan 2017 pada nilai yang sama.

### **5.9.1 Pengiktirafan dan Pengukuran**

Penelitian terhadap penyata kedudukan kewangan dan nota kepada akaun TBS, didapati TBS tidak menyatakan bila dan bagaimana pengiktirafan terhadap pelaburan dalam syarikat bersekutu ini telah dilakukan. Manakala, bagi pengukuran pula TBS mengukur nilai pelaburan ini pada model kos. Ini kerana TBS menyediakan penyata kewangannya menggunakan garis panduan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS). Menurut Seksyen 14 MPERS, sesebuah entiti dibenarkan untuk memilih salah satu daripada tiga kaedah yang dibenarkan iaitu, model kos, kaedah ekuiti dan model nilai saksama. Bagi TBS, kaedah pengukuran ini tidak didedahkan di dalam nota kepada akaun (bahagian polisi) tetapi dapat dikenal pasti sewaktu sesi temu bual dengan responden di TBS.

**Jadual 5.10 Pengiktirafan dan Pengukuran Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama MAIN**

<b>PENGIKTIRAFAN</b>	<b>KEDAH</b>		<b>PERLIS</b>	<b>PULAU PINANG</b>	<b>PERAK</b>	<b>SARAWAK</b>
	<b>MAIK</b>	<b>LZNK</b>	<b>MAIPs</b>	<b>MAINPP</b>	<b>MAIPk</b>	<b>TBS</b>
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	X	X	X	X	X	✓
Pengukuran	X	X	X	X	X	Kos

Seterusnya, Jadual 5.11 memperincikan item pelaburan dalam syarikat bersekutu yang terdapat di TBS mengikut Kumpulan Wang serta kaedah pengukurannya.

**Jadual 5.11 Pengukuran Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu TBS Kumpulan Wang**

<b>Pelaburan</b>	<b>TBS</b>		
	<b>KUMPULAN WANG (KW)</b>		
	<b>Baitulmal</b>	<b>Zakat</b>	<b>Wakaf</b>
Syarikat bersekutu	Kos	X	X

### 5.9.2 Pendedahan

Pendedahan di dalam penyata kewangan dibuat sama ada di muka penyata atau di dalam nota kepada akaun. Antara perkara yang didedahkan adalah seperti polisi atau dasar pengiktirafan dan kaedah pengukuran yang digunakan dalam mengakaunkan sesuatu item, serta item-item dan amaunnya. Tahap pendedahan bergantung kepada sejauh mana sesuatu item itu didedahkan, ada yang terperinci dan ada yang ringkas. Pendedahan berhubung dasar perakaunan dan item pelaburan dalam syarikat bersekutu yang telah didedahkan di Penyata Kedudukan Kewangan dan Nota kepada Akaun TBS telah diringkaskan di dalam Jadual 5.12.

**Jadual 5.12 Ringkasan Pendedahan Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu**

MAIN	Dasar Perakaunan	Penyata Kedudukan Kewangan (PK) bagi setiap KW	Item dalam muka Penyata Kedudukan Kewangan (PK)	Item dalam Nota kepada akaun
	Pengiktirafan / Pengukuran			
TBS	Tidak dinyatakan dasar yang digunakan untuk mengiktiraf dan mengukur	Tiada	<b>PK Disatukan:</b>  Item dinyatakan secara jelas tanpa dipisahkan mengikut kumpulan wang.	Perincian pelaburan dalam syarikat bersekutu didedahkan

Daripada Jadual 5.12, kajian ini mendapati TBS tidak menyatakan dengan jelas dasar pengiktirafan dan kaedah pengukuran yang digunakan. Kebanyakan maklumat mengenai kaedah pengukuran diperolehi melalui temu bual dengan pegawai kewangan dan akauntan. Namun, di bahagian Nota kepada Akaun TBS, perincian pelaburan dalam syarikat bersekutu didedahkan maklumat seperti nama syarikat, pegangan ekuiti dan aktiviti utama. Pendedahan sebegini amat perlu bagi pengguna maklumat perakaunan terutamanya pemegang taruh yang ingin maklumat yang lengkap dan penuh di dalam menilai keberkesanan pengurusan dan pentadbiran sesebuah MAIN.

Kesimpulannya, kajian ini mencadangkan agar semua MAIN menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan mengikut kumpulan wang bagi membantu pengguna penyata kewangan menilai kedudukan dan pengurusan kewangan sesebuah MAIN dengan baik dan menyeluruh.

### **5.10 Pengaturan Bersama (MPSAS 37)**

Terdapat dua jenis pengaturan bersama iaitu operasi bersama dan usaha sama. Operasi bersama adalah pengaturan bersama di antara pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama terhadap hak kepada aset, dan tanggungan liabiliti yang berkaitan dengan pengaturannya. Manakala, usaha sama ialah pengaturan bersama antara pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama terhadap hak kepada aset bersih pengaturan itu.

Hasil semakan ke atas penyata kewangan setiap MAIN di Zon 2 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 dan 31 Disember 2017, didapati kesemuanya tidak mempunyai item berkaitan pengaturan bersama. Maka, tiada apa-apa pendedahan berkaitan item ini pada muka penyata kewangan dan nota-nota kepada penyata kewangan mereka. Kesimpulannya, tiada satu pun MAIN pada tahun 2016 dan 2017 yang terlibat dalam pengaturan bersama.

### **5.11 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain (MPSAS 38)**

Sebagai sebuah institusi MAIN juga mempunyai kepentingan di dalam entiti lain yang ditubuhkan bagi tujuan memberi dan meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri membenarkan MAIN untuk menubuhkan sama ada perbadanan atau anak syarikat bagi membantu menjalankan operasi mereka dengan lebih cekap. Begitu juga, MAIN dibenarkan untuk melabur di dalam entiti yang boleh memberi manfaat kepada pemegang taruh. Entiti ini sama ada dalam bentuk entiti yang dikawal, aturan bersama (operasi bersama atau usaha sama), syarikat bersekutu atau entiti berstruktur. Kepentingan pelaburan atau pengurusan di dalam entiti hendaklah didedahkan kepada pengguna penyata kewangan.

Menurut MPSAS 38, entiti yang menyediakan penyata kewangan menggunakan asas akruan hendaklah mendedahkan kepentingan di dalam entiti yang di bawah kawalan, entiti yang tidak digabungkan, usaha sama dan bersekutu dan juga entiti berstruktur yang tidak digabungkan (Perenggan 2). Objektif pendedahan kepentingan di dalam entiti lain membolehkan pengguna penyata kewangan menilai sifat dan risiko entiti-entiti ini dan kesannya ke atas kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai.

Daripada kajian yang dijalankan, kesemua MAIN (kecuali LZNK) mempunyai sekurang-kurangnya satu entiti yang termasuk dalam definisi ini. Daripada enam entiti yang dikaji secara umumnya entiti yang dimiliki oleh MAIN adalah dalam bentuk anak syarikat yang kesemuanya dengan pegangan ekuiti sebanyak 100%. Hanya TBS memiliki pelaburan dalam syarikat bersekutu dengan pegangan ekuiti sebanyak 30%. Pelaburan dalam entiti ini pula menggunakan pelbagai kumpulan wang. MAIPs

mempunyai dua anak syarikat daripada kumpulan wang zakat, MAIK mempunyai dua anak syarikat yang menggunakan kumpulan wang majlis (baitulmal) dan wakaf. MAINPP memiliki 3 (tiga) anak syarikat yang masing-masing menggunakan kumpulan wang baitulmal, zakat dan wakaf. MAIPk hanya memiliki satu (1) anak syarikat yang datang dari kumpulan wang baitulmal. TBS pula mempunyai dua anak syarikat milikan 100% daripada kumpulan wang baitulmal. Di samping itu TBS merupakan satu-satunya institusi MAIN di dalam skop kajian ini yang memiliki 30% pegangan ekuiti dalam syarikat bersekutu yang juga datang dari kumpulan wang baitulmal. Jadual 5.13 menunjukkan maklumat pelaburan di dalam entiti lain yang dimiliki/dikawal oleh MAIN. Tidak ada MAIN yang memiliki entiti yang berbentuk perbadanan, usaha sama ataupun entiti berstruktur yang akaunnya tidak digabungkan.

**Jadual 5.13 Pendedahan kepentingan di dalam entiti lain**

MAIN	Nama Entiti	Peratus (%)	Status	Kegiatan	Kumpulan Wang
MAIPs	(1) Koleh Ugama Islam Perlis (KUIPs) Sdn. Bhd	100	Anak Syarikat	Pendidikan	Zakat
	(2) Akademi Transformasi Asnaf MAIPs Sdn Bhd (ATAM)	100	Anak Syarikat	Pembangunan dan pengurusan Asnaf	Zakat
MAIK	(1) Pengurusan Izzah Sdn Bhd	100	Anak syarikat	Pelaburan dan Pemaju Hartanah	Majlis (Baitulmal)
	(2) Lubitrade Sdn Bhd	100	Anak Syarikat	Stesen Petrol	Wakaf
LZNK	Tiada				
MAINPP	(1) Urus Tarbiah (Pulau Pinang) Sdn Bhd	100	Anak Syarikat	Institusi Pengajian Tinggi	Baitulmal
	(2) As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd	100	Anak Syarikat	Perkhidmatan Pengurusan Zakat & Fitrah	Zakat
	(3) Wakaf Pulau Pinang Sdn Bhd	100	Anak Syarikat	Pengurusan Hartanah Wakaf	Wakaf
MAIPk	(1) Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak (PKEINPK)	100	Anak Syarikat	Pembangunan & pembangunan bidang pertanian, perumahan, perlombongan & perdagangan	Baitulmal

TBS	(1) Bela Sempurna Sdn Bhd	100	Anak Syarikat	Pembinaan, pengurusan projek & penyelenggaraan bangunan	Baitulmal
	(2) Ladang Julung Sdn Bhd	100	Anak Syarikat	Tidak aktif	Baitulmal
	(3) Sendang Timur Sdn Bhd	30	Syarikat Bersekutu	Pemegangan Pelaburan	Baitulmal

Dari segi pendedahan maklumat dalam entiti lain, kesemua MAIN mendedahkan maklumat yang sepatutnya didedahkan seperti mana yang digariskan dalam MPSAS 38. Walau bagaimanapun maklumat pendedahan adalah agak terhad. Pendedahan dibuat sama ada di muka penyata kewangan ataupun nota kepada akaun. Maklumat-maklumat yang didedahkan meliputi yang berikut:

- (1) Kos pelaburan
- (2) Nama syarikat subsidiari
- (3) Peratus pegangan ekuiti.
- (4) Kumpulan wang
- (5) Aktiviti utama

## 5.12 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan amalan semasa berhubung dengan pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam penyata kewangan serta urus niaga unik bagi MAIN di Zon 2 untuk tahun 2017.

Secara umumnya MAIN di Zon 2 telah menerima pakai beberapa peruntukan berkaitan dengan penyediaan penyata yang berasingan dan yang disatukan untuk anak syarikat, syarikat bersekutu dan pengaturan bersama. Terdapat juga beberapa MPSAS yang ada tidak terpakai dengan operasi MAIN di Zon 2 disebabkan sama ada MAIN tidak mempunyai entiti yang dimaksudkan atau tidak terdapatnya urus niaga berkenaan. Bagi Pendedahan Pihak Berkaitan (MPSAS 20), kebanyakan MAIN tidak mendedahkan perkara tersebut. Hanya MAIK dan MAIPs mendedahkannya, namun pendedahan masih lagi terhad, dan hanya tertumpu kepada jumlah kakitangan penting

pihak pengurusan dan jumlah ganjaran yang diterima oleh mereka secara agregat. LZNK walaupun mempunyai peruntukan khusus berkaitan dengan penzahiran kepentingan pihak-pihak yang berkaitan di dalam enakmennya, namun ianya tidak didedahkan. Untuk pendedahan maklumat bajet pula, hanya MAIK sahaja yang menerima pakai MPSAS 24 dan mendedahkan maklumat bajet dalam laporan tahunan mereka. LZNK walaupun menerima pakai MPSAS tetapi maklumat bajet tidak didedahkan. Lain-lain MAIN di Zon 2 tidak mendedahkan maklumat bajet di dalam laporan tahunan mereka.

Bab seterusnya, Bab Enam, akan membincangkan keperluan syariah dan pengukuhan kerangka kerja konseptual perakaunan dan pelaporan kewangan Islam bagi institusi BZW (KKPI) serta keperluan syariah yang menyokong KKPI tersebut.

## **BAB ENAM**

### **KEPERLUAN SYARIAH DAN PENGUKUHAN KERANGKA KERJA KONSEPTUAL**

#### **6.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan tentang kerangka kerja konseptual perakaunan dan pelaporan kewangan Islam (KKPI) bagi institusi BZW serta keperluan syariah yang menyokong KKPI tersebut. Perbincangan akan mengupas secara mendalam tentang penambahbaikan yang telah dibuat terhadap aspek pendedahan maklumat kewangan berdasarkan sorotan karya dan beberapa siri rundingan dengan para pakar syariah, kewangan dan mualamat.

#### **6.2 Keperluan Syariah Berkaitan Pendedahan Maklumat Kewangan**

Secara umumnya, pembentangan dan pendedahan berkaitan maklumat perakaunan akan dibuat pada muka penyata kewangan, nota-nota kepada akaun dan melalui polisi-polisi perakaunan yang berkaitan. Pendedahan maklumat perakaunan seperti aset, liabiliti, ekuiti (kumpulan wang), hasil dan belanja perlulah dinyatakan secara jelas dan penuh kerana ianya merupakan tuntutan penting dalam Islam. Tuntutan ini telah dinyatakan secara jelas di dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka, hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhanmu, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu. Kemudian jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi itu), maka, hendaklah direncanakan oleh walinya dengan adil benar); dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dalam kalangan*

*kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan daripada orang-orang yang kamu setujui menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa daripada saksi-saksi perempuan yang berdua itu, maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi. Dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi. Dan janganlah kamu jemu menulis perkara hutang yang bertempoh masanya itu, sama ada kecil atau besar jumlahnya. Yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah dan lebih membetulkan (menguatkan) keterangan saksi, dan juga lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan kamu. Kecuali perkara itu mengenai perniagaan tunai yang kamu edarkan sesama sendiri, maka tiadalah salah jika kamu tidak menulisnya. Dan adakanlah saksi apabila kamu berjual beli. Dan janganlah mana-mana jurutulis dan saksi itu disusahkan. Dan kalau kamu melakukan (apa yang dilarang itu), maka sesungguhnya yang demikian adalah perbuatan fasik (derhaka) yang ada pada kamu. Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan (ingatlah), Allah (dengan keterangan ini) mengajar kamu; dan Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.*

(QS Al-Baqarah 2:282)

Pendedahan berkaitan maklumat perakaunan dalam pelaporan MAIN bukan sahaja mendedahkan tentang maklumat kewangan namun menekankan juga tentang maklumat pematuhan syariah oleh MAIN. Maklumat yang perlu didedahkan itu mestilah telus dan benar sama ada ianya menguntungkan atau tidak menguntungkan di pihak MAIN. Ini seperti mana dijelaskan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan janganlah kamu campur adukkan yang benar itu dengan yang salah dan kamu sembunyikan yang benar itu pula padahal kamu semua mengetahuinya”.*

(QS Al-Baqarah 2:42)

Sebagai pihak yang merupakan pemegang amanah dalam menguruskan dana zakat, wakaf dan baitulmal, MAIN perlulah memastikan ke semua operasi dan transaksi kewangan yang dilakukan adalah berlandaskan syariah dan mematuhi semua peruntukan undang-undang, piawaian perakaunan dan enakmen yang bersesuaian seperti Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri atau Ordinan Majlis Agama Negeri. Pematuhan kepada semua peraturan dan Syariah ini bagi meyakinkan pihak-pihak berkepentingan MAIN seperti pembayar zakat, pewakaf, penerima zakat, pekerja, kerajaan dan masyarakat Islam amnya bahawa operasi MAIN telah dikawal dan diselia dengan baik dan maklumat yang dipersembahkan dalam pelaporan

kewangan mereka telah disediakan dengan baik dan saksama. Ini bertepatan dengan Firman Allah S.W.T yang bermaksud:


*“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat”.*

(QS An-Nisa' 4:58)

Pendedahan penuh semua maklumat ini secara tidak langsung akan membantu MAIN dalam menunaikan tanggungjawab dan akauntabiliti mereka dalam menjaga hubungan yang baik dengan Allah dan sesama makhluk (*hablun min Allah* dan *hablun min An nas*). Selain itu, MAIN juga digalakkan untuk mendedahkan maklumat berkaitan tanggungjawab sosial bagi membangunkan ekonomi dan kesejahteraan ummah.

### **6.3 Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam**

**Rajah 6.1** menunjukkan KKPI Fasa 4 kajian. KKPI ini berdasarkan KKPI yang telah dibangunkan pada kajian Fasa 1, 2 dan 3 (Abdullah et al., 2018; Ku Nor Izah Ku Ismail et al., 2018). Secara umumnya, KKPI yang dibangunkan mempunyai tiga tahap iaitu Tahap Pertama yang menyentuh tentang teori asas dan konsep asas sebagai khalifah. Tahap Kedua pula menekankan kepada aspek matlamat (Al-Adl, Al-Ihsan dan Al-Falah). Tahap Ketiga menerangkan tentang perlaksanaan yang menyentuh secara langsung tentang amalan perakaunan dan pelaporan kewangan. Kajian pada Fasa 4 akan membincangkan penambahbaikan yang telah dibuat terhadap Tahap Ketiga KKPI yang menyentuh secara spesifik isu pendedahan maklumat kewangan.



*Rajah 6.1 Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam Fasa 4*

#### **6.4 Kerangka Kerja Syariah bagi Pendedahan Maklumat Kewangan**

Berdasarkan sorotan karya dan beberapa siri rundingan dengan para pakar syariah, kewangan dan muamalat serta perakaunan iaitu Profesor Dr. Zulkarnain Muhamad

Sori, Dr. Mohd. Zakhiri Md. Nor dan Encik Faisol bin Elham, kajian pada Fasa 4 telah membuat beberapa penambahbaikan terhadap KKPI yang berkaitan dengan aspek pendedahan maklumat kewangan seperti yang boleh dilihat pada Rajah 6.1. Keperluan pendedahan maklumat kewangan yang dicadangkan oleh kajian ini terdiri daripada enam aspek utama iaitu Penyataan Pematuhan Syariah, Tanggungjawab Main Terhadap Baitulmal, Zakat Dan Wakaf, Peranan Ahli Majlis/Penasihat Syariah MAIN, Akauntabiliti Sosial, Pendedahan Penuh dan Berguna dalam Membuat Keputusan. Aspek-aspek ini bolehlah didedahkan di dalam Nota kepada Penyata Kewangan di bahagian Maklumat Am. Penerangan lanjut mengenai mereka adalah seperti yang berikut:

#### **6.4.1 Penyataan Pematuhan Syariah**

Aspek pertama adalah Penyataan Pematuhan Syariah. MAIN perlulah bekerjasama dengan Majlis Penasihat Syariah MAIN untuk memastikan kesemua transaksi kewangan, perkhidmatan dan operasi MAIN dijalankan dengan mematuhi undang-undang syariah yang digariskan dalam Islam. Antara tanggungjawab MAIN adalah seperti berikut:

- (1) Merujuk semua isu syariah dalam operasi MAIN kepada Majlis/Penasihat Syariah untuk keputusan;
- (2) Mengamalkan dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk pelaksanaan keputusan Majlis/Penasihat Syariah; dan
- (3) Memastikan bahawa Majlis/Penasihat Syariah jelas dengan operasi MAIN.

Dalam konteks ini, MAIN perlulah membuat satu penyataan ringkas terhadap pematuhan syariah ini. Ianya seperti yang dicadangkan oleh Dahlifah, Triyuwono, Mulawaran dan Roekhudin (2018), pendedahan tentang laporan pematuhan syariah berkaitan perakaunan Islam oleh bank-bank Islam di Indonesia perlulah dilakukan bagi menunjukkan tahap ketelusan yang menekankan pendedahan penuh. Ketelusan yang dimaksudkan di sini adalah salah satu bentuk dakwah yang memiliki nilai ketuhanan bagi sesebuah entiti Islam kepada masyarakat Islam (Dahlifah *et. al*, 2018).

Selain itu, penyataan tanggungjawab MAIN terhadap pematuhan syariah ini juga adalah sebagai pelepasan tanggungjawab oleh MAIN dalam menguruskan dana-dana

umat Islam seperti baitulmal, wakaf dan zakat dalam menjaga hubungan yang baik manusia dengan Allah (*hablun min Allah*) dan hubungan baik sesama manusia (*hablun min an-nas*). Maka, kajian ini mencadangkan satu contoh kenyataan tanggungjawab yang telah didedahkan oleh sebuah institusi kewangan Islam terhadap pematuhan syariah yang boleh diaplikasikan oleh MAIN.

*“Kami, ahli Majlis Penasihat Syariah dengan ini mengesahkan bahawa pada hemat terbaik kami, operasi Majlis Agama Islam Negeri XYZ untuk tahun berakhir 31 Disember 2019 telah dijalankan selaras dengan peraturan dan prinsip Syariah”.*

Keutamaan pernyataan ini adalah *Daruriyyah* kerana ia memberi jaminan bahawa semua transaksi kewangan yang dilakukan oleh MAIN adalah berdasarkan syariah, yakni memelihara agama.

#### **6.4.2 Tanggungjawab MAIN Terhadap Baitulmal, Zakat Dan Wakaf**

Aspek kedua adalah satu kenyataan ringkas perlulah disediakan di dalam pelaporan kewangan MAIN bagi menyatakan bagaimana tadbir urus berkaitan baitulmal, wakaf dan zakat telah dilakukan. Pendedahan tanggungjawab MAIN terhadap pengurusan harta baitulmal, wakaf dan zakat ini perlulah selari dengan peruntukan yang dinyatakan dalam Enakmen atau Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing. Dalam pengurusan zakat contohnya, MAIN perlulah menyatakan tanggungjawab terhadap pengurusan zakat dan obligasinya dalam membayar zakat. Contoh-contoh Penyataan Obligasi Zakat adalah seperti berikut:

- (a) *“Majlis dikecualikan daripada zakat berdasarkan pematuhan hukum syarak kerana ia merupakan entiti muassasah zakat tunggal yang diberikan mandat untuk mentadbir zakat di dalam Negeri X. Syarikat subsidiari wajib melunaskan zakat apabila perniagaannya telah menepati syarat-syarat sah zakat”.*
- (b) *“In accordance with the instructions of the Shari'a Supervisory Board of the Bank, payment of Zakah is the responsibility of the shareholders of the Bank. Accordingly, no Zakah has been charged to these consolidated financial statements” (Kuwait Finance House Bahrain, 2018).*

Selain itu, pihak MAIN perlulah mendedahkan maklumat ringkas berkaitan jumlah pungutan dan agihan zakat bagi tahun semasa, kadar nisab dan kadar zakat fitrah dan maklumat berkaitan pusat mini pungutan zakat. Maklumat-maklumat ini penting bagi pengguna maklumat laporan tahunan MAIN untuk menilai kecekapan dan keberkesanan pengurusan zakat oleh MAIN.

Seterusnya pendedahan tanggungjawab MAIN terhadap pengurusan harta wakaf adalah seperti menguruskan urusan penyewaan bangunan dan pajakan tanah wakaf, membangunkan harta tanah wakaf bagi keadilan sosial dan kebijakan umat Islam. Tambahan pula, MAIN perlu memastikan dana wakaf ini terus berkembang dan mampu menjadi pemangkin pembangunan sosioekonomi ummah. Contoh pernyataan tanggungjawab MAIN terhadap wakaf adalah seperti berikut:

*“Majlis adalah mengurus sumber wakaf selaras dengan subseksyen X Enakmen Pentadbiran Agama Islam Tahun 2020X bahawa Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal semua wakaf bagi memajukan Islam dan faedah orang-orang Islam di Negeri X mengikut hukum syarak”.*

Selain itu, pendedahan tanggungjawab MAIN terhadap pengurusan harta baitulmal adalah seperti mana yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing. Antara peranan MAIN dalam pengurusan harta baitulmal adalah seperti menguruskan kutipan harta umat Islam dari pelbagai sumber, contohnya harta luqatah, menguruskan pembangunan harta tanah baitulmal dan mengendalikan urusan penyewaan premis-premis dan pajakan tanah-tanah Baitulmal. Contoh pernyataan tanggungjawab MAIN terhadap baitulmal adalah seperti berikut:

*“Berdasarkan subseksyen X Enakmen Pentadbiran Agama Islam Tahun 200X, Majlis berperanan mengembangkan sumber perolehan Baitulmal (Sumber Am) selaras dengan tanggungjawab Majlis untuk membangunkan sosioekonomi orang-orang Islam di Negeri X mengikut hukum syarak”.*

Umum mengetahui tentang tanggungjawab MAIN terhadap pengurusan harta baitulmal, wakaf dan zakat. Namun, pendedahan berkaitan tanggungjawab ini keutamaannya dianggap *Daruriyyah* kerana ianya tanggungjawab utama MAIN. Manakala ianya keutamaan pendedahan berbentuk *Hajiyyah* jika lain-lain maklumat

tambahan berkaitan didedahkan kerana memudahkan pengguna menilai kecekapan MAIN dan memberi keyakinan serta gambaran jelas kepada pengguna laporan tahunan kewangan MAIN. Pendedahan ini perlu untuk memberi penekanan tentang tugas dan peranan MAIN dalam mengurus dan mentadbir harta-harta ini.

#### **6.4.3 Peranan Ahli Majlis/Penasihat Syariah MAIN**

Aspek ketiga yang dicadangkan adalah dinyatakan peranan/tanggungjawab Ahli Majlis/Penasihat Syariah MAIN bagi memastikan penyata kewangan yang telah disediakan telah mematuhi semua undang-undang syariah yang telah ditetapkan dalam Islam. Peranan utama ahli majlis/penasihat syariah MAIN adalah untuk menasihati MAIN berkaitan perkara-perkara syariah dan memastikan setiap aktiviti dan transaksi kewangan MAIN mematuhi syariah. Secara umumnya pendedahan ini perlulah merangkumi aspek berikut:

- (1) Peranan dan tanggungjawab ahli Majlis/Penasihat Syariah MAIN terhadap penyata kewangan.
- (2) Bidang kuasa ahli Majlis/Penasihat Syariah MAIN.

Secara umumnya pendedahan peranan dan tanggungjawab ahli majlis/penasihat syariah MAIN dalam laporan tahunan kewangan MAIN dianggap pendedahan yang keutamaannya bersifat *Tahsiniyyah* iaitu meningkatkan nilai tambah dan kebergunaan laporan tahunan kewangan MAIN. Adalah diharapkan pendedahan maklumat ini dapat menambah keyakinan pengguna laporan tahunan kewangan MAIN terhadap institusi ini dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab dalam menguruskan dana-dana awam umat Islam ini.

#### **6.4.4 Akauntabiliti Sosial**

Aspek yang keempat adalah konsep Akauntabiliti Sosial Islam. Secara umumnya, konsep ini adalah akauntabiliti yang tujuan utamanya untuk patuh segala perintah Allah SWT. Semua muslim percaya bahawa segala sumber yang ada di dunia ini adalah milik Allah SWT dan manusia adalah pemegang amanah sahaja. Ini disokong dengan nas Al-Quran iaitu Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya) ”.*

(QS Al-Anfaal 8:27)

Umat Islam juga percaya bahawa kesejahteraan kehidupan di akhirat bergantung kepada prestasi mereka di dunia ini (Abdul Rahim, 2010). Ini bermakna setiap manusia mempunyai “*hisab*” atau “*akaun*” dengan Allah SWT yang mana ia tercatat segala tindakan yang baik dan buruk sepanjang kehidupannya di dunia ini. “*Akaun*” itu akan berterusan sehingga hari kematian dan Allah SWT akan menunjukkan kepada manusia akaun mereka pada hari kiamat kelak. Perbincangan ini adalah amat bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

*“(Keluarnya manusia dari kubur masing-masing itu ialah) kerana Allah akan membala tiap-tiap seorang apa yang ia telah usahakan; sesungguhnya Allah amat cepat hitungan hisabNya”.*

(QS Ibrahim 14:51)

Oleh itu, persamaan asas antara “*hisab*” dalam Islam dan “perakaunan” terletak kepada akauntabiliti setiap muslim untuk menjalankan tugas seperti yang telah diamanahkan kepada mereka tanpa ada percanggahan dengan ajaran Islam. Dalam konteks ini, pihak pengurusan institusi Islam seperti MAIN perlu bertanggungjawab secara moral terhadap setiap tindakan mereka sama ada secara dalaman dan luaran dengan menyediakan perakaunan dan pelaporan kewangan yang betul. Ini adalah berbeza dengan konsep akauntabiliti perakaunan konvensional yang lebih menekan kepada sikap akauntabiliti secara persendirian (contoh, tertumpu kepada hubungan dan konflik antara pihak pengurusan dan penyedia modal) bagi memenuhi keperluan undang-undang sekular berpaksi kepada falsafah rasional ekonomi sistem kapitalis (Abdul Rahim, 2010; Baydoun & Willet, 2000; Khoramin, 2012; Lewis, 2001). Keutamaan konsep pendedahan ini adalah *Daruriyyah* kerana ia melibatkan akauntabiliti terhadap Allah SWT yakni akauntabiliti terhadap Tuhan sekalian alam.

#### **6.4.5 Pendedahan Penuh**

Aspek yang kelima adalah Konsep Pendedahan Penuh. Ia bermaksud terdapat keperluan untuk penyedia maklumat kewangan untuk mendedahkan semua maklumat penting dan berguna kepada pengguna untuk mematuhi perintah Allah SWT (Baydoun & Willett, 2000). Sebagai contoh, dalam konteks MAIN, pendedahan maklumat kewangan secara telus berdasarkan kumpulan wang tertentu seperti wakaf, baitulmal dan zakat adalah perlu bagi menjaga kepentingan awam kerana masyarakat mempunyai hak untuk menilai sama ada operasinya membawa kesejahteraan dan memenuhi kehendak syariat ataupun tidak (Lewis, 2001). Ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi kerana Allah biarpun terhadap dirimu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabatmu. Jika ia kaya ataupun miskin, maka Allah lebih tahu kemaslahatannya. Maka janganlah kamu mengikuti hawa nafsu kerana ingin menyimpang dari kebenaran. Dan jika kamu memutar balikkan (kata-kata) atau enggan menjadi saksi, maka sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui segala apa yang kamu kerjakan”.*

(QS An-Nisa' 4:135)

Konsep ini sebenarnya telah disentuh oleh “*The Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions*” (AAOIFI) melalui “*Statement of Financial Accounting No. 1 on Conceptual Framework for Financial Reporting by Islamic Financial Institutions*” (SFA 1) (AAOIFI, 2019) iaitu keperluan terhadap pendedahan yang “mencukupi”. Pendedahan yang mencukupi bermakna bahawa penyata kewangan harus mengandungi semua maklumat penting yang diperlukan untuk menjadikannya berguna kepada para pengguna berkaitan. Secara umumnya, ini dapat dicapai jika maklumat tersebut dimasukkan ke dalam penyata kewangan, nota yang mengiringi mereka dan melalui pendedahan tambahan (Abdul Rahim, 2010; Muhamad Sori, 2017).

Menurut SFA 1 (AAOIFI, 2019), konsep pendedahan penuh atau mencukupi mempunyai dua aspek penting yang perlu dipenuhi iaitu Pengagregatan Optimum, dan Penerangan dan Penjelasan yang Sesuai. Penerangan lanjut mengenai dua aspek ini adalah seperti yang berikut:

### **(a) Pengagregatan Optimum**

Pengagregatan Optimum bermaksud penyata-penyata kewangan yang disediakan perlu mempunyai butiran yang lengkap untuk memenuhi keperluan pengguna maklumat tentang pelbagai kategori aset, liabiliti, hasil, belanja, untung, rugi, laba, aliran tunai, kumpulan wang, pelaburan dan item-item yang tidak dimasukkan dalam penyata kewangan (contoh, aset-aset waqaf dan *luqatah*). Namun, maklumat haruslah tidak terlalu berlebihan dan terperinci sehingga boleh menimbulkan kekeliruan dan pengabaian terhadap maklumat penting terutamanya jika para pengguna tersebut perlu melakukan banyak usaha untuk menganalisa dan memahaminya. Oleh yang demikian, maklumat yang kurang penting perlulah dinyatakan secara berasingan.

### **(b) Penerangan dan Penjelasan yang Sesuai**

Penerangan dan Penjelasan yang Sesuai pula menyentuh tentang keperluan untuk memberi maklumat tambahan yang bersesuaian dan jelas terhadap tajuk, keterangan dan jumlah melalui nota-nota kepada penyata kewangan, dasar-dasar perakaunan penting dan penyata-penyata tambahan sesebuah institusi itu. Ini amatlah penting agar para pengguna maklumat kewangan dapat menilai prestasi institusi dan pihak pengurusannya serta memahami skop dan batasan terhadap penyata kewangan yang disediakan. Keutamaan konsep pendedahan ini adalah *Daruriyyah* dan *Hajiyyah*. *Daruriyyah* kerana pendedahan perlu dibuat dalam memenuhi tuntutan syariah dan undang-undang lain (Enakmen/Piawaian Perakaunan) yang diterima pakai. Setakat *Hajiyyah* kerana mengambil kira sensitiviti dan kerahsiaan maklumat bagi sesetengah MAIN seperti maklumat terperinci berkaitan harta wakaf.

#### **6.4.6 Berguna dalam Membuat Keputusan**

Menurut Ibnu Taimiyyah, pembuatan keputusan menurut Islam adalah secara bermesyuarat bagi mengelakkan konflik kepentingan pihak tertentu. Ia diikuti dengan prinsip-prinsip Islam dalam pembuatan keputusan seperti adil, amanah, istiqamah dan jujur (Shohahussurur, 2010). Ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

*Dan juga (lebih baik dan lebih kekal) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhan mereka dan mendirikan solat dengan sempurna; dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepadanya.*

(QS Asy-Syura 42:38)

Ini berkaitan dengan aspek yang keenam pendedahan maklumat kewangan iaitu Berguna dalam Membuat Keputusan. Tujuan utama pelaporan kewangan adalah untuk menyediakan maklumat yang relevan dan boleh dipercayai bagi pengguna utama untuk membuat keputusan organisasi yang rasional. Para pengguna utama maklumat kewangan bagi sektor awam seperti yang dicadangkan oleh *International Public Sector Accounting Standards Board* (IPSASB) ialah penerima perkhidmatan dan wakil mereka, dan penyedia sumber-sumber dan wakil mereka (IPSASB, 2014). Kajian ini mengambil pendekatan yang sama dengan IPSASB bagi konteks MAIN.

Oleh yang demikian, secara umumnya para pengguna utama maklumat kewangan MAIN yang dicadangkan adalah penerima perkhidmatan MAIN, penyedia sumber-sumber MAIN dan wakil-wakil mereka. Secara spesifiknya, mereka boleh terdiri daripada penerima dan pembayar zakar, pewakaf dan penerima wakaf, penyumbang kepada baitulmal dan penerima sumbangan baitulmal, penerima lain-lain dana MAIN (sebagai contoh, dana selain daripada baitulmal, zakat dan wakaf) dan penyumbang lain-lain dana MAIN (sebagai contoh, kerajaan negeri dan persekutuan) serta wakil-wakil mereka. Ini kerana para pengguna tersebut (misalnya, pembayar zakat) ingin mengetahui sama ada pihak pengurusan seperti MAIN telah melaksanakan akauntabilitinya ataupun tidak. Cadangan ini adalah konsisten dengan Baydoun dan Willet (2000) yang mencadangkan bahawa institusi kewangan Islam haruslah menyediakan dan mempertimbangkan maklumat yang diperlukan oleh pemegang taruh dalam masyarakat Islam bagi membuat keputusan. Oleh itu, kerangka kerja konseptual hendaklah dapat menyokong maksud tersebut (Godfrey *et al.*, 2010).

Di samping itu, untuk menguji sama ada perakaunan mencapai tujuan atau tidak, pendekatan Teori Keputusan boleh digunakan. Jika sistem perakaunan sesebuah institusi dapat memberikan maklumat yang relevan dan boleh dipercayai untuk membuat keputusan, ia dianggap konsisten dengan pendekatan Teori Keputusan. Sebagai contoh, penyedia dan pengguna penyata kewangan percaya bahawa nilai

semasa adalah yang paling relevan dan boleh dipercayai untuk membuat keputusan. Oleh itu, nilai tersebut harus diguna pakai dalam mengukur dan melaporkan aset entiti pada masa kini (Godfrey *et al.*, 2010).

Bagi meningkatkan kebergunaan maklumat kewangan yang didedahkan oleh MAIN dalam membuat keputusan oleh pengguna berkaitan, kajian ini mencadangkan bahawa maklumat tersebut perlulah mempunyai ciri-ciri yang tertentu. Menurut AAOIFI SFA1, ciri-ciri khusus yang menjadikan sesuatu maklumat itu berguna untuk membuat keputusan perlulah diteliti dan ditakrifkan (AAOIFI, 2019). Ini telah dibincangkan pada Fasa 3 kajian ini iaitu ciri-ciri kualitatif yang diterima pakai adalah berdasarkan cadangan oleh International Accounting Standards Board (IASB) dan IPSASB kerana mereka tidak bertentangan dengan syarak dan konsisten dalam konteks sektor awam (IASB, 2018; IPSASB, 2014; Ku Nor Izah Ku Ismail *et al.*, 2018). Selain itu, Profesor Dr. Zulkarnain Muhamad Sori menyatakan bahawa ciri-ciri ini telah dibuat penambahbaikan beberapa kali dan dimuktamadkan oleh IASB dan IPSASB sebelum ini melalui projek kerangka kerja konseptual mereka. Oleh yang demikian, beliau mencadangkan bahawa ciri-ciri tersebut sesuai dan boleh diaplikasikan dalam konteks MAIN. IASB dan IPSASB melalui projek rangka kerja konseptualnya telah menjelaskan ciri-ciri tersebut dan mereka mampu membezakan maklumat yang lebih baik (lebih berguna) dan maklumat kurang baik (kurang berguna) dalam konteks membuat keputusan.

Namun, penyediaan maklumat tersebut perlulah mengambil kira dua kekangan utama pelaporan kewangan iaitu materialiti dan kos agar ianya berbaloi (AAOIFI, 2019; IASB, 2018). Secara umum, sesuatu item dianggap material jika ia diabaikan, tidak didedahkan atau salah penyataannya akan menyebabkan kekeliruan dan penyelewengan terhadap maklumat yang dibentangkan dalam penyata kewangan, dan oleh itu boleh mempengaruhi para pengguna dalam membuat penilaian dan keputusan. Materialiti sesuatu item itu boleh dilihat dari dua aspek iaitu sifat dan jumlahnya. Contoh-contoh sifat adalah seperti sama ada item tersebut adalah biasa atau luar biasa, yang dijangka atau tidak dijangka, berulang atau tidak berulang, mematuhi syariah atau tidak mematuhi syariah, mematuhi undang-undang atau tidak sah dan lain-lain lagi. Jumlah pula berkaitan magnitud sesuatu item terhadap asasnya seperti nilainya terhadap pendapatan bersih, jumlah aset, kumpulan wang, jumlah

pelaburan dan lain-lain lagi. Kesimpulannya, kedua-dua sifat dan jumlah haruslah diambil kira dalam menentukan tahap materialiti dan dalam keadaan tertentu salah satunya akan menjadi faktor penentu terhadap keputusan yang dibuat (AAOIFI, 2019; IASB, 2018).

Di samping itu, kos penyediaan maklumat pelaporan kewangan kepada para pengguna haruslah tidak melebihi jangkaan manfaat maklumat tersebut. Maklumat, seperti juga komoditi lain, mempunyai kos dan manfaatnya terhadap institusi dan masyarakat secara keseluruhan. Oleh yang demikian, dalam menyediakan maklumat untuk pelaporan kewangan, penilaian terdapat kos dan manfaat akan menentukan tahap pendedahannya.

Ciri-ciri kualitatif maklumat kewangan pula dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu asas (*Fundamental*) dan yang meningkatkan (*Enhancing*) kualiti asas. Terdapat dua ciri asas iaitu Relevan (*Relevance*) dan Gambaran Sebenar (*Faithful Representation*). Bagi mencapai relevan, maklumat kewangan mestilah mampu memberi perbezaan dalam keputusan yang dibuat. Maklumat yang tidak berkaitan dengan keputusan adalah tidak relevan. Sebagai tambahan, maklumat kewangan mampu memberi perbezaan apabila ia mempunyai nilai ramalan, nilai pengesahan, atau kedua-duanya (IASB, 2018). Maklumat kewangan mempunyai nilai ramalan jika ia mempunyai nilai yang boleh digunakan sebagai input untuk proses ramalan oleh para pelabur bagi membentuk jangkaan mereka tentang masa depan. Sebagai contoh, jika MAIN berminat membeli saham di Syarikat A, ia boleh menggunakan maklumat kewangan entiti tersebut untuk menganalisis sumber semasa dan tuntutan terhadap sumber-sumber tersebut, pembayaran dividen, dan prestasi pendapatan masa lalu untuk meramal jumlah, masa, dan ketidakpastian aliran tunai pada masa hadapan Syarikat A. Nilai pengesahan pula tercapai jika maklumat kewangan mampu membantu para pengguna mengesahkan atau membetulkan jangkaan terdahulu. Sebagai contoh, apabila Syarikat A mengeluarkan pernyata kewangan akhir tahunannya, ia akan mengesahkan atau mengubah jangkaan masa lalu (atau sekarang) berdasarkan penilaian terdahulu oleh pihak berkepentingan.

Gambaran sebenar pula bermaksud nombor dan penerangan adalah bertepatan dengan apa yang sebenarnya wujud atau berlaku. Gambaran sebenar penting kerana

kebanyakkan pengguna kurang mempunyai masa atau kepakaran untuk menilai kandungan fakta sesuatu maklumat itu.

Sebagai contoh, jika penyata pendapatan Syarikat A melaporkan hasil sebanyak RM5 juta sedangkan ia hanyalah RM4.5 juta, maka penyata tersebut gagal untuk menunjukkan jumlah hasil yang sepatutnya. Kebolehpercayaan tercapai jika maklumat adalah lengkap, neutral dan bebas dari kesilapan (IASB, 2018). Lengkap bermaksud terdapat semua maklumat yang diperlukan bagi mencapai gambaran sebenar. Apa-apa pengecualian boleh menyebabkan maklumat menjadi salah nyata atau mengelirukan dan oleh itu tidak membantu para pengguna maklumat kewangan dalam membuat keputusan.

Sebagai contoh, jika Entiti B gagal menyediakan maklumat yang diperlukan untuk menilai aset tertentu yang dimilikinya, maka maklumat itu adalah tidak lengkap dan seterusnya tidak boleh dipercayai. Neutral pula bermaksud sesebuah entiti itu tidak boleh memilih maklumat yang hanya memihak kepadanya atau pihak-pihak tertentu sahaja. Dengan lain perkataan, maklumat hendaklah tidak berat sebelah. Sebagai contoh, jika Entiti B telah di saman oleh pihak kerajaan kerana operasinya yang menjelaskan alam sekitar dan perlu mengiktiraf liabiliti luar jangka, ia tidak boleh menyatakan dalam nota kepada penyata kewangan bahawa pengiktirafan terpaksa dilakukan kerana pihak kerajaan terlalu tegas dan kurang budi bicara dalam menguatkuasakan undang-undang. Bebas dari kesilapan bermaksud maklumat mengenai sesuatu item kewangan yang didedahkan adalah tepat. Misalnya, jika Entiti B terkurang nyata mengenai liabilitinya, maka maklumat kewangan yang didedahkan terdapat kesilapan. Meskipun begitu, ciri ini bukan bermaksud maklumat bebas sepenuhnya daripada ketidaktepatan atau ralat memandangkan proses pelaporan kewangan melibatkan banyak pertimbangan profesional seperti menentukan kadar peruntukan hutang lapuk, jangka hayat aset, nilai sisa aset, peruntukan manfaat pekerja dan sebagainya.

Empat ciri kualitatif yang meningkatkan kualiti asas maklumat kewangan adalah Kebolehbandingan (*Comparability*), Boleh Ditentusahkan (*Verifiability*), Kekinian (*Timeliness*) dan Kebolehfahaman (*Understandability*). Dengan lain perkataan, ciri-ciri ini merupakan pelengkap kepada kualiti asas maklumat kewangan.

Kebolehbandingan membantu pengguna maklumat mengenal pasti persamaan dan perbezaan sebenar dari aspek peristiwa ekonomi dalam kalangan entiti. Sebagai contoh, jika semua MAIN menggunakan pengukuran yang sama dalam menilai aset tetap, maka perbandingan boleh dibuat dalam kalangan mereka dari aspek tersebut. Sebagai tambahan, konsisten juga merupakan salah satu ciri kebolehbandingan iaitu ia tercapai apabila entiti menggunakan kaedah perakaunan yang sama terhadap peristiwa yang sama, dari masa ke semasa.

Boleh ditentusahkan pula tercapai apabila penilai atau pemeriksa bebas (contoh, juruaudit bebas) menggunakan kaedah yang sama, mereka boleh mendapatkan keputusan yang sama. Contohnya, dua juruaudit bebas mengira inventori fizikal sesebuah entiti dan memperolehi jumlah yang sama. Jumlah tersebut pula adalah yang direkodkan dalam sistem perakaunan entiti tersebut.

Kekinian bermaksud menyediakan maklumat kepada pembuat keputusan sebelum maklumat tersebut hilang keupayaannya untuk mempengaruhi keputusan. Misalnya, maklumat kewangan yang didedahkan dari masa ke semasa melalui laporan interim (contohnya, setiap suku tahun) adalah penting untuk meningkatkan kebergunaannya dalam membuat keputusan oleh para pengguna. Kebolehfahaman dicapai apabila maklumat perakaunan dikelaskan, dicirikan, dan dibentangkan dengan jelas dan ringkas bagi proses membuat keputusan oleh para pengguna (IASB, 2018). Sebagai contoh, katakanlah bahawa Syarikat B telah mengeluarkan laporan tahunan terkini yang menunjukkan pendapatannya telah menurun dengan ketara, para pelabur Syarikat B yang faham tentang senario tersebut akan mempunyai kecenderungan untuk menjual saham mereka bagi mengelakkan kerugian yang lebih besar di masa hadapan.

Keutamaan konsep pendedahan ini adalah *Daruriyyah*, *Hajiyyah* dan *Tahsiniyyah*. *Daruriyyah* iaitu perlu didedahkan jika berguna (mempengaruhi) dalam membuat keputusan. *Hajiyyah* dan *Tahsiniyyah* bergantung kepada pertimbangan Kos-Manfaat pendedahan seperti yang dibincangkan di atas.

## **6.5 Kesimpulan**

Bab ini telah membincangkan dengan panjang lebar berkenaan KKPI bersama-sama keperluan syariah yang menyokong KKPI tersebut. Secara umumnya, KKPI yang dicadangkan mempunyai tiga tahap iaitu teori asas dan konsep asas sebagai khalifah (Tahap Pertama), matlamat (*Al-Adl*, *Al-Ihsan* dan *Al-Falah*) (Tahap Kedua) dan perlaksanaan amalan perakaunan (Tahap Ketiga). Berdasarkan beberapa siri rundingan bersama beberapa pakar yang dijemput, kajian pada Fasa 4 telah membuat beberapa penambahbaikan terhadap KKPI yang berkaitan secara khusus dengan aspek pendedahan maklumat kewangan. Elemen pendedahan yang dibuat penambahbaikan adalah Penyataan Pematuhan Syariah, Penyataan Tanggungjawab MAIN Terhadap Baitulmal, Zakat dan Wakaf, Penerangan Ringkas Peranan Ahli Majlis/Penasihat Syariah MAIN, Akauntabiliti Sosial, Pendedahan Penuh dan Berguna Dalam Membuat Keputusan. Adalah diharapkan cadangan ini dapat memberi panduan yang berguna kepada para MAIN dalam mendedahkan maklumat kewangan mereka melalui pelaporan kewangan mereka.

## **BAB TUJUH**

### **BATASAN PERUNDANGAN**

#### **7.1 Pengenalan**

Bab ini menghuraikan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan MAIN dan institusi BZW khususnya yang berkaitan dengan pendedahan maklumat-maklumat yang relevan di dalam laporan tahunan. Perlembagaan Persekutuan, Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), dan beberapa akta yang berkaitan kajian ini dibincangkan. Manakala Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Agama Islam bagi setiap negeri turut dibincangkan dalam bab ini.

#### **7.2 Perlembagaan Persekutuan, Enakmen dan Ordinan**

Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi di Malaysia (Perlembagaan Persekutuan, Perkara 4). Ia mengatasi segala undang-undang, Enakmen mahupun Ordinan yang digunakan di negara ini. Perlembagaan ini memperuntukkan kuasa tadbir urus negara menurut amalan sistem demokrasi dan Raja Berperlembagaan. Perlembagaan ini boleh dipinda dengan sokongan majoriti sekurang-kurangnya dua pertiga ahli Parlimen ataupun sokongan dua pertiga ahli Parlimen bersama dengan persetujuan Majlis Raja-Raja (Perlembagaan Persekutuan, Perkara 159). Di Malaysia, sebahagian daripada hak-hak asasi manusia adalah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan (Perlembagaan Persekutuan, Perkara 5 hingga Perkara 13). Antara lain, Perlembagaan ini menjamin kebebasan untuk hidup, kebebasan bergerak, bersuara, berhimpun dan berpersatuan; beragama dan juga hak-hak bersangkutan pendidikan. Setiap warganegara perlu mengetahui hak asasi masing-masing seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan turut meletakkan Agama Islam sebagai agama Persekutuan di samping agama-agama lain bebas diamalkan di Negara ini (Perlembagaan Persekutuan, Perkara 11). Berbalik kepada skop kajian ini, zakat, fitrah, baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya ada disebut dalam Perlembagaan Persekutuan, Bahagian VII Peruntukan Kewangan iaitu Perkara 97 Fasal 3, seperti berikut:

*“Apa-apa zakat, fitrah, baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya diperdapatkan, maka hasil itu hendaklah dibayar ke dalam suatu kumpulan wang yang berasingan dan tidaklah boleh dibayar daripadanya kecuali di bawah kuasa undang-undang Negeri atau undang-undang persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan”.*

Peruntukan tersebut dengan jelas menyatakan bahawa segala wang yang berkaitan dengan agama Islam mestilah direkod di dalam kumpulan wang yang berasingan dan tidak boleh disatukan dengan kumpulan wang lain. Manakala kuasa berkaitan dengan hasil zakat, fitrah, baitulmal dan lain-lain penerimaan agama adalah terletak di bawah kuasa kerajaan negeri sama ada dalam bentuk enakmen atau ordinan. Perlembagaan Persekutuan walau bagaimanapun hanya menjelaskan mengenai pengasingan sumber penerimaan agama dan kuasa kerajaan negeri ke atasnya tetapi tidak memperincikan mengenai bentuk pendedahan yang perlu ada di dalam laporan kewangan institusi Islam yang ada.

Di dalam memperakaunkan maklumat kewangan Akta Persekutuan iaitu Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) diterima pakai oleh kebanyakan Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Menurut Seksyen 5(1) Akta 240, sesebuah entiti itu perlu menyimpan akaun dan rekod yang sempurna mengikut prinsip perakaunan yang diakui umum dalam tempoh enam bulan selepas tahun kewangan (atau lanjutan masa yang dibenarkan) dan dihantar kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit. Seterusnya Seksyen 11 (2)(b) memberi kuasa kepada Menteri menentukan kaedah bagi maksud menjalankan atau menguatkuasakan Akta Badan Berkanun dan menetapkan garis panduan mengenai prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum & polisi-polisi perakaunan.

Setiap negeri walau bagaimanapun mempunyai perundangan tersendiri yang dikenali sebagai Enakmen atau Ordinan. Kajian ini meneliti semua perundangan tersebut sama ada di peringkat persekutuan ataupun negeri dalam konteks undang-undang berkaitan MAIN dan institusi BZW serta lebih menjurus kepada hal yang berkaitan kewangan bagi lima negeri iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak (Zon 2). Objektifnya adalah untuk mengkaji dan mengenal pasti batasan perundangan bagi pelaksanaan piawaian perakaunan dan pelaporan kewangan Islam dalam aspek pendedahan maklumat kewangan di MAIN atau institusi BZW di lima negeri tersebut.

Daripada penelitian penyelidik di enam institusi di Zon 2, Enakmen Pentadbiran Agama Islam MAIK, MAIPs, MAINPP dan MAIPk menyatakan bahawa Akta 240 hendaklah diterima pakai, manakala Enakmen LZNK tidak menerima pakai Akta ini sebaliknya mempunyai peruntukan tersendiri mengenai penyediaan akaun dan laporan tahunan mereka. Penyelidik juga mendapati Enakmen Wakaf (Perak) 2015, Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 dan Undang-Undang Zakat dan Fitrah 1966 (Sarawak), pindaan 1970 tidak menyebut secara jelas tentang pemakaian Akta ini

Bidang kuasa dan tadbir urus bagi hal ehwal hasil wang Islam di negeri Perlis diwartakan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006. Manakala bagi negeri Kedah, ia diwartakan di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 2008 dan Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015 (Enakmen 23). Negeri Pulau Pinang tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004. Negeri Perak pula mewartakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004 serta Enakmen Wakaf 2015 manakala bagi negeri Sarawak, undang-undang berkaitan MAIN atau institusi BZW diwartakan di bawah Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001. Ringkasan negeri-negeri bersama enakmen dan ordinan yang diguna pakai boleh dirujuk kepada Jadual 7.1.

Daripada penelitian Enakmen Pentadbiran Agama Islam di MAIK, MAIPs, MAINPP dan MAIPk, secara jelas dinyatakan tentang pemakaian Akta 240 iaitu:

*“[Akta 240] hendaklah terpakai bagi Majlis dan bagi mana-mana perbadanan di bawah Enakmen ini”*

Peruntukan mengenai pemakaian enakmen ini adalah sama bagi MAIK, MAIPs, MAINPP dan MAIPk, cuma kedudukan seksyen sahaja yang berbeza iaitu MAIK – Seksyen 51, MAIPs – Seksyen 85, MAINPP – Seksyen 85 dan MAIPk – Seksyen 74(1). Peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa di dalam penyediaan akaun dan laporan tahunan, MAIN perlu mematuhi peruntukan di bawah Akta Badan Berkanun tersebut.

Enakmen LZNK dengan jelas menyatakan di bawah seksyen 34(4) iaitu Akta 240 tidak terpakai bagi maksud enakmen ini. Sebaliknya, terdapat peruntukan khusus di dalam menguruskan penyediaan akaun dan laporan tahunan mereka seperti yang termaktub di bawah Seksyen 35(1) yang menyatakan:

*“Lembaga hendaklah tidak melebihi pada 30 April setiap tahun berikutnya mengemukakan penyata kewangan tahun sebelumnya, menyebabkan supaya akaunnya diaudit oleh Ketua Audit Negara dan hendaklah secepat yang dapat dilaksanakan, menghantar akaun yang diaudit itu kepada pihak berkuasa negeri”*

Seterusnya Seksyen 35 (2) pula menyatakan bahawa akaun yang telah diaudit hendaklah disiarkan di dalam Warta.

Walaupun LZNK tidak menerima pakai Akta 240 ini, tetapi Enakmen LZNK 2015 pada dasarnya menghendaki laporan tahunan disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan (30 April setiap tahun) dan diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dikemukakan kepada Kerajaan Negeri. Akaun yang telah diaudit pula perlu disiarkan di dalam warta.

Seterusnya Enakmen Wakaf Perak 2015 juga tidak menyebut secara khusus tentang pemakaian Akta 240 ini sebaliknya dinyatakan di dalam seksyen 37 enakmen berkenaan iaitu:

*“Majlis hendaklah menyimpan atau hendaklah menyebabkan disimpan akaun-akaun dan lain-lain rekod yang sempurna mengenai perjalannya mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum dan hendaklah menyebabkan disediakan penyata bagi akaun-akaunnya bagi tiap-tiap satu tahun kewangan dan, dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan itu”*

Walaupun enakmen ini tidak menyatakan secara khusus tentang pemakaian Akta 240 namun peruntukan di dalam seksyen 37 ini hampir menyamai dengan apa yang dinyatakan dalam Akta 240 iaitu akaun-akaun hendaklah disediakan mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum untuk setiap tahun kewangan dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan setiap tahun.

Begitu juga di dalam Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001, tidak disebutkan tentang pemakaian Akta 240 tetapi peruntukan berkaitan penyediaan akaun dan laporan tahunan dinyatakan di bawah seksyen 73. Peruntukan seksyen 73 menyatakan:

*“Majlis hendaklah menyebabkan akaun-akaun yang lengkap dan benar Baitulmal disimpan dan hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin selepas 31 Disember dalam tiap-tiap tahun mengemukakan kepada Menteri suatu laporan tentang aktiviti-aktiviti Majlis sepanjang tahun yang sebelumnya, berserta dengan satu kunci kira-kira Baitulmal, seperti pada 31 Disember, suatu akaun pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun itu dan senarai harta dan pelaburan baitulmal dengan menunjukkan kosnya, jika dibeli, dan anggaran nilai seperti pada 31 Disember”*

Peruntukan seksyen 73 juga berkaitan dengan penyimpanan akaun dan penyediaan laporan tahunan (meliputi laporan aktiviti, akaun pendapatan dan perbelanjaan dan kunci kira-kira) dan juga senarai pelaburan baitulmal yang perlu disediakan dengan segera selepas 31 Disember setiap tahun untuk dikemukakan kepada Menteri. Manakala Undang-Undang Zakat dan Fitrah 1966 (Pindaan 1970) tidak menyatakan tentang pemakaian Akta 240, dan tidak ada peruntukan khusus berkaitan dengan penyediaan akaun dan laporan tahunan.

#### **Jadual 7.1 Negeri dan Enakmen/Ordinan**

Negeri	Entiti	Enakmen/Ordinan	Pemakaian Akta 240
Perlis	MAIPs	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006	Terima pakai
Kedah	MAIK	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 2008	Terima pakai
	LZNK	Enakmen Lembaga Zakat kedah Darul Aman 2015	Tidak menerima pakai
Pulau Pinang	MAINPP	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004	Terima pakai
Perak	MAIPk	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004	Terima pakai
		Enakmen Wakaf 2015	Tidak disebut
Sarawak	TBS	Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001	Tidak disebut
		Undang-Undang Zakat dan Fitrah 1966 (Pindaan 1970)	Tidak disebut

### **7.3 Penubuhan Perbadanan**

Kesemua MAIN yang dikaji termasuk LZNK memberi kuasa kepada Majlis untuk menubuhkan perbadanan bagi menjalankan operasi khusus atau yang boleh memberi manfaat kepada umat Islam. Peruntukan berkaitan dengan kuasa menubuhkan perbadanan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam di Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang adalah hampir sama dan kesemuanya terdapat di bawah seksyen 8 enakmen masing-masing. Peruntukan yang sama juga terdapat pada LZNK tetapi terletak di bawah seksyen 20. Perbezaan yang terdapat hanyalah di bahagian kuasa tertinggi kelulusan iaitu Kedah (termasuk LZNK) dan Perak terletak di bawah kuasa Sultan, Perlis di bawah Raja Pemerintah dan Pulau Pinang di bawah Yang di-Pertuan Agong. Peruntukan berkaitan dengan kuasa Majlis (Lembaga) untuk menubuhkan perbadanan seperti mana yang terdapat dalam seksyen 8 (seksyen 20 untuk LZNK) adalah seperti berikut:

*Seksyen 8 - Kuasa untuk menubuhkan perbadanan*

- (1) *Majlis boleh, atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dari semasa ke semasa dengan perintah yang disiarkan dalam Warta, menubuhkan perbadanan dengan apa-apa nama yang pada pendapat Majlis adalah sesuai untuk menjalankan dan dipertanggungjawabkan dengan kawalan, pentadbiran dan pengurusan apa-apa projek, skim atau pengusahaan yang telah dirancangkan atau dijalankan oleh Majlis dalam melaksanakan kewajipan atau kuasanya di bawah seksyen 7.*
- (2) *Apabila Majlis menubuhkan suatu perbadanan di bawah subseksyen (1), Majlis hendaklah, atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, melalui perintah yang sama atau perintah yang lain membuat peruntukan berhubung dengan pertubuhan itu yang menetapkan:
  - (a) kewajipan, kuasa dan hak perbadanan itu; dan
  - (b) sistem pengurusan perbadanan itu.*
- (3) *Peruntukan Jadual Kedua hendaklah terpakai bagi sesuatu perbadanan yang ditubuhkan oleh Majlis di bawah subseksyen (1).*

Hanya Ordinan Majlis Islam Sarawak sahaja yang mempunyai peruntukan yang sedikit berbeza dan diletakkan di bawah seksyen 5 dengan tajuk “Kewajipan Majlis tentang kemajuan ekonomi dan sosial masyarakat orang Islam”. Peruntukan di dalam seksyen 5 adalah seperti berikut:

- (1) Maka hendaklah menjadi kewajipan Majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial dan kesejahteraan masyarakat Islam di dalam Negeri selaras dengan Undang-Undang Islam.
- (2) Majlis hendaklah mempunyai kuasa, bagi maksud menunaikan kewajipannya di bawah subseksyen (1):
  - (a) untuk menjalankan segala aktiviti, khususnya memajukan perusahaan komersial dan perindustrian, yang perjalannya ternyata kepada Majlis adalah perlu, berfaedah atau menyenangkan bagi atau berkaitan dengan penunaian kewajipan yang sedemikian;
  - (b) untuk menggalakkan penjalanannya apa-apa kegiatan sedemikian oleh badan-badan atau orang-orang lain, dan bagi maksud itu untuk menubuhkan atau memperkembangkan, atau menggalakkan penubuhan atau perkembangan, badan-badan lain untuk menjalankan apa-apa kegiatan sedemikian sama ada di bawah kawalan atau separa kawalan Majlis atau secara bebas, dan untuk memberikan bantuan kepada badan-badan atau orang-orang lain yang ternyata kepada Majlis mempunyai kemudahan untuk menjalankan apa-apa kegiatan yang sedemikian, termasuklah pemberian bantuan kewangan dengan cara pinjaman atau selainnya;
  - (c) untuk menjalankan apa-apa kegiatan sedemikian bersama badan-badan atau orang-orang lain, termasuklah jabatan-jabatan atau pihak-pihak berkuasa Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, atau sebagai ejen urusan atau selainnya bagi pihak Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;
  - (d) untuk melabur dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan sebagaimana yang ditakrifkan oleh Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208], dan untuk melupuskan pelaburan itu atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Majlis;
  - (e) untuk menubuhkan, membina, menyenggarakan dan mengawal selia institusi-institusi atau sekolah-sekolah agama Islam dan institusi-institusi latihan dan penyelidikan Islam;
  - (f) untuk menubuhkan apa-apa skim bagi pemberian pinjaman atau selainnya daripada Baitulmal kepada individu-individu beragama Islam bagi pendidikan tinggi; dan
  - (g) untuk melakukan segala perbuatan lain yang difikirkan oleh Majlis mustahak atau suai manfaat.

Peruntukan berkaitan dengan penubuhan perbadanan yang terdapat di Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 adalah lebih lengkap. Peruntukan tersebut tidak menyebut

penubuhan perbadanan sebaliknya menyatakan penubuhan perusahaan komersial dan perindustrian yang bertujuan manfaat umat Islam.

Daripada perbincangan di atas adalah jelas kesemua entiti yang dikaji memberi kuasa kepada Majlis untuk menubuhkan perbadanan yang difikirkan sesuai untuk kesejahteraan umat Islam. Oleh yang demikian peruntukan MPSAS 22 berkaitan dengan Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan adalah selari dan boleh diterima pakai oleh MAIN.

Walau bagaimanapun tidak ada satu pun MAIN di Zon 2 yang menubuhkan sebarang perbadanan. Oleh itu penyelidik tidak dapat melihat elemen pembentangan maklumat kewangan di institusi berkenaan. Namun, disebabkan kuasa untuk menubuhkan perbadanan atau institusi yang serupa diberikan di dalam enakmen masing-masing, adalah tidak mustahil bagi MAIN di Zon 2 akan menubuhkan perbadanan di masa akan datang. Piawaian ini mungkin tidak berkenaan dengan MAIN pada masa ini, tetapi sekiranya MAIN mengambil keputusan untuk menubuhkan entiti sedemikian, maka piawaian untuk tujuan itu telah sedia ada. Ini akan memudahkan mereka untuk merekod atau mempersempahkan maklumat-maklumat berkenaan berdasarkan piawaian yang telah sedia diwujudkan. Di akhir tempoh perakaunan, akaun-akaun perbadanan ini perlu dilaporkan kepada umum. Oleh yang demikian peruntukan-peruntukan di dalam MPSAS 22 boleh diterima dan diubahsuai bagi memenuhi keperluan piawaian persembahan penyata kewangan Islam yang bakal diwujudkan.

#### **7.4 Penubuhan Syarikat**

Seiring dengan kuasa menubuhkan perbadanan Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Enakmen LZNK juga memberi kuasa kepada Majlis untuk menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125]. Peruntukan berkaitan dengan kuasa menubuhkan syarikat yang terdapat Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang bukan sahaja sama dari segi susunan ayat tetapi juga diletakkan di bawah seksyen yang sama iaitu seksyen 9. Hanya seksyen dalam Enakmen Zakat LZNK yang berbeza iaitu di bawah seksyen 21. Peruntukan yang terkandung di dalam seksyen 9 (atau seksyen 21 bagi LZNK) adalah seperti berikut:

- (1) Majlis boleh, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] untuk menjalankan apa-apa aktiviti Majlis dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasanya di bawah seksyen 7.
- (2) Tiap-tiap syarikat yang ditubuhkan atau berupa sebagai ditubuhkan oleh Majlis di bawah Akta Syarikat 1965 sebelum seksyen ini mula berkuat kuasa hendaklah disifatkan telah ditubuhkan dengan sah dan hendaklah terus wujud seolah-olah syarikat itu telah ditubuhkan oleh Majlis di bawah subseksyen (1).
- (3) Apa-apa pemberian atau bantuan kewangan yang diberikan oleh Majlis kepada sesuatu syarikat yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah disifatkan telah diberikan dengan sah di bawah subseksyen 7(2).

(Seksyen 9, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah 2008)

Seperti juga dengan penubuhan perbadanan, peruntukan berkaitan kuasa menubuhkan syarikat adalah sama. Perbezaan hanya terdapat kepada kuasa perkenan atau kelulusan tertinggi di mana Kedah dan Perak terletak di bawah kuasa Sultan, Perlis di bawah kuasa Raja Pemerintah, manakala Pulau Pinang di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong.

Peruntukan berkaitan dengan kuasa menubuhkan syarikat oleh di bawah Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 adalah sedikit berbeza tetapi masih memberi kuasa kepada Majlis untuk menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 tertakluk kepada kelulusan Menteri. Di samping itu Ordinan ini juga memberi kuasa kepada Majlis memegang kepentingan, syer dan sekuriti di mana-mana syarikat, menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan yang bersesuaian atau membuat pelaburan. Peruntukan berkaitan kuasa menubuhkan syarikat dinyatakan di bawah seksyen 6 Ordinan berkenaan seperti berikut:

*Majlis boleh, dengan kelulusan Menteri:*

- (a) menukuhan atau memperbadankan suatu syarikat atau syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125]; atau
- (b) memperoleh atau memegang kepentingan, syer dan sekuriti dalam mana-mana syarikat atau syarikat-syarikat, untuk mengusaha atau menjalankan apa-apa aktiviti atau perniagaan yang difikirkan patut dan wajar oleh Menteri supaya diusaha atau dijalankan bagi maksud-maksud Ordinan ini atau bagi pemelaburan apa-apa wang atau harta yang terletak hak pada atau ditadbirkan oleh Majlis di bawah Bahagian V.

Oleh kerana MAIN diberi kuasa untuk menubuhkan syarikat, sudah pasti akaun anak-anak syarikat yang ditubuhkan perlu disatukan dengan akaun MAIN. Kesemua MAIN di Zon 2 mempunyai sekurang-kurangnya satu anak syarikat di mana pemilikannya adalah 100%. Pelaburan ke atas anak syarikat ini pula diambil dari kumpulan wang yang berbeza (Rujuk kepada Bab Dua). Hanya TBS sahaja yang mempunyai pelaburan di dalam syarikat bersekutu. Di akhir tempoh kewangan kesemua akaun MAIN dan anak-anak syarikat perlu di satukan. Oleh yang demikian pemakaian MPSAS 35 Penyata Kewangan Disatukan adalah selari dengan struktur organisasi MAIN.

## **7.5 Penyediaan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan**

Pendedahan maklumat berkaitan dengan anggaran pendapatan dan perbelanjaan (belanjawan/bajet) merupakan satu cara untuk memberi maklumat kepada pemegang taruh berkaitan dengan trend pendapatan dan perbelanjaan yang dilibatkan oleh sesebuah institusi. Langkah ini boleh meningkatkan ketelusan sesebuah institusi.

Jika dilihat kepada Enakmen dan Ordinan MAIN di Zon 2, di dapati kesemua MAIN mempunyai peruntukan berkaitan dengan keperluan membuat anggaran pendapatan dan perbelanjaan untuk setiap tahun kewangan. Daripada penelitian enakmen dan ordinan di Zon 2, peruntukan berkaitan dengan penyediaan anggaran pendapatan dan perbelanjaan adalah sama di semua MAIN, kecuali di LZNK di mana peruntukan tentangnya adalah sedikit berbeza. Walau bagaimanapun, asasnya adalah sama iaitu penyediaan anggaran pendapatan dan perbelanjaan perlu dibuat. Perbandingan peruntukan berkaitan dengan penyediaan anggaran pendapatan dan perbelanjaan di antara kesemua MAIN dan LZNK adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.2.

**Jadual 7.2 Peruntukan Berkaitan Dengan Penyediaan Anggaran Pendapatan Dan Perbelanjaan**

Institusi	Peruntukan	Entiti (Seksyen)
LZNK	<p>(1) Anggaran belanjawan tahun berikutnya hendaklah diluluskan tidak lewat dari 15 Disember.</p> <p>(2) Jika peruntukan wang tambahan dikehendaki, Lembaga boleh dari semasa ke semasa meluluskan anggaran tambahan dengan menunjukkan punca-punca dari mana apa-apa perbelanjaan tambahan yang dilakukan olehnya boleh dibayar. Bagi maksud seksyen ini, tahun kalendar kewangan bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.</p>	LZNK (32)
Lain-lain MAIN	<p>(1) Anggaran kesemua pendapatan dan perbelanjaan Majlis, termasuk anggaran segala harta dan segala barang boleh lopus, berkenaan dengan tahun yang berikutnya hendaklah disedia dan dipersembahkan kepada DYMM Sultan tidak lewat dari 31 Oktober dalam setiap tahun.</p> <p>(2) DYMM Sultan*, atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri boleh meluluskan anggaran itu atau boleh mengarahkan supaya ia dipinda.</p> <p>(3) Anggaran yang diluluskan, dengan atau tanpa pindaan di bawah subseksyen (2), bolehlah disiarkan dalam Warta.</p> <p>(4) Majlis boleh pada bila-bila masa menyembahkan kepada DYMM Sultan* anggaran perbelanjaan tambahan berkenaan dengan tahun semasa, atau, pada bila-bila masa sebelum 31 hari bulan Mac dalam mana-mana tahun, berkenaan dengan tahun yang sebelumnya, dan anggaran itu boleh diluluskan atau dipinda, dan bolehlah disiarkan, mengikut subseksyen (2) dan (3).</p> <p>(5) Tiada wang boleh dibelanjakan, atau harta dilupuskan dalam bentuk barang, kecuali mengikut anggaran yang diperuntukkan dalam seksyen ini dan dengan berdasarkan baucar yang ditandatangani oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis atau mana-mana pegawai lain yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua.</p>	MAIK (48) MAIPS (82) MAINPP (82) MAIPK (71) TBS (71)

\* Nota: Sama Untuk Kedah dan Perak. Perlis diganti dengan Raja Pemerintah, Pulau Pinang diganti dengan Yang di-Pertuan Agong dan TBS diganti dengan Menteri

Daripada Jadual 7.2, didapati bahawa walaupun peruntukan dan seksyen di antara LZNK dan lain-lain institusi adalah berbeza, secara keseluruhannya kesemua MAIN di Zon 2 menghendaki penyediaan anggaran pendapatan dan perbelanjaan dibuat. Tarikh kelulusan belanjawan juga berbeza di mana LZNK hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya sebelum 15 Disember, manakala lain-lain institusi sebelum 31 Oktober. Anggaran belanjawan tersebut pula perlu disiarkan di dalam Warta mengikut Perenggan 3 peruntukan berkenaan (Untuk makluman MAIPk telah menghapuskan peruntukan para ini (Warta) mulai tahun 2019).

Jelas di sini bahawa kesemua enakmen atau ordinan di MAIN Zon 2 menyatakan mengenai keperluan menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan. Oleh yang demikian piawaian MPSAS 24 Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan boleh diterima pakai tetapi memerlukan sedikit pengubahsuaian.

## **7.6 Pengurusan Baitulmal, Zakat dan Wakaf**

Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Islam Negeri-negeri mempunyai peruntukan yang khusus berkaitan dengan penubuhan dan pengurusan harta baitulmal. Peruntukan tersebut diletakkan di bawah tajuk “Bahagian Kewangan Baitulmal dan Tatacara Kewangan Majlis” kecuali Sarawak diletakkan di bawah tajuk “Peraturan 15. Pelaburan Dana Aset” dan “Penubuhan dsb., Baitulmal dan Caruman-Caruman Kepadanya”. Walaupun peruntukan ini terkandung dalam seksyen yang berbeza, kandungannya adalah hampir serupa bagi, MAIK (Seksyen 47), MAIPs MAINPP (Seksyen 81) dan MAIPk (Seksyen 70). Peruntukan berkaitan dengan perkara ini yang terkandung dalam Ordinan Majlis Islam Sarawak adalah sedikit berbeza, tetapi kandungannya adalah hampir sama. Secara keseluruhannya, peruntukan di dalam enakmen atau ordinan ini memberi kebenaran kepada MAIN untuk membuat pelaburan daripada aset-aset baitulmal. Ringkasan peruntukan enakmen dan ordinan ini adalah seperti dalam Jadual 7.3.

**Jadual 7.3 Kaedah Pengurusan Wang dan Harta Baitulmal**

<b>Statut</b>	<b>Peruntukan</b>
Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri: Bahagian Kewangan Baitulmal dan Tatacara Kewangan Majlis  MAIK – Seksyen 47 MAIPs & MAINPP- Seksyen 81 MAIPk – Seksyen 70	Walau apa pun peraturan yang disebut dalam subseksyen (3), mana-mana pelaburan, aset atau kumpulan wang yang terletak hak pada Majlis boleh dijual, dihasilkan dan dilupuskan, dan hasil-hasil daripadanya boleh dilaburkan dari semasa ke semasa dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa bagi pelaburan wang amanah dan Hukum Syarak
Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001	Seksyen 45(4) Walau apa pun subseksyen (3), apa-apa pelaburan berupa aset dan wang yang terletak hak pada Majlis boleh dijual,

TBS Seksyen 45 dan 46	<p>dihasilkan dan dilupuskan, dan hasil pungutannya itu bolehlah dilaburkan mengikut seksyen 44.</p> <p>Seksyen 44 membolehkan pelaburan dibuat dalam berbagai pelaburan termasuk apa-apa pelaburan atau sekuriti yang dibenarkan Majlis</p>
-----------------------	--

Peruntukan berkaitan dengan pengurusan zakat yang terdapat di MAIPs, MAINPP dan MAIPk adalah serupa, iaitu berkaitan dengan kuasa Majlis memungut dan membuat peraturan-peraturan berkaitan dengan wang zakat. Seksyen yang berkaitan ialah Seksyen 86-87 (MAIPs), Seksyen 85-87 (MAINPP), dan Seksyen 75-76 (MAIPk). Walau bagaimanapun tidak terdapat peruntukan yang jelas berkaitan dengan penggunaan wang zakat untuk tujuan pelaburan. Sementara MAIK pula tidak mempunyai peruntukan berkaitan dengan zakat kerana kesemua fungsi pengurusan zakat terletak di bawah LZNK. Enakmen LZNK membenarkan wang zakat digunakan untuk menjalankan fungsi-fungsi Lembaga dan juga dilaburkan ke dalam apa-apa projek, perniagaan, atau pelaburan yang boleh memberi faedah kepada Lembaga (Seksyen 30(3)). Begitu juga dengan Sarawak di mana Undang-Undang Zakat Dan Fitrah 1966 memberi kebenaran untuk melaburkan wang zakat ke dalam projek yang berekonomi dan lestari.

Seterusnya kesemua MAIN di Zon 2 mempunyai peruntukan yang khusus berkaitan dengan pengurusan wakaf. Seksyen-seksyen yang berkaitan adalah Seksyen 52-58 (MAIK), Seksyen 89-95 (MAIPs dan MAINPP), Seksyen 78-84 (MAIPk) dan Seksyen 51-54 (TBS). Secara umumnya, peruntukan di dalam seksyen ini menyatakan bahawa hasil daripada wakaf am hendaklah menjadi sebagai pendapatan kepada baitulmal. Berdasarkan Jadual 7.3, pendapatan baitulmal juga boleh digunakan untuk tujuan pelaburan.

Berdasarkan perbincangan di atas, secara umumnya pendapatan tabung baitulmal (sebahagiannya mungkin daripada pendapatan wakaf am) boleh digunakan untuk tujuan pelaburan. Begitu juga dengan dana zakat di mana LZNK dan TBS mempunyai kuasa untuk melaburkan dana zakat ke dalam pelaburan yang menguntungkan untuk tujuan manfaat kepada umat Islam. Oleh yang demikian peruntukan yang membolehkan MAIN membuat pelaburan dalam sekuriti dan aset memungkinkan

kewujudan syarikat bersekutu dan juga usaha sama. Peruntukan ini adalah selari dengan MPSAS 36 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu & Usaha Sama. Peruntukan yang bersesuaian di dalam MPSAS 36 boleh diterima pakai oleh MAIN yang menjalankan aktiviti pelaburan. Daripada tinjauan penyelidik, kecuali Sarawak yang mempunyai pelaburan di dalam syarikat bersekutu, lain-lain MAIN tidak mempunyai pelaburan sedemikian selain daripada pelaburan dalam anak syarikat milik penuh (100%).

## **7.7 Penzahiran Kepentingan**

Bagi menjamin ketelusan dan akauntabiliti sosial maklumat pendedahan berkaitan dengan pihak-pihak yang berkepentingan di dalam sesebuah entiti adalah diperlukan. Pendedahan ini bertujuan untuk mengenal pasti pihak mana yang mengawal atau mempengaruhi pengaruh entiti pelapor dan menentukan apa maklumat harus didedahkan mengenai transaksi dengan pihak-pihak tersebut. Pihak berkaitan yang dimaksudkan adalah termasuk: (a) entiti yang mengawal, atau dikawal oleh entiti pelapor; (b) syarikat bersekutu; (c) orang yang memiliki kawalan dan mempunyai kepentingan dalam entiti pelapor yang memberi mereka pengaruh yang signifikan ke atas entiti itu, berserta ahli keluarga terdekat; (d) pengurusan utama, dan ahli keluarga utama kakitangan utama; dan (e) entiti di mana kepentingan pemilikan yang besar dipegang, secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana orang yang dinyatakan dalam (c) atau (d), atau di mana orang tersebut dapat memberi pengaruh yang ketara.

Daripada penelitian terhadap enakmen dan ordinan, di dapati hanya Enakmen LZNK sahaja yang mempunyai peruntukan yang khusus berkaitan dengan penzahiran kepentingan ini. Lain-lain MAIN tidak mempunyai peruntukan berkaitan dengan perkara ini. Seksyen 6 Enakmen LZNK menyatakan perkara berikut:

- (1) *Mana-mana ahli Lembaga yang dilantik di bawah Seksyen 6 yang mempunyai atau memperoleh suatu kepentingan langsung atau tidak langsung dengan sendiri, menerusi anggota keluarganya atau menerusi sekutunya berhubung dengan apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin selepas fakta yang berkaitan sampai kepada pengetahuannya, menzahirkan kepada Lembaga hakikat kepentingan dan jenis kepentingan itu.*

- (2) *Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang di dalamnya perkara itu dibincangkan dan, selepas penzahiran itu, anggota itu:*
- (a) *tidak boleh hadir atau mengambil bahagian dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai perkara; dan*
  - (b) *tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kourum Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, apabila perkara itu dibincangkan atau diputuskan.*
- (3) *Seseorang ahli Lembaga yang tidak menzahirkan kepentingannya sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 16 (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau pemerjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.*
- (4) *Tiada apa-apa tindakan atau prosiding Lembaga boleh ditidaksahkan atas alasan bahawa mana-mana ahli Lembaga telah melanggar seksyen ini.*
- (5) *Bagi maksud seksyen ini –*
- “anggota keluarganya”, berhubung dengan seseorang ahli Lembaga, termasuklah - Suami atau isterinya; Ibu atau bapanya (termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya); Anaknya (termasuk anak angkat atau anak tiri); Adik-beradiknya (termasuk adik-beradik suami atau isterinya); dan Suami atau isteri anaknya adik-beradiknya; dan “sekutu”, berhubung dengan seseorang ahli Lembaga ertinya – Orang yang merupakan penama atau pekerja anggota itu; Firma yang anggota itu atau mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsinya; Pekongsi anggota itu; Pemegang amanah sesuatu amanah yang di bawahnya anggota itu atau seorang anggota keluarganya adalah seorang beneficiari; atau Mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 (Akta 125), yang anggota itu atau mana-mana penamanya atau seseorang anggota keluarganya adalah seorang pengarah atau mempunyai pemegangan syer yang substansial dalam perbadanan itu.*

Peruntukan Seksyen 6 Enakmen LZNK memberikan definisi pihak berkaitan yang agak komprehensif. Ini bermakna mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung ke atas LZNK hendaklah mendedahkan maklumat berkenaan di dalam laporan tahunan. Peruntukan begini sepatutnya juga

terdapat di dalam enakmen atau ordinan Agama Islam di negeri-negeri lain. Dengan adanya peruntukan berkaitan dengan penzahiran kepentingan ini, ia akan dapat menjamin tahap ketelusan dan akauntabiliti sosial yang tinggi. Peruntukan ini menyokong prinsip ketelusan, akauntabiliti dan pendedahan penuh. Ini adalah selari dengan peruntukan yang terkandung di dalam MPSAS 20 Pendedahan Pihak Berkaitan. Pihak MAIN boleh menerima pakai peruntukan yang bersesuaian di dalam MPSAS 20 ini.

## **7.8 Kesimpulan**

Daripada perbincangan di atas, didapati tidak semua Enakmen mengguna pakai Akta Badan Berkanun 1980 (Akta 240), contohnya LZNK yang dengan jelas menyatakan tidak menerima pakai Akta ini, dan Sarawak yang tidak menyatakan secara khusus berkaitan dengan pemakaianya. Namun, ke semua enakmen dan ordinan mempunyai peruntukan tentang penyediaan keperluan pengauditan akaun oleh Ketua Audit Negara. Seksyen-seksyen dalam enakmen atau ordinan yang relevan untuk kajian ini adalah berkaitan dengan pendedahan maklumat belanjawan, hak Majlis untuk menujuhkan perbadanan atau syarikat serta membuat pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama. Berkaitan dengan penzahiran kepentingan pihak yang berkaitan hanya Enakmen LZNK yang menyatakan dengan jelas tentang keperluan penzahiran kepentingan. Peruntukan ini berkait rapat dengan MPSAS 20 Pendedahan Pihak Berkaitan dan konsep ketulusan dan pendedahan penuh.

Antara MPSAS yang boleh disokong oleh enakmen/ordinan yang dikaji adalah Pendedahan Pihak Berkaitan (MPSAS 20), Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan (MPSAS 22), Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan (MPSAS 24), Penyata Kewangan Disatukan (MPSAS 35), dan Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu & Usaha Sama (MPSAS 36), Pengaturan Bersama (MPSAS 37), Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain (MPSAS 38).

## **BAB LAPAN**

### **CADANGAN PEMBANGUNAN PIAWAIAN ISLAM**

#### **8.1 Pengenalan**

Bab-bab sebelum ini telah membincangkan amalan semasa MAIN, kerangka kerja perakaunan dan keperluan syariah, serta batasan perundangan berhubung dengan perakaunan bagi institusi BZW. Berdasarkan kepada perbincangan tersebut, bab ini akan mengemukakan cadangan pembentukan piawaian bagi elemen pendedahan, peristiwa dan urus niaga unik dalam penyata kewangan yang dikaji dalam fasa ini. Elemen-elemen ini melibatkan sembilan MPSAS yang dikaji. Bab ini seterusnya akan membincangkan kesemua sembilan perkara tersebut mengikut susunan seperti berikut:

MPSAS 34	Penyata Kewangan Berasingan
MPSAS 14	Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
MPSAS 20	Pendedahan Pihak Berkaitan
MPSAS 22	Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan
MPSAS 24	Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan
MPSAS 35	Penyata Kewangan Disatukan
MPSAS 36	Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu & Usaha Sama
MPSAS 37	Pengaturan Bersama
MPSAS 38	Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain

Seterusnya, bab ini akan diakhiri dengan kesimpulan untuk setiap MPSAS yang dibincangkan.

Bagi setiap item, penyelidik akan mencadangkan pindaan yang akan dibuat kepada MPSAS yang berkaitan. Berpandukan kepada laporan fasa-fasa sebelumnya (Abdullah *et al.*, 2018 & Ku Nor Izah *et al.*, 2019), kaedah yang digunakan adalah seperti berikut:

- (1) Mana-mana peruntukan dalam MPSAS berkaitan yang tidak bercanggah dengan keperluan syariah akan dikekalkan dan dibuat pindaan sekiranya perlu,

- (2) Sekiranya terdapat keperluan syariah dan urus niaga atau aktiviti berkaitan MAIN tidak terdapat dalam MPSAS yang berkaitan, peruntukan mengenainya akan ditambah kepada MPSAS tersebut, jika perlu.
- (3) Mana-mana peruntukan dalam piawaian MPSAS berkaitan yang bercanggah dengan keperluan syariah akan dipinda atau dikeluarkan, dan
- (4) Mana-mana peruntukan dalam piawaian MPSAS berkaitan yang tidak relevan dengan aktiviti institusi BZW akan dikeluarkan.

## **8.2 Penyata Kewangan Berasingan (MPSAS 34)**

Secara umumnya kajian ini mencadangkan untuk menerima pakai MPSAS 34 Penyata Kewangan Berasingan bagi institusi BZW. Berdasarkan MPSAS 34 Penyata Kewangan Berasingan, terdapat dua perkara utama yang perlu didedahkan di dalam penyata kewangan berasingan:

- (1) Senarai pelaburan yang signifikan di dalam entiti dikawal, bersekutu dan usaha sama termasuk perkara berikut:
  - (a) Nama syarikat yang dikawal, bersekutu dan usaha sama.
  - (b) Negara operasi syarikat
  - (c) Peratus kepentingan pemilikan yang dipegang dalam entiti tersebut dan deskripsi cara penentuan peratus milikan tersebut.
- (2) Deskripsi kaedah yang digunakan untuk mengakaunkan entiti dikawal, bersekutu dan usaha sama yang disenaraikan dalam (a).

Amalan semasa yang dibentangkan dalam Bab Lima menunjukkan secara umumnya semua MAIN menyediakan penyata kewangan berasingan dan tahap pematuhan kepada semua keperluan pendedahan adalah memuaskan oleh kebanyakan MAIN.

### **8.2.1 Definisi Penyata Kewangan Berasingan**

Definisi penyata kewangan berasingan di dalam MPSAS 34 adalah tidak bercanggah dengan keperluan syariah. Oleh itu penyelidik mencadangkan agar definisi tersebut dikekalkan seperti berikut:

Penyata Kewangan Berasingan adalah yang dibentangkan oleh entiti, di mana entiti boleh memilih, tertakluk kepada keperluan dalam Piawaian ini, untuk mengakaunkan pelaburannya dalam entiti dikawal, usaha sama dan syarikat bersekutu sama ada pada kos, mengikut MPSAS 29, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran atau menggunakan kaedah ekuiti seperti yang diterangkan dalam MPSAS 36, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha sama.

### **8.2.2 Cadangan Pindaan**

Jadual 8.1 menjelaskan tentang beberapa cadangan pindaan kecil kepada MPSAS 34.

**Jadual 8.1 Penyata Kewangan Berasingan (MPSAS 34)**

KANDUNGAN	MPSAS 34 ( PENYATA KEWANGAN BERASINGAN)			RUJUKAN/ ALASAN
	PARA	CADANGAN	KETERANGAN	
Objektif	1	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'
Skop	2	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'
	3	Pinda	Piawaian ini tidak menghendaki entiti tertentu untuk mengeluarkan penyata kewangan berasingan. Ia terpakai apabila entiti menyediakan penyata kewangan berasingan yang mematuhi dengan <b>Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) (piawaian yang akan dibangunkan)</b>	
	4	Pinda	Piawaian ini terpakai kepada semua entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE) institusi baitulmal, zakat dan wakaf.	
	5	Keluar	Tidak relevan	
Definisi	6-10	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'
Penyediaan Penyata Kewangan Berasingan	11-15	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'

	16	Pinda	<p>Dividen atau pengagihan yang sama dari entiti terkawal, usaha sama atau syarikat bersekutu perlu diiktiraf dalam penyata kewangan berasingan entiti apabila hak entiti untuk menerima dividen atau pengagihan yang serupa ditetapkan. Dividen atau pengagihan yang serupa perlu diiktiraf dalam <b>penyata lebihan atau defisit</b> kecuali entiti memilih untuk menggunakan kaedah ekuiti di mana dividen atau pengagihan yang serupa diiktiraf sebagai pengurangan dari jumlah dibawa pelaburan.</p> <p><b>Penyata prestasi kewangan</b></p>	Laporan Fasa 1
	17-18	Kekal		
Pendedahan	19-20	Kekal	<p>Tidak bercanggah dengan syara'</p> <p>Pendedahan sepenuhnya secara telus berdasarkan prinsip pendedahan penuh dan akauntabiliti sosial (Baydoun dan Willet, 2000)</p> <p>Pendedahan berhierarki: Daruriyyah, Hajiyyah, Tahsiniyyah</p>	
	21-22	Keluar		<p>Tidak relevan/ MAIN bukan entiti pelaburan</p>
	23	Kekal	<p>Tidak bercanggah dengan syara'</p> <p>Pendedahan sepenuhnya secara telus berdasarkan prinsip pendedahan penuh dan akauntabiliti sosial (Baydoun dan Willet, 2000)</p> <p>Pendedahan berhierarki: Daruriyyah, Hajiyyah, Tahsiniyyah</p>	
	24-31	Keluar		<p>Tidak relevan/ MAIN bukan entiti pelaburan</p>

Secara umumnya, tidak terdapat banyak pindaan dibuat untuk MPSAS 34 memandangkan kebanyakan perenggan adalah sesuai untuk diguna pakai oleh institusi BZW. Berdasarkan Jadual 8.1 di atas, berikut adalah pindaan-pindaan yang dicadangkan terhadap MPSAS 34. Pertama, pada bahagian skop di Perenggan 3, menyatakan bahawa Piawaian ini terpakai kepada semua “institusi baitulmal, zakat dan wakaf” dan bukannya “entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE)”. Kedua, mengeluarkan Perenggan 5 di bahagian skop kerana tidak relevan terhadap institusi BZW.

Cadangan yang ketiga ialah pada Perenggan 16, istilah penyata lebihan atau defisit ditukar kepada penyata prestasi kewangan seperti mana yang dicadangkan dalam hasil kajian Fasa 1. Akhir sekali, perenggan-perenggan yang berkaitan dengan entiti pelaburan dikeluarkan memandangkan institusi BZW bukanlah entiti pelaburan.

### **8.3 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan (MPSAS 14)**

Dapatan kajian di dalam Bab Lima menunjukkan tiga MAIN dari Zon 2 mendedahkan maklumat peristiwa selepas tarikh pelaporan. Peristiwa yang dilaporkan juga adalah mengikut definisi yang terdapat dalam MPSAS 14. Setelah meneliti amalan semasa dan huraian di dalam MPSAS 14, secara umumnya kajian ini mencadangkan untuk menerima pakai MPSAS 14 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan bagi institusi BZW dengan sedikit pindaan seperti dalam jadual di bawah.

#### **8.3.1 Definisi Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan**

Definisi peristiwa selepas tarikh pelaporan yang diberikan oleh MPSAS 14 didapati tidak bercanggah dengan keperluan syariah. Oleh itu penyelidik mencadangkan agar definisi tersebut dikekalkan seperti berikut:

*Peristiwa yang memuaskan dan tidak memuaskan yang berlaku antara tarikh pelaporan dan tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan.*

Terdapat dua jenis peristiwa iaitu:

- (1) peristiwa yang membuktikan keadaan yang wujud pada tarikh pelaporan (peristiwa pelarasan selepas tarikh pelaporan) dan
- (2) peristiwa yang menunjukkan keadaan yang wujud selepas tarikh pelaporan (peristiwa tak perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan).

### **8.3.2 Cadangan Pindaan**

Jadual 8.2 menjelaskan tentang beberapa cadangan pindaan kecil kepada MPSAS 14.

**Jadual 8.2 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan (MPSAS 14)**

KANDUNGAN	MPSAS 14 (PERISTIWA SELEPAS TARIKH PELAPORAN)			RUJUKAN/ ALASAN
	PARA	CADANGAN	KETERANGAN	
Objektif	1	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'
Skop	2	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'
	3	Pinda	Piawaian ini terpakai kepada semua entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE) institusi baitulmal, zakat dan wakaf.	
	4	Keluar		Tidak relevan
Definisi	5	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'
Membenarkan Penyata Kewangan untuk Diterbitkan	6	Pinda	Bagi menentukan peristiwa yang menepati takrif peristiwa selepas tarikh pelaporan, adalah perlu untuk mengenal pasti tarikh pelaporan dan tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan. Tarikh pelaporan ialah hari terakhir tempoh pelaporan penyata kewangan yang berkaitan. Tarikh kebenaran untuk diterbitkan ialah tarikh penyata kewangan mendapat	Laporan Fasa 1

			<p>kelulusan daripada individu atau badan yang mempunyai kuasa untuk memuktamadkan penyata tersebut untuk diterbitkan. Pendapat audit diberikan ke atas penyata kewangan yang dimuktamadkan. Peristiwa selepas tarikh pelaporan adalah semua peristiwa yang memuaskan dan tidak memuaskan yang berlaku antara tarikh pelaporan dan tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan, walaupun peristiwa tersebut berlaku selepas perkara berikut dilaksanakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) penerbitan pengumuman tentang <u>lebihan atau kurangan</u>,</li> </ul> <p><b>Prestasi kewangan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(b) kebenaran telah diberikan bagi penyata kewangan entiti terkawal, atau</li> <li>(c) penerbitan maklumat terpilih lain yang berkaitan dengan penyata kewangan.</li> </ul>	
	7	Pinda	<p>Proses yang terlibat dalam menyediakan dan membenarkan penerbitan penyata kewangan mungkin berbeza bagi <u>jenis entiti</u> yang berbeza mengikut bidang kuasa. Ia mungkin bergantung pada sifat entiti, struktur badan pentadbir, keperluan berkanun yang berkaitan dengan entiti itu, serta prosedur yang diikuti dalam menyediakan dan memuktamadkan penyata kewangan.</p> <p>Tanggungjawab</p>	

			<p>kebenaran penyata kewangan sesebuah agensi kerajaan terletak pada ketua agensi kewangan pusat tanggungjawab k(atau pegawai kewangan/pegawai perakaunan kanan, seperti pengawal atau akauntan negara). ebenaran penyata kewangan disatukan bagi kerajaan secara keseluruhannya mungkin dipikul bersama oleh ketua agensi kewangan pusat (atau pegawai kewangan kanan, seperti pengawal atau akauntan negara) dan menteri kewangan (atau yang setara dengannya).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>1. Institusi baitulmal, zakat dan wakaf</b></li> <li><b>2. Institusi baitulmal, zakat dan wakaf</b></li> </ul>	
	8	Pinda	<p>Dalam sesetengah kes, sebagai langkah terakhir dalam proses kebenaran, sesebuah entiti dikehendaki mengemukakan penyata kewangannya kepada badan lain (contohnya, badan perundangan seperti Parlimen atau majlis tempatan). Badan ini mungkin mempunyai kuasa untuk menghendaki supaya perubahan dibuat pada penyata kewangan teraudit. Dalam kes lain, penyerahan penyata kepada badan yang satu lagi mungkin sekadar protokol atau proses, dan badan yang satu lagi mungkin tidak mempunyai kuasa</p>	

			<p>untuk menghendaki supaya perubahan dibuat pada penyata tersebut. Tarikh kebenaran untuk diterbitkan penyata kewangan akan ditentukan dalam konteks bidang kuasa tertentu.</p> <p><b>Kerajaan Negeri/Dewan Undangan Negeri</b></p>	
Pengiktirafan dan Pengukuran	9	Pinda	<p>Dalam tempoh antara tarikh pelaporan dan tarikh kebenaran untuk diterbitkan, pegawai bagi <b>kerajaan</b> yang dipilih mungkin mengumumkan hasrat <b>kerajaan</b> berhubung dengan perkara tertentu. Sama ada hasrat <b>kerajaan</b> yang diumumkan ini perlu diiktiraf atau tidak sebagai peristiwa perlu pelarasannya bergantung pada sama ada: (a) ia memberikan maklumat lanjut tentang keadaan yang wujud pada tarikh pelaporan, dan (b) terdapat bukti yang mencukupi bahawa ia dapat dan akan dipenuhi. Dalam kebanyakan kes, pengumuman hasrat <b>kerajaan</b> tidak akan membawa kepada pengiktirafan peristiwa perlu pelarasannya. Sebaliknya, ia umumnya layak untuk pendedahan sebagai peristiwa tak perlu pelarasannya.</p> <p><b>Institusi baitulmal, zakat dan wakaf</b></p>	

	10, 11 (a) – (c), (e) – (f)	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'  Pendedahan sepenuhnya secara telus berdasarkan prinsip pendedahan penuh dan akauntabiliti sosial (Baydoun dan Willet, 2000)  Pendedahan berhierarki: Daruriyyah, Hajiyyah, Tahsiniyyah
	11 (d)	Keluar		Tidak relevan/ tiada hasil dipungut dan dikongsi dengan kerajaan
	12-13	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'
	14 - 16	Keluar		Tidak relevan/ tiada dividen dibayar oleh MAIN
Usaha Berterusan	20&25	Keluar		Tidak relevan
	Selain 20&25	Pinda	Semua istilah kerajaan ditukar kepada institusi baitulmal, zakat dan wakaf	
Pendedahan:  Pendedahan tarikh kebenaran untuk diterbitkan	26	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'  Pendedahan sepenuhnya secara telus berdasarkan prinsip pendedahan penuh dan akauntabiliti sosial (Baydoun dan Willet, 2000)  Pendedahan berhierarki: Daruriyyah , Hajiyyah, Tahsiniyyah

	27	Pinda	<p>Penting bagi pengguna untuk mengetahui tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan kerana penyata kewangan ini tidak menunjukkan peristiwa selepas tarikh ini. Penting juga bagi pengguna untuk mengetahui keadaan yang jarang berlaku, iaitu mana-mana orang atau organisasi mempunyai kuasa untuk meminda penyata kewangan selepas diterbitkan. Contoh individu atau badan yang mungkin mempunyai kuasa untuk meminda penyata kewangan selepas diterbitkan ialah <b>Menteri, kerajaan, Parlimen, atau badan perwakilan yang dipilih</b>. Jika perubahan dibuat, penyata kewangan yang dipinda merupakan satu set penyata kewangan baharu.</p> <p><b>Pihak/badan berkuasa ke atas MAIN</b></p>	
Mengemas kini Pendedahan tentang Keadaan pada Tarikh Pelaporan	28-29	Kekal		<p>Tidak bercanggah dengan syara'</p> <p>Pendedahan sepenuhnya secara telus berdasarkan prinsip pendedahan penuh dan akauntabiliti sosial (Baydoun dan Willet, 2000)</p> <p>Pendedahan berhierarki: Daruriyyah, Hajiyyah, Tahsiniyyah</p>
Pendedahan Peristiwa Tak Perlu Pelarasian	30, 31 (a)-(g)(i),(k),(l)	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'
	31(h)	Pinda	Memperkenalkan undang-undang untuk	Pinjaman konvensional melibatkan riba.

Selepas Tarikh Pelaporan			menghapuskan <b>pinjaman</b> yang dibuat kepada entiti atau individu sebagai sebahagian daripada program <b>Pembiayaan</b>	Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (Q.S Al-Baqarah 2: 275)
31(j)	Keluar			Tidak relevan MAIN tidak tertakluk untuk membayar cukai

Secara umumnya, tidak terdapat banyak pindaan dibuat untuk MPSAS 14 memandangkan kebanyakan perenggan adalah sesuai untuk diguna pakai oleh institusi BZW. Berdasarkan Jadual 8.2 di atas, berikut adalah pindaan-pindaan yang dicadangkan terhadap MPSAS 14. Pada bahagian skop di Perenggan 3, menyatakan bahawa Piawaian ini terpakai kepada semua “institusi baitulmal, zakat dan wakaf” dan bukannya “entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE)”. Perenggan 4 di bahagian skop dikeluarkan kerana tidak relevan terhadap institusi BZW.

Pada Perenggan 6, istilah penyata lebihan atau defisit ditukar kepada penyata prestasi kewangan seperti mana yang dicadangkan dalam hasil kajian Fasa 1. Istilah “jenis entiti” dan “agensi kerajaan” di Perenggan 7 ditukar kepada institusi baitulmal, zakat dan wakaf. Klaus terakhir dalam Perenggan 7 juga dicadangkan dikeluarkan. Seterusnya, istilah “badan perundangan seperti Parlimen atau majlis tempatan” dalam Perenggan 8 juga dicadangkan digantikan dengan badan yang berkuasa kepada pihak institusi baitulmal, zakat dan wakaf.

Seterusnya di Perenggan 9, istilah “kerajaan” ditukar kepada institusi baitulmal, zakat dan wakaf. Perenggan 11 (d) juga perlu dikeluarkan kerana tidak relevan. Perenggan 14 hingga 16 juga dicadangkan untuk dikeluarkan memandangkan institusi BZW tidak membayar dividen kepada institusi lain. Perenggan 25 yang berkaitan dengan penyusunan semula juga dicadangkan dikeluarkan memandangkan institusi BZW tidak terdedah kepada risiko penyusunan semula syarikat seperti perniagaan. Di Perenggan 27, istilah “Menteri, kerajaan, Parlimen, atau badan perwakilan yang dipilih” ditukar kepada Pihak/badan berkuasa ke atas MAIN. Perenggan 31 (h) istilah

“pinjaman” digantikan dengan “pembiayaan” dan akhir sekali Perenggan 31 (j) dikeluarkan kerana institusi BZW tidak tertakluk dengan undang-undang pencukaian.

#### **8.4 Pendedahan Pihak Berkaitan (MPSAS 20)**

Seperti yang dibincangkan sebelum ini, pihak berkaitan wujud dalam sesebuah entiti apabila satu pihak mempunyai keupayaan untuk:

- (1) mengawal pihak yang satu lagi, atau
- (2) melaksanakan pengaruh signifikan ke atas pihak lain dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau jika entiti pihak berkaitan dan entiti yang lain adalah tertakluk kepada kawalan yang sama.

Menurut MPSAS 20, hubungan pihak berkaitan yang menunjukkan terdapatnya kawalan perlu didedahkan dalam Nota kepada Penyata Kewangan, tanpa mengira sama ada terdapat urus niaga antara pihak yang berkaitan. Maklumat ini adalah penting bagi tujuan akauntabiliti dan supaya kedudukan kewangan dan prestasi sesebuah entiti mudah difahami. Hubungan istimewa yang wujud antara pihak yang berkaitan boleh menimbulkan konflik kepentingan yang boleh memanfaatkan individu yang terlibat dan boleh menjaskas kepentingan pemegang taruh yang lain.

Perbincangan dalam Bab Lima menunjukkan terdapat pihak berkaitan dan urus niaga dengan pihak berkaitan dalam dua buah MAIN. Pendedahan berkaitannya telah dibuat di dalam Nota kepada Penyata Kewangan, walaupun maklumatnya adalah agak terhad. Pendedahan yang dibuat adalah berhubung dengan kakitangan penting pihak pengurusan, iaitu jumlah kakitangan penting pihak pengurusan dan jumlah ganjaran yang diterima mereka.

Penyelidik berpendapat MAIN yang lain juga mempunyai pihak berkaitan, cuma pendedahan tidak dibuat kerana pertamanya MPSAS masih belum diguna pakai.

Setelah penelitian dibuat ke atas MPSAS 20, penyelidik mencadangkan supaya piawaian tersebut diguna pakai oleh MAIN. Namun, sedikit pindaan perlu dibuat bagi mematuhi syariah. Isu yang memerlukan pengubahsuaian adalah tentang definisi ahli keluarga terdekat. Para 4, MPSAS 20 mendefinisikan ahli keluarga terdekat sebagai keluarga terdekat individu atau ahli keluarga terdekat individu yang dijangkakan boleh mempengaruhi, atau dipengaruhi oleh individu tersebut dalam urusan mereka dengan entiti. Seterusnya, Perenggan 5 menganggap individu berikut sebagai ahli keluarga terdekat:

- (a) Suami atau isteri, pasangan tidak sah taraf (*domestic partner*), anak di bawah tanggungan, atau saudara tinggal serumah;
- (b) Datuk/ nenek, ibubapa, anak bukan di bawah tanggungan, cucu, abang, adik, atau kakak; dan
- (c) Suami/isteri atau pasangan tidak sah taraf (*domestic partner*) kepada anak, mertua, abang ipar, kakak ipar, atau adik ipar.

Yang menjadi isu di sini adalah pasangan tidak sah taraf dianggap sebagai ahli keluarga terdekat. Ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam yang mengharamkan seks bebas seperti zina dan homoseksual. Antara dalilnya adalah seperti berikut:

*“Dan janganlah kamu mendekati zina; sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji. Dan suatu jalan yang buruk.”*

(Surah Al-Isra’: 32)

Menurut hadis Abu Musa al-Ash‘ari r.a. berkata, Nabi s.a.w. pernah bersabda, maksudnya:

*“Tidaklah seorang wanita itu bersedap-sedapan dengan seorang wanita melainkan mereka adalah berzina, dan tidaklah seorang lelaki bersedap-sedapan dengan seorang lelaki melainkan mereka juga (sedang) berzina.”*

(Riwayat Al-Tabarani no. 4157)

Lain-lain perkara yang dibincangkan dalam MPSAS 20 adalah tidak bercanggah dengan hukum syarak, malah piawaian itu sendiri menekankan konsep akauntabiliti, ketelusan dan pendedahan penuh yang mana konsep-konsep ini adalah selari dengan kehendak agama.

Terdapat beberapa potong ayat Al-Quran yang menyokong sifat ketelusan dan penzahiran pihak berkaitan, contohnya

(1) Tidak Mengkhianati(Amanah)

*"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul dan janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepada kamu sedang kamu mengetahuinya".*

(Al-Anfal:27)

(2) Benar/Jujur

*"Dan janganlah kamu campur adukkan yang benar itu dengan yang salah, dan kamu sembunyikan yang benar itu pula padahal kamu semua mengetahuinya".*

(Al-Baqarah 2:42)

(3) Amanah

*"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat".*

(An-Nisaa' 4:58).

Kesimpulannya, kajian ini mencadangkan MPSAS 20 diterima dengan sedikit pengubahsuaian, iaitu dengan mengeluarkan frasa "*Domestic partner*" daripada Perenggan 5(a) dan (c).

Selain daripada itu, terdapat beberapa pindaan kecil bagi menyesuaikan MPSAS baru dengan persekitaran dan sifat MAIN. Jadual 8.3(a) meringkaskan isu dan cadangan berkaitan perenggan yang terdapat dalam MPSAS 20. Sementara itu, cadangan berkaitan Panduan Pelaksanaan dibentangkan dalam Jadual 8.3(b).

**Jadual 8.3(a) Isu dan Cadangan Berhubung MPSAS 20 (Mengikut Perenggan)**

KANDUNGAN	MPSAS 20 (PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN)			SUMBER RUJUKAN
	PARA	CADANGAN	KETERANGAN	
Objektif		Dikekalkan		
Skop	2	Dipinda	Diganti “entiti sektor awam” kepada MAIN seperti berikut: Piawaian ini terpakai <del>kepada entiti sektor awam (MAIN)</del> selain daripada Pengusaha Perniagaan Kerajaan (GBE)	
Definisi	5(a) dan (c)	Dipinda	Keluarkan “domestic partner” (pasangan tak sah taraf) dalam definisi ahli keluarga terdekat	Ayat Al Quran yang melarang zina/ menghampiri zina dan perlakuan homoseksual: - Al-Isra' (32) - An-Nur (2) - As-Syu'araa' (165 & 166)  Hadis riwayat  Al-Tabarani (No. 4157)
Personel Pengurusan Utama	6	Dipinda	Di ayat kedua, gantikan ayat berkaitan kerajaan secara keseluruhan dengan MAIN: Di peringkat <del>kerajaan keseluruhan</del> MAIN, badan pengawal terdiri daripada wakil yang ... (sebagai contoh Mufti, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketus Hakim Syarie, dan Pegawai Kewangan Negeri)	Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri
Pendedahan Urus Niaga Pihak Berkaitan	29	Dipinda	Gantikan “entiti sektor awam” dan “jabatan kerajaan” dengan MAIN seperti berikut: <del>Entiti sektor awam</del> MAIN berurus niaga secara meluas ... Sebagai contoh, jabatan kerajaan MAIN.... <del>entiti sektor awam</del> MAIN. <del>Jabatan</del> MAIN adalah pihak berkaitan ...	
Lain-lain	Lain-lain	Dikekalkan	Tidak bercanggah dengan syariah	

**Jadual 8.3(b) Isu dan Cadangan Berhubung Panduan Pelaksanaan MPSAS 20**

TAJUK	MPSAS 20 PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN (Panduan Pelaksanaan)		
	BARIS	CADANGAN	KETERANGAN
<i>Disclosure – Government X</i>	Tajuk	Dipinda	Diganti dengan “Pendedahan MAIN X”
	1	Dipinda	Diganti “Government X” kepada MAIN X
	3 - 6	Dipinda	Keluarkan “Polis, Pos, Kerjaya dan Perkhidmatan”. <b>Cadangan Pindaan:</b> MAIN mengawal entiti pelapor berikut: Jabatan dan agensi MAIN: Zakat, Wakaf, Baitulmal, Pendidikan, Kebajikan, Kewangan, Jabatan X, Agensi XYZ ... (Kenal pasti semua jabatan dan agensi)
	7 - 8	Dipinda	Digantikan dengan contoh-contoh GBE yang lebih sesuai dengan MAIN dengan mengeluarkan syarikat elektrik dan telekomunikasi. <b>Cadangan:</b> Perusahaan Perniagaan MAIN: Syarikat Pungutan Zakat, Syarikat Pengurusan Hartanah, Institusi Pengajian Tinggi Swasta (kenal pasti semua GBE)
	12 - 16	Dipinda	Perkataan Ahli Kabinet dan Menteri diganti dengan Ahli Majlis, dan “Z currency” dengan “Z Ringgit Malaysia”. Kandungan contoh adalah dikekalkan. <b>Cadangan:</b> “Seorang Ahli Majlis MAIN ...”
	17 - 19	Dipinda	Diganti perkataan: 1. “partner” dan “domestic partner” dengan “pasangan”; 2. “member of cabinet” dengan “Ahli Majlis”; dan 3. “Government” dengan “MAIN”.
<i>Remuneration</i>	1 - 4	Dipinda	Digantikan perkataan “member of cabinet” dengan “Ahli Majlis”, dan “Government X” dengan “MAIN X”
<i>Terms and Conditions</i>	1 – 6		Digantikan semua perkataan berkaitan Menteri kepada Ahli Majlis.
<i>Other Remuneration ...</i>	1 - 6	Dipinda	Digantikan semua perkataan berkaitan Ahli Kabinet kepada Ahli Majlis, dan Kerajaan kepada MAIN
<i>Disclosure – Government Agency XYZ</i>	Tajuk dan Baris 1	Dipinda	Diganti Agensi Kerajaan XYZ kepada Agensi MAIN XYZ
	4 -14	Dipinda	Diganti perkataan Kerajaan kepada MAIN dan Menteri kepada Ahli Majlis
<i>Remuneration (para 34(a))</i>	1 - 7	Dipinda	Diganti perkataan Kerajaan kepada MAIN dan Menteri kepada Ahli Majlis
<i>Loans that are ...</i>	3	Dipinda	Diganti perkataan Menteri kepada Ahli Majlis A
<i>Terms and Condition</i>	1	Dipinda	Diganti perkataan Menteri kepada Ahli Majlis A dan <i>currency</i> kepada Ringgit Malaysia
<i>Remuneration and Compensation ...</i>		Dipinda	Diganti perkataan <i>currency</i> kepada Ringgit Malaysia

## 8.5 Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan (MPSAS 22)

Secara umumnya kajian ini mencadangkan MPSAS 22 Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan boleh terima pakai oleh institusi BZW. Namun terdapat beberapa pindaan kecil yang dicadangkan sebagaimana yang ditunjukkan pada Jadual 8.4(a).

**Jadual 8.4(a) Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan (MPSAS 22)**

KANDUNGAN	MPSAS 22 (PENDEDAHAN MAKLUMAT KEWANGAN TENTANG SEKTOR AM KERAJAAN)			SUMBER RUJUKAN
	PERENGGAN	CADANGAN	KETERANGAN	
Objektif	1	Dikekalkan		
Skop	2	Dipinda	<p><b>Kerajaan-Majlis Agama Islam</b> yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan yang disatukan di bawah</p> <p>asas perakaunan akruan dan memilih untuk mendedahkan maklumat kewangan tentang sektor am kerajaan hendaklah berbuat demikian mengikut kehendak Piawaian ini.</p>	
	3	Dipinda	<p>Kerajaan mengumpul dana daripada <b>eukai pelbagai hasil</b>, pindahan, dan pelbagai aktiviti bukan pasaran dan pasaran</p> <p>untuk membiayai aktiviti penyampaian perkhidmatan mereka.</p> <p>Sesetengah entiti bergantung terutamanya pada pengagihan atau</p>	

			peruntukan daripada <b>eukai-pelbagai hasil atau lain-lain hasil</b> kerajaan untuk membiayai aktiviti penyampaian perkhidmatan mereka, tetapi boleh juga terlibat dalam aktiviti-aktiviti penjanjanaan hasil tambahan, termasuk aktiviti-aktiviti komersial dalam kes-kes tertentu.	
	4(a) dan (b)			
	4	Dipinda	(c) <b>eukai dan lain-lain hasil pelbagai hasil</b> yang dijana untuk membiayai penyediaan perkhidmatan tersebut.	
	5-6	Dikekalkan		
Pelaporan Segmen	7-8	Dikekalkan		
Pelaporan Kewangan berasaskan Statistik	9-11	Dikekalkan		
Polisi-polisi Perakaunan	12	Dikekalkan		
	13	Ditambah/ Dikeluarkan	Ini akan memastikan bahawa gambaran yang sesuai terhadap GGS dibuat dalam penyata kewangan, dan pendedahan mengenai GGS memenuhi ciri-ciri kualitatif maklumat kewangan, termasuk kebolehfahaman, relevan, <b>kebolehpercayaan gambaran sebenar</b> , kebolehbandingan, <b>boleh ditentusahkan</b> dan <b>kekiniann</b> .	Ciri-ciri kualitatif maklumat kewangan (IASB, 2018;IPSASB, 2014)

	14	Dikekalkan		
Definisi	15	Dikekalkan		
Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE)	16	Dikekalkan		
Sektor Am Kerajaan	17	Dikekalkan		
	18	Dipinda	Oleh itu, pembiayaan entiti ini diperolehi terutamanya daripada pengagihan atau  peruntukan <b>eukai</b> pelbagai hasil kerajaan, dividen daripada syarikat kerajaan, <b>lain-lain</b> <b>hasil</b> , dan <b>pinjaman</b> <b>pembiayaan</b> .	Pinjaman konvensional melibatkan riba.  Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (Q.S Al- Baqarah 2: 275)
	19	Dikeluarkan	Termasuk dalam sektor ini adalah <b>bank dikawal</b> <b>kerajaan, termasuk</b> <b>bank pusat, dan lain</b> <b>lain institusi</b> kewangan kerajaan yang beroperasi berdasarkan pasaran.	
	20	Dikeluarkan	Termasuk dalam sektor ini adalah <b>entiti seperti entiti</b> <b>utiliti awam dan</b> <b>lain-lain entiti</b> yang terlibat dalam urus niaga barang dan perkhidmatan.	
	21-22	Dikekalkan		
Polisi-polisi Perakaunan	23-31	Dikekalkan		
	32		Pelaporan kewangan berasaskan statistik memerlukan semua aset dan liabiliti (kecuali <b>pinjaman</b> <b>pembiayaan</b> ) dinilai semula kepada nilai pasaran pada tarikh pelaporan	Pinjaman konvensional melibatkan riba.  Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (Q.S Al- Baqarah 2: 275)
Disagregat Tambah	33-34	Dikekalkan		
Pendedahan	35	Dikekalkan		

	36-42	Dikekalkan		
Penyesuaian terhadap Penyata Kewangan Disatukan	43-44	Dikekalkan		
Penyesuaian terhadap Pelaporan Kewangan berasaskan Statistik	45	Dipinda	Pelaporan kewangan berdasarkan statistik juga membezakan antara transaksi dan aliran ekonomi lain untuk pembentangan maklumat kewangan yang pada masa kini tidak digambarkan dalam penyata kewangan yang disatukan, dan memberi tumpuan kepada langkah-langkah tertentu yang relevan untuk analisis polisi fiskal seperti pinjaman pembentangan bersih dan lebihan/defisit tunai	Pinjaman konvensional melibatkan riba. Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (Q.S Al-Baqarah 2: 275)
	46	Dikekalkan		

Berdasarkan Jadual 8.4 (a) di atas, berikut adalah pindaan-pindaan yang dicadangkan terhadap MPSAS 22. Pertama, di bahagian Skop Perenggan 2 meminda perkataan “Kerajaan” kepada “Majlis Agama Islam” agar lebih sesuai dengan konteks piawaian ini akan diterima pakai.

Kedua, di bahagian Skop juga di Perenggan 3, 4 (c), dipinda daripada perkataan “hasil cukai dan lain-lain hasil” kepada “pelbagai hasil” kerana istilah-istilah tersebut tidak bersesuaian dengan sifat operasi MAIN yang tidak mengutip cukai. Penggunaan perkataan “pelbagai hasil” adalah lebih sesuai dan umum untuk menggambarkan pelbagai hasil (baitulmal, zakat dan wakaf) yang dikutip oleh MAIN.

Ketiga, cadangan yang berkaitan dengan ciri-ciri kualitatif maklumat kewangan di bahagian Polisi-polisi Perakaunan Perenggan 13 agar konsisten dengan rangka kerja konseptual yang dibangunkan oleh badan-badan perakaunan antarabangsa iaitu IASB (2018) dan IPSASB (2014). Ciri “kebolehpercayaan” dikeluarkan dan diganti dengan “gambaran sebenar”. Ciri-ciri “kebolehfahaman”, “relevan” dan “kebolehbandingan”

dikekalkan kerana konsisten dengan badan-badan tersebut. Dua lagi ciri iaitu “boleh ditentusahkan” dan “kekinian” juga ditambah agar selari dengan rangka kerja konseptual tersebut.

Keempat, di bahagian Sektor Am Kerajaan Perenggan 18 dipinda perkataan “cukai” kepada “pelbagai hasil” memandangkan MAIN tidak mengutip cukai. Selain itu, perkataan “pinjaman” dipinda kepada “pembiayaan” kerana pinjaman konvensional melibatkan riba yang diharamkan oleh Islam (QS Al-Baqarah 2: 275). Kelima, pada Perenggan 19 dan 20 di bahagian yang sama, dikeluarkan perkataan-perkataan “bank dikawal kerajaan, termasuk bank pusat, dan lain-lain” dan “seperti entiti utiliti” kerana tidak bersesuaian dengan sifat operasi MAIN itu sendiri yang tidak mempunyai bank dan entiti utiliti yang terlibat dalam perbekalan air dan elektrik.

Keenam, pada Perenggan 32 di bahagian Polisi-polisi Perakaunan, perkataan “pinjaman” dipinda kepada “pembiayaan” kerana pinjaman konvensional melibatkan riba dan ia diharamkan oleh Islam (QS Al-Baqarah 2: 275).

Ketujuh, di bahagian pendedahan Perenggan 35 dikekalkan kerana telah menyatakan dengan jelas bahawa pendedahan perlulah mengikut kelas-kelas utama akaun seperti aset, liabiliti, hasil, belanja dan kumpulan wang. Ini adalah konsisten dengan prinsip pendedahan yang disarankan oleh perakaunan Islam iaitu “Pendedahan Penuh” dan “Akauntabiliti Sosial”. Kedua-dua prinsip ini dicapai dengan mendedahkan maklumat berguna dan penting bagi sesebuah entiti secara adil, telus, bebas daripada manipulasi dan sepenuhnya dalam penyata kewangan. Cadangan ini selari dengan Baydoun dan Willet (2000), Perkara 97(3) Perlumbagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Seksyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972).

Kelapan dan terakhir, di bahagian Penyesuaian terhadap Pelaporan Kewangan berasaskan Statistik Perenggan 45, sekali lagi perkataan “pinjaman” dipinda kepada “pembiayaan” kerana masalah riba yang diharamkan oleh Islam terhadap pinjaman konvensional (QS Al-Baqarah 2: 275).

Sebagai tambahan, terdapat beberapa pindaan kecil yang dicadangkan terhadap Panduan Pelaksanaan MPSAS 22 sebagaimana yang ditunjukkan pada Jadual 8.4(b).

**Jadual 8.4 (b) Panduan Pelaksanaan Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan (MPSAS 22)**

<b>MPSAS 22 (PENDEDAHAN MAKLUMAT KEWANGAN TENTANG SEKTOR AM KERAJAAN)</b>		
<b>BAHAGIAN</b>	<b>CADANGAN</b>	<b>KETERANGAN</b>
Nota: Pendedahan Sektor Kerajaan Am (GGS)	Dipinda	<p>GGS merangkumi semua <b>kementerian kerajaan pusat dan perbadanan</b> dan entiti lain yang dikawal oleh <b>kerajaan MAIN</b> yang terlibat terutamanya dalam aktiviti bukan pasaran. Entiti ini adalah:</p> <p><b>Kementerian X, Y, Z</b> dipinda kepada Perbadanan X, Y, Z</p> <p>Semasa tempoh pelaporan, kegiatan yang berkaitan dengan <b>perkhidmatan pes</b> pengurusan stesen minyak, yang sebelumnya diuruskan oleh <b>Kementerian Komunikasi-Perbadanan Wakaf MAIN</b>, telah dikomersial dan tidak lagi termasuk dalam maklumat kewangan yang dipersembahkan untuk GGS.</p>
Penyata Kedudukan Kewangan untuk GGS	Dikekalkan/ Dipinda	Bahagian Aset bolehlah dikenakan namun bahagian Liabiliti seperti <b>“Pinjaman”</b> hendaklah ditukar kepada <b>“Pembentangan Kewangan”</b> kerana pinjaman kovensional melibatkan unsur-unsur dilarang Islam seperti riba.
Penyata Prestasi Kewangan untuk GGS-Pengelasan Fungsi Kerajaan	Dikeluarkan	Illustrasi persembahan penyata ini tidak sesuai dengan sifat operasi MAIN kerana menggambarkan fungsi Kerajaan Persekutuan.
Penyata Prestasi Kewangan untuk GGS- Pengelasan Perbelanjaan Ekonomi (Kaedah Pembentangan Alternatif)	Dikekalkan/ Dipinda	Illustrasi persembahan penyata ini sesuai dengan sifat operasi MAIN namun bahagian Hasil seperti <b>“Cukai”</b> bolehlah dipinda kepada <b>“Zakat, Wakaf, dan Baitulmal”</b> dan bahagian Belanja <b>“Faedah”</b> bolehlah dipinda kepada <b>“Belanja Pembentangan Kewangan atau Kos Pembentangan Kewangan atau Kos Pentadbiran Pembentangan Kewangan”</b> agar patuh syariah. Selain itu, di bahagian Belanja item-item boleh ditukar agar lebih menggambarkan konteks MAIN seperti <b>“Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Bayaran Pembentangan Kewangan, Ganjaran Persaraan Pekerja, Agihan Asnaf, Premium Takaful, Biasiswa dan sebagainya”</b> .
Penyata Perubahan Aset Bersih / Ekuiti untuk GGS	Dikekalkan	Dikenakan kerana tiada apa-apa masalah dengan Illustrasi persembahan penyata ini.
Penyata Aliran Tunai untuk GGS	Dikekalkan/ Dipinda	<p>Illustrasi persembahan penyata ini boleh diterima pakai namun beberapa istilah item perlulah ditukar.</p> <p>Di bahagian Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi <b>“Cukai”</b> bolehlah dipinda kepada <b>“Zakat, Wakaf, dan Baitulmal”</b>, <b>“Faedah Diterima”</b> dipinda kepada <b>“Keuntungan Pembentangan Kewangan Diterima”</b> dan <b>“Faedah Dibayar”</b> dipinda kepada <b>“Kos Pembentangan Kewangan Dibayar”</b> agar patuh syariah.</p> <p>Di bahagian Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan item-item tersebut bolehlah dikenakan.</p> <p>Di bahagian Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembentangan istilah item <b>“Terimaan daripada Pinjaman”</b> bolehlah dipinda kepada <b>“Terimaan daripada Pembentangan Kewangan”</b> dan <b>“Pembayaran Balik Pinjaman”</b> dipinda kepada <b>“Pembayaran Balik Pembentangan Kewangan”</b> agar patuh syariah.</p>

Berdasarkan Jadual 8.4(b) di atas, kajian ini mencadangkan beberapa pindaan kecil terhadap Panduan Pelaksanaan MPSAS 22 agar lebih menggambarkan sifat operasi MAIN itu sendiri. Cadangan-cadangan tersebut adalah berkisar tentang perubahan istilah item-item yang dipersembahkan dalam penyata kewangan GGS. Ini kerana ada diantaranya yang tidak patuh syariah.

## **8.6 Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan (MPSAS 24)**

Pendedahan maklumat belanjawan dalam penyata kewangan merupakan suatu bentuk pendedahan yang boleh meningkatkan tahap ketelusan sesebuah organisasi. Dari sini pengguna maklumat penyata kewangan dapat menilai sejauh mana pencapaian entiti yang mereka berminat. Pendedahan sepenuhnya adalah selari dengan prinsip pendedahan penuh dan akauntabiliti sosial seperti yang dicadangkan oleh Baydoun dan Willet, 2000. Walau bagaimanapun, pendedahan maklumat belanjawan pasti akan menggunakan sumber yang sedia ada dan menambah bebanan tugas yang sedia ada. Oleh yang demikian, ia bergantung kepada kehendak pihak pengurusan dan keupayaan institusi BZW itu sendiri. Di sini perlu dilihat apakah hierarki pendedahan maklumat belanjawan ini. Adakah ia memenuhi hieraki *daruriyyah, hajiyyah atau tafsiniyyah*? Penyelidik berpandangan pendedahan maklumat belanjawan terletak dihierarki *tafsiniyyah*. Oleh yang demikian, penyelidik lebih cenderung untuk mencadangkan agar pendedahan maklumat belanjawan dibuat secara pilihan. Sekiranya sesebuah institusi BZW itu merasakan perlu dibuat pendedahan maklumat belanjawan dan mereka mempunyai sumber yang mencukupi untuk tujuan ini, maka ia boleh dilakukan. Manakala bagi institusi BZW yang merasakan pendedahan maklumat belanjawan adalah tidak perlu, melibatkan kos tambahan atau terdapatnya maklumat sensitif yang tidak perlu didedahkan, mereka boleh memilih untuk tidak mendedahkannya. Jika dibandingkan dengan syarikat korporat, tidak ada piawaian yang mewajibkan pendedahan maklumat belanjawan dibuat kepada pemegang saham. Sebaliknya, bagi sektor awam pula, MPSAS 24 menghendaki perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar selepas pelaksanaan bajet, dimasukkan ke dalam penyata kewangan entiti yang dikehendaki mendedahkan, atau entiti yang memilih untuk mendedahkan kepada umum bajetnya yang telah diluluskan. Jelas di sini bahawa MPSAS 24 memberi pilihan kepada entiti untuk mendedahkan maklumat

bajet, iaitu kepada entiti yang dikehendaki berbuat demikian atau entiti yang memilih untuk membuat pendedahan berkenaan. MPSAS 24 menyediakan garis panduan kepada mana-mana entiti yang memilih untuk mendedahkan maklumat belanjawan di dalam laporan tahunan mereka. Bagi MAIN yang memilih untuk mendedahkan maklumat belanjawan, maka peruntukan di dalam MPSAS 24 hendaklah diikuti. Pendedahan maklumat belanjawan perlu dibuat mengikut kumpulan wang yang ada (kumpulan wang BZW) secara berasingan bagi memberikan gambaran yang saksama ke atas pendedahan berkenaan. Jika sesuatu MAIN itu memilih untuk mendedahkan maklumat belanjawan, MAIN berkenaan hendaklah membentangkan perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar sebagai lajur tambahan bajet dalam penyata kewangan hanya jika penyata kewangan dan bajet tersebut disediakan pada asas boleh banding.

Jika dilihat daripada amalan semasa, MAIN perlu mewartakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan tahunan mereka (kecuali TBS yang tidak menyatakannya secara khusus). Walau bagaimanapun warta hanya menyentuh tentang keperluan menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan sahaja sedangkan di dalam MPSAS 24, keperluan pendedahan melebihi daripada itu yang meliputi laporan prestasi (varian) dan perbezaan asas penyediaan. Seterusnya, definisi warta juga perlu diperhalusi sama ada untuk kegunaan pihak pengurusan (dalaman) atau perlu di edarkan kepada umum. Sekiranya warta bermaksud untuk kegunaan umum, pihak MAIN seharusnya mendedahkan maklumat berkenaan sama ada secara bercetak ataupun di dalam laman sesawang mereka.

Sekiranya MAIN memilih untuk mendedahkan maklumat belanjawan, peruntukan yang terkandung di dalam piawaian yang bakal diperkenalkan hendaklah diikuti sepenuhnya, termasuk laporan prestasi (varian) dan pelarasan asas penyediaan jika asas penyediaan bajet berbeza dengan asas penyediaan laporan tahunan. Pihak MAIN sudah pasti perlu memperuntukkan sumber tambahan untuk tujuan ini. Oleh yang demikian, penyelidik mencadangkan agar keputusan untuk mendedahkan atau tidak maklumat bajet diserahkan kepada pihak MAIN yang berkaitan.

Isu-isu dan cadangan yang dibincangkan ini serta amalan semasa dan keperluan syariah yang berkaitan adalah seperti yang diringkaskan dalam Jadual 8.5.

**Jadual 8.5 Isu-isu dan cadangan serta amalan semasa dan keperluan syariah**

ISU	AMALAN	KEPERLUAN SYARIAH	CADANGAN
(1) Skop: Keperluan untuk membentangkan maklumat belanjawan kepada umum	Hanya MAIK dan LZNK sejaya menerima pakai MPSAS. Dari segi pendedahan pula hanya MAIK mendedahkan maklumat belanjawan di dalam laporan tahunan mereka manakala LZNK tidak berbuat demikian. Lain-lain MAIN tidak menerima pakai MPSAS dan piawaian ini tidak mengandungi peruntukan tentang pendedahan maklumat belanjawan	Pendedahan sepenuhnya secara telus berdasarkan prinsip pendedahan penuh dan akauntabiliti sosial (Baydoun dan Willet, 2000)  Pendedahan berhierarki: <i>Daruriyyah, Hajiyah, Tahsinyyah</i>	Sebagai pilihan bergantung kepada kesesuaian. Jika memilih untuk mendedahkan kepada umum – perlu mematuhi peruntukan di dalam piawaian yang dibangunkan dan mengikut kumpulan wang
(2) Pewartaan anggaran pendapatan dan perbelanjaan	Kesemua enakmen MAIN dan LZNK mengandungi keperluan mewartakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan, kecuali TBS yang tidak menyatakan secara khusus)		Definisi warta perlu diperhalusi. Adakah untuk kegunaan pengurusan (dalaman) sahaja atau boleh didedahkan kepada orang awam?

Setelah diteliti kandungan yang terdapat di dalam MPSAS 24, penyelidik berpendapat ianya boleh diterima pakai dengan membuat beberapa penyesuaian atau pindaan yang bersesuaian. Pindaan-pindaan tersebut adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8.6.

**Jadual 8.6 Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan (MPSAS 24)**

KANDUNGAN	MPSAS 24 (PEMBENTANGAN MAKLUMAT BAJET DALAM PENYATA KEWANGAN)			RUJUKAN/ ALASAN
	PERENGGAN	CADANGAN	KETERANGAN	
Objektif	1	Dikekalkan		
Skop	2	Dikekalkan		
	3	Dipinda	Perenggan 3 - Piaawaian ini terpakai kepada semua institusi baitulmal, zakat dan wakaf (BZW) <del>sektor awam selain Perusahaan Perniagaan Kerajaan (Government Business Enterprise, GBE)</del> , yang dikehendaki, atau memilih untuk, mendedahkan bajet yang diluluskan kepada umum.	
	4	Dikeluarkan		Tidak berkenaan
	5	Dikekalkan		
	6	Dipinda	Dalam sesetengah kes, bajet yang diluluskan akan disusun supaya merangkumi semua aktiviti yang dikawal oleh MAIN <del>entiti sektor awam</del> . Dalam kes lain, bajet berasingan yang diluluskan mungkin perlu didedahkan kepada umum untuk aktiviti, kumpulan aktiviti, atau entiti tertentu yang dimasukkan ke dalam penyata kewangan MAIN <del>entiti kerajaan atau entiti sektor awam</del> yang lain. Hal ini boleh berlaku jika: (a) contohnya, penyata kewangan institusi BZW <del>kerajaan</del> merangkumi agensi	

			<p>atau program institusi BZW <b>kerajaan</b> yang memiliki autonomi operasi dan menyediakan bajetnya sendiri, atau (b) bajet disediakan hanya untuk institusi BZW <b>sektor am kerajaan dalam keseluruhan kerajaan</b>. Piawaian ini terpakai kepada semua entiti yang membentangkan penyata kewangan apabila bajet yang diluluskan untuk entiti itu, atau komponen daripadanya, didedahkan kepada umum.</p>	
Takrif	7	Dikekalkan		
Bajet yang diluluskan	8-10	Dikekalkan		
Bajet Asal dan Bajet Akhir	11	Dipinda	<p>Bajet asal boleh termasuk baki aman diperuntukkan yang dibawa ke hadapan secara automatik daripada tahun-tahun sebelumnya, seperti peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Negeri-negeri <b>undang-undang</b>. Contohnya, proses bajet institusi BZW <b>kerajaan</b> dalam sesetengah bidang kuasa memasukkan peruntukan <b>undang-undang</b> yang menghendaki peruntukan dibawa ke hadapan secara automatik bagi memenuhi komitmen tahun sebelumnya. Komitmen merangkumi potensi liabiliti masa hadapan berdasarkan perjanjian kontraktual semasa.</p>	Bersesuaian dengan undang-undang atau enakmen yang diterima pakai di Negeri masing-masing

			Dalam sesetengah bidang kuasa, komitmen boleh dirujuk sebagai obligasi atau bebanan, dan termasuk pesanan belian dan kontrak yang belum dijelaskan bagi barang dan perkhidmatan belum diterima.	
	12	Dikekalkan		Mungkin perlu ditambah contoh-contoh yang bersesuaian dengan operasi MAIN
Amaun Sebenar	13-19	Dikekalkan		
	20	Dipinda	Jika bajet yang diluluskan hanya didedahkan kepada umum untuk sesetengah entiti atau aktiviti yang termasuk dalam pernyata kewangan, keperluan Perenggan 14 akan terpakai hanya kepada entiti atau aktiviti yang dinyatakan dalam bajet yang diluluskan itu. Ini bermakna, sebagai contoh, jika bajet yang disediakan hanya untuk institusi BZW <b>sektor am kerajaan</b> dalam entiti pelaporan keseluruhan BZW <b>kerajaan</b> , dan pendedahan yang dikehendaki oleh Perenggan 14 akan dibuat berkaitan dengan institusi BZW <b>sektor am kerajaan</b> -tersebut sahaja.	
Pembentangan dan Pendedahan	21-24	Dikekalkan		Frasa MPSAS digantikan dengan piawaian yang bakal

				diwujudkan nanti
Tahap Pengagregatan	25	Dikekalkan		
	26	Dipinda	<b>MPSAS 3, Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran dan Kesilapan Perakaunan, .....</b>	Merujuk kepada piawaian yang bakal diperkenalkan
	27			Frasa MPSAS 1 dikeluarkan dan digantikan dengan piawaian yang bakal diperkenalkan
	28	Dikekalkan		
Perubahan daripada Bajet Asal kepada Bajet Akhir	29	Dikekalkan		
	30	Dipinda	<p>Bajet akhir termasuk semua perubahan yang diluluskan melalui tindakan perundangan atau pihak berkuasa yang lain yang dilantik untuk menyemak semula bajet asal. Selaras dengan keperluan</p> <p>Piawaian ini, institusi BZW sektor awam akan memasukkan penerangan tentang perubahan antara bajet asal dengan bajet akhir dalam nota kepada penyata kewangan atau dalam laporan berasingan yang dikeluarkan sebelum, semasa atau bersama dengan penyata kewangan.</p> <p>Penerangan tersebut akan termasuk, contohnya, perubahan akibat daripada peruntukan semula dalam parameter bajet asal atau disebabkan faktor yang lain.</p>	

			<p>seperti perubahan dalam parameter bajet keseluruhan, termasuk perubahan dalam dasar MAIN kerajaan.</p> <p>Pendedahan tersebut biasanya dibuat dalam perbincangan dan analisis pihak pengurusan atau dalam laporan serupa tentang operasi yang dikeluarkan bersama dengan, tetapi tidak menjadi sebahagian daripada penyata kewangan.</p> <p>Pendedahan tersebut boleh juga dimasukkan dalam laporan hasil bajet yang dikeluarkan oleh MAIN kerajaan bagi melaporkan pelaksanaan bajet.</p> <p>Jika pendedahan dibuat dalam laporan berasingan dan bukannya dalam penyata kewangan, nota kepada penyata kewangan hendaklah mempunyai rujukan silang bagi laporan itu.</p>	
Asas Banding	Boleh	31-34		

	35	<p>Dalam sesetengah bidang kuasa, bajet mungkin disediakan pada asas tunai atau akruan selaras dengan sistem pelaporan statistik yang merangkumi entiti dan aktiviti yang berbeza daripada yang dilaporkan dalam penyata kewangan. Sebagai contoh, bajet yang disediakan bagi mematuhi sistem pelaporan statistik mungkin memberikan tumpuan kepada BZW <del>sektor am kerajaan</del>, dan merangkumi hanya entiti yang memenuhi fungsi utama atau fungsi bukan pasaran bagi BZW <del>kerajaan</del> sebagai aktiviti utamanya, manakala penyata kewangan melaporkan semua aktiviti yang dikawal oleh BZW <del>kerajaan</del>, termasuk aktiviti perniagaan institusi BZW <del>kerajaan</del> itu.</p> <p><b>MPSAS 22,</b>        Pendedahan        Maklumat        Kewangan tentang institusi BZW <del>Sektor Am Kerajaan</del>, menetapkan keperluan bagi nota pendedahan maklumat kewangan tentang institusi BZW <del>sektor am kerajaan</del> dalam keseluruhan institusi BZW <del>kerajaan</del> yang menerima pakai asas perakaunan akruan dan memilih untuk membuat pendedahan sedemikian. Dalam</p>	<p>Frasa MPSAS 22 dikeluarkan</p>
--	----	---	-----------------------------------

			<p>kebanyakan kes, pendedahan yang dibuat mengikut <b>MPSAS 22</b> akan merangkumi entiti, aktiviti dan asas klasifikasi yang sama seperti yang diterima pakai dalam bajet yang disediakan sejajar dengan institusi BZW <b>sektor am kerajaan</b> seperti yang ditakrifkan dalam model pelaporan statistik. Dalam kes ini, pendedahan yang dibuat mengikut <b>MPSAS 22</b> akan juga memudahkan pendedahan yang dikehendaki oleh Piawaian ini.</p>	
	36	Dikeluarkan		Tidak begitu relevan dengan MAIN
Bajet Berbilang Tahun	37-38	Dipinda	Perkataan kerajaan digantikan dengan institusi BZW	
Nota Pendedahan tentang Asas, Tempoh dan Skop Bajet	39-45	Dipinda	Frasa MPSAS 1 dikeluarkan	
	46	Dipinda	<p><b>MPSAS</b> menghendaki entiti menyediakan dan membentangkan penyata kewangan yang menyatukan semua sumber yang dikawal oleh entiti. Pada peringkat keseluruhan institusi BZW <b>kerajaan</b>, penyata kewangan yang disediakan berdasarkan <b>MPSAS</b> akan merangkumi entiti yang bergantung pada bajet dan entiti <b>GBE</b> yang dikawal oleh BZW <b>kerajaan</b>. Walau bagaimanapun, seperti yang dinyatakan dalam</p>	

			Perenggan 35, bajet yang diluluskan dan disediakan mengikut model pelaporan statistik mungkin tidak merangkumi operasi institusi BZW kerajaan yang dijalankan atas dasar komersial atau pasaran. Selaras dengan keperluan Perenggan 31, amaun bajet dan amaun sebenar akan dibentangkan atas dasar boleh banding. Pendedahan entiti yang dirangkumi dalam bajet itu akan membolehkan pengguna mengenal pasti setakat mana aktiviti entiti tersebut tertakluk kepada bajet yang diluluskan, dan bagaimana entiti bajet itu berbeza daripada entiti yang ditunjukkan dalam penyata kewangan.	
Penyesuaian Amaun Sebenar pada Asas Boleh Banding dengan Amaun Sebenar dalam Penyata Kewangan	47-50	Dikekalkan		
	51		MPSAS 2, Penyata Aliran Tunai digantikan dengan piawaian yang bakal diperkenalkan	
Contoh ilustrasi	52-53	Dikekalkan	Mengambil contoh-contoh urus niaga yang berkaitan atau bersesuaian dengan operasi institusi BZW	

Berdasarkan kepada Jadual 8.6, secara keseluruhannya, peruntukan di dalam MPSAS 24 boleh diterima pakai dengan dibuat sedikit pindaan atau penambahbaikan. Peruntukan yang terkandung dalam MPSAS 24 pada umumnya tidak menyalahi kehendak syariah, dan tidak menjadi masalah kepada MAIN untuk menerimanya.

Beberapa pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut. Pertama, berkaitan dengan skop, frasa “sektor awam lain selain Perusahaan Perniagaan Kerajaan (*Government Business Enterprise, GBE*)” hendaklah digantikan dengan institusi BZW agar lebih sesuai dengan konteks piawaian ini. Keduanya istilah “kerajaan” di dalam MPSAS perlu digantikan dengan “institusi BZW”. Manakala perenggan-perenggan umum yang bersesuaian dan tidak bertentangan dengan keperluan syariah dikekalkan. Ketiga, dalam contoh ilustrasi ianya hendaklah merujuk kepada urus niaga yang berkaitan dengan institusi BZW seperti penerimaan dan pembayaran zakat, hasil harta wakaf, hasil daripada sumber baitulmal serta penerimaan dan pembayaran umum yang lain. Seterusnya, sebarang rujukan berkaitan dengan MPSAS atau perenggan dalam MPSAS hendaklah merujuk kepada piawaian yang akan diperkenalkan nanti.

## **8.7 Penyata Kewangan Disatukan (MPSAS 35)**

MPSAS 35 bertujuan untuk menggariskan prinsip-prinsip bagi pembentangan dan penyediaan penyata kewangan yang disatukan apabila entiti mengawal satu atau lebih entiti lain. Ia terpakai kepada entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan di bawah perakaunan atas akruan di mana MPSAS 35 menghendaki entiti yang merupakan entiti mengawal selain Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri menyediakan penyata kewangan yang disatukan. Namun begitu, seperti yang dijelaskan dalam Bab Tiga, MPSAS 35 tidak memperuntukkan keperluan perakaunan untuk penggabungan sektor awam dan kesannya terhadap penyatuan, termasuk muhibah yang timbul daripada gabungan sektor awam. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, penyata kewangan disatukan merujuk kepada penyata kewangan entiti ekonomi di mana aset, liabiliti, aset bersih/ekuiti, hasil, belanja, dan aliran tunai entiti yang dikawal dan entiti yang mengawal dibentangkan sebagai satu entiti ekonomi. (MPSAS 35).

Amalan semasa yang dibentangkan dalam Bab Lima menunjukkan semua MAIN di Zon 2, kecuali LZNK, membentangkan penyata kewangan disatukan yang terdiri daripada penyata kewangan MAIN dan entiti-entiti yang dikawal oleh MAIN iaitu syarikat subsidiari MAIN. LZNK tidak membentangkan penyata kewangan disatukan kerana LZNK tidak mempunyai sebarang entiti yang dikawal atau syarikat subsidiari. Daripada itu, penyelidik mencadangkan agar MPSAS 35 digunakan oleh MAIN, dengan mengambil kira beberapa perubahan, bersesuaian dengan objektif dan sifat operasi MAIN. Isu-isu yang memerlukan pengubahsuaian adalah:

- (1) skop
- (2) konsep kawalan
- (3) keperluan/tatacara perakaunan yang tidak relevan
- (4) konsep dan peruntukan berkaitan entiti pelaburan
- (5) keperluan pendedahan

Perbincangan lanjut berkenaan isu-isu tersebut adalah seperti yang disediakan dalam seksyen 8.7.2.

### **8.7.1 Keperluan Penyediaan Penyata Kewangan Disatukan**

Seperti yang dibincangkan dalam Bab Lima, secara khususnya MPSAS 35 terpakai kepada semua entiti yang mengawal (*controlled entity*). Namun begitu entiti yang mengawal tidak perlu mengemukakan penyata kewangan yang disatukan jika memenuhi empat syarat berikut iaitu (a) ia adalah entiti yang dikawal dan keperluan maklumat pengguna dipenuhi olehnya penyata kewangan disatukan entiti mengawal, dan, dalam hal sebahagiannya entiti terkawal yang dimiliki, semua pemiliknya yang lain, termasuk yang tidak berhak mengundi, telah diberitahu tentang, dan tidak membantah, entiti yang tidak hadir penyata kewangan yang disatukan, (b) instrumen hutang atau ekuiti tidak didagangkan di pasaran awam (pasaran bursa saham domestik atau bursa saham asing), (c) ia tidak memfailkan, ataupun dalam proses pemfailan, penyata kewangannya dengan suruhanjaya sekuriti atau organisasi kawal selia lain bagi tujuan penyenaraian mana-mana kelas instrumen dalam pasaran awam; dan (d) entiti kawalan utama atau entiti pertengahan yang menghasilkan penyata kewangan yang boleh didapati untuk kegunaan awam dan mematuhi Piawaian Perakaunan

Sektor Awam Malaysia (MPSAS), di mana entiti dikawal disatukan atau diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit selaras dengan MPSAS 35.

Sebagai contoh, andaikan entiti A mempunyai kawalan ke atas entiti B, dan entiti B pula mempunyai kawalan ke atas entiti C. Sekiranya entiti A telah menyediakan penyata kewangan disatukan bagi kumpulannya (entiti A + entiti B + entiti C) yang boleh dicapai bagi kegunaan awam serta mematuhi MPSAS di mana entiti B dan C disatukan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit selaras dengan MPSAS 35, tiada instrumen ekuiti atau hutang entiti B yang didagangkan di pasaran awam serta entiti B tidak dalam proses permohonan untuk tujuan penyenaraian mana-mana instrument ekuiti atau hutangnya dalam pasaran awam, maka entiti B boleh dikecualikan daripada menyediakan penyata kewangan disatukan di bawah Perenggan 5 (a-d) MPSAS 35.

### **8.7.2 Lain-lain Isu dan Cadangan Berkaitan dengan Penyata Kewangan Disatukan**

Walaupun dapatan kajian menunjukkan kesemua MAIN di Zon 2 membuat pembentangan dan pendedahan berkaitan MPSAS 35, masih wujud ketidak seragaman di kalangan MAIN di Zon 2 terutamanya dalam pendedahan polisi-polisi dalam nota kepada akaun. Keseragaman item-item yang perlu didedahkan dalam penyata kewangan dapat memberi maklumat dan gambaran yang jelas tentang prosedur dan polisi yang diguna pakai oleh MAIN dalam penyediaan penyata kewangan disatukan. Ini juga adalah dapat membantu MAIN membuat pendedahan sepenuhnya secara telus (Baydoun & Willet, 2000) dan menggambarkan keadaan sebenar penyata kewangan di bawah pengurusan MAIN (Prof. Dr. Asmadi bin Mohamed Naim).

Seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 8.7 terdapat lima isu dan cadangan utama berhubung MPSAS 35. Isu yang pertama adalah berkenaan dengan skop MPSAS 35 berkenaan dengan keperluan untuk membentangkan penyata kewangan disatukan di mana penyelidik mencadangkan agar perenggan-perenggan MPSAS 35 yang tidak relevan dengan konteks MAIN seperti Perenggan 4 (keperluan sektor awam) dan Perenggan 7 (entiti pelaburan) dikeluarkan. Isu seterusnya berkenaan konsep dan

penentuan kawalan entiti yang mengawal (i.e. MAIN) ke atas entiti yang dikawal (i.e syarikat subsidiari) yang melibatkan penentuan kuasa dan faedah di pihak syarikat yang mengawal. Berkaitan isu ini penyelidik mencadangkan agar (i) perenggan yang tidak relevan kepada MAIN, contohnya Perenggan 28 (keupayaan unilateral untuk mengawal) dikeluarkan dan (ii) meminda perenggan seperti Perenggan 32 dan 33 dengan menyediakan contoh faedah kewangan dan bukan kewangan yang sesuai/relevan dengan konteks MAIN.

Isu yang ketiga adalah keperluan perakaunan di mana penyelidik mencadangkan agar perenggan-perenggan yang tidak relevan dengan konteks MAIN, seperti Perenggan 43 hingga 45 (hak mengundi berpotensi) dan Perenggan 50 (saham keutamaan terkumpul entiti yang mengawal) dikeluarkan. Isu yang seterusnya berkenaan peruntukan berkaitan keperluan nilai saksama oleh entiti pelaburan. Selari dengan cadangan penyelidik untuk isu pertama yang dibincangkan sebelum ini, dicadangkan supaya Perenggan 56 hingga 64 dikeluarkan kerana konsep entiti pelaburan itu tidak bersesuaian dengan sifat MAIN.

Isu yang terakhir adalah berkenaan ketiadaan perenggan khusus berkenaan keperluan pendedahan. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, walaupun daripada segi amalan semua MAIN di Zon 2 ada membuat pendedahan berkenaan penyata kewangan disatukan, namun wujud ketidak seragaman daripada segi polisi atau item yang didedahkan. Justeru itu, penyelidik mencadangkan agar ditambah atau dimasukkan perenggan keperluan pendedahan yang secara jelas menyatakan keperluan untuk MAIN mendedahkan polisi/prosedur penyatuan yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan disatukan. Isu-isu dan cadangan yang dibincangkan ini serta amalan semasa dan keperluan syariah yang berkaitan adalah seperti yang diringkaskan dalam Jadual 8.7.

**Jadual 8.7 Isu dan Cadangan Berhubung Penyata Kewangan Disatukan (MPSAS 35)**

<b>ISU</b>	<b>AMALAN</b>	<b>KEPERLUAN SYARIAH</b>	<b>CADANGAN</b>
(3) Skop: Keperluan untuk membentangkan penyata kewangan disatukan	Kesemua MAIN Zon 2 membentangkan penyata kewangan disatukan	Pendedahan sepenuhnya secara telus berdasarkan prinsip pendedahan penuh dan akauntabiliti sosial (Baydoun dan Willet, 2000)  Pendedahan berhierarki: Daruriyyah, Hajiyyah, Tahsiniyyah	Keluarkan perenggan yang tidak relevan dengan konteks MAIN e.g. Perenggan 4 (keperluan sektor awam) dan 7 (entiti pelaburan)
2. Kawalan: Kuasa dan Faedah	Penentuan kawalan MAIN: -pegangan saham/kepentingan ekuiti (i.e. 100%)  -kawalan ke atas aspek kewangan, operasi  -untuk memperoleh faedah	Menggambarkan keadaan atau nilai sebenar (Prof. Dr. Asmadi bin Mohamed)	Keluarkan perenggan yang tidak relevan kepada MAIN e.g. Perenggan 28 (keupayaan unilateral untuk mengawal)  Pinda e.g Perenggan 32 dan 33 dengan memberi/memasukkan contoh faedah kewangan dan bukan kewangan yang bersesuaian dengan konteks MAIN
3. Keperluan Perakaunan	Kesemua MAIN menggunakan pakai peruntukan yang selari dengan peruntukan MPSAS 35 i.e prosedur penggabungan, polisi perakaunan seragam & tarikh pelaporan yang sama	Menggambarkan keadaan atau nilai sebenar (Prof. Dr. Asmadi bin Mohamed)	Keluarkan perenggan yang tidak relevan dengan konteks MAIN e.g. Perenggan 43-45 (hak mengundi berpotensi) dan Perenggan 50 (saham keutamaan terkumpul entiti yang mengawal)
4. Entiti Pelaburan: Keperluan nilai saksama	Tiada		Keluarkan Perenggan 56- 64 kerana konsep entiti pelaburan itu tidak bersesuaian dengan sifat MAIN
5. Tiada perenggan khusus berkaitan keperluan pendedahan berkaitan dengan penyata kewangan disatukan (Nota kepada akaun	Nota kepada akaun:  Asas/ prosedur penyatuhan:  -Entiti yang disatukan	Pendedahan sepenuhnya secara telus berdasarkan prinsip pendedahan penuh dan akauntabiliti sosial (Baydoun dan Willet, 2000)	Tambah perenggan berkaitan keperluan pendedahan e.g. polisi/prosedur penyatuhan yang diguna pakai

	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Penentuan kawalan</li> <li>-Titik di mana hasil dan belanja anak syarikat mula diambil kira/tidak diambil kira dalam penyata kewangan disatukan</li> <li>-Penghapusan urus niaga antara kumpulan</li> <li>-Kaedah penggabungan - Kepentingan bukan kawalan</li> <li>-Kehilangan kawalan</li> </ul>	Pendedahan berhierarki: Daruriyyah, Hajiyyah, Tahsiniyyah	
--	--	--	--

Secara umumnya kajian ini mencadangkan untuk menerima pakai perenggan-perenggan MPSAS 35 yang bersesuaian dengan konteks dan operasi institusi BZW diterima sebagai asas kepada pembentukan satu piawaian perakaunan berkenaan instrumen kewangan yang berkaitan dengan aspek pembentangan. Cadangan yang sama turut terpakai untuk Garis Panduan Aplikasi dan Contoh Ilustrasi yang diberikan dalam MPSAS 35. Perincian cadangan pindaan kepada MPSAS 35, Garis Panduan Aplikasi dan Contoh Ilustrasi adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8.8 (a), Jadual 8.8 (b), dan Jadual 8.8 (c).

#### **Jadual 8.8(a) Cadangan pindaan kepada MPSAS 35 Penyata Kewangan Disatukan**

KANDUNGAN	MPSAS 35 PENYATA KEWANGAN DISATUKAN			RUJUKAN/ ALASAN
	PARA	CADANGAN	KETERANGAN	
Tajuk		Kekal		
Objektif	1-2	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'
Skop (Perenggan 3-13):				
Penggabungan Sektor Awam	4	Dikeluarkan	Perenggan ini menjelaskan bahawa MPSAS 35 tidak menyediakan peruntukan untuk penggabungan sektor awam dan kesan penyatuan.	Tidak relevan/tiada keperluan dengan konteks MAIN

Pembentangan Penyata Kewangan Disatukan	5-10	Dikekalkan (semua kecuali Perenggan 7)		Tidak bercanggah dengan syara'
	7	Dikeluarkan	Perenggan ini menyatakan bahawa entiti pelaburan tidak perlu menyediakan penyata kewangan disatukan sekira pegangan/pelaburan dalam entiti dikawal diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit	Pendedahan sepenuhnya secara telus berdasarkan prinsip pendedahan penuh dan akauntabiliti sosial (Baydoun dan Willet, 2000)  Pendedahan berhierarki: Daruriyyah, Hajiyyah, Tahsiniyyah  Tidak relevan dengan konteks dan " <i>nature</i> " MAIN; MAIN bukan entiti pelaburan
Syarikat Perniagaan Kerajaan	11-13	Dikeluarkan	Perenggan –perenggan ini antara menyatakan bahawa syarikat perniagaan kerajaan adalah tidak tertakluk kepada MPSAS ini.	Amalan semasa menunjukkan MAIN Zon 2 tidak mempunyai entiti yang sebegini.
Definisi (Perenggan 14-17):				
Pengaturan Mengikat (binding arrangement)	15	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'
Entiti Ekonomi	16-17	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'
Kawalan (Perenggan 18-37):				
	18-22	Kekal	Secara umumnya perenggan-perenggan ini menyatakan keperluan entiti untuk menentukan sama ada ia adalah entiti yang mengawal	Tidak bercanggah dengan syara'  Menggambarkan keadaan atau nilai sebenar (Prof. Dr. Asmadi bin Mohamed)

Kuasa	23-29	Kekal (kecuali Perenggan 28)		Tidak bercanggah dengan syara'  Menggambarkan keadaan atau nilai sebenar (Prof. Dr. Asmadi bin Mohamed)
	28	Dikeluarkan	Perenggan ini menerangkan tentang keupayaan unilateral untuk mengawal diantara dua entiti	Amalan semasa menunjukkan tidak wujud keadaan/keupayaan seperti ini dan mengambil kira konteks dan "nature" MAIN kemungkinan besar tidak akan wujud keupayaan berbentuk seperti ini
Faedah	30 & 34	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'
	32&33	Pinda	Ada diantara contoh-contoh faedah kewangan dan bukan kewangan yang diberikan dalam Perenggan 32 dan 33 yang tidak relevan dengan MAIN	Menggambarkan keadaan atau nilai sebenar (Prof. Dr. Asmadi bin Mohamed)  Bagi memasukkan contoh faedah kewangan dan bukan kewangan yang relevan dengan MAIN
Hubungan diantara Kuasa dan Faedah	35-37	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'
Keperluan Perakaunan (Perenggan 38-55):				
	38-39	Kekal	Perenggan-perenggan ini menjelaskan keperluan penggunaan polisi perakaunan yang seragam dan titik permulaan memperoleh dan hilang kawalan	Tidak bercanggah dengan syara'
Prosedur Penyatuan	40	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'  Menggambarkan keadaan atau nilai sebenar (Prof. Dr. Asmadi bin Mohamed)

Polisi Perakaunan Seragam	41	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'
Pengukuran	42	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'  Menggambarkan keadaan atau nilai sebenar (Prof. Dr. Asmadi bin Mohamed)
Hak Mengundi Berpotensi	43-45	Dikeluarkan	Keluarkan perenggan yang e.g. Perenggan 43-45 (hak mengundi berpotensi) dan Perenggan 50 (saham keutamaan terkumpul entiti yang mengawal)	Amalan semasa menunjukkan tidak wujud hak mengundi sebegini di MAIN dan tidak relevan dalam konteks MAIN dan berkemungkinan besar tidak akan wujud dalam konteks MAIN.
Tarikh Pelaporan	46	Kekal		Tidak bercanggah syara'
Kepentingan Bukan Kawalan	47-51  50	Kekal  Dikeluarkan		Menggambarkan keadaan atau nilai sebenar (Prof. Dr. Asmadi bin Mohamed)  Pendedahan sepenuhnya secara telus berdasarkan prinsip pendedahan penuh (Baydoun dan Willet, 2000)  Saham keutamaan terkumpul entiti yang mengawal
Kehilangan Kawalan	52-55	Kekal		Menggambarkan keadaan atau nilai sebenar (Prof. Dr. Asmadi bin Mohamed)
Entiti Pelaburan: Keperluan Nilai Saksama (Perenggan 56-64):				
	56-58	Dikeluarkan	Perenggan-perenggan ini menjelaskan tentang penentuan entiti pelaburan	Tidak relevan dengan konteks dan "nature" MAIN; MAIN bukan entiti pelaburan
Menentukan Sama ada Entiti adalah Entiti Pelaburan	59-60	Dikeluarkan		
Pertimbangan dan Andaian	61-62	Dikeluarkan		

Perakaunan untuk Perubahan dalam Status Entiti Pelaburan	63-64	Dikeluarkan		
Keperluan Pendedahan	Perenggan Baru/Tambahan	Ditambah masuk	Tiada perenggan khusus berkaitan keperluan pendedahan berkaitan dengan penyata kewangan disatukan (Nota kepada akaun)	Pendedahan sepenuhnya secara telus berdasarkan prinsip pendedahan penuh dan akauntabiliti sosial (Baydoun dan Willet, 2000)  Pendedahan berhierarki: Daruriyyah, Hajiyyah, Tahsiniyyah

**Jadual 8.8(b) Cadangan pindaan kepada MPSAS 35 Penyata Kewangan Disatukan – Garis Panduan Aplikasi (AG)**

KANDUNGAN	MPSAS 35 PENYATA KEWANGAN DISATUKAN – Garis Panduan Aplikasi (AG)			RUJUKAN/ ALASAN
	PARA	CADANGAN	KETERANGAN	
Tajuk		Kekal		
Menilai Kawalan	AG2-4	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'
Tujuan and Rekabentuk Entiti lain	AG5-8	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'
Kuasa	AG9-48  AG49-52	Kekal  Dikeluarkan	Perenggan menerangkan berkenaan mengundi berpotensi ini hak	Tidak bercanggah dengan syara'  Amalan semasa menunjukkan tidak wujud hak mengundi sebegini di MAIN dan tidak relevan dalam konteks MAIN dan berkemungkinan tidak akan wujud dalam konteks MAIN.

	AG53-56	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'
Pendedahan, atau Hak, ke atas Faedah Berubah Entiti Lain	AG57-59	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'
Hubungan diantara Kuasa dan Faedah	AG60	Pinda	Perenggan ini berkenaan kuasa yang diagihkan kepada entiti sektor awam oleh sesuatu Kementerian	Digantikan/Berikan penerangan yang bersesuaian dengan konteks MAIN
	AG61-74	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'
Hubungan dengan Pihak Lain	AG75-81	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'
Penilaian Berterusan	AG82-87	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'
Menentukan sama ada Entiti adalah Entiti Pelaburan	AG88-104	Dikeluarkan	Perenggan-perenggan ini menjelaskan tentang penentuan entiti pelaburan	Tidak relevan dengan konteks dan sifat MAIN; MAIN bukan entiti pelaburan

**Jadual 8.8(c) Cadangan pindaan kepada MPSAS 35 Penyata Kewangan Disatukan – Contoh Ilustrasi (IE)**

KANDUNGAN	MPSAS 35 PENYATA KEWANGAN DISATUKAN - Contoh Ilustrasi (IE)			RUJUKAN/ ALASAN
	PARA	CADANGAN	KETERANGAN	
Kuasa	<b>IE2:</b> <i>Example 1 (E1)</i>	Pinda		Memberi/memasukkan contoh peristiwa/urusniaga yang bersesuaian dengan konteks MAIN
	<b>IE3:</b> <i>E2 hingga E4</i>	Pinda		Memberi/memasukkan contoh peristiwa/urusniaga yang bersesuaian dengan konteks MAIN
	<i>E5</i>	Dikeluarkan	Contoh ini berkenaan urusniaga kasino dan perjudian.	Aktiviti/urusniaga yang diharamkan Islam/ Tidak sesuai dengan MAIN
	<b>IE4:</b> <i>E6</i>	Pinda		Berikan contoh produk yang bersesuaian dengan MAIN.
	<i>E7</i>	Pinda, atau		Berikan situasi/urusniaga yang lebih sesuai atau relevan dengan MAIN.
		Dikeluarkan		Contoh urusniaga diberikan adalah kompleks, yang berkemungkinan tidak akan dijalankan oleh MAIN
	<b>IE5:</b> <i>E8, E8A, E8B, E9, E10</i>	Pinda		Berikan situasi/urusniaga yang lebih sesuai atau relevan dengan MAIN
	<i>E11</i>	Kekal		Tidak bercanggah dengan syara'
	<i>E11A-11D</i>	Dikeluarkan	Contoh-contoh ini berkenaan hak mengundi berpotensi yang melibatkan penggunaan instrument derivatif	Amalan semasa menunjukkan tidak wujud hak mengundi sebegini di MAIN dan tidak relevan dalam konteks MAIN dan berkemungkinan tidak akan wujud dalam konteks MAIN.
				Berikan situasi/urusniaga yang lebih sesuai atau

	<b>IE6:</b> <i>E12-14</i>	Pinda		relevan dengan MAIN.  Berikan situasi/urusniaga yang lebih sesuai atau relevan dengan MAIN.
	<b>IE7:</b> <i>E15</i>	Pinda		Berikan situasi/urusniaga yang lebih sesuai atau relevan dengan MAIN.
	<b>IE8:</b> <i>E16-18</i>	Pinda		Tidak bercanggah dengan syara' dan sesuai dengan konteks MAIN secara umum.
	<b>IE9:</b> <i>E19-22</i>	Kekal		Amalan semasa menunjukkan tidak wujud hak mengundi sebegini di MAIN dan tidak relevan dalam konteks MAIN dan berkemungkinan tidak akan wujud dalam konteks MAIN.
	<b>IE10:</b> <i>E23-24</i>	Dikeluarkan	Contoh-contoh ini berkenaan hak mengundi berpotensi yang melibatkan penggunaan instrument derivatif.	Berikan situasi/urusniaga yang lebih sesuai atau relevan dengan MAIN.
	<b>IE11:</b> <i>E25-32</i>	Pinda		Berikan situasi/urusniaga yang lebih sesuai atau relevan dengan MAIN.
	<b>IE12:</b> <i>E33-33B</i>	Pinda		
Hubungan diantara kuasa dan faedah	IE13: <i>E34-44</i>	Pinda		Berikan situasi/urusniaga yang lebih sesuai atau relevan dengan MAIN.
	IE14: <i>E45-48</i>	Dikeluarkan	Contoh-contoh ini berkenaan entiti pelaburan.	Tidak relevan dengan konteks dan sifat MAIN; MAIN bukan entiti pelaburan

## **8.8 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu Dan Usaha Sama (MPSAS 36)**

Secara umumnya kajian ini mencadangkan untuk menambah baik MPSAS 36 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu Dan Usaha Sama bagi institusi BZW. Ada tiga perkara yang ingin diketengahkan dalam piawaian ini yang perlu dipinda iaitu objektif, kaedah pengukuran dan pendedahan.

Amalan semasa yang dibentangkan dalam Bab Lima menunjukkan hanya Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) mempunyai pelaburan dalam syarikat bersekutu pada penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. Pelaburan ini telah diiktiraf dan diukur menggunakan model kos kerana TBS menggunakan garis panduan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dalam menyediakan penyata kewangannya. Menurut MPERS, sesebuah entiti boleh memilih sama ada menggunakan model kos, kaedah ekuiti atau model nilai saksama dalam mengukur pelaburan dalam syarikat bersekutu. Oleh itu, kajian ini ingin mencadangkan agar diberi pilihan kepada MAIN untuk memilih salah satu daripada ketiga-tiga kaedah tersebut. Ini bersesuaian dengan operasi MAIN yang lebih menjurus ke arah mengurus dan memegang amanah harta umat Islam yang merangkumi harta baitulmal, zakat dan wakaf.

Maka, kajian ini mencadangkan agar piawaian perakaunan Islam yang akan dibangunkan nanti boleh merujuk kepada Seksyen 14 dan Seksyen 15 MPERS dalam merekod, mengiktiraf, mengukur dan mendedahkan perihal berkaitan pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama.

### **8.8.1 Definisi Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama**

Definisi syarikat bersekutu dan usaha sama yang diberikan oleh MPSAS 36 didapati tidak bercanggah dengan keperluan syariah. Oleh itu penyelidik mencadangkan agar definisi tersebut dikekalkan seperti berikut:

*Syarikat bersekutu adalah sesebuah entiti di mana pelabur mempunyai pengaruh penting. Manakala usaha sama adalah usaha yang dilakukan secara bersama antara pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama terhadap hak aset bersih usaha sama itu.*

### 8.8.2 Cadangan Pindaan

Jadual 8.9 menjelaskan tentang beberapa cadangan pindaan kecil kepada MPSAS 36.

**Jadual 8.9 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu Dan Usaha Sama (MPSAS 36)**

KANDUNGAN	MPSAS 36 (PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU DAN USAHA SAMA)			RUJUKAN/ ALASAN
	PERENGGAN	CADANGAN	KETERANGAN	
Objektif	1	Pinda	Objektif piawaian ini adalah untuk menetapkan perakaunan bagi pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama dan untuk menetapkan keperluan untuk pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama.	Kaedah ekuiti yang dinyatakan di dalam perenggan ini dikeluarkan.
Skop	2 - 5	Kekal		
	6	Pinda	Piawaian ini terpakai kepada semua institusi baitulmal, zakat dan wakaf selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBEs).	
	7	Kekal		
Definisi	8	Kekal		
Pengaturan Mengikat	9	Kekal		
Pengaruh Penting	10 - 15	Kekal		
Kaedah Ekuiti	16 - 21	Kekal		
Aplikasi Kaedah Ekuiti	22 - 48	Kekal		
Model Kos	49	Tambah	Pelabur hendaklah mengukur pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama, selain daripada yang mana terdapat sebut harga harga yang diterbitkan (lihat Perenggan 51) pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul yang diiktiraf.	i. Penambahan model kos ini memberi ruang kepada MAIN untuk memilih kaedah yang bersesuaian dalam mengukur pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama. ii. Seksyen 14 dan Seksyen 15 MPERS

	50	Tambah	Pelabur hendaklah mengiktiraf dividen dan pengagihan lain yang diterima daripada pelaburan sebagai pendapatan tanpa mengambil kira sama ada pengagihan dari keuntungan terkumpul syarikat bersekutu yang timbul sebelum atau selepas tarikh pengambilalihan.	Seksyen 14 dan Seksyen 15 MPERS
	51	Tambah	Pelabur hendaklah mengukur pelaburannya dalam syarikat bersekutu dan usaha sama yang mana terdapat sebut harga harga yang diterbitkan menggunakan model nilai saksama (lihat Perenggan 52).	Seksyen 14 dan Seksyen 15 MPERS
Model Nilai Saksama	52	Tambah	Apabila pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama diiktiraf pada mulanya, pelabur hendaklah mengukurnya pada harga transaksi. Harga transaksi tidak termasuk kos transaksi.	Seksyen 14 dan Seksyen 15 MPERS
	53	Tambah	Pada setiap tarikh pelaporan, pelabur hendaklah mengukur pelaburannya dalam syarikat bersekutu dan usaha sama pada nilai saksama, dengan perubahan dalam nilai saksama akan diiktiraf keuntungan atau kerugian dengan menggunakan panduan pengukuran nilai saksama. Pelabur yang menggunakan model nilai saksama hendaklah menggunakan model kos bagi apa-apa pelaburan dalam	Seksyen 14 dan Seksyen 15 MPERS

			syarikat bersekutu dan usaha sama yang nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha tidak wajar.	
Pendedahan	54	Tambah	<p>Entiti hendaklah mendedahkan yang berikut:</p> <p>(a) dasar perakaunan bagi pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama;</p> <p>(b) nilai bawaan pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama;</p> <p>(c) nilai saksama pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama yang menggunakan kaedah ekuiti apabila terdapat sebut harga yang diterbitkan.</p> <p>(d) nilai agregat komitmennya yang berkaitan dengan usaha sama, termasuk bahagian dalam komitmen modal yang telah ditanggung bersama-sama dengan pengusaha lain, serta bahagiannya terhadap komitmen modal usaha sama itu sendiri.</p>	Seksyen 14 dan Seksyen 15 MPERS
	55	Tambah	Bagi pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama yang menggunakan model kos, pelabur hendaklah mendedahkan jumlah dividen dan pengagihan lain yang diiktiraf sebagai pendapatan.	Seksyen 14 dan Seksyen 15 MPERS
	56	Tambah	Bagi pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha	Seksyen 14 dan Seksyen 15 MPERS

			sama yang diambil kira menggunakan kaedah ekuiti, pelabur hendaklah mendedahkan secara berasingan bahagiannya dalam keuntungan atau kerugian syarikat bersekutu dan usaha sama tersebut dan bahagiannya bagi mana-mana operasi yang dihentikan bagi syarikat bersekutu dan usaha sama tersebut.	
	57	Tambah	Bagi pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama yang menggunakan model nilai saksama, pelabur hendaklah membuat pendedahan seperti yang dikehendaki dalam Piawaian Instrumen Kewangan. Sekiranya pelabur memohon pengecualian kos atau usaha yang tidak wajar untuk mana-mana syarikat bersekutu dan usaha sama, ia hendaklah mendedahkan fakta itu, sebab mengapa pengukuran nilai saksama akan melibatkan kos atau usaha yang tidak wajar dan jumlah bawaan pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama diambil kira di bawah model kos.	Seksyen 14 dan Seksyen 15 MPERS
	58	Tambah	Perlulah didedahkan item pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama ini mengikut kumpulan wang yang bersesuaian seperti KW Baitulmal, KW	Didedahkan secara telus (Baydoun dan Willet (2000), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Seksyen 7 Akta Acara Kewangan

			Zakat dan KW Wakaf.	1957 (Disemak 1972) iaitu pengasingan setiap kumpulan wang.
Penyata Kewangan Berasingan	49 (Nombor Perenggan asal)	59 (Nombor Perenggan baru)	Kekal	

Berdasarkan Jadual 8.9 di atas, berikut adalah pindaan-pindaan yang dicadangkan terhadap MPSAS 36. Pertama, pada bahagian objektif kaedah ekuiti yang dinyatakan di dalam perenggan ini dikeluarkan. Ini kerana kajian ini mencadangkan agar MAIN di beri pilihan untuk memilih salah satu daripada tiga kaedah seperti mana yang dinyatakan dalam Seksyen 14 MPERS tersebut. Ini kerana MAIN kurang terlibat dalam aktiviti pelaburan di syarikat-syarikat dan lebih menjurus ke arah mengurus dan memegang amanah harta umat Islam yang merangkumi harta baitulmal, zakat dan wakaf.

Keduanya, pada bahagian skop di Perenggan 6, menyatakan bahawa Piawaian ini terpakai kepada semua “institusi baitulmal, zakat dan wakaf” dan bukannya “entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE)”.

Seterusnya yang ketiga ialah cadangan ditambah dua kaedah pengukuran iaitu model kos dan model nilai saksama. Bagi model kos, pelabur hendaklah mengukur pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama, pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul yang diiktiraf. Pelabur hendaklah mengiktiraf dividen dan pengagihan lain yang diterima daripada pelaburan sebagai pendapatan tanpa mengambil kira sama ada pengagihan dari keuntungan terkumpul syarikat bersekutu yang timbul sebelum atau selepas tarikh pengambil alihan. Selain itu, bagi kaedah pengukuran model nilai saksama, pengiktirafan dan pengukuran awal hendaklah menggunakan harga transaksi. Harga transaksi ini tidak termasuk kos transaksi. Pada setiap tarikh pelaporan, pelabur hendaklah mengukur pelaburannya dalam syarikat bersekutu dan usaha sama pada nilai saksama, dengan perubahan dalam nilai saksama akan diiktiraf keuntungan atau kerugian dengan menggunakan panduan pengukuran nilai saksama.

Bagi cadangan yang keempat ialah berkaitan dengan pendedahan. Entiti perlulah mendedahkan perkara yang berikut:

- (1) dasar perakaunan bagi pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama;
- (2) nilai bawaan pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama;
- (3) nilai saksama pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama yang menggunakan kaedah ekuiti apabila terdapat sebut harga yang diterbitkan.
- (4) nilai agregat komitmennya yang berkaitan dengan usaha sama, termasuk bahagian dalam komitmen modal yang telah ditanggung bersama-sama dengan pengusaha lain, serta bahagiannya terhadap komitmen modal usaha sama itu sendiri.

Bagi pendedahan pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama yang menggunakan model kos, pelabur hendaklah mendedahkan jumlah dividen dan pengagihan lain yang diiktiraf sebagai pendapatan. Bagi kaedah ekuiti, pelabur hendaklah mendedahkan secara berasingan bahagiannya dalam keuntungan atau kerugian syarikat bersekutu dan usaha sama tersebut dan bahagiannya bagi mana-mana operasi yang dihentikan bagi syarikat bersekutu dan usaha sama tersebut. Selain itu, bagi model nilai saksama, pelabur hendaklah membuat pendedahan seperti yang dikehendaki dalam Piawaian Instrumen Kewangan. Akhir sekali, item pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama perlulah didedahkan mengikut kumpulan wang yang bersesuaian seperti KW Baitulmal, KW Zakat dan KW Wakaf agar lebih telus. Cadangan ini konsisten dengan Abdul Rahim Abdul Rahman (2010), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Seksyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972).

## **8.9 Pengaturan Bersama (MPSAS 37)**

Secara umumnya kajian ini mencadangkan untuk menerima pakai sepenuhnya MPSAS 37 Pengaturan Bersama bagi institusi baitulmal, zakat dan wakaf. Berdasarkan MPSAS 37, terdapat dua jenis pengaturan bersama iaitu operasi bersama dan usaha sama.

- (1) Operasi bersama – pengaturan bersama di antara pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama terhadap hak kepada aset, dan tanggungan liabiliti yang berkaitan dengan pengaturannya.
- (2) Usaha sama – pengaturan bersama antara pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama terhadap hak kepada aset bersih pengaturan itu.

Semakan terhadap laporan kewangan di kesemua MAIN di Zon 2, didapati tiada MAIN yang mempunyai amalan berkaitan pengaturan bersama bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

### **8.9.1 Definisi Pengaturan Bersama**

Definisi pengaturan bersama yang diberikan oleh MPSAS 37 didapati tidak bercanggah dengan keperluan syariah. Oleh itu penyelidik mencadangkan agar definisi tersebut dikenalkan seperti berikut:

Pengaturan bersama adalah pengaturan yang mana dua atau lebih pihak mempunyai kawalan bersama.

### **8.9.2 Cadangan Pindaan**

Jadual 8.10 menjelaskan tentang beberapa cadangan pindaan kecil kepada MPSAS 37.

**Jadual 8.10 Pengaturan Bersama (MPSAS 37)**

KANDUNGAN	MPSAS 37 ( PENGATURAN BERSAMA )			RUJUKAN/ ALASAN
	PERENGGAN	CADANGAN	KETERANGAN	
Objektif	1 - 2	Kekal		
Skop	3 - 4	Kekal		
	5	Pinda	Piawaian ini terpakai kepada semua institusi baitulmal, zakat dan wakaf selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBEs).	
	6	Kekal		
Definisi	7 - 8	Kekal		
Pengaturan bersama	9 - 22	Kekal		
	23 - 28	Kekal		

Penyata Kewangan Pihak kepada Pengaturan Bersama	29	Tambah	Perlulah didedahkan item pengaturan bersama ini mengikut kumpulan wang yang bersesuaian seperti KW Wakaf, KW Zakat dan KW Baitulmal.	Didedahkan secara telus (Baydoun dan Willet (2000), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Seksyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) iaitu pengasingan setiap kumpulan wang.
Penyata Kewangan Berasingan	30 – 31 (Nombor perenggan baru)	Kekal		
Lampiran A – Garis panduan Aplikasi (AG)	AG1 – AG37	Kekal		
Contoh Ilustrasi (IE)	IE1-IE59	Kekal		

Berdasarkan Jadual 8.10 di atas, terdapat dua perkara yang dicadangkan untuk ditambah pada MPSAS 37 Pengaturan Bersama iaitu skop dan pendedahan. Pertama, pada bahagian skop di Perenggan 5, menyatakan bahawa Piawaian ini terpakai kepada semua “institusi baitulmal, wakaf, zakat, dan” dan bukannya “entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE)”.

Cadangan yang kedua ialah item pengaturan bersama perlulah didedahkan mengikut kumpulan wang yang bersesuaian seperti KW Baitulmal, KW Zakat dan KW Wakaf agar lebih telus. Cadangan ini konsisten dengan Abdul Rahim Abdul Rahman (2010), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Seksyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972).

Selain itu, penentuan jenis pengaturan bersama seperti yang di nyatakan pada Perenggan 19 hingga 22. Secara khususnya, Perenggan 20 MPSAS 37 menyatakan dalam menentukan jenis pengaturan bersama iaitu sama ada operasi bersama dan usaha sama, pertimbangan yang wajar perlu dilakukan terhadap hak dan kewajipan yang timbul daripada pengaturan ini. Ini termasuklah dari segi strukturnya dan bentuk undang-undang pengaturan, terma yang dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat

atau yang ditetapkan oleh badan perundangan atau eksekutif dan apa-apa fakta dan keadaan lain yang relevan seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Aplikasi 12 hingga 33. Tambahan pula, setelah diteliti contoh-contoh aplikasi yang dinyatakan dalam AG, didapati ianya boleh digunakan dalam konteks MAIN. Selain itu, contoh ilustrasi yang dilampirkan dalam MPSAS 37 juga boleh diguna pakai oleh MAIN sebagai rujukan dalam mengendalikan pengaturan bersama.

### **8.10 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain (MPSAS 38)**

Secara umumnya kajian ini mencadangkan MPSAS 38 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain boleh terima pakai oleh institusi BZW. Namun terdapat beberapa pindaan kecil yang dicadangkan sebagaimana yang ditunjukkan pada Jadual 8.11(a).

**Jadual 8.11(a) Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain (MPSAS 38)**

KANDUNGAN	MPSAS 38 (PENDEDAHAN KEPENTINGAN DALAM ENTITI LAIN)			SUMBER RUJUKAN
	PERENGGAN	CADANGAN	KETERANGAN	
Objektif	1	Dikekalkan		
Skop	2-4	Dikekalkan		
	5	Dipinda	Piawaian ini terpakai kepada semua entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE)-institusi baitulmal, zakat dan wakaf.	
	6	Dikeluarkan	Tidak relevan	
Definisi	7	Dikekalkan		
Pengaturan Mengikat	8	Dikekalkan		
Pendedahan Maklumat mengenai Kepentingan dalam Entiti Lain	9(a)	Dikekalkan		

	9(b)	Ditambah	Maklumat <b>berdasarkan kumpulan wang</b> mengenai kepentingannya dalam:	Didedahkan secara “Pendedahan Penuh” dan “Akauntabiliti Sosial” (Baydoun dan Willet, 2000), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Seksyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) iaitu pengasingan setiap kumpulan wang.
	10-11	Dikekalkan		
Pertimbangan dan Andaian Penting	12-14	Dikekalkan		
Status Entiti Pelaburan	15-16	Dikekalkan		
Kepentingan dalam Entiti Dikawal	17-19	Dikekalkan		
	20(a)(i)	Dikekalkan		
	20(a)(ii)	Dipinda	Jaminan atau keperluan lain yang boleh membatasi dividen dan pengagihan modal lain yang dibayar, atau <b>pinjaman pembiayaan</b> dan pendahuluan dibuat atau dibayar balik, kepada (atau daripada) entiti lain dalam lingkungan entiti ekonomi.	Pinjaman konvensional melibatkan riba. Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (Q.S Al-Baqarah 2: 275)
	20(b) dan (c)-26	Dikekalkan		
Kepentingan dalam Entiti Dikawal yang Tidak Disatukan (Entiti Pelaburan)	27-29	Dikekalkan		

	30(a)	Dipinda	Sifat dan sejauh mana sebarang batasan penting yang wujud daripada pengaturan mengikat (contohnya, disebabkan oleh pengaturan <b>pinjaman pembiayaan</b> , keperluan undang-undang atau pengaturan kontrak) atas keupayaan entiti yang tidak disatukan untuk memindahkan dana kepada entiti pelaburan dalam bentuk dividen tunai, atau pengagihan yang serupa, atau untuk membayar balik <b>pinjaman pembiayaan</b> atau pendahuluan yang dibuat kepada entiti terkawal yang tidak disatukan oleh entiti pelaburan.	Pinjaman konvensional melibatkan riba. Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (Q.S Al-Baqarah 2: 275)
	30(b)-34	Dikekalkan		
Kepentingan dalam Pengaturan Bersama dan Syarikat Bersekutu	35	Dikekalkan		
	36(a)	Dikekalkan		
	36(b)(i)	Ditambah	Sama ada pelaburan dalam usaha sama atau syarikat bersekutu diukur menggunakan kaedah ekuiti atau pada nilai saksama <b>atau pada nilai kos.</b>	
	36(b)(ii)	Dikekalkan		

	36(b)(iii)	Ditambah	Jika usaha sama atau syarikat bersekutu diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti <b>atau kaedah kos</b> , nilai saksama pelaburannya dalam usaha sama atau syarikat bersekutu, jika ada harga pasaran untuk pelaburan tersebut.	
	36(c)-39	Dikekalkan		
Kepentingan dalam Entiti Berstruktur yang tidak Disatukan	40-48	Dikekalkan		
Kepentingan Pemilikan yang Tidak Boleh Diukur	49-50	Dikekalkan		
Kawalan Kepentingan yang Diperolehi dengan Niat untuk Dilupuskan Kembali	51-57	Dikekalkan		

Berdasarkan Jadual 8.11(a) di atas, berikut adalah pindaan-pindaan yang dicadangkan terhadap MPSAS 38. Pertama, pada bahagian Skop di Perenggan 5, menyatakan bahawa piawaian ini terpakai kepada semua “institusi baitulmal, zakat dan wakaf” dan bukannya “entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE)”.

Kedua, mengeluarkan Perenggan 5 masih di bahagian Skop kerana tidak relevan terhadap institusi BZW.

Ketiga, di bahagian Pendedahan Maklumat mengenai Kepentingan dalam Entiti Lain Perenggan 9(b), ditambah perkataan “berdasarkan kumpulan wang” agar konsisten dengan prinsip-prinsip utama pendedahan maklumat perakaunan Islam iaitu “Pendedahan Penuh” dan “Akauntabiliti Sosial” seperti yang dinyatakan oleh Baydoun dan Willet (2000), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Seksyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972).

Keempat, di bahagian Kepentingan dalam Entiti Dikawal Perenggan 20(a)(ii), dipinda perkataan “pinjaman” dipinda kepada “pembiayaan” kerana pinjaman konvensional melibatkan riba yang diharamkan oleh Islam (QS Al-Baqarah 2: 275).

Kelima, di bahagian Kepentingan dalam Entiti Dikawal yang Tidak Disatukan (Entiti Pelaburan) Perenggan 30(a), perkataan “pinjaman” dipinda kepada “pembiayaan” atas sebab riba pinjaman konvensional yang diharamkan oleh Islam (QS Al-Baqarah 2: 275).

Keenam dan terakhir, pada Perenggan 36(b)(i) dan 36(b)(iii) di bahagian Kepentingan dalam Pengaturan Bersama dan Syarikat Bersekutu, ditambah perkataan “pada nilai kos” dan “kaedah kos” selain daripada nilai ekuiti dan nilai saksama kerana kebanyakan kepentingan MAIN dalam pengaturan dan entiti tersebut tidak mempunyai nilai pasaran, bersifat ringkas dan tidak kompleks. Bagi sesetengah MAIN, pengukuran selain “kaedah kos” akan melibatkan kos yang tidak wajar berbanding manfaat. Dengan lain perkataan, cadangan ini memberi sedikit kelonggaran kepada MAIN untuk memilih sama ada “kaedah kos, kaedah ekuiti atau pada nilai saksama” dalam membuat pengukuran dan seterusnya pendedahan terhadap kepentingan tersebut bergantung kepada sifatnya, kesesuaian operasi MAIN dan analisis kos berbanding manfaat. Sebagai tambahan, apa-apa kaedah pengukuran yang dipilih oleh MAIN perlulah dijelaskan dengan lebih lanjut dalam nota-nota kepada penyata kewangan bagi meningkatkan ketelusan.

Sebagai tambahan, terdapat beberapa pindaan kecil yang dicadangkan terhadap Garis Panduan Aplikasi MPSAS 38 sebagaimana yang ditunjukkan pada Jadual 8.11(b).

**Jadual 8.11(b) Panduan Aplikasi Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain (MPSAS 38)**

<b>MPSAS 38 (PENDEDAHAN KEPENTINGAN DALAM ENTITI LAIN)</b>		
<b>PERENGGAN</b>	<b>CADANGAN</b>	<b>KETERANGAN</b>
AG1	Dikekalkan	
AG2	Dikekalkan	
AG3	Dikekalkan	
AG4	Dikekalkan	
AG5	Dikekalkan	
AG6	Dikekalkan/ Dipinda	(a) Sifat aktiviti (misalnya, entiti penyelidikan dan pembangunan, entiti berkaitan <del>pensekuritian kad kredit pusingan</del> perladangan, teknologi maklumat, minyak dan gas)
AG7	Dikekalkan	
AG8	Dikekalkan/ Dipinda	Sebagai contoh, katakan entiti berstruktur memegang portfolio <del>pinjaman-pembentangan</del> kewangan. Entiti berstruktur mendapatkan pertukaran kegagalan kredit dari entiti lain (entiti pelapor) untuk melindungi dirinya daripada gagal membayar <del>faedah</del> keuntungan dan pokok <del>pinjaman-pembentangan</del> kewangan.
AG9	Dikekalkan	
AG10	Dikekalkan	
AG11	Dikekalkan	
AG12	Dikekalkan	
AG13	Dikekalkan/ Dipinda	(e) <del>Hasil faedah</del> Keuntungan pembentangan kewangan; (f) Perbelanjaan <del>faedah</del> pembentangan kewangan; dan
AG14	Dikekalkan	
AG15	Dikekalkan	
AG16	Dikekalkan	
AG17	Dikekalkan	
AG18	Dikekalkan/ Dipinda	(iv) Komitmen yang tidak diiktiraf untuk memberikan <del>pinjaman atau</del> sokongan kewangan <del>lain</del> kepada usaha sama.
AG19	Dikekalkan	
AG20	Dikekalkan	
AG21	Dikekalkan	
AG22	Dikekalkan	
AG23	Dikekalkan	
AG24	Dikekalkan	
AG25	Dikekalkan/ Dipinda	(g) Berkaitan dengan pembentangan entiti berstruktur yang tidak disatukan, bentuk pembentangan (contohnya, <del>kertas komersial atau</del> nota jangka sederhana atau nota belum bayar atau pembentangan kewangan jangka pendek) dan purata wajaran jangka hayat.

Berdasarkan Jadual 8.11(b) di atas, kebanyakan Garis Panduan Aplikasi MPSAS 38 boleh dikenakan kerana ia bersifat umum dan boleh dijadikan panduan oleh MAIN. Kajian ini hanya mencadangkan beberapa pindaan kecil terhadap Garis Panduan Aplikasi tersebut agar istilah item-item yang digunakan tidak melanggar syariah.

## **8.11 Kesimpulan**

Bab ini telah membincangkan cadangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan berkaitan BZW oleh MAIN. Selain itu, bab ini juga turut membincangkan cadangan bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama serta pengaturan bersama oleh MAIN. Cadangan-cadangan ini diketengahkan sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan yang memenuhi keperluan syariah dan perundungan sivil bagi institusi-institusi BZW di Malaysia. Antara piawaian yang dibincangkan adalah yang berkaitan dengan Penyata Kewangan Berasingan, Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan, Pendedahan Pihak Berkaitan, Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan, Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan, Penyata Kewangan Disatukan, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama, Pengaturan Bersama, dan Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain.

Antara perkara-perkara yang dibuat pindaan adalah berhubung dengan skop piawaian, tafsiran bagi istilah-istilah penting, penyeragaman penggunaan istilah, pendedahan maklumat di dalam penyata kewangan, dan penggunaan contoh urus niaga yang bersesuaian dengan operasi MAIN. Penyelidik telah mengekalkan mana-mana peruntukan di dalam MPSAS yang tidak bercanggah dengan keperluan syariah dan dibuat pindaan sekiranya perlu. Tetapi sekiranya terdapat keperluan syariah dan urus niaga atau aktiviti berkaitan MAIN tidak terdapat dalam MPSAS yang berkaitan, peruntukan mengenainya akan ditambah kepada MPSAS tersebut, jika perlu. Seterusnya, penyelidik meminda atau mengeluarkan mana-mana peruntukan dalam piawaian MPSAS yang bercanggah dengan keperluan syariah. Akhir sekali, mana-mana peruntukan dalam MPSAS yang tidak relevan dengan aktiviti institusi BZW akan dikeluarkan.

# **BAB SEMBILAN**

## **RUMUSAN, KEKANGAN KAJIAN DAN CADANGAN KAJIAN**

### **MASA DEPAN**

#### **9.1 Pengenalan**

Bab ini merupakan bab terakhir yang akan memberi rumusan tentang kajian ini. Pertama, bab ini akan merumuskan dapatan kajian berhubung dengan amalan semasa MAIN dalam pelaporan pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam penyata kewangan serta urus niaga unik, keperluan syariah serta pengukuhan kerangka kerja konseptual, batasan perundangan dalam pembentukan piawaian perakaunan bagi MAIN, serta cadangan kepada JANM dalam membangunkan piawaian perakaunan untuk elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain bagi institusi BZW di Malaysia. Ini diikuti dengan implikasi kajian,kekangan kajian dan cadangan kajian masa depan berhubung dengan pembangunan Piawaian Perakaunan Islam bagi institusi BZW di Malaysia.

#### **9.2 Dapatan Kajian**

Bahagian ini akan memberikan rumusan berhubung dengan amalan semasa pelaporan pendedahan maklumat dan peristiwa lain, keperluan syariah dan pengukuhan kerangka kerja perakaunan Islam, batasan perundangan dalam pembentukan piawaian perakaunan Islam, serta cadangan kepada pembentukan piawaian.

##### **9.2.1 Amalan Semasa Pelaporan Pendedahan**

Dalam kajian ini penyelidik telah meneliti amalan perakaunan MAIN berhubung dengan sembilan MPSAS yang berkaitan dengan pelaporan pendedahan dan peristiwa lain di lima MAIN di Zon 2. Daripada sembilan piawaian yang dikaji, hanya tiga daripadanya dilibatkan oleh semua MAIN yang dikaji. Piawaian-piawaian tersebut adalah MPSAS 34 Penyata Kewangan Berasingan, MPSAS 35 Penyata Kewangan Disatukan dan MPSAS 38 Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain. Dua piawaian iaitu MPSAS 22 Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan dan MPSAS 37 Pengaturan Bersama tidak dilibatkan oleh mana-mana MAIN kerana tidak

mempunyai transaksi berkaitan. Untuk lima lagi MPSAS, hanya beberapa MAIN yang membuat pendedahan berkaitan dengan peristiwa selepas tarikh pelaporan, pendedahan pihak berkaitan, pendedahan maklumat belanjawan dan pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama. Kajian mendapati pelaporan tentang pendedahan maklumat kewangan agak seragam untuk semua MAIN. Namun masih terdapat perbezaan tentang maklumat pendedahan untuk piawaian-piawaian yang dilibatkan.

Dari segi pemakaian set piawaian perakaunan, kajian mendapati hanya MAIK dan LZNK mula menggunakan pakai MPSAS pada tahun kewangan 2017, ada juga yang mula menggunakan pakai piawaian tertentu dalam MPSAS. LZNK walaupun menerima pakai MPSAS namun tahap kepatuhannya agak minimum. Tiga lagi MAIN masih menggunakan pakai MPERS dalam pelaporan kewangan. Penggunaan piawaian yang tidak sama ini, di tambah dengan masalah kurangnya panduan berhubung dengan perakaunan bagi urus niaga MAIN yang unik di dalam piawaian-piawaian tersebut menyebabkan amalan perakaunan dan pelaporan kewangan di kalangan MAIN menjadi tidak konsisten. Undang-undang yang ada, terutamanya Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri yang mempunyai peruntukan dan tahap penerangan yang berbeza (ada yang ringkas dan ada yang terperinci) juga menyebabkan ketidakselarasan amalan perakaunan di kalangan MAIN.

Bagi MPSAS 34 Penyata Kewangan Berasingan, semua MAIN menyediakan penyata kewangan berasingan kecuali LZNK yang tidak mempunyai anak syarikat. Dari segi pengiktirafan dividen, tiga MAIN mendedahkan maklumat tentang dividen yang diterima daripada anak syarikat dalam penyata kewangan manakala dua lagi MAIN tidak menerima dividen untuk tahun kewangan 2017. Kebanyakan MAIN mendedahkan tentang kaedah mengakaunkan kepentingan dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu. Semua MAIN mendedahkan senarai nama anak syarikat dan syarikat bersekutu serta operasi utama dan peratus kepentingan. Deskripsi tentang kaedah perakaunan untuk anak syarikat dan syarikat bersekutu juga didedahkan dengan baik oleh kebanyakan MAIN.

Hanya tiga MAIN mendedahkan maklumat berkaitan MPSAS 14 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan. MAIK telah mendedahkan lebih dari sepuluh peristiwa penting di dalam penyata kewangannya. MAIPP dan TBS mendedahkan maklumat tentang

projek pembangunan yang bernilai lebih RM20 juta. Maklumat ini didedahkan memandangkan ia adalah signifikan dan penting dalam operasi MAIN.

Bagi MPSAS 20 Pendedahan Pihak Berkaitan, hanya MAIK dan MAIPs mendedahkan maklumat pihak berkaitan. Maklumat yang dilaporkan ialah ganjaran agregat kakitangan pengurusan utama dan bilangan individu yang menerima imbuhan dalam kategori ini. Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk pengurusan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Majlis sama ada secara langsung atau tidak langsung. LZNK walaupun mempunyai peruntukan khusus berkaitan dengan penzahiran pihak kepentingan di dalam enakmennya sendiri, tetapi ia tidak didedahkan.

Manakala untuk MPSAS 24 Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan, hanya MAIK menyediakan maklumat ini di dalam penyata kewangan. MAIK menyediakan maklumat perbandingan antara amaun bajet dan amaun sebenar. Manakala di dalam nota kepada akaun, didedahkan maklumat berhubung perbezaan asas, perbezaan pemasaan, perbezaan entiti dan amaun sebenar dalam penyata aliran tunai.

Seterusnya untuk MPSAS 35 Penyata Kewangan Disatukan, semua MAIN menyediakan penyata kewangan disatukan kecuali LZNK yang tidak mempunyai entiti yang dikawal. Namun begitu, perincian pendedahan adalah berbeza antara MAIN. Dari segi asas dan tatacara penggabungan, pendedahan antara MAIN adalah seragam. Namun dari segi pendedahan tentang kaedah penggabungan, hanya MAIK dan MAIPs yang menyediakan maklumat ini.

Untuk MPSAS 36 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama, hanya TBS memiliki syarikat bersekutu. TBS mengukur nilai pelaburan dalam syarikat bersekutu pada kos. Akhir sekali untuk MPSAS 38 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain, semua MAIN mendedahkan maklumat seperti kos pelaburan, nama syarikat subsidiari dan bersekutu, peratus pegangan ekuiti, kumpulan wang dan aktiviti utama di dalam nota kepada akaun.

### **9.2.2 Keperluan Syariah dan Kerangka Kerja Perakaunan Islam (KKPI)**

Berdasarkan dapatan kajian, KKPI yang telah dibangunkan pada kajian di Fasa 1, 2 dan 3 boleh dijadikan asas untuk membangunkan KKPI pada kajian di Fasa 4. Dalam fasa ini, terdapat beberapa cadangan yang diutarakan oleh para pakar yang dirunding untuk mengukuhkan KKPI tersebut bersesuaian dengan konteks kajian Fasa 4. Di samping itu, pengukuhan tersebut adalah penting agar KKPI boleh menjadi panduan kepada pembangunan PPI (Piawaian Perakaunan Islam), dan amalan perakaunan dan pelaporan kewangan yang patuh syariah. Penambahbaikan yang telah dilakukan terhadap KKPI adalah konsisten dengan keperluan syariah yang berlandaskan Al-Quran, Hadis, Qiyas dan Ijmak Ulamak.

Pengukuhan yang telah dibuat adalah seperti berikut. Kajian pada Fasa 4 membuat penambahbaikan yang telah dibuat terhadap Tahap Ketiga KKPI yang menyentuh secara spesifik isu pendedahan maklumat kewangan. Terdapat enam aspek keperluan pendedahan maklumat kewangan yang dicadangkan oleh kajian ini iaitu Penyataan Pematuhan Syariah, Tanggungjawab Main Terhadap Baitulmal, Zakat Dan Wakaf, Peranan Ahli Majlis/Penashihat Syariah MAIN, Akauntabiliti Sosial, Pendedahan Penuh dan Berguna dalam Membuat Keputusan. Keperluan ini dicadangkan untuk didedahkan di dalam Nota kepada Penyata Kewangan di bahagian Maklumat Am.

### **9.2.3 Batasan Perundangan**

Perlembagaan Persekutuan Malaysia memperuntukkan kuasa kepada negeri-negeri atau persekutuan ke atas hasil Agama Islam mengikut mana yang sesuai. Dengan kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan, setiap negeri mempunyai Enakmen Pentadbiran Agama Islam masing-masing (atau dikenali sebagai Ordinan di Sarawak dan Enakmen Lembaga Zakat di Kedah) yang memperuntukkan peraturan bagi pengurusan dan pentadbiran MAIN, termasuk hal-hal berkaitan wakaf, zakat dan lain-lain sumber yang semuanya ini dikenali sebagai baitulmal. Di negeri Perak, pengurusan wakaf adalah tertakluk di bawah Enakmen Wakaf (Perak). Dari segi penyediaan laporan kewangan, enakmen-enakmen tersebut merujuk dan menggunakan Akta Badan Berkanun (Akta 240, Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 dalam hal berkaitan penyediaan penyata kewangan, kecuali Ordinan Majlis Islam Sarawak,

Enakmen Wakaf Perak dan Enakmen Zakat Negeri Kedah yang mempunyai peruntukan tersendiri dalam perundangan mereka.

Secara amnya kesemua Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri dan Ordinan (Zon 2) memperuntukkan perkara yang sama iaitu berkenaan penubuhan baitulmal, kumpulan wang dan perbelanjaan daripada kumpulan wang berkenaan, akaun dan laporan tahunan MAIN. Umpamanya kesemua Enakmen Pentadbiran negeri-negeri dan Ordinan tersebut menyatakan bahawa baitulmal adalah dirujuk sebagai Kumpulan Wang dan bukan sebagai sebuah institusi. Namun begitu masih terdapat ketidakseragaman dan percanggahan antara enakmen dan ordinan berkenaan. Sebagai contoh, Enakmen Wakaf (Perak) 2015 menyatakan bahawa akaun wang atas wakaf dan akaun wang manfaat hendaklah diwujudkan secara berasingan tetapi tiada peruntukan mengenai harta dan wang wakaf boleh dijual dan seumpamanya tetapi mawquf tidak boleh menjadi sebahagian daripada baitulmal dan Majlis boleh mengarahkan supaya harta itu dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Wakaf sebagai wakaf am [S35(1)-(2)]. Peruntukan ini bertentangan dengan Seksyen 70(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004 (Pindaan 2012) yang menyatakan bahawa wang baitulmal terdiri daripada semua jenis wang yang menepati hukum syarak.

Melalui kuasa yang diberikan kepada MAIN, Majlis setiap MAIN boleh menubuhkan perbadanan untuk melaksanakan aktiviti khusus atau operasi yang memberi manfaat kepada umat Islam. Terdapat peruntukan yang hampir sama di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam di Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dari segi kuasa menubuhkan perbadanan. Oleh yang demikian pemakaian MPSAS 22 berkaitan dengan Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan adalah selari dan boleh diterima pakai. Dari segi penubuhan syarikat, Enakmen Pentadbiran Agama Islam juga memberi kuasa kepada Majlis untuk menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965. Di bawah Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001, Majlis boleh memegang kepentingan, syer dan sekuriti di mana-mana syarikat, menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan yang bersesuaian atau membuat pelaburan. Dalam kajian ini, semua MAIN di Zon 2 mempunyai anak syarikat dengan kepentingan 100%.

Enakmen dan Ordinan MAIN di Zon 2 mempunyai peruntukan berkaitan dengan keperluan membuat anggaran pendapatan dan perbelanjaan untuk setiap tahun

kewangan. Tarikh kelulusan belanjawan untuk semua MAIN kecuali LZNK hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya sebelum 31 Oktober. Dari segi penzahiran kepentingan di dalam penyata kewangan, didapati hanya Enakmen LZNK sahaja yang mempunyai peruntukan yang khusus berkaitan dengan penzahiran kepentingan ini.

#### **9.2.4 Cadangan maklumat pendedahan**

Kajian ini telah memberikan cadangan yang terperinci kepada kesemua sembilan piawaian yang berkaitan dengan pelaporan pendedahan maklumat kewangan dan peristiwa lain. Cadangan-cadangan ini telah dibuat dengan mengambil kira (i) amalan semasa pendedahan maklumat kewangan dan peristiwa lain di kelima-lima MAIN Zon 2 serta (ii) konteks dan “*nature*” operasi/aktiviti MAIN yang berbeza atau unik berbanding dengan institusi atau organisasi yang berorientasikan keuntungan atau organisasi sektor awam yang lain.

Secara umumnya, kajian ini mencadangkan perkara-perkara berikut:

- (1) Menerima pakai MPSAS berkaitan seperti MPSAS 34, MPSAS 14, MPSAS 20, MPSAS 22, MPSAS 35, MPSAS 37 dan MPSAS 38 dengan beberapa cadangan pindaan kecil bersesuaian dengan operasi MAIN. Banyak perenggan yang dikeluarkan kerana tidak berkaitan dengan operasi main seperti cukai, entiti pelaburan, hak mengundi dan saham. Tajuk-tajuk MPSAS tersebut juga harus dikekalkan.
- (2) Memberi pilihan kepada institusi BZW untuk menerima pakai MPSAS 24. Bagi yang memilih untuk mendedahkan maklumat belanjawan, maka peruntukan di dalam MPSAS 24 hendaklah diikuti. Pendedahan maklumat belanjawan perlu dibuat mengikut kumpulan wang.
- (3) Menambahbaik MPSAS 36 dari segi objektif, kaedah pengukuran dan pendedahan. Kajian ini ingin mencadangkan agar diberi pilihan kepada MAIN untuk memilih sama ada model kos, kaedah ekuiti atau model nilai saksama kerana bersesuaian dengan operasi MAIN yang lebih menjurus ke arah mengurus dan memegang amanah harta umat Islam yang merangkumi harta baitulmal, wakaf dan zakat.

- (4) Untuk MPSAS 20, penyelidik mencadangkan supaya piawaian tersebut dibuat sedikit pindaan bagi mematuhi kehendak syariah. Isu yang memerlukan pengubahsuaian adalah definisi ahli keluarga terdekat.
- (5) Menyeragamkan dan menyesuaikan penggunaan istilah dalam piawaian yang akan dibentuk bersesuaian dengan operasi MAIN.

### **9.3 Implikasi Kajian**

Perbincangan implikasi kajian boleh dibahagikan kepada dua, iaitu implikasi ke atas teori dan implikasi ke atas praktis.

#### **9.3.1 Implikasi ke atas Teori**

Terdapat beberapa implikasi dari sudut teoretikal yang dikenal pasti dalam kajian ini. Pertama, kajian ini menyediakan lebih banyak bukti empirikal tentang amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan yang berkaitan dengan pelaporan pendedahan maklumat kewangan dan peristiwa lain dalam kalangan institusi-institusi BZW yang dikaji. Kedua, kajian ini menyediakan pengetahuan tambahan terhadap literatur sedia ada mengenai penambahbaikan yang dibuat terhadap KKPI setelah mengambil kira keperluan syariah iaitu yang berlandaskan Al-Quran, Hadis, Qiyyas dan Ijma' Ulamak. Ketiga, dapatan kajian mengenai batasan undang-undang syariah dan sivil yang boleh mempengaruhi amalan perakaunan institusi-institusi BZW dan pembangunan PPI memberi maklumat tambahan terhadap isu-isu penting yang perlu diambil kira.

Keempat, penanambahbaikan ke atas MPSAS sedia ada dicadangkan untuk membentuk piawaian perakaunan yang patuh syariah dan boleh diterima pakai oleh institusi-institusi BZW kelak. Kelima, penggunaan nas-nas yang terdapat dalam Al-Quran dan Hadis berkaitan dengan pendedahan maklumat kewangan dalam kajian ini memberi perspektif baru dalam memahami amalan perakaunan dan pelaporan kewangan dalam kalangan institusi yang berkaitan Islam. Ini berbeza dengan kajian-kajian lepas dalam konteks entiti berdasarkan keuntungan kerana mereka sering didasari dengan teori-teori ciptaan manusia seperti teori agensi, teori legitimasi dan teori pemegang taruh.

Selain itu, memandangkan penyelidikan empirikal berkaitan perakaunan dan pelaporan kewangan dalam kalangan institusi-institusi BZW masih baru dan kurang, penemuan-penemuan kajian ini diharap boleh menimbulkan minat dan membuka jalan kepada para penyelidik lain untuk mengkaji isu-isu yang sama atau berkaitan dengan lebih mendalam. Antaranya adalah seperti pengurusan wang zakat, pemilikan harta wakaf, etika perakaunan Islam, penjanaan hasil aset baitulmal dan lain-lain lagi.

### **9.3.2 Implikasi ke atas Praktis**

Berdasarkan ilmu daripada kitab suci Al Quran dan Sunnah, serta rujukan kepada rangka kerja konseptual pelaporan kewangan konvensional, kajian ini menyediakan satu kerangka kerja konseptual perakaunan dari perspektif Islam sebagai panduan kepada MAIN di dalam penyediaan penyata kewangan institusi mereka, khususnya berkaitan dengan pendedahan maklumat kewangan dan peristiwa lain. Selama ini tidak ada set piawaian berteraskan Islam yang tersedia yang boleh dijadikan panduan kepada MAIN di dalam menyediakan laporan kewangan tahunan mereka.

Set piawaian semasa yang digunakan oleh MAIN merupakan piawaian yang dibentuk khusus untuk perniagaan dan sektor kerajaan. Piawaian ini dibina berdasarkan kepada kerangka kerja konseptual konvensional yang tidak berlandaskan syariah. Oleh kerana ia dibina berdasarkan keperluan perakaunan konvensional, terdapat peruntukan di dalamnya yang tidak sesuai atau tidak selari dengan aktiviti institusi BZW. Sehingga kini belum ada satu piawaian berdasarkan syariah yang lengkap yang boleh dijadikan panduan kepada MAIN. Oleh yang demikian, adalah diharapkan piawaian yang dihasilkan daripada projek penyelidikan ini dapat membantu institusi BZW dengan menyediakan satu garis panduan umum yang seragam dan boleh diterima oleh kesemua MAIN. Kewujudan piawaian yang seragam membolehkan laporan kewangan kesemua MAIN memberi gambaran yang lebih realistik tentang kedudukan kewangan dan prestasi MAIN dan seterusnya boleh dibuat perbandingan di antara satu sama lain. Walau bagaimanapun penyelidik memahami mengenai bidang kuasa MAIN yang terletak di negeri masing-masing. Piawaian yang dicadangkan ini bertujuan menyediakan garis panduan umum kepada MAIN, sekiranya terdapat mana-mana cadangan yang dikemukakan tidak bersesuaian (contoh: amalan berkaitan fatwa

tertentu), penyelidik menyarankan agar perkara tersebut di nyatakan di dalam nota kepada akaun.

Hasil kajian ini juga dapat membantu pihak MAIN dalam membuat pendedahan maklumat kewangan dan peristiwa lain untuk transaksi tertentu. Definisi item-item tersebut bersandarkan kepada peruntukan di dalam MPSAS tetapi mengambil kira keperluan perundangan syariah yang mungkin berbeza dengan amalan perakaunan konvensional.

#### **9.4 Kekangan Kajian**

Terdapat beberapa kekangan dan limitasi dalam menjalankan kajian ini. Pertama, kajian ini hanya dilakukan ke atas lima buah MAIN iaitu Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAIPP), Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) dan Tabung Baitulmal Sarawak serta Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) yang terletak di Zon 2. Walau bagaimanapun, perlu diambil maklum bahawa terdapat organisasi lain yang telah diberi mandat atau kuasa oleh MAIN sebagai ejen atau anak syarikat di bawah MAIN, antara lain untuk mengutip dan mengagih zakat. Sebagai contoh di negeri Pulau Pinang, tugas mengutip dan mengagihkan zakat dilakukan oleh As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd., iaitu anak syarikat (subsidiari) di bawah MAIPP. Syarikat ini dan semua subsidiari bagi kesemua MAIN tidak liputi oleh kajian ini. Ini adalah kerana syarikat-syarikat ini adalah tertakluk di bawah Akta Syarikat 1965 (Pindaan 2016) dan oleh itu harus menggunakan piawaian yang dikeluarkan oleh MASB. Selain itu, ejen-ejen kutipan zakat lain seperti Universiti Utara Malaysia yang dilantik oleh LZNK untuk membantu dalam mengutip dan mengagih zakat kepada para pelajarnya juga bukan merupakan subjek kajian ini.

Kedua, hanya MPSAS yang dikeluarkan oleh JANM digunakan sebagai asas untuk membincangkan batasan di antara amalan semasa perakaunan dan pelaporan di MAIN. Antara MPSAS yang terlibat adalah MPSAS 34, MPSAS 14, MPSAS 20, MPSAS 22, MPSAS 24, MPSAS 35, MPSAS 36, MPSAS 37 dan MPSAS 38. Bagi menghuraikan batasan-batasan berkenaan, kajian ini tidak merujuk secara khusus dan terperinci kepada piawaian, garis panduan atau amalan terbaik perakaunan dan

pelaporan untuk jenis organisasi yang lain seperti Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS) dan Malaysian Financial Reporting Standard (MFRS).

Ketiga, kajian hanya tertumpu ke atas item-item pendedahan maklumat kewangan dan peristiwa lain yang dilaporkan di dalam penyata kewangan MAIN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 dan 2017. Maka, urus niaga yang berlaku pada tahun sebelum atau selepasnya tidak diteliti dalam menentukan dan membincangkan amalan semasa MAIN. Keempat, sumber rujukan utama bagi mendapatkan maklumat tentang item-item pendedahan hanya tertumpu kepada Laporan Tahunan MAIN yang telah diaudit, dan melalui temu bual. Terdapat sebuah MAIN yang tidak membenarkan penyelidik mendapatkan salinan laporan tahunan (hanya diberikan ketika sesi temu bual) dan perkara ini amat menyulitkan penyelidik ketika menganalisis dan membuat laporan penyelidikan. Sumber-sumber rujukan lain seperti laman sesawang MAIN dan bahan cetakan yang lain tidak dikaji untuk mendapatkan maklumat perakaunan. Namun, ia digunakan untuk mendapat maklumat lain supaya penyelidik dapat memahami dengan lebih jelas peranan dan operasi MAIN.

Kelima, semakan dan penelitian ke atas Enakmen dan Ordinan hanya dibuat ke atas negeri yang terlibat sahaja iaitu di negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak. Sebarang peruntukan yang terdapat di dalam enakmen di negeri-negeri lain yang mungkin tidak selari dengan peruntukan di dalam enakmen negeri-negeri Zon 2 tidak dibincangkan dalam kajian ini. Selain itu, kajian ini juga mendapat tidak semua negeri ini mempunyai enakmen khusus berkaitan BZW. Sebagai contoh, di Negeri Perak terdapat Enakmen Wakaf 2015 yang menggariskan panduan lengkap berkaitan pengurusan wakaf di negeri terbabit yang tidak terdapat di negeri-negeri lain. Ini juga menyumbang kepada limitasi kajian.

Akhir sekali, kajian ini hanya menemu bual wakil pihak pengurusan MAIN, penyedia penyata kewangan dan pakar syariah dan perakaunan sahaja. Kajian ini tidak menemu bual dan mengambil kira pandangan pemegang taruh lain seperti penggubal polisi, serta penyumbang baitulmal, zakat dan wakaf.

## **9.5 Cadangan Kajian Masa Depan**

Untuk kajian akan datang, penyelidik mencadangkan beberapa langkah bagi membantu mengukuhkan dan menambahbaik kajian dalam topik ini. Kajian Fasa 4 ini merupakan fasa terakhir dalam projek pembangunan piawaian perakaunan Islam bagi MAIN. Untuk mendapatkan gambaran keseluruhan pelaporan kewangan untuk MAIN maka satu rumusan komprehensif perlu dibuat dari Fasa 1 hingga Fasa 4 untuk mendapatkan cadangan satu set piawaian lengkap untuk MAIN.

Selain daripada itu, tadbir urus MAIN juga merupakan salah satu perkara yang perlu diberikan perhatian. Oleh itu, kajian pada masa hadapan juga harus memberi tumpuan kepada perkara ini demi menjamin ketelusan, kecekapan dan akauntabiliti yang lebih tinggi di kalangan MAIN di Malaysia, di mana MAIN memainkan peranan penting dalam mengurus harta orang Islam.

Dalam pembentukan kerangka kerja konseptual, kajian ini turut mencadangkan agar tanggungjawab sosial dan alam sekitar perlu diberikan perhatian. Ini kerana sebagai sebuah institusi yang menguruskan dana kewangan Islam, isu-isu sosial masyarakat Islam dan alam sekitar perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh MAIN. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan agar kajian yang mendalam perlu dijalankan ke atas pelaporan sosial dan alam sekitar yang diamalkan oleh MAIN.

Kajian ini juga mencadangkan agar penyelidik turut melibatkan pelbagai pihak berkepentingan yang lain seperti penyumbang dan penerima manfaat baitulmal, zakat dan wakaf, penggubal dasar dan pihak berkuasa yang terlibat secara langsung dengan institusi wakaf sebagai responden kajian, agar penyelidik lebih memahami kehendak dan kebergunaan maklumat mengenai MAIN kepada mereka. Input dan pandangan daripada badan berkepentingan seperti Yayasan Wakaf Malaysia, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) serta lain-lain dilihat mampu memantapkan pembangunan piawaian perakaunan Islam ini.

Seterusnya, kajian ini mencadangkan agar keberkesanan penggunaan MPERS oleh MAIN dalam mengakaunkan transaksi BZW. MPERS adalah piawaian perakaunan untuk syarikat persendirian yang memiliki saiz perniagaan yang lebih kurang sama

dengan MAIN berbanding MPSAS yang lebih sesuai untuk organisasi bersaiz besar. Akhir sekali, kajian ini juga mencadangkan agar penyata kewangan tahun terkini rujuk mendapatkan gambaran terkini amalan perakaunan MAIN.

## RUJUKAN

- AAOIFI (2019). *Statement of Financial Accounting No. 1 on Conceptual Framework for Financial Reporting by Islamic Financial Institutions*. [Online] Diakses melalui :<http://aoofi.com/media/document/1.1Conceptual%20Framework.pdf>
- Abdul Rahim, A. R. (2010). *An introduction to Islamic accounting theory and practice*. Kuala Lumpur: Centre for Research and Training, CERT Publication.
- Abdullah Abdul Ghani, Rohami Shafie, Md. Suhami Md. Saleh, Faisol Elham, Zaleha Othman, Nasri Naiimi, Fathilatul Zakimi Hamid & Sharofi Ismail., (2018). *Perakaunan dan pelaporan kewangan Islam bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia Fasa 2, Zon 2*. Putrajaya: Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
- Abdullah Ibrahim, Mohd Rizuan Abdul Kadir & Abdul Aziz Abdullah., (2013). Perception of accounting practitioners on MASB TRi. *International Journal of Humanities and Social Science*, 3(2), pp.1-7.
- Abdul Rahman, A.R., Bakar, M.D., Ismail, Y. (1999). *Current Practices and Administration of Waqf in Malaysia: A Preliminary Study*. A Waqf Report, Universiti Teknologi MARA.
- Abdul Rahman, A.R. & Goddard, A., (2003). Accountability verstehen: A study of accounting in state religious councils in Malaysia. School of Management, University of Southampton.
- Anna Che Azmi & Mohamed Hisham Hanifa., 2015. The Sharia compliance of financial reporting practices: a case study on waqf. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 6(1), pp. 55 - 72 .
- Askary, S., & Clarke, F. (1997). Accounting in the Koranic verses. In *Accounting, Commerce and Finance: the Islamic Perspective International Conference, University of Western Sydney, Macarthur* (pp. 56-102).
- Asri Marsidi, Hairul Azlan Annuar, dan Abdul Rahim Abdul Rahman (2017). Disclosures and perceptions of practitioners on items of financial and social reporting index developed for Malaysian Islamic banks, *International Journal of Business and Society*, 18(3), 563-578.
- Bandsuch, M., Pate, L., & Thies, J. (2008). Rebuilding Stakeholder Trust in Business: An Examination of Principle-Centered Leadership and Organizational Transparency in Corporate Governance. *Business and Society Review*, 113, 99-127.
- Baydoun, N. & Willett, R., (1997). Islam and accounting : ethical issues in the presentation of financial information, accounting and finance. *The Islamic Perspective*, 1(1), pp. 1-25.
- Baydoun, N., & Willett, R. (2000). *Islamic corporate reports*, Abacus, 36(1), 71-91.

- Bhasin, M. L. (2010). Dharma, Corporate Governance and Transparency: An Overview of the Asian Markets. *International Journal of Business and Management*, 5(6), 56-73.
- Bushman, R. M., Piotroski, J. D., & Smith, A. J. (2004). What determines corporate transparency? *Journal of accounting research*, 42(2), 207-252.
- Chapra, M. U., 2000. Why has Islam prohibited interest? Rationale behind the prohibition of interest. *Review of Islamic Economics*, Volume 9, pp. 5-20.
- Chen, W. P., Chung, H., Lee, C. and Liao, W. L. (2007), Corporate Governance and Equity Liquidity: analysis of S&P transparency and disclosure rankings. *Corporate Governance: An International Review*, 15: 644–660.
- Dahlifah, D., Triyuwono, I., Mulawaran, A. D., dan Roekhudin, R. (2018), Sharia Compliance Report Disclosure in Islamic Accounting Based Dakwah Transparency. *Advances in Economics, Business and Management Research*, 73, 165-168.
- Dalila Daud, Rashidah Abdul Rahman, & Zaluddin Sulaiman. (2011). Waqf reporting to fulfil stakeholder attribution in Waqf Islamic Councils. *Business Management Quarterly Review*, 2(1), 38-53.
- Engku Ismail Engku Ali. (2016). *Introduction to public sector financial management in Malaysia (A constitutional framework)*. 4th ed. Sintok: UUM Press.
- Engku Ismail Engku Ali. (2019). *Introduction to public sector financial management Evidence from the Italian stock market*. *Journal of International Accounting, Auditing and Taxation*, 23(1), 1-17.
- Godfrey, J., Hodgson, A., Tarca, A., Hamilton, J., & Holme, S. (2010). *Accounting Theory (7th ed.)*. John Wiley & Sons Australia.
- Haniffa, R. (2002). Social Reporting Disclosure-An Islamic Perspective. *Indonesian Management & Accounting Research* Vol.1 No.2, pp.128-146
- Hidayatul Ihsan & Shahul Hameed Mohamed Ibrahim., (2011). WAQF accounting and management in Indonesian WAQF institutions: The cases of two WAQF foundations. *Humanomics* , 27(4), pp. 252-269 .
- Hamizul Abdul Hamid. (2013). *Percakaian: Perspektif Islam* . Kuala Lumpur, Persidangan Zakat dan Cukai Kebangsaan.
- IASB. (2018). *Conceptual framework for financial reporting*. [Online] diakses melalui: <https://www.iasplus.com/en/standards/other/framework> [Diakses pada 10 Mei, 2018].
- IPSASB. (2014). *Conceptual Framework for General Purpose Financial Reporting by Public Sector Entities*. [Online] diakses melalui: <https://www.ifac.org/system/files/publications/Files/IPSASB-Public-SectorConceptual-Framework.pdf>

JAWHAR (2009). Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf (JAWHAR),2009. Percetakan Nasional Malaysia Berhad. Kuala Lumpur.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), (2018). Relevansi MPSAS kepada Badan Berkanun dan PBT, diakses melalui [http://www.anm.gov.my/images/SAGA/2.Sesi\\_2\\_Relevansi](http://www.anm.gov.my/images/SAGA/2.Sesi_2_Relevansi)

KITAB. (2020). Profil KITAB. [Online] diakses melalui:

<http://kitab.edu.my/mengenai-kitab-2/> [Diakses pada 23 Mac 2020]

Khoramin, M. (2012). The conceptual framework of Islamic Accounting Academic *Journal of Accounting and Economic Researches*, 1(1), 21-30.

Ku Nor Izah Ku Ismail, Chek Derashid, Fathiyyah Abu Bakar, Norfaiezah Sawandi, Muhammad Syahir Abdul Wahab & Suhaimi Ishak., (2018). Perakaunan bagi Pendapatan dan Agihan Zakat Kajian ke atas Institusi Zakat di Utara Malaysia. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, Volume 8, pp. 49-72.

Ku Nor Izah Ku Ismail, Fathiyyah Abu Bakar, Chek Derashid, Norfaiezah Sawandi, Suhaimi Ishak & Muhammad Syahir Abdul Wahab., (2019). *Perakaunan dan pelaporan kewangan Islam bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia Fasa 3, Zon 2*. Putrajaya: Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

KUIPs. (2020). Profil KUIPs. [Online] diakses melalui:

[https://kuips.edu.my/v4/profil-kuips-sejarah/\\_profil](https://kuips.edu.my/v4/profil-kuips-sejarah/_profil) Mac 2020 [Diakses pada 23 Mac 2020]

Kuwait Finance House Bahrain (2018). Annual report. [Online] diakses melalui: <https://www.kfh.bh/bahrain/reports/bahrain/Annual-Reports/Annual-Report-2018.pdf>.

LZNK. (2020). Lembaga Zakat Negeri Kedah Sejarah Penubuhan. [Online] diakses melalui: <http://www.zakatkedah.com.my/profil-lznk/> [Diakses pada 10 Februari 2020]

Lewis, M. K. (2001, June). Islam and accounting. In *Accounting Forum* (Vol. 25, No. 2, pp. 103-127). Blackwell Publishers Ltd.

MAIK. (2019). *Latar Belakang Majlis Agama Islam Negeri Kedah*. [Online] diakses melalui: <http://www.maik.gov.my/ms/Page?type=zByNQuF9FYw=&pid=+gvi5KZFQq> [Diakses pada 30 Disember 2019].

MAINPP. (2019). *Sejarah Penubuhan*. [Online] diakses melalui: <http://www.mainpp.gov.my/index.php/info-mainpp/sejarah-penubuhan> [Diakses pada 30 Disember 2019].

- MAIPk. (2019). *Sejarah Penubuhan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak*. [Online] diakses melalui: <http://www.maiamp.gov.my/maiamp2/index.php/korporat/sejarah-maipk.html> [Diakses pada 27 Disember 2019].
- MAIPs. (2019). *Latar Belakang MAIPs*. [Online] <http://www.maips.gov.my/index.php/mengenai-maips/latar-belakang> [Diakses pada 27 Disember 2019].
- MASB Standing Committee. (2014). *Review of BNM Shariah Policy Documents from a Financial Reporting Perspective*. Dikases melalui: [Online] [http://www.masb.org.my/pdf.php?pdf=Review%20of%20BNM%20PDs\\_A5\\_3oct\\_v2.pdf&file\\_path=pdf\\_file](http://www.masb.org.my/pdf.php?pdf=Review%20of%20BNM%20PDs_A5_3oct_v2.pdf&file_path=pdf_file) [Diakses pada 3 November 2019].
- Maznah Zakaria, Mohamat Sabri Hassan, dan Radziah Abdul Latiff., (2014). *Pelaporan wakaf di Malaysia: mengenal pasti keperluan maklumat pemegang kepentingan*. s.l., PROSIDING PERKEM ke-9.
- Muhamad Sori, Z. (2017). Accounting conceptual frameworks: Masb vs. Aaoifi. *Aaoifi (January 01, 2017)*.
- Md. Zain, J. (2006) *Pembangunan tanah wakaf Majlis Agama Negeri Melaka*. Tesis Master, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nor Bazirah Abu Bakar., (2007). A zakat accounting standard (ZAS) for Malaysian companies. *American Journal of Islamic Social Sciences* 24, Volume 4, p. 74.
- Nori Yani Abu Talib, Radziah Abdul Latiff, Aini Aman & Mohd Rizal Palil., (2018). An exploratory study of accounting and reporting practice for waqf among State Islamic Religious Councils in Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*, 13, 90-104.
- Palea, V. (2014). Are IFRS value-relevant for separate financial statements? Evidence from the Italian stock market. *Journal of International Accounting, Auditing and Taxation*, 23(1), 1-17.
- PKEINPK. (2020). Latar Belakang PKEINPK. [Online] diakses melalui: <http://www.pkeinp.com/index.php/mengenai-pkeinp> [Diakses pada 23 Mac 2020]
- PPZ-MAIWP. (2009). Laporan Zakat 2009. [Online] diakses melalui: <https://drive.google.com/file/d/0B-wyX-tUEYJlcUZzT1YxblhnWWs/view> [Diakses pada 20 Februari 2020].
- Rohila Awang & Mohd Zulkifli Mokhtar., (2011). Technical Comparison Between Business Zakat and Tax on Business Income in Malaysia. *Malaysian Accounting Review*, 10(2), pp. 13-25.
- Shohahussurur, S (2010). Proses Pengambilan Keputusan Dalam Perspektif Ibnu Taimiyyah. *Jurnal Tsaqafah*, 6(1), 67.

TBS. (2019). Tabung Baitulmal Sarawak Latar Belakang. [Online] diakses melalui:  
<https://www.tbs.org.my/www/?page=5> [Diakses pada 27 Disember 2019]

The Holy Quran: *Text, translation and commentary by A. Yusuf Ali* (Khalik Al-Rawaf. 1968; Beirut.

ZPP, (2019). Zakat Pulau Pinang, Sejarah Penubuhan As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd [Online] diakes melalui:  
<https://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/info-zpp/sejarah-penubuhan> [Diakses pada 27 Disember 2019]

## **SENARAI AKTA/ENAKMEN/ORDINAN**

- Akta Badan Berkanun 1980 (Akta 240)
- Akta Tatacara Kewangan 1957 (Disemak 1972)
- Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004
- Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam ( Kedah Darul Aman) 2008
- Enakmen Wakaf 2015
- MPSAS 14 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
- MPSAS 20 Pendedahan Pihak Berkaitan
- MPSAS 22 Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan
- MPSAS 24 Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan
- MPSAS 34 Penyata Kewangan Berasingan
- MPSAS 35 Penyata Kewangan Disatukan
- MPSAS 36 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu & Usaha Sama
- MPSAS 37 Pengaturan Bersama
- MPSAS 38 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain
- Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009)
- Undang-Undang Zakat dan Fitrah 1966 (Pindaan 1970)

## **LAMPIRAN**

### **LAMPIRAN 4.1: SENARAI SOALAN TEMU BUAL**

#### **MPSAS 14 PERISTIWA SELEPAS TARikh PELAPORAN**

- (a) Adakah terdapat peristiwa penting yang dilaporkan selepas tarikh kewangan?
- (b) Bilakah tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diisu?
- (c) Bagaimana MAIN menentukan peristiwa penting untuk dilaporkan dalam penyata kewangan? Adakah berdasarkan amaun yang dilibatkan atau jenis peristiwa?
- (d) Bolehkan pihak MAIN terangkan dengan terperinci setiap peristiwa yang dilaporkan dalam penyata kewangan?

#### **MPSAS 20 PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN**

- (a) Adakah Penyata Kewangan anda membuat Pendedahan Pihak Berkaitan dibuat?
- (b) Jika ya, penyata kewangan tahun manakah yang terlibat, dan setakat mana pendedahan itu dibuat?
- (c) Jika tidak, kenapa ia tidak didedahkan?
- (d) Apakah terdapat isu tentang pemakaian MPSAS 20?

#### **MPSAS 22 PENDEDAHAN MAKLUMAT KEWANGAN TENTANG SEKTOR AM KERAJAAN**

##### **Umum:**

- (a) Adakah MAIN anda memiliki/mengawal apa-apa syarikat kewangan awam setempat (contoh: bank dan institusi kewangan)?
- (b) Jika soalan 2 adalah Ya, adakah syarikat kewangan awam tersebut berkaitan wakaf/zakat/baitulmal?
- (c) Adakah MAIN anda memiliki/mengawal apa-apa syarikat bukan kewangan awam setempat (contoh: menyediakan perkhidmatan dan barang)?

- (d) Jika soalan 3 adalah Ya, adakah syarikat bukan kewangan awam tersebut berkaitan wakaf/zakat/baitulmal?

**Pendedahan:**

Pada tahun 2017, Adakah MAIN anda mendedahkan apa-apa maklumat yang berkaitan syarikat kewangan dan bukan kewangan yang dikawal/dimiliki dan dimanakah maklumat tersebut didedahkan?

Pendedahan yang perlu dibuat berkenaan dengan sektor kerajaan secara umum (iaitu berkaitan dengan syarikat kewangan dan bukan kewangan yang dikawal/dimiliki oleh MAIN anda) (Ada/Tiada):

- (a) Aset mengikut kelas utama, yang menunjukkan pelaburan secara berasingan dalam sektor lain;
- (b) Liabiliti mengikut kelas utama;
- (c) Aset bersih/ekuiti;
- (d) Jumlah kenaikan dan pengurangan daripada penilaian semula dan lain-lain butiran hasil dan perbelanjaan yang diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti.
- (e) Hasil mengikut kelas utama;
- (f) Perbelanjaan mengikut kelas utama;
- (g) Lebihan atau defisit;
- (h) Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti operasi mengikut kelas utama;
- (i) Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pelaburan; dan
- (j) Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti kewangan/pembiayaan.

**MPSAS 24 PEMBENTANGAN MAKLUMAT BAJET DALAM PENYATA KEWANGAN**

- (a) Apakah peruntukan undang-undang (perlembagaan, akta, ordinan, peraturan) yang terpakai dalam penyediaan bajet MAIN anda?
- (b) Adakah bajet MAIN anda disediakan mengikut kumpulan wang zakat, wakaf dan baitulmal?
- (c) Adakah MAIN anda membentangkan perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar?

- (d) Adakah bajet dan penyata kewangan MAIN anda disediakan pada asas boleh banding (asas perakaunan, klasifikasi/tempoh/format)?
- (e) Jika asas penyediaan bajet dan penyata kewangan MAIN anda disediakan pada asas tidak boleh banding, adakah penyesuaian telah dilakukan?
- (f) Bagaimana perbandingan tersebut didedahkan (sebagai penyata kewangan tambahan yang berasingan atau lajur bajet tambahan dalam penyata kewangan semasa yang dibentangkan mengikut MPSAS)?
- (g) Adakah terdapat nota pendedahan/dokumen-dokumen lain/jadual/rajah yang menerangkan tentang perbezaan material antara amaun bajet dengan amaun sebenar?
- (h) Adakah butiran-butiran bajet tentang kumpulan wang, aktiviti dan program diagregatkan/diperincikan?
- (i) Adakah bajet MAIN anda disediakan secara disatukan/diasingkan dengan entiti yang dimiliki/dikawal?
- (j) Adakah bajet MAIN anda diluluskan dan didedahkan kepada awam secara berbilang tahun (dwi-tahunan) atau tahunan?

#### **MPSAS 34 PENYATA KEWANGAN BERASINGAN**

- (a) Adakah terdapat penyata kewangan berasingan disediakan oleh pihak MAIN?
- (b) Adakah MAIN mempunyai anak syarikat dan syarikat bersekutu?
- (c) Boleh terangkan operasi untuk setiap anak syarikat dan syarikat bersekutu?
- (d) Apakah maklumat berkaitan anak syarikat dan syarikat bersekutu yang didedahkan di dalam penyata kewangan berasingan?

#### **MPSAS 38 PENDEDAHAN KEPENTINGAN DALAM ENTITI LAIN**

- (a) Adakah MAIN anda mempunyai kepentingannya dalam:
  1. Entiti dikawal,
  2. Entiti dikawal yang tidak disatukan,
  3. Perjanjian bersama (operasi bersama atau usaha sama)
  4. Syarikat bersekutu,
  5. Entiti berstruktur yang tidak disatukan.
- (b) Adakah kepentingan dalam entiti/perjanjian tersebut didedahkan?

- (c) Dimanakah kepentingan tersebut didedahkan (penyata kewangan/nota)?
- (d) Adakah kepentingan dalam entiti-entiti tersebut berbentuk kuantitatif atau kualitatif (peruntukan undang-undang)?
- (e) Adakah kepentingan dalam entiti-entiti tersebut berkaitan kumpulan wang zakat/wakaf/baitulmal?
- (f) Apakah maklumat-maklumat lain (bantuan kewangan/batasan/risiko/pelupusan kepentingan) yang didedahkan berkaitan dengan entiti-entiti tersebut?

### **MPSAS 35 PENYATA KEWANGAN DISATUKAN**

- (a) Adakah MAIN mempunyai syarikat subsidiari?
- (b) Jika ya:
  - (i) Bagaimakah kawalan MAIN ke atas syarikat subsidiari ditentukan?
  - (ii) Bagaimakah kuasa MAIN ke atas syarikat subsidiari ditentukan?
  - (iii) Apakah faedah yang diterima MAIN daripada pemilikan syarikat subsidiari?
- (c) Bagaimakah MAIN mengiktiraf pelaburan dalam syarikat subsidiari?
- (d) Apakah prosedur penyatuhan yang digunakan dalam penyediakan penyata kewangan disatukan?
- (e) Adakah syarikat subsidiari mennguna pakai polisi perakaunan yang sama dengan MAIN? Jika tidak, bagaimana perbezaan ini diurus ketika penyediaan penyata kewangan disatukan?
- (f) Apakah item-item yang didedahkan di dalam laporan kewangan tahunan MAIN?

### **MPSAS 37 PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU DAN MPSAS 38 USAHASAMA DAN PENGATURAN BERSAMA**

- (a) Adakah MAIN mempunyai pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama?
- (b) Bagaimakah MAIN mengiktiraf pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama ini?
- (c) Apakah kaedah pengukuran yang digunakan dalam mengiktiraf pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama ini?
- (d) Bagaimakah item pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama ini didedahkan di dalam laporan kewangan tahunan MAIN?

### **MPSAS 38 USAHASAMA DAN PENGATURAN BERSAMA**

- (a) Adakah MAIN mempunyai pengaturan bersama?
- (b) Jika ya, apakah jenis pengaturan bersama yang telah dilakukan?
- (c) Bagaimanakah pengendali bersama mengiktiraf berkaitan kepentingannya dalam aset, liabiliti, perbelanjaan dan hasil daripada operasi bersama tersebut?
- (d) Bagaimanakah item pengaturan bersama ini didedahkan di dalam laporan kewangan tahunan MAIN?